





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI JOHOR TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	ii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	v
<b>BAHAGIAN I: AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI</b>	
Pendahuluan	1
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor Pengurusan Projek Saliran Bandar	1
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor Pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan	64
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor, Pejabat Tanah Johor Bahru Dan Pejabat Tanah Batu Pahat Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer	123
Yayasan Warisan Negeri Johor Pengurusan Bahan Artifak	170
Majlis Perbandaran Kulai Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan	204
<b>BAHAGIAN II: PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	250
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006	250
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan	257
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor	258
<b>PENUTUP</b>	259

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2007 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 7 buah Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, Pejabat Tanah Johor Bahru, Pejabat Tanah Batu Pahat, Yayasan Warisan Negeri Johor dan Majlis Perbandaran Kulai. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Projek Saliran Bandar, Pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan, Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, Pengurusan Bahan Artifak dan Pengurusan Pelesenan dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan. Pengauditan terhadap program/aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, program/aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor bagi tempoh pengauditan tahun 2005 hingga 2007 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2006 seperti kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauan sesuatu aktiviti atau projek masih berlaku bagi 5 aktiviti dan projek yang dilaporkan pada tahun ini. Di peringkat pelaksanaan kelemahan yang ditemui adalah seperti sasaran aktiviti tidak tercapai, ketidakpatuhan kepada peraturan, kerja penyenggaraan dan perkhidmatan sokongan yang tidak memuaskan. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam, menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam dan sekiranya tidak ditangani matlamat Pelan Integriti Nasional sukar dicapai.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2006 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Usaha ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negeri yang mampu membantu pembangunan dan keselesaan hidup rakyat. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:

- a) ***DUE DILIGENCE*** – Kakitangan Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional (*due diligence*) untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
- b) ***ACHIEVEMENT*** – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
- c) ***MONITORING*** – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
- d) ***ATTITUDE*** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
- e) ***INTEREST*** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

20 Jun 2008

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I – AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

#### **1. Jabatan Pengairan Dan Saliran Bandar: Pengurusan Projek Saliran Bandar**

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor (JPS) telah mewujudkan Bahagian Saliran Bandar yang bertanggungjawab untuk menyediakan kajian Pelan Induk Saliran Bandar, merancang, mereka bentuk, melaksana dan mengurus kerja-kerja perparitan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan bandar. Pada tahun 2005 hingga 2007, JPS telah menerima peruntukan berjumlah RM27.3 juta bagi melaksanakan Projek Saliran Bandar. JPS telah menyediakan perancangan yang baik bagi melaksanakan Projek Saliran Bandar. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaan. Konsep MASMA tidak diguna pakai secara menyeluruh di dalam melaksanakan Projek Saliran Bandar. JPS juga gagal memantau kualiti bahan binaan dan mutu kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Masalah seperti kesesuaian penggunaan *geoprotect*, *bottle neck* dan keselamatan di tapak bina tidak diberi perhatian sewajarnya. JPS tidak menyediakan peruntukan dan jadual penyenggaran secara berkala bagi kerja-kerja penyenggaraan. Kakitangan yang menjalankan kerja-kerja pemantauan terhadap Projek Saliran Bandar juga dikehendaki memantau projek-projek lain menyebabkan Projek Saliran Bandar tidak dapat dipantau dengan lebih berkesan. JPS perlu membuat pertambahan jawatan di peringkat daerah bagi memastikan projek yang diserahkan kepada kontraktor dapat dipantau dengan lebih teliti dan latihan mencukupi hendaklah diberi kepada semua kakitangan. JPS hendaklah memastikan segala dokumen yang berkaitan dengan pemantauan kerja disediakan dan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **2. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor: Pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan**

Jabatan telah melaksanakan Skim Pinjaman Tanpa Faedah (PINTAF) bagi pembangunan industri lembu pedaging dan kambing pedaging serta Projek Padang Ragut untuk aktiviti peningkatan pengeluaran makanan ternakan. Pemilihan peserta bagi program ini telah dibuat dengan sewajarnya. Bantuan dalam bentuk ternakan, infrastruktur, peralatan dan benih rumput juga telah diberikan kepada peserta dengan sempurna. Pengukuran prestasi program adalah berdasarkan rekod bagi tahun 2005 hingga 2007 dan juga tahun sebelumnya. Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM6.64 juta untuk Skim PINTAF dan RM1.75 juta untuk pembangunan Projek Padang Ragut bagi tempoh 2005 hingga 2007. Pada keseluruhannya pelaksanaan bagi Skim PINTAF adalah kurang memuaskan dari aspek kelemahan perjanjian, pemulangan anak

ternakan, serahan anak tidak mengikut spesifikasi dan pengembangan ternakan. Akibatnya, jumlah ternakan yang sepatutnya boleh diagih untuk Skim PINTAF semula adalah kurang. Jabatan tidak dapat mengetahui jumlah pengembangan ternakan dan jumlah pendapatan penternak yang menyertai Skim PINTAF. Manakala pelaksanaan Projek Padang Ragut juga kurang memuaskan dari aspek pembangunan kawasan, tempoh proses permohonan dan penguatkuasaan perjanjian. Akibatnya, kemudahan yang telah disediakan tidak digunakan dan menyekat peluang bagi penternak lain.

### **3. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor, Pejabat Tanah Johor Bahru dan Pejabat Tanah Batu Pahat: Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer**

Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan kaedah pendaftaran hak milik dan urus niaga tanah supaya urusan pendaftarannya lebih berkesan tanpa mengabaikan elemen keselamatan data hak milik. Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar adalah dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan pembangunan sistem maklumat tanah bersama agensi pelaksana di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor (PTG) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) adalah pelaksana di peringkat negeri Johor. SPTB ini diberi secara *turnkey* kepada Syarikat Imatera Digital Image Services Sdn. Bhd. Syarikat dipertanggungjawabkan untuk membangun dan melaksanakan SPTB di PTG dan seluruh PTD Negeri Johor. Kementerian telah menyediakan perancangan yang baik untuk melaksanakan SPTB di PTG dan PTD. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaan di mana pihak syarikat tidak dapat memindahkan keseluruhan data hak milik manual kepada hak milik berkomputer kerana masih terdapat 2,461 hak milik belum disempurnakan. Pihak PTG dan PTD kurang penelitian semasa menyemak data pemindahan hak milik manual kepada hak milik berkomputer yang dilaksanakan oleh syarikat di mana terdapat kesilapan seperti tarikh daftar tidak dicatatkan dengan betul dan keluasan tanah tidak dinyatakan. Pemindahan data hak milik dari sistem manual kepada SPTB adalah tidak memuaskan kerana berlaku kesilapan kemasukan maklumat dalam SPTB yang menjaskan integriti. Kawalan persekitaran yang lain juga kurang memuaskan di mana rekod stok kertas keselamatan yang diselenggarakan tidak lengkap kerana rekod penerimaan tidak dicatatkan dan ditulis dengan teratur mengikut siri. Surat cara dan draf surat cara belum dijilid dan disimpan di tempat yang selamat supaya surat berkenaan tidak hilang.

### **4. Yayasan Warisan Negeri Johor: Pengurusan Bahan Artifak**

Pengurusan bahan artifak Yayasan Warisan Negeri (Yayasan) telah dipertanggungjawabkan kepada Muzium Kota Tinggi (Muzium). Yayasan memiliki 1,459 unit bahan artifak yang terdiri daripada 11 jenis bahan artifak yang bernilai RM2.27 juta. Antara jenis bahan artifak yang dimiliki ialah senjata dan peralatan peperangan, alat-alat perusahaan, mata wang, alat muzik dan perhiasan diri. Yayasan telah menerima peruntukan sejumlah RM30.6 juta daripada Kerajaan Negeri untuk pengurusan Bahan

Artifak bagi tempoh 2005 hingga 2007. Yayasan juga menerima sumbangan terus daripada Kerajaan Persekutuan melalui KeKKWa mulai tahun 2005. Yayasan telah membeli 280 unit bahan artifak bernilai RM659,435 bagi tempoh 2005 hingga 2007. Proses pembelian bahan artifak dinilai dari segi harga, keaslian dan kesesuaian pembelian. Penilaian bahan artifak dilakukan oleh Kurator dan Penolong Kurator di peringkat Ibu Pejabat sebelum diluluskan oleh Pengarah. Secara keseluruhannya, pengurusan bahan artifak oleh Yayasan adalah baik kecuali Yayasan tidak dapat melaksanakan pembelian berdasarkan perancangan pembelian yang ditetapkan bagi tahun 2005 dan 2007 dan tidak dapat melaksanakan 8 aktiviti gali cari seperti yang dirancang. Selain itu, rekod bahan artifak oleh Yayasan adalah tidak lengkap dan terdapat bahan artifak berharga yang tidak didaftarkan.

## **5. Majlis Perbandaran Kulai: Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan**

Salah satu fungsi utama Majlis Perbandaran Kulai (Majlis) adalah untuk mengurus tadbir pelesenan dan penguatkuasaan bagi setiap jenis premis perniagaan yang dijalankan di seluruh kawasan pentadbiran Majlis. Majlis perlu menguruskan pelesenan dan penguatkuasaan berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan undang-undang kecil yang diwujudkan dengan matlamat untuk memastikan peniaga mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Majlis telah menyediakan perancangan yang jelas dan teratur untuk menjalankan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan premis perniagaan. Bagaimanapun aktiviti pelaksanaan secara keseluruhan adalah tidak memuaskan. Permohonan bagi 43 dari 50 lesen perniagaan baru yang sensitif telah diproses untuk kelulusan antara tempoh 91 hari hingga 361 hari dan terdapat satu permohonan telah mencapai tempoh 645 hari. Notis membarui lesen perniagaan dan papan iklan yang tamat tempoh pada akhir setiap tahun tidak dikeluarkan. Peniaga yang tidak membaharui lesen menunjukkan peningkatan dan nilai lesen yang tidak dibaharui untuk tempoh 2005 hingga 2007 adalah berjumlah RM2.67 juta. Seterusnya lawatan Audit ke 45 premis perniagaan mendapati bilangan pemilik premis yang melanggar peraturan kebersihan, alam sekitar dan melakukan kacau ganggu masih tinggi. Di kalangan premis tersebut didapati 20 premis yang sedang beroperasi atau 44.4% tidak mempunyai lesen perniagaan. Manakala 33 atau 67.3% daripada 49 papan iklan yang dipasang tidak mempunyai lesen papan iklan. Keperluan untuk menjalankan tugas rondaan dan pemeriksaan premis tidak dijalankan sendiri oleh Jabatan Pelesenan dan Kesihatan tetapi telah dilaksanakan oleh anggota dari Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan yang tidak terhad kepada undang-undang dan peraturan pelesenan sahaja. Strategi jangka pendek yang tidak dapat dilaksanakan pihak Majlis ialah tidak mengambil tindakan Mahkamah terhadap kes-kes pelanggaran undang-undang. Selain itu, perolehan sistem komputer (SPEKHA) berharga RM606,669 tidak diteruskan penggunaannya kerana sistem yang dibekalkan tidak berkesan dalam membantu keupayaan Majlis untuk memproses pengeluaran dan pengawasan lesen perniagaan.

## **BAHAGIAN I**

### **AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

#### **1. PENDAHULUAN**

Seksyen 6 (d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program atau aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memilih beberapa program dan aktiviti untuk dikaji secara mendalam seperti berikut:

- a)** Pengurusan Projek Saliran Bandar, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor.
- b)** Pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor.
- c)** Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor, Pejabat Tanah Johor Bahru dan Pejabat Tanah Batu Pahat.
- d)** Pengurusan Bahan Artifak, Yayasan Warisan Negeri Johor.
- e)** Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Bagi Premis Perniagaan, Majlis Perbandaran Kulai.

#### **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR**

#### **PENGURUSAN PROJEK SALIRAN BANDAR**

#### **2. LATAR BELAKANG**

**2.1** Jabatan Pengairan dan Saliran telah ditubuhkan pada tahun 1932 yang dikenali sebagai Jabatan Parit dan Talair (JPT). Pada tahun 1989, JPT telah menjalani transformasi dan menggunakan nama baru iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) yang mempunyai wawasan, misi dan hala tuju yang baru. JPS Negeri Johor mempunyai wawasan untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia menjelang tahun 2010. Perkhidmatan yang disediakan adalah meliputi pembangunan dan pengurusan pengairan, saliran, sungai, zon pantai, hidrologi dan sumber air sebagai sumbangan kepada sektor pertanian, peningkatan kualiti hidup dan pemuliharaan alam sekitar.

**2.2** Selepas berlakunya banjir besar terutama di kawasan lembah Sungai Johor dan Sungai Muar pada tahun 1971, JPS telah diberi tanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau Program Tebatan Banjir bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan bandar dan juga luar bandar. Justeru, JPS telah mewujudkan Bahagian Saliran Bandar. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyediakan kajian Pelan Induk Saliran Bandar, merancang, mereka bentuk, melaksana dan mengurus kerja-kerja perparitan bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan bandar. Pada tahun 2001, JPS telah

memperkenalkan dan seterusnya menguatkuasakan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) dalam projek-projek pembangunannya.

**2.3 Projek Saliran Bandar** merupakan salah satu projek pembangunan yang dilaksanakan oleh JPS setiap tahun. Objektif utama projek adalah untuk membina kemudahan infrastruktur saliran berdasarkan reka bentuk yang dicadangkan oleh Juru Perunding bagi mengatasi masalah banjir di kawasan bandar. Sebahagian besar peruntukan pembangunan yang diterima oleh JPS setiap tahun adalah untuk Projek Saliran Bandar. Bagi tempoh 2005 hingga 2007, JPS telah menerima peruntukan berjumlah RM27.27 juta iaitu RM10 juta pada tahun 2005, RM8.77 juta pada tahun 2006 dan RM8.50 juta pada tahun 2007.

### **3. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Projek Saliran Bandar telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **4. SKOP PENGAUDITAN**

Skop pengauditan Projek Saliran Bandar yang dilaksanakan JPS Negeri Johor meliputi kawasan Bandar Senai, Kota Tinggi, Pontian, Batu Pahat, Tangkak, Segamat dan Mersing. Pengauditan adalah meliputi projek-projek yang dilaksanakan bagi tempoh 2005 hingga 2007 dan di mana perlu semakan juga dibuat bagi tahun-tahun terdahulu. Senarai projek yang dipilih untuk dilawati adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Senarai Projek Saliran Bandar Yang Dipilih Untuk Lawatan Audit**

Bil.	Nama Projek	Bandar	Kos Projek (RM Juta)
1.	Tembok Penahan Hakisan Tebing Di Cabang Sungai Skudai, Taman Aman	Senai	0.59
2.	Projek Tebatan Banjir, Kg. Bt. 25 (Fasa1), Sg. Tembihoh	Kota Tinggi	1.75
3.	Membina Dan Menyiapkan Tembok Penahan Hakisan Tebing, Pt. Semerah	Pontian	0.80
4.	Membina Dan Menyiapkan Saliran Utama Di Pt. Besar (Pakej 1)	Batu Pahat	1.00
5.	Menggali Dan Membina Parit Konkrit Sungai Padang Lerek	Tangkak	3.93
6.	Menyiapkan Sistem Saliran Utama Bandar Segamat Pt-02-04	Segamat	1.43
7.	Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Utama SLB Dan LB 3/2 Sg. Lengan Baju Dan LB 1, Taman Mersing	Mersing	1.10
8.	Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Utama LB 3 Anak Sg. Lengan Baju	Mersing	0.96

Sumber: JPS Negeri Johor

## **5. KAE DAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data serta maklumat yang terkandung dalam Pelan Induk Saliran, dokumen kontrak, fail projek, buku harian tapak, laporan kemajuan kerja, laporan ujian bahan, minit mesyuarat, rekod kewangan dan rekod-rekod lain yang berkaitan dengan Projek Saliran Bandar. Selain itu, pihak Audit juga telah mengadakan lawatan ke tapak projek bagi menilai kerja-kerja yang telah atau sedang dijalankan. Temu bual juga dibuat dengan pegawai JPS dan orang awam di sekitar projek bagi mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan projek berkenaan.

## **6. PENEMUAN AUDIT**

### **6.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang lengkap dan rapi merupakan komponen penting bagi menentukan sesuatu program dapat dilaksanakan dengan lancar untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Aspek-aspek perancangan yang dinilai adalah meliputi perkara berikut:

#### **6.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk menyediakan satu sistem saliran yang bersepadu, sempurna dan mencukupi bagi mengatasi masalah banjir dan takungan air di kawasan bandar. Kerajaan Negeri Johor memberi tanggungjawab kepada JPS untuk merancang, melaksana dan memantau pembinaan Projek Saliran Bandar. Selepas projek disiapkan, JPS akan menyerahkan projek berkenaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kerja-kerja penyenggaraan.

#### **6.1.2 Undang-undang**

JPS menggunakan akta dan undang-undang berkaitan bagi memastikan pengurusan Projek Saliran Bandar adalah berkesan. Akta dan undang-undang yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

##### **a) Akta Kerja Saliran 1954 (Akta 354)**

Akta ini adalah berkaitan dengan kerja saliran yang diterima oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Menurut Seksyen 2 Akta Kerja Saliran 1954, kerja saliran adalah pembinaan dan penyenggaraan parit dan aliran air, menambak, membetung, sluis, pintu air laluan masuk kawasan rizab saliran dan kerja lain. Akta ini memberi kuasa kepada JPS untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang melakukan pencerobohan terhadap rizab saliran.

##### **b) Akta Parit, Jalan Dan Bangunan 1974**

Akta ini adalah berkaitan dengan jalan, parit dan bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia. Bahagian III, Akta tersebut

menyatakan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan pembinaan dan penyenggaraan parit dan alur air.

**c) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960**

Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 mula berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia sejak bulan Oktober 1960. Ia merupakan panduan utama bagi menentukan kaedah dalam urusan pengambilan tanah terhadap semua permohonan. Akta ini menggariskan dengan jelas kaedah dalam urusan pengambilan tanah dari proses permulaan hingga proses selesai. Akta ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil tanah milik yang diperlukan untuk sesuatu maksud awam.

**d) Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)**

Satu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang mengenai tanah, urus niaga tanah dan pungutan hasil tanah. Seksyen 62, Kanun Tanah Negara menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan pemberitahuan dalam Warta merizabkan mana-mana tanah Kerajaan untuk tujuan kegunaan awam. Pemberitahuan tersebut perlu menerangkan tujuan merizabkan tanah dan melantik pegawai yang mengawal tanah rizab tersebut. Rizab sungai bertindak sebagai penampang di antara sungai dan tanah yang bersebelahan dengannya bagi melindungi sungai dari aktiviti yang tidak diingini yang boleh menjelaskan fungsi sungai tersebut.

**e) Akta Kontrak Kerajaan 1949**

Akta yang disemak semula tahun 1973 ini menetapkan tatacara penyediaan kontrak bagi pihak Kerajaan dan segala perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini menetapkan semua kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri hendaklah ditandatangani oleh Menteri Besar atau lain-lain pegawai awam yang diberi kuasa.

### **6.1.3 Peraturan Dan Garis Panduan**

**a) Peraturan Berkaitan**

JPS menggunakan pakai Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang berkaitan, dalam menguruskan Projek Saliran Bandar. Peraturan yang berkaitan adalah seperti berikut:

**i) Arahan Perbendaharaan**

Menteri Kewangan telah membuat ketetapan mengenai kaedah perolehan dan kerja dengan mengeluarkan Arahan Perbendaharaan. Prosedur mengenai perolehan kerja dinyatakan dengan jelas di Arahan Perbendaharaan 166 hingga 300.

**ii) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007**

Pegawai Penguasa hendaklah memastikan bahawa kerja tersebut mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan tambahan. Kelulusan ke atas kerja tersebut hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada jawatankuasa/pihak berkuasa yang berkenaan sebelum arahan perubahan kerja dikeluarkan.

**iii) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1995**

**(Tambah SPP Bil. 8 Tahun 2006 Dan SPP Bil. 8 Tahun 2007)**

Surat Pekeliling ini adalah mengenai perolehan perkhidmatan perunding bagi melaksanakan projek/kajian yang dibiayai daripada peruntukan Kumpulan Wang Kerajaan serta had kuasa melantik dan meluluskan kos perkhidmatan perunding.

**iv) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995**

**(Tambah SPP Bil. 2 Tahun 2001 Dan SPP Bil. 2 Tahun 1999)**

Surat Pekeliling ini adalah mengenai tatacara penyediaan, penilaian dan penerimaan tender bagi perolehan kerajaan di semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun dan had nilai perolehan, kuasa dan tanggung jawab Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut Harga.

**b) Garis Panduan Berkaitan Saliran Bandar**

JPS menggunakan garis panduan berkaitan dengan saliran dalam menjalankan pengurusan Projek Saliran Bandar. Garis panduan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

**i) Manual Saliran Mesra Alam Malaysia**

JPS memperkenalkan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MASMA) pada awal bulan Januari 2001. MASMA merupakan garis panduan kepada perancang, pengawal selia dan pereka bentuk yang terlibat dalam pengurusan saliran dengan memberi penekanan yang lebih kepada konsep mengekalkan alam semula jadi yang bersih, sistem perparitan yang lebih baik dan tersusun. Penggunaan MASMA mula dikuatkuasakan di seluruh Negeri Johor setelah Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (EXCO) memutuskan untuk dikuatkuasakan mulai awal bulan April 2001.

Manual lama yang digunakan oleh JPS iaitu *Urban Drainage Standard And Procedures For Peninsular Malaysia, 1975* (UDDS) lebih menekankan kepada kaedah *rapid disposal*. Kaedah ini menekankan kepada segala pertambahan air larian permukaan akan disalirkan dengan cepat ke laut atau sungai melalui rangkaian saliran keluar sedia ada. Ini menyebabkan sesetengah sungai tidak dapat menampung pertambahan air larian dan akhirnya melimpah ke tebing sungai yang menyebabkan berlaku banjir kilat. Selain itu, halangan-halangan

seperti sampah sarap, mendapan tanah, saluran pembetung yang tersumbat dan sebagainya menyebabkan aliran air tidak mengalir dengan lancar.

MASMA pula menekankan kepada konsep “Kawalan Di Punca” iaitu segala tambahan air larian permukaan akan ditakung dalam kawasan pembangunannya terlebih dahulu sebelum disalirkan ke laut atau sungai. Tujuannya bagi mengelakkan berlakunya peningkatan kapasiti air larian secara mendadak dalam saliran sedia ada yang boleh menyumbang kepada banjir kilat. Oleh itu, kawasan takungan air hendaklah dibina di kawasan yang dikenal pasti bagi memastikan air larian dapat ditakung terlebih dahulu sebelum air berkenaan disalirkan ke laut atau sungai. Selain itu, pendekatan pelaksanaan MASMA juga menekankan kepada aspek mengekalkan alam semula jadi iaitu dengan tidak mengubah struktur asal sungai tanpa menggunakan konkrit atau *premix* supaya air dapat diserap oleh tanah secara semula jadi.

#### **ii) Manual Prosedur Kerja**

JPS ada menyediakan Manual Prosedur Kerja (MPK) sebagai garis panduan kepada Bahagian Saliran Bandar untuk melaksanakan aktivitinya. Manual yang disediakan mengandungi latar belakang, objektif, carta organisasi, fungsi utama, aktiviti, proses, carta aliran kerja dan borang-borang yang digunakan.

#### **6.1.4 Pelan Induk Saliran Bandar**

JPS melantik Juru Perunding untuk melaksanakan kajian terhadap sistem saliran di setiap bandar utama kerana sistem sedia ada didapati tidak lagi mampu menampung peningkatan kapasiti air larian permukaan dan sering berlaku banjir kilat. Hasil kajian akan dimuatkan dalam Pelan Induk Saliran Bandar dan JPS menggunakan pelan ini sebagai panduan dan rujukan untuk merancang dan membangunkan projek saliran di kawasan bandar yang berkenaan. Antara perkara penting yang dimuatkan di dalam Pelan Induk Saliran adalah seperti berikut:

##### **a) Tempoh Kajian Pelan Induk**

Objektif utama Kajian Pelan Induk adalah untuk merangka satu Pelan Induk Saliran Bandar secara menyeluruh bagi mengatasi masalah banjir kilat. Kajian ini diharapkan akan menemui satu penyelesaian jangka panjang kepada masalah saliran serta bagi menentukan strategi saliran bagi menyokong pembangunan di kawasan bandar. Reka bentuk saliran yang dicadangkan hendaklah mengambil kira unjuran pembangunan masa depan bagi tempoh 15 tahun dari tarikh kajian dijalankan.

##### **b) Kriteria Pemilihan Kawasan**

Asas pemilihan lokasi projek adalah kawasan bandar yang sering dilanda banjir kilat. Maklumat mengenai banjir kilat diperoleh daripada Unit Hidrologi, Pejabat

Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara punca utama banjir kilat yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i) Pertambahan kadar air larian permukaan akibat daripada pembangunan yang pesat di kawasan berkenaan.
- ii) Alur sungai dan longkang yang terhalang akibat terlalu sempit atau tidak diselenggarakan.
- iii) Reka bentuk longkang dan pembetung yang tidak bersesuaian.
- iv) Sungai menjadi cetek akibat pemendapan kelodak tanah dan pasir kerana hakisan tanah.

Pelan Induk Saliran Bandar menyenaraikan kawasan yang dikenal pasti sering dilanda banjir kilat bagi semua bandar dan mencadangkan supaya Projek Saliran Bandar dibina di kawasan berkenaan bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku. Maklumat kawasan yang sering dilanda banjir kilat adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kawasan Yang Sering Dilanda Banjir Kilat**

Bil.	Bandar	Kawasan Banjir
1.	Johor Bahru	Kg. Ubi, Kg. Damai Jaya (GP Batteries) Jalan Tampoi/Jalan Kempas, Depan Taman Orkid, Jalan Sri Pelangi, Jalan Ulu Air Molek, Jalan Stulang Darat, Kg. Mohd Amin, Mount Austin, Jalan Yahya Awal (TNB), KOMTAR, KTM, Kangkar Tebrau, Jalan Tampoi ke Ungku Mohsin, Kg. Sri Serdang dan Kampung Melayu.
2.	Senai	Sg. Senai, Anak Sungai Senai, Anak Sungai Skudai – Kg. Jaya Sepakat.
3.	Pontian	Jalan Parit Mesjid, Parit Semerah dan Parit Sekolah Arab.
4.	Pekan Nanas	Parit Pasir, Sg. Jeram Batu dan Sg. Jeram Choh.
5.	Simpang Renggam	Parit Yassin, Sg. Berumbong, Parit Chokro dan Sg. Benut.
6.	Kluang	Sg. Mengkibol, Sg. Sembrong Kecil, Kg. Yap Tau Sah, Kg. Melayu, Kg. Bentong dan Kg. Paya.
7.	Ayer Hitam	Parit Khalil, TNB <i>sub-station</i> of Jalan Yong Peng, Jalan Batu Pahat (berdekatan Pejabat Pos), Kg. Baru, Jalan Yong Peng – Kg. Jawa.
8.	Parit Raja	Bandar Parit Raja, Kg. Parit Londang dan Kg. Jambol.
9.	Parit Sulong	Parit Sulung, Parit Tegak, Kg. Dalan, Kg. Baru dan Parit Jidden.
10.	Yong Peng	Sungai Bekok, Sungai Temehel, Taman Sri Jelita dan Taman Ria/Taman Bayu.
11.	Tangkak	Parit Tanjung Labuh, Sg. Tangkak (Jalan Paya Mas dan Jalan Panggung) dan Parit Padang Lerek.
12.	Labis	Kg. Gatom, Jalan Muar, Bandar Labis dan Jalan Besar Labis/ Segamat.
13.	Segamat	Sg. Segamat dan Sg. Chodan.
14.	Kota Tinggi	Sg. Bang, Sg. Kemang, Sg. Kelantan, Sg. Pemandi, Sg. Tembioh dan Bandar Kota Tinggi.
15.	Mersing	Pengkalan Batu, Jalan Temenggong, Mersing Kecil, Sekolah Kebangsaan dan sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Taman Guru, Sg. Mersing (Sg. Air Merah, Sg. Muka Dua dan Sg. Lengan Baju).

Sumber: Pelan Induk Saliran Bandar (JPS)

### c) Projek Yang Dicadangkan Dan Anggaran Kos

Juru Perunding telah mengenal pasti 98 projek saliran yang perlu dilaksanakan oleh JPS bagi mengatasi masalah banjir di 15 buah bandar di Negeri Johor. Anggaran kos bagi melaksanakan semua projek yang dicadangkan adalah berjumlah RM831.77 juta. Butiran lanjut mengenai bilangan projek dan anggaran kos projek adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Cadangan Projek Dalam Pelan Induk**

Pelan Induk Saliran		Cadangan Projek	
Tahun Siap	Bandar	Bil. Kawasan	Kos Projek (RM Juta)
1999	Kota Tinggi	7	26.81
	Segamat	13	83.62
	Pontian	5	23.10
	Kluang	7	332.82
2000	Mersing	8	63.67
2001	Johor Bahru	16	133.23
2005	Senai	5	19.70
	Simpang Renggam	3	23.90
	Air Hitam	8	18.58
	Yong Peng	4	21.98
	Tangkak	3	25.50
	Labis	7	10.50
2007	Parit Sulong	6	13.13
	Pekan Nenas	2	5.13
	Parit Raja	4	30.10
<b>Jumlah</b>		<b>98</b>	<b>831.77</b>

*Sumber: Pelan Induk Saliran Bandar(JPS)*

#### 6.1.5 Kaedah Pelaksanaan Projek


JPS melaksanakan Projek Saliran Bandar berdasarkan Pelan Induk Saliran Bandar yang disediakan oleh Juru Perunding. Pemilihan projek akan mengikut keutamaan berdasarkan peruntukan kewangan, kawasan yang sering dilanda banjir dan permohonan orang awam. Sistem pelawaan tender akan digunakan untuk pemilihan kontraktor dan kelulusan akan diperoleh daripada Lembaga Tawaran Negeri. Bagi tapak projek yang melibatkan tanah milik, permohonan pengambilan balik tanah akan dikemukakan ke Pejabat Tanah Dan Galian Negeri untuk tindakan selanjutnya. JPS Daerah pula dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan kerja-kerja pembinaan bagi memastikan semua syarat dan piawaian yang ditetapkan di dalam kontrak telah dipatuhi.

#### a) Pelantikan Juru Perunding

Perolehan perkhidmatan Juru Perunding bagi melaksanakan projek akan dibuat mengikut Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan. Sebaik sahaja pelantikan Juru Perunding diluluskan, satu perjanjian hendaklah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan Juru Perunding yang dilantik di mana terma perjanjian perlu menyatakan dengan jelas mengenai skop kerja, kos

perkhidmatan, syarat-syarat bayaran dan butiran yang berkaitan. Carta aliran pelantikan Juru Perunding adalah seperti di **Carta 1**.

**Carta 1**  
**Carta Aliran Pelantikan Juru Perunding**



Sumber: *JPS Negeri Johor*

#### b) Pemilihan Kontraktor


Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan telah menggariskan beberapa peraturan kewangan yang perlu dipatuhi semasa proses pemilihan kontraktor melalui tender. Antara perkara-perkara penting yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- Satu Jawatankuasa Penentuan Teknikal yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 orang pegawai yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan hendaklah dilantik bagi menyediakan penentuan teknikal kerja yang hendak dilaksanakan.

- ii) Bagi projek yang dianggarkan melebihi RM200,000 pelawaan hendaklah dibuat secara tender.
- iii) Semua pelawaan tender hendaklah diberi publisiti meluas dengan mengiklankan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama berbahasa Melayu.
- iv) Urusan pembukaan tender hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Pembuka Tender yang keahliannya terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang pegawai dan salah seorang daripadanya adalah pegawai kumpulan pengurusan dan profesional.
- v) Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah menyediakan Jadual Harga Tender dan mempamerkannya.
- vi) Keahlian Lembaga Tawaran Negeri adalah terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Kewangan Negeri sebagai Pengerusi dengan keahliannya terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri (jika tidak menjadi Pengerusi), Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri dan seorang/dua orang pegawai awam dari jabatan lain yang mempunyai pengetahuan dan pengalamannya boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan.
- vii) Kontraktor hendaklah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta mempunyai rekod kerja lampau yang baik.

Carta aliran proses penilaian tender adalah seperti di **Carta 2**.

**Carta 2**  
**Carta Aliran Proses Penilaian Tender**



Sumber: JPS Negeri Johor

#### **6.1.6 Dokumen Kontrak**

Dokumen kontrak akan disediakan dan ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak bagi menjamin kepentingan Kerajaan Negeri. Perkara-perkara penting yang perlu dimasukkan di dalam dokumen kontrak adalah seperti berikut:

- i) Seksyen 3, Akta Kontrak Kerajaan 1949 yang disemak semula pada tahun 1973 memberi kuasa kepada Menteri Besar untuk menandatangani kontrak atas nama Kerajaan Negeri atau menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menandatangani kontrak bagi pihak kerajaan.
- ii) Dokumen kontrak perlu dikemukakan kepada Penasihat Undang-undang Negeri untuk semakan sebelum ditandatangani.
- iii) Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam tempoh tidak lebih daripada 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima.
- iv) Kontraktor perlu menyerahkan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai kontrak dalam bentuk sama ada Wang Jaminan Pelaksanaan, Jaminan Bank atau Jaminan Insurans.
- v) Kontraktor dikehendaki menyerahkan polisi insurans tanggungan awam, PERKESO dan Pampasan Pekerja.

#### **6.1.7 Sasaran Projek**

Berpandukan kepada cadangan di dalam Pelan Induk Saliran Bandar, JPS mensasarkan projek-projek yang akan dilaksanakan mengikut peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Senarai projek yang disasarkan oleh JPS bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Bilangan Projek Yang Disasarkan**  
**Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Tahun	Bilangan Projek
2005	10
2006	11
2007	9
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>

Sumber: JPS Negeri Johor

#### **6.1.8 Rancangan Penyenggaraan**

Penyenggaraan terhadap sistem saliran perlu dibuat secara berjadual bagi memastikan saliran sentiasa berada dalam keadaan yang sempurna supaya air larian permukaan dapat disalurkan ke laut atau sungai dengan lancar tanpa halangan. Skop kerja penyenggaraan meliputi kerja memotong rumput dan pokok di rizab saliran, membersihkan sampah sarap dan mendapan kelodak atau tanah serta membaik pulih kerosakan kecil pada sistem saliran dan landskap.


### 6.1.9 Keperluan Modal Insan

Struktur pengurusan yang jelas, kakitangan serta latihan yang mencukupi adalah faktor penting bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan program yang dirancang.

#### a) Guna Tenaga

Struktur organisasi JPS terdiri daripada 4 bahagian utama iaitu Bahagian Operasi, Bahagian Mekanikal, Bahagian Kejuruteraan Sungai dan Pantai serta Bahagian Pengairan dan Saliran. Unit Saliran Bandar ditempatkan di bawah Bahagian Pengairan dan Saliran bersama-sama Unit Pengairan dan Saliran Pertanian. Projek Saliran Bandar adalah di bawah tanggung jawab Unit Saliran Bandar. Selain itu, terdapat juga Bahagian lain yang terlibat dalam Projek Saliran Bandar. Sementara itu, pemantauan projek akan dilaksanakan oleh pegawai di peringkat JPS daerah. Setiap JPS daerah akan diketuai oleh seorang Jurutera Daerah. Struktur organisasi JPS Negeri Johor adalah seperti di **Carta 3**.

**Carta 3**  
Struktur Organisasi JPS Negeri Johor



Sumber: JPS Negeri Johor

**b) Latihan**

Latihan merupakan aktiviti pembelajaran dan pengajaran bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pegawai berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan. Oleh itu, pihak pengurusan perlu mengenal pasti keperluan latihan di kalangan kakitangannya supaya latihan yang bersesuaian dengan tugas dan jawatan dapat diberikan. Latihan boleh diberi sama ada secara khusus melalui program yang dianjurkan oleh mana-mana pusat latihan atau Unit Latihan yang berkaitan ataupun latihan dalaman yang dianjurkan oleh pihak pengurusan. Pihak Jabatan hendaklah memastikan setiap pegawai dan kakitangannya mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun sebagaimana dikehendaki dalam Pekeliling Perkhidmatan.

JPS akan menghantar kakitangannya berkursus berdasarkan program latihan di 3 institusinya iaitu Institusi Pembangunan Kompetensi, Kuala Lumpur; Institusi Pembangunan Kompetensi, Ipoh dan Institusi Pengurusan Air Negara, Kota Bharu, Kelantan.

**6.1.10 Keperluan Kewangan**

JPS telah memohon peruntukan berjumlah RM29.02 juta pada tahun 2005 hingga 2007 untuk melaksanakan Projek Saliran Bandar. Permohonan peruntukan adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Permohonan Peruntukan Bagi**  
**Projek Saliran Bandar**

Tahun	RM Juta
2005	10.00
2006	9.02
2007	10.00
<b>Jumlah</b>	<b>29.02</b>

Sumber: JPS Negeri Johor

**6.1.11 Kaedah Pemantauan**

Jabatan menetapkan beberapa mekanisme pemantauan terhadap Projek Saliran Bandar. Jurutera Daerah sebagai wakil Pegawai Pengguna dan Pegawai Teknikal di peringkat daerah akan mengawal selia dan memantau pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan mengesahkan tuntutan bayaran kemajuan oleh kontraktor. Antara mekanisme pemantauan yang diwujudkan adalah seperti berikut:

**a) Pemantauan Peringkat Kerajaan Negeri**

Kerajaan Negeri menubuhkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pembangunan Negeri dan Jawatankuasa Pengurusan dan Bencana. Ahli dan fungsi jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

**i) Jawatankuasa Pembangunan Negeri**

Pengarah JPS Negeri adalah merupakan salah seorang ahli dalam Jawatankuasa Pembangunan Negeri selain Pengarah-pengarah Jabatan lain di peringkat Negeri. Jawatankuasa ini berfungsi membincangkan projek-projek pembangunan yang dijalankan di Negeri Johor berkaitan dengan peruntukan kewangan dan kemajuan projek daripada peringkat perancangan sehingga projek selesai.

**ii) Jawatankuasa Pengurusan Dan Bencana Negeri/Daerah**

Pengarah JPS Negeri adalah merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri. Manakala Jurutera Daerah adalah merupakan salah seorang ahli dalam Jawatankuasa Pengurusan dan Bencana Daerah. Fungsi jawatankuasa ini pula adalah mengendalikan bencana di peringkat negeri/daerah, menyelaras keperluan bencana, menyediakan kemudahan dan keperluan kepada mangsa dan petugas, mengkaji dan mengumpul maklumat mengenai potensi dan risiko bencana, menjalankan *post-mortem* dan pelaksanaan tindakan di peringkat negeri/daerah.

**b) Pemantauan Peringkat Jabatan**

Jabatan Pengairan dan Saliran juga mewujudkan mekanisme kawalan di peringkat Jabatan bagi memantau pengurusan Projek Saliran Bandar seperti berikut:

**i) Mesyuarat Tapak**

Mesyuarat tapak hendaklah diadakan untuk memberi peluang kepada kontraktor membentangkan masalah yang dihadapi semasa melaksanakan kerja supaya masalah ini boleh dibincangkan dan diselesaikan dengan segera. Mesyuarat tapak juga memudahkan Pegawai Pengguna memantau kemajuan kerja sebenar berbanding program kerja yang dirancang. Sementara itu, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bilangan 3 Tahun 1991 pula menyatakan mesyuarat tapak bagi kontrak bernilai RM500,000 dan ke atas serta tidak melebihi RM2 juta hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk menyelesaikan masalah tapak. Keanggotaannya terdiri daripada Jurutera, penyelia projek dan kontraktor yang terlibat.

**ii) Laporan Kemajuan Kerja**

Jabatan akan menggunakan Laporan Kemajuan Kerja yang disediakan oleh kontraktor sebagai salah satu kaedah bagi memantau pelaksanaan projek. Mengikut syarat-syarat kontrak, Laporan Kemajuan Kerja hendaklah disedia dan dikemukakan setiap bulan kepada wakil Pegawai Pengguna. Laporan tersebut hendaklah mengandungi maklumat seperti kemajuan kerja dan kuantiti yang terlibat, bilangan pekerja yang dilantik, bahan keperluan, jentera

yang digunakan, rekod cuaca, gambar, keterangan perubahan kerja dan tuntutan bayaran kemajuan serta perkara yang masih belum selesai dan perlu dibincangkan.

### **iii) Buku Harian Tapak**

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bilangan 4 tahun 1988 menyatakan buku harian tapak merupakan dokumen penting yang membantu jabatan/agensi kerajaan semasa membuat penilaian terhadap prestasi kerja kontraktor, menilai kerja tambahan dan penyelesaian masalah pentadbiran kontrak. Menurut pekeliling berkenaan, wakil kontraktor hendaklah menurunkan tandatangan di dalam buku berkenaan setiap hari. Oleh itu, wakil Pegawai Pengguna akan mengadakan pertemuan dengan wakil kontraktor setiap hari dan mencatatkan maklumat penting mengenai keadaan cuaca, bilangan pekerja kontraktor yang ada di tapak pembinaan, mencatatkan arahan kerja yang perlu dipatuhi oleh kontraktor dan sebagainya. Buku Harian Tapak hendaklah sentiasa dikemaskinikan dan akan disemak oleh Pegawai Pengguna atau lain-lain pegawai atasan setiap kali mereka membuat lawatan ke tapak projek.

**Pada pendapat Audit, JPS telah menyediakan perancangan yang baik bagi melaksanakan Projek Saliran Bandar dengan menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar, menetapkan sasaran projek dan menentukan kaedah pelaksanaan serta pemantauan terhadap projek.**

## **6.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan aktiviti pengurusan Projek Saliran Bandar adalah berdasarkan perancangan yang melibatkan perundangan, peraturan dan garis panduan, sasaran projek dan kerja penyenggaraan, kaedah pelaksanaan, keperluan modal insan, keperluan kewangan dan pemantauan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan Projek Saliran Bandar mendapati perkara berikut:

### **6.2.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar Kerajaan Negeri berkaitan Projek Saliran Bandar adalah jelas iaitu untuk menyediakan satu sistem saliran yang bersepadu, sempurna dan mencukupi bagi mengatasi masalah banjir kilat dan takungan air. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek oleh JPS mendapati Projek Saliran Bandar yang dilaksanakan adalah selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri. Projek yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan yang dikenal pasti. Lawatan Audit ke 8 tapak projek mendapati projek telah dibina di kawasan yang sering dilanda banjir.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan Projek Saliran Bandar adalah selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri.**

### **6.2.2 Undang-undang**

JPS telah mengguna pakai akta-akta yang berkaitan dengan pelaksanaan Projek Saliran Bandar mengikut kesesuaian. Semakan Audit mendapati dalam melaksanakan projek ini, JPS merujuk kepada seksyen-seksyen tertentu dalam akta berikut:

- a) Akta Kerja Saliran 1954 (Akta 354)
- b) Akta Parit, Jalan Dan Bangunan 1974
- c) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960
- d) Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- e) Akta Kontrak Kerajaan 1949

**Pada pendapat Audit, JPS mematuhi peruntukan undang-undang dalam melaksanakan Projek Saliran Bandar.**

### **6.2.3 Peraturan Dan Garis Panduan**

Jabatan telah mengguna pakai segala peraturan dan garis panduan yang berkaitan dalam melaksanakan Projek Saliran Bandar mengikut kesesuaian seperti berikut:

#### **a) Pematuhan Peraturan**

Semakan Audit terhadap 8 Projek Saliran Bandar mendapati segala perolehan kerja dan penyediaan tender dan pelaksanaannya telah mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan surat-surat pekeliling berkaitan seperti berikut:

- Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007
- Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1995  
(Tambahan SPP Bil. 8 Tahun 2006 dan SPP Bil. 8 Tahun 2007)
- Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995  
(Tambahan SPP Bil. 2 Tahun 2001 dan SPP Bil. 2 Tahun 1999)

**Pada pendapat Audit, JPS telah mematuhi peraturan yang berkaitan dalam pelaksanaan Projek Saliran Bandar.**

#### **b) Garis Panduan Berkaitan Saliran Bandar**

Jabatan juga telah mengguna pakai garis panduan yang dikeluarkan olehnya untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan baik. Garis panduan yang diguna pakai adalah Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) dan Manual Prosedur Kerja. Semakan Audit terhadap garis panduan yang diguna pakai mendapati perkara seperti berikut:

##### **i) Manual Saliran Mesra Alam**

Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) diguna pakai di seluruh Negeri Johor mulai awal bulan Januari

2001. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati 5 projek yang dibina mempunyai reka bentuk saliran menggunakan *Concrete U-Shape* dan *L-Shape* di mana dasar sungai dan parit ditutupi konkrit. Kaedah ini perlu disesuaikan dengan konsep MASMA yang menghendaki pengekalan alam semula jadi. Manakala 3 projek lagi yang melibatkan pembinaan tebing sungai menggunakan kaedah *wellguard* dan *geoprotect* bagi mengatasi masalah hakisan tebing tanpa mengganggu struktur asal dasar sungai. Reka bentuk saliran yang tidak menepati ciri-ciri MASMA adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Reka Bentuk Saliran Yang Tidak Menepati Ciri-ciri MASMA**

Daerah	Lokasi	Reka Bentuk Saliran Yang Digunakan
Mersing	Sungai Lengan Baju	<i>Concrete U-Shape &amp; L-Shape</i>
	Anak Sg.Lengan Baju	<i>Concrete U-Shape &amp; L-Shape</i>
Segamat	Bandar Segamat	<i>Concrete U-Shape &amp; L-Shape</i>
Tangkak	Sg.Padang Lerek	<i>Concrete U-Shape &amp; L-Shape</i>
Batu Pahat	Parit Besar	<i>Concrete U-Shape &amp; L-Shape</i>

*Sumber: Dokumen Kontrak*

## ii) Manual Prosedur Kerja

Manual Prosedur Kerja pula digunakan sebagai panduan dalam melaksanakan fungsi dan aktivitinya. Semakan Audit terhadap Manual Prosedur Kerja mendapati kerja-kerja untuk merancang dan memantau projek pembangunan saliran bandar serta pelaksanaan Kajian Pelan Induk dilaksana berdasarkan kepada aliran kerja yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja.

**Pada pendapat Audit, hanya sebahagian projek yang dilaksanakan mematuhi konsep MASMA.**

### 6.2.4 Laporan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar

Sepanjang tempoh 1999 hingga 2007, JPS telah melantik 10 syarikat Juru Perunding untuk menjalankan kajian di 15 buah bandar iaitu Mersing, Segamat, Kota Tinggi, Johor Bahru, Pontian, Kluang, Tangkak, Yong Peng, Labis, Senai, Simpang Renggam, Ayer Hitam, Pekan Nanas, Parit Raja dan Parit Sulung. Jumlah kos yang terlibat bagi bayaran perkhidmatan Juru Perunding berkenaan adalah RM7.40 juta. Kajian ini tidak melibatkan bandar Muar dan Batu Pahat kerana kajian bagi kedua-dua bandar ini dijalankan oleh JPS Ibu Pejabat, Kuala Lumpur. Juru Perunding telah menjalankan kajian dan menyerahkan Laporan Kajian Pelan Induk Saliran dalam tempoh yang ditetapkan bagi semua bandar kepada JPS secara berperingkat-peringkat. Semakan Audit terhadap Laporan Kajian Pelan Induk Saliran bagi bandar-bandar yang dipilih mendapati perkara-perkara seperti berikut:

### a) Pemilihan Kawasan Projek

Juru Perunding telah mengenal pasti kawasan yang sering dilanda banjir kilat di dalam setiap bandar dan mencadangkan supaya projek saliran dibina di kawasan berkenaan. Semakan Audit mendapati 6 daripada 8 projek yang dilawati merupakan kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan banjir kilat di dalam Pelan Induk Saliran Bandar. Oleh itu, JPS telah berjaya membuat pemilihan kawasan projek mengikut cadangan di dalam Pelan Induk Saliran Bandar. Manakala 2 projek lain yang dilawati adalah juga kawasan yang sering dilanda banjir walaupun ia bukan kawasan yang tersenarai dalam Pelan Induk Saliran Bandar. Maklumat mengenai kawasan banjir yang dikenal pasti dalam pelan induk dengan projek saliran yang dibina adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Kawasan Banjir Yang Dikenal Pasti Dalam Pelan Induk Saliran Bandar**  
**Dengan Projek Saliran Yang Dibina**

Bil.	Bandar	Kawasan Banjir	Pelaksanaan Projek Saliran Bandar
1.	Senai	Anak Sungai Skudai	Tembok penahan hakisan tebing di cabang Sg. Skudai, Taman Aman
2.	Pontian	Parit Semerah	Membina dan Siapkan Tembok Penahan Hakisan Tebing, Pt. Semerah
3.	Tangkak	Parit Padang Lerek	Menggali Dan Membina Parit Konkrit Sungai Padang Lerek
4.	Kota Tinggi	Sungai Tembioh	Projek Tebatan Banjir, Kg. Bt.25(Fasa1) Sg. Tembioh
5.	Mersing	Sg. Lengan Baju	Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Utama SLB Dan LB 3/2 Sg. Lengan Baju Dan LB 1, Taman Mersing
6.	Mersing	Sg. Lengan Baju	Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Utama LB 3 Anak Sg. Lengan Baju

Sumber: Pelan Induk Saliran Dan JPS Negeri Johor

**Pada pendapat Audit, pemilihan kawasan adalah memuaskan di mana 6 (75%) daripada 8 projek yang dilawati adalah mengikut cadangan dalam Laporan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar.**

### b) Pelaksanaan Projek

Juru Perunding telah menyiapkan Pelan Induk Saliran Bandar dalam tahun 1999, 2000, 2001, 2005 dan 2007 untuk 98 projek bagi mengatasi masalah banjir kilat di 15 buah bandar. Kos terlibat dianggarkan berjumlah RM831.77 juta. JPS melaksanakan projek berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh setiap JPS Daerah. Pelaksanaan cadangan projek ini seterusnya bergantung kepada jumlah peruntukan yang diterima oleh JPS. Semakan Audit mendapati selepas 8 tahun pelan tersebut disediakan, JPS hanya dapat melaksanakan 12 (30%) daripada 40 projek yang dicadangkan dalam Pelan Induk Saliran Bandar tahun 1999 dan tahun 2000. Memandangkan reka bentuk saliran yang dicadangkan oleh Juru Perunding hanya relevan untuk tempoh 15 tahun dan projek yang dapat dilaksanakan dalam tempoh 8 tahun hanya mencapai 30% maka dikhuatiri JPS tidak dapat melaksanakan semua projek yang dicadangkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek mengikut Pelan Induk Saliran Bandar adalah kurang memuaskan kerana JPS hanya dapat melaksanakan 30% daripada projek yang dicadangkan dalam Pelan Induk Saliran Bandar selepas 8 tahun disediakan.

c) **Pelaksanaan Projek Di Luar Pelan Induk Saliran Bandar**

Jabatan telah melaksanakan 17 projek dengan kos berjumlah RM13.16 juta yang tidak disenaraikan di dalam Pelan Induk Saliran Bandar bagi tempoh 2001 hingga 2007. Senarai projek yang tidak disenaraikan dalam Pelan Induk Saliran Bandar adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Senarai Projek Yang Tidak Disenaraikan Dalam**  
**Pelan Induk Saliran Bandar**

Bil.	Daerah	Bilangan Projek	Kos Projek (RM Juta)
1.	Mersing	5	2.40
2.	Muar	4	3.00
3.	Batu Pahat	4	3.70
4.	Pontian	1	1.33
5.	Segamat	3	2.73
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>	<b>13.16</b>

Sumber: Pelan Induk Saliran Bandar Dan JPS Negeri Johor

Melalui temu bual pihak Audit dengan pegawai JPS, faktor yang menyebabkan pelaksanaan projek di luar perancangan ini adalah disebabkan oleh situasi-situasi seperti berikut:

- i) Projek ini perlu disegearkan memandangkan keadaan yang mendesak disebabkan kawasan ini sering menghadapi banjir kilat yang teruk.
- ii) Permohonan daripada orang awam dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan.

Pihak Audit telah memilih 2 projek iaitu Projek Sistem Saliran Bandar di Mukim Gemereh, Segamat dan Projek Membina Saliran Utama di Parit Besar Pakej 1, Batu Pahat dengan kos berjumlah RM2.43 juta yang dilaksanakan pada tahun 2006 dan 2007 untuk dinilai kemajuan kerja pembinaannya. Lawatan Audit ke tapak projek berkenaan mendapati Projek Sistem Saliran Bandar di Mukim Gemereh, Segamat telah dapat disiapkan manakala kemajuan kerja pembinaan bagi Projek Membina Saliran Utama di Parit Besar Pakej 1, Batu Pahat adalah sekitar 65% pada akhir bulan September 2007. Kemajuan kerja projek berkenaan adalah seperti di **Foto 1** dan **Foto 2**.

**Foto 1**  
**Projek Saliran Bandar Segamat PT-02-04**  
**Di Mukim Gemereh, Segamat Telah Disiapkan**



17/09/2007 11:07

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 17 September 2007  
Lokasi: Bandar Segamat PT-02-04, Mukim Gemereh

**Foto 2**  
**Membina Saliran Utama Di Parit Besar Paket 1,**  
**Batu Pahat Dalam Pembinaan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2007  
Lokasi: Parit Besar Batu Pahat

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek mengikut Pelan Induk Projek Saliran Bandar adalah tidak memuaskan kerana terdapat kawasan yang sering dilanda banjir kilat tetapi tidak disenaraikan dalam Pelan Induk Saliran Bandar.

### **6.2.5 Kaedah Pelaksanaan Projek**

Perkhidmatan Juru Perunding diperoleh untuk merangka Pelan Induk Saliran Bandar manakala kontraktor dipilih untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan saliran. Semakan Audit terhadap proses pelaksanaan projek mendapati perkara seperti berikut:

#### **a) Pelantikan Juru Perunding**

Jabatan telah memutuskan supaya kajian Pelan Induk Saliran Bandar dibuat oleh Juru Perunding profesional yang dilantik memandangkan JPS tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi bagi menjalankan kajian berkenaan. Bagi tujuan tersebut, JPS telah mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri untuk menggunakan khidmat perunding bagi melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar. Selain itu, JPS juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Juru Perunding Peringkat Agensi (JPPPA) yang dipengerusikan oleh Pengarah JPS Negeri dan keahliannya terdiri daripada Timbalan Pengarah JPS Negeri dan tiga orang Penolong Pengarah untuk mendapatkan perkhidmatan perunding bagi jumlah kos keseluruhan perkhidmatan perunding tidak melebihi RM200,000. Bagi kos yang melebihi RM200,000 maka Pegawai Kewangan Negeri merupakan salah seorang daripada ahli dalam jawatankuasa berkenaan.

Bayaran perkhidmatan Juru Perunding yang meliputi komponen gaji, bilangan kakitangan yang terlibat, item imbuhan balik seperti bayaran perjalanan dan pengangkutan, percetakan dan alat tulis, lukisan, bayaran telefon dan pelbagai yang berkaitan adalah berdasarkan formula yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sementara itu, pemberian kontrak kepada Juru Perunding dibuat berdasarkan kepada konsep rundingan terus dan kadar bayaran ditentukan mengikut kadar yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati proses pelantikan dan bayaran perkhidmatan Juru Perunding adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Semakan juga mendapati Juru Perunding telah melaksanakan kajian mengikut skop yang telah ditetapkan. Seramai 10 Juru Perunding yang dilantik telah berjaya menyiapkan pelan induk terhadap 15 bandar adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Senarai Juru Perunding Yang Dilantik**  
**Untuk Menjalankan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar**

Bil.	Bandar	Nama Perunding	Tahun Siap	Kos Kajian (RM)
1.	Pontian	Ranhill Bersekutu Sdn. Bhd.	1999	673,764
2.	Segamat	SSP Sdn. Bhd.	1999	876,064
3.	Kota Tinggi	HSSI Sdn. Bhd.	1999	856,664
4.	Kluang	O & L Perunding Sdn. Bhd.	1999	734,570
5.	Mersing	Sritenaga Perunding Sdn. Bhd.	2000	795,404
6.	Johor Bahru	Sritenaga Perunding Sdn. Bhd.	2001	1,023,930
7.	Tangkak	O & L Perunding Sdn. Bhd.	2005	282,300
8.	Yong Peng	Lee & Ooi Perunding Sdn. Bhd.	2005	278,101
9.	Labis	Jurutera Perunding PAR	2005	269,941
10.	Senai	Perunding Sejati Sdn. Bhd.	2005	217,034
11.	Simpang Renggam	HSSI Sdn. Bhd.	2005	266,810
12.	Ayer Hitam	N S Ng & Associates	2005	260,313
13.	Pekan Nanas	Jurutera Perunding AA Sdn. Bhd.	2007	268,991
14.	Parit Raja	Jurutera Perunding PAR	2007	375,560
15.	Parit Sulong	O&L Perunding Sdn. Bhd.	2007	266,266

Sumber: JPS Negeri Johor

**Pada pendapat Audit, pelantikan Juru Perunding adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan laporan kajian dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.**

**b) Pemilihan Kontraktor**

Jabatan telah menyediakan spesifikasi kerja dan lukisan reka bentuk saliran untuk dimuatkan dalam Borang Tender. Notis tender juga telah diiklankan di akhbar dan salinan keratan iklan ada di simpan dalam fail tender untuk pemilihan kontraktor. JPS telah melantik 4 orang pegawai sebagai Jawatankuasa Pembuka Tender yang dianggotai oleh Penolong Pengarah III, Penolong Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Pembantu Teknik, Juruteknik Kanan dan Juruteknik. Manakala Jawatankuasa Penilaian Tender/Teknikal diketuai oleh Pengarah JPS Negeri Johor dan keahliannya terdiri daripada Timbalan Pengarah JPS Negeri Johor, Penolong Pegawai Tadbir dan Ketua Unit Kewangan. Surat pelantikan Jawatankuasa Pembuka Tender ditandatangani oleh Pengarah JPS Negeri Johor.

Jawatankuasa Pembuka Tender menyediakan Jadual Harga Tender dan mengemukakan dokumen tender kepada Jawatankuasa Penilaian Tender/Teknikal untuk memastikan sama ada kontraktor menepati semua pra-syarat kontrak dan mempunyai keupayaan kewangan dan teknikal bagi melaksanakan projek tersebut. Jawatankuasa Penilaian Tender/Teknikal menyediakan Laporan Penilaian Tender dan mencadangkan kontraktor yang memenuhi semua syarat dan mempunyai keupayaan kewangan dan teknikal kepada Lembaga Tawaran Negeri untuk dipertimbangkan. Lembaga Tawaran Negeri adalah terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri selaku Pengerusi dan dianggotai oleh Pengarah Kerja Raya

Negeri Johor dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Keputusan pemilihan adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Tawaran Negeri dan keputusannya akan dimaklumkan oleh JPS kepada kontraktor yang berjaya.

Semakan Audit mendapati proses pemilihan kontraktor bagi 8 projek yang dipilih adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan kecuali pemilihan kontraktor untuk projek Menggali Dan Membina Parit Konkrit Sungai Padang Lerek, Tangkak. Iklan untuk projek ini dibuka pada awal bulan Mac 2006 dan ditutup pada awal bulan April 2006. Tender ini terbuka kepada kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dalam Kelas C dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Seramai 25 petender telah mengambil bahagian dan 10 daripadanya didapati layak dalam penilaian awal.

Laporan Penilaian Tender yang disediakan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender telah mencadangkan kontraktor yang menawarkan harga kedua terendah berjumlah RM3.69 juta kepada Lembaga Tawaran Negeri untuk dipertimbangkan. Bagaimanapun, Lembaga Tawaran Negeri tidak memperakukan tawaran berkenaan sebaliknya menawarkan tender ini kepada kontraktor lain yang menawarkan harga yang lebih tinggi. Harga yang ditawarkan adalah berjumlah RM3.93 juta iaitu RM0.24 juta lebih tinggi daripada harga tawaran oleh kontraktor yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender. Selain itu, semakan Audit terhadap fail tender juga mendapati kontraktor yang dipilih oleh Lembaga Tawaran Negeri tidak melepas penilaian awal dan diletakkan sebagai kontraktor yang berada di tangga ke sebelas dalam senarai penilaian awal oleh Jawatankuasa Penilaian Tender. Bagaimanapun, Lembaga Tawaran Negeri tidak memberi sebarang ulasan/sebab berhubung pemilihan itu.

**Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor untuk melaksanakan projek adalah baik kerana peraturan yang berkaitan telah dipatuhi kecuali pemilihan kontraktor bagi Projek Menggali Dan Membina Parit Konkrit Sungai Padang Lerek, Tangkak.**

#### **6.2.6 Dokumen Kontrak**

Dokumen kontrak disediakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Semakan Audit terhadap 8 perjanjian kontrak projek yang dipilih mendapati Setiausaha Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian bagi pihak Kerajaan Negeri Johor dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ini adalah selaras dengan perwakilan kuasa yang diberi oleh Menteri Besar Johor. Semakan lanjut Audit mendapati pihak kontraktor telah mengemukakan bon pelaksanaan dan polisi insurans dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana yang disyaratkan dalam perjanjian.

**Pada pendapat Audit, penyediaan dokumen kontrak adalah baik kerana peraturan berkaitan telah dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan.**

### 6.2.7 Prestasi Pelaksanaan Projek

#### a) Pencapaian Sasaran Projek

Jabatan telah mensasarkan untuk melaksanakan 30 Projek Saliran Bandar bagi tempoh 2005 hingga 2007. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati JPS hanya berjaya melaksanakan 19 projek (63.3%) berbanding bilangan projek yang disasarkan. Ini adalah disebabkan oleh kekangan peruntukan kewangan dan pelaksanaan projek yang tidak dirancang berikutan keperluan semasa. Butiran lanjut senarai projek yang dilaksanakan oleh JPS bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Senarai Projek Yang Dilaksanakan Oleh JPS Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Tahun	Nama Projek
2005	i) Sistem Perparitan Bandar Maharani Parit Hj. Bakri –Pakej 4F, Muar. ii) Menggali dan Membina Parit Konkrit Sg. Padang Lerek, Tangkak. iii) Sistem Saliran Pekan Chaah. iv) Sistem Saliran Jalan Batu Pahat, Pt. Besar Fasa 2, Batu Pahat. v) Tembok Penahan Hakisan Sg. Skudai Taman Aman, Senai. vi) Sistem Saliran Utama SLB dan LB 3/2 Sg. Lengan Baju dan LB 1, Taman Mersing. vii) Sistem Saliran Utama LB 3, Anak Sg. Lengan Baju, Mersing.
2006	i) Menggali dan Membina konkrit Sg. Padang Lerek, Tangkak (Sambungan). ii) Sistem Saliran Bandar Segamat Mukim Gemereh, Segamat. iii) Tembok Penahan Hakisan Tebing Parit Semerah, Pontian. iv) Tembok Penahan Hakisan Sg. Skudai Taman Aman, Senai. v) Sistem Saliran Utama SLB dan LB 3/2 Sg. Lengan Baju dan LB 1, Taman Mersing. vi) Sistem Saliran Utama LB 3 Anak Sg. Lengan Baju, Mersing.
2007	i) Menggali dan Membina konkrit Sungai Padang Lerek, Tangkak (Sambungan). ii) Sistem Saliran Bandar Segamat Mukim Gemereh, Segamat. iii) Pembinaan Saliran Utama Parit Besar, Pakej 1. iv) Tembok Penahan Hakisan Sg. Skudai Taman Aman, Senai. v) Projek Tebatan Banjir Kg.Batu 25, Sg. Tembioh, Kota Tinggi. vi) Sistem Saliran Utama LB 3 Anak Sg. Lengan Baju, Mersing.

Sumber: JPS Negeri Johor

**Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah memuaskan di mana JPS telah berjaya melaksanakan 63.3% daripada projek yang disasarkan.**

#### b) Prestasi Kerja Pembinaan

Projek-projek yang dijalankan oleh JPS telah dibuat secara tender terbuka. JPS Negeri melantik JPS Daerah untuk memantau projek dengan mengadakan mesyuarat tapak, lawatan tapak dan mengemukakan laporan kemajuan projek. Semakan Audit terhadap 8 projek yang dipilih mendapati 5 (62.5%) projek telah dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, 2 (25%) projek lain dapat

disiapkan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan manakala satu (12.5%) lagi projek sedang dalam pembinaan. Sementara itu, JPS juga telah meluluskan permohonan lanjutan masa bagi 4 projek. Alasan untuk melanjutkan tempoh masa siap projek adalah disebabkan oleh faktor cuaca. Prestasi kerja pembinaan sehingga 31 Disember 2007 adalah seperti **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Prestasi Kerja Pembinaan Sehingga 31 Disember 2007**

Bil.	Nama Projek	Tempoh Kontrak		Lanjutan Masa	Tarikh Siap Sebenar	Status Pembinaan
		Mula	Siap			
1.	Cabang Sg. Skudai, Taman Aman.	7.9.2006	16.5.2007	-	26.2.2007	Siap Awal
2.	Pt. Semerah, Pontian.	4.9.2006	18.2.2007	-	31.12.2006	Siap Awal
3.	Sg. Padang Lerek, Tangkak.	4.9.2006	28.10.2007	-	-	Siap
4.	Bandar Segamat PT-02-04.	4.9.2006	13.5.2007	27.6.2007	27.6.2007	Siap
5.	Sg. Lengan Baju Dan LBL, Taman Mersing.	11.7.2005	05.2.2006	19.3.2006	19.3.2006	Siap
6.	Anak Sg. Lengan Baju, Mersing.	4.9.2006	1.4.2007	25.9.2007	25.9.2007	Siap
7.	Pt. Besar (Pakej 1), Batu Pahat.	12.2.2007	23.12.2007	-	23.12.2007	Siap
8.	Kg. Bt. 25 (Fasa1) Sg. Tembioh, Kota Tinggi.	12.02.2007	9.9.2007	13.12.2007	-	Dalam Pembinaan

Sumber: JPS Negeri Johor

**Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi kerja pembinaan untuk 8 projek yang dipilih adalah baik kerana dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan sekiranya ada kelewatian, tempoh lanjutan masa telah diminta dan diluluskan.**

### c) Kualiti Dan Spesifikasi Pembinaan

Kontraktor perlu mematuhi syarat mengenai kualiti dan spesifikasi pembinaan yang telah ditetapkan dalam kontrak. Kontraktor yang gagal mematuhi boleh dikenakan tindakan sama ada untuk membaiki segala kecacatan yang dikesan, dikenakan denda atau ditamatkan kontrak. Semakan Audit terhadap kualiti dan spesifikasi kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor mendapati perkara seperti berikut:

#### i) Perubahan Kerja Yang Tidak Dapat Disahkan

Jabatan telah mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja bagi Projek Utama Sungai Lengan Baju, Mersing iaitu untuk membina pembetung, parit konkrit dan pagar keselamatan bernilai RM58,872. Lawatan Audit pada pertengahan bulan September 2007 mendapati pihak kontraktor telah membina pagar keselamatan

bernilai RM46,740. Bagaimanapun, JPS tidak dapat menunjukkan bukti kerja pemasangan parit konkrit dan pembetung bernilai RM12,132 telah dilaksanakan. Semakan Audit juga mendapati bayaran bagi semua kerja di atas telah dijelaskan pada akhir bulan September 2006. Kerja berkenaan telah diperakuan siap sepenuhnya pada pertengahan bulan Mac 2006.

## ii) Kerja Dan Bahan Yang Tidak Mengikut Spesifikasi

### • Projek Tebatan Banjir Kg. Batu 25 (Fasa 1), Sg. Tembioh, Kota Tinggi

Lawatan Audit ke tapak Projek Tebatan Banjir Kg. Batu 25 (Fasa 1), Sungai Tembioh, Kota Tinggi mendapati kemajuan kerja pembinaan sehingga akhir bulan Ogos 2007 hanya mencapai tahap 75% siap. Mengikut kontrak, projek ini hendaklah disiapkan pada awal bulan September 2007. Bagaimanapun, JPS telah meluluskan lanjutan masa kepada kontraktor untuk menyiapkan projek sehingga pertengahan bulan Disember 2007. Kos bagi projek ini adalah RM1.75 juta. Hasil lawatan Audit mendapati perkara seperti berikut:

#### - **Geoprotect Yang Dibekalkan Tidak Mengikut Ukuran Dalam Kontrak**

Mengikut kontrak, pihak kontraktor dikehendaki membekal dan memasang geoprotect yang terdiri daripada *Main Anchor* berukuran 3.0 meter panjang dan diikat dengan *interlocking two layer* berukuran 0.3 meter panjang. Reka bentuk geoprotect ini digunakan untuk menahan hakisan tebing. Pemasangan ini dibuat menggunakan sistem hidraulik. Kos bagi kerja-kerja ini adalah berjumlah RM0.66 juta. Pihak Audit telah melakukan pengukuran terhadap *Main Anchor* dan *interlocking* yang masih belum dipasang dan mendapati ukuran sebenar bahan yang dibekalkan adalah 2.5 meter panjang bagi *Main Anchor* dan 0.25 meter panjang bagi *interlocking*. Pemeriksaan Audit mendapati bilangan *Main Anchor* dan *interlocking* yang belum dipasang dianggarkan masing-masing berjumlah 1,035 batang dan 500 set.

Semakan Audit terhadap bayaran kemajuan kerja mendapati jumlah bayaran yang dituntut dan dijelaskan adalah berdasarkan harga atas ukuran 3.0 meter panjang bagi *Main Anchor* dan 0.3 meter panjang bagi *interlocking*. Tiada perubahan harga dibuat bagi kerja-kerja ini pada masa lawatan Audit. Kerja-kerja pengukuran *Main Anchor* dan *interlocking* dilakukan oleh Pegawai Audit dan pegawai JPS Daerah Kota Tinggi seperti di **Foto 3** hingga **Foto 5**.

**Foto 3**  
**Pengukuran Main Anchor Bagi Geoprotect**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 September 2007  
Lokasi: Sungai Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi

**Foto 4**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Ogos 2007  
Lokasi: Sungai Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi

**Foto 5**  
**Pengukuran Interlocking Bagi Geoprotect**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 September 2007  
Lokasi: Sungai Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi

- **Pembetung Tidak Dibina**

Berdasarkan kontrak, pihak kontraktor perlu membina 6 unit pembetung di lokasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati hanya 5 unit pembetung yang dibina manakala seunit pembetung lagi tidak dibina. Kos seunit pembetung mengikut kontrak adalah berjumlah RM9,000. JPS memaklumkan pelarasan pembayaran akan dilakukan semasa bayaran muktamad. Lokasi di mana pembetung berkenaan sepatutnya dibina adalah seperti di **Foto 6** dan **Foto 7**.

Foto 6

Lokasi Pembetung Yang Sepatutnya Dibina



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 3 September 2007  
Lokasi: Sungai Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi

Foto 7



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 3 September 2007  
Lokasi: Sungai Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi


- **Projek Saliran Utama Bandar Segamat PT-02-04**

Lawatan Audit ke tapak Projek Saliran Utama Bandar Segamat PT02-04, Mukim Gemereh mendapati kerja-kerja pembinaan telah siap sepenuhnya pada akhir bulan Jun 2007. Kos bagi projek ini adalah berjumlah RM1.43 juta. Berikut adalah perkara yang diperhatikan semasa lawatan tersebut.

- **Aras Tanah Yang Ditambak Melebihi Caping Beam**

Berdasarkan lukisan kejuruteraan pada dokumen kontrak, aras tanah yang ditambak hendaklah sama dengan aras *caping beam*. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Ch 1,000 hingga Ch 1,060 mendapati kontraktor telah menambah tanah hampir 1 meter melebihi aras *caping beam* sepanjang kira-kira 20 meter seperti di **Rajah 1** dan **Foto 8**.

**Rajah 1**  
**Lukisan Kejuruteraan**  
**Aras Tanah Yang Sepatutnya DiTambak**



Sumber: Dokumen Kontrak

**Foto 8**  
**Aras Tanah Yang Ditambah Melebihi Caping Beam**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 17 September 2007

Lokasi: Bandar Segamat PT-02-04 Mukim Gemereh

- **Pemasangan Mattress Dan Vigormatt**

Mengikut kontrak, kerja-kerja pemasangan *mattress* hendaklah dibuat dengan menggunakan *J-pins* yang berfungsi sebagai penahan yang dipacak di *Vigormatt*. Bagaimanapun, semasa pemeriksaan Audit didapati hanya kayu lurus sepanjang 18 cm telah digunakan sebagai ganti *J-pins*. Tiada bukti kelulusan diperoleh atas perubahan ini. Keadaan ini menyebabkan salah satu *mattress* dan *Vigormatt* yang dipasang di lereng cerun bagi menghalang hakisan tanah telah runtuh seperti di **Foto 9** hingga **Foto 11**.

**Foto 9**  
**Kayu Lurus Yang Dipacak Pada Matress Dan Vigormatt**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 17 September 2007

Lokasi: Bandar Segamat PT-02-04 Mukim Gemereh

**Foto 10**  
**Kayu Lurus Yang Dipacak Pada Matress Dan Vigormatt**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 17 September 2007

Lokasi: Bandar Segamat PT-02-04 Mukim Gemereh

**Foto 11**  
**Matress Dan Vigormatt Runtuh**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 17 September 2007  
Lokasi: Bandar Segamat PT-02-04 Mukim Gemereh

Selain itu, terdapat satu lokasi di mana Matress dan Vigormatt tidak dipasang kerana wujud laluan utiliti. Lokasi berkenaan seperti di **Foto 12**.

**Foto 12**  
**Matress Dan Vigormatt Tidak Dipasang Kerana Wujud Laluan Utiliti**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2007  
Lokasi: Bandar Segamat PT-02-04 Mukim Gemereh

- **Projek Saliran Utama LB 3, Anak Sungai Lengan Baju, Mersing**

Lawatan Audit ke tapak Projek Saliran Utama LB 3, Anak Sungai Lengan Baju, Mersing pada pertengahan bulan September 2007 mendapati kemajuan kerja bagi projek adalah 90% siap. Mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan pada atau sebelum awal bulan April 2007. Bagaimanapun, JPS telah meluluskan lanjutan masa sebanyak 2 kali dan projek ini dijangka siap pada akhir bulan September 2007. Kos bagi projek ini adalah berjumlah RM0.96 juta. Berikut adalah perkara yang diperhatikan semasa lawatan tersebut.

- **Kerja Penambakan Tanah Hitam Tidak Dijalankan**

Mengikut kontrak, kontraktor dikehendaki membekal dan menambah tanah hitam/*top soil* setebal 50 mm sebelum kerja-kerja penanaman rumput dijalankan. Lawatan Audit pada pertengahan bulan September 2007 mendapati kerja menambah tanah hitam/*top soil* belum dilakukan tetapi kerja penanaman rumput telah dilakukan oleh kontraktor. Bagaimanapun, bayaran bagi kerja-kerja ini masih belum dilakukan dan memandangkan projek masih dalam tempoh kecacatan Jabatan telah meminta kontraktor menambah tanah hitam serta menanam rumput baru. Gambaran rumput yang telah mati/tidak subur sebelum penanaman semula seperti di **Foto 13** dan **14**.

**Foto 13**

**Tanah Hitam/Top Soil Belum Ditambah  
Tapi Kerja Penanaman Rumput Telah Dilakukan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 September 2007  
Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju LB3, Mersing

**Foto 14**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 September 2007  
Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju LB3, Mersing

- **Pemasangan Handrail Yang Tidak Sempurna**

*Handrail* yang dibina tidak mempunyai asas konkrit yang kukuh kerana dibina di tepi *slab*. Ini menyebabkan struktur pagar tidak kukuh dan mudah tumbang seperti yang ditunjukkan di **Foto 15** dan **Foto 16**.

**Foto 15**

*Handrail* Tidak Kukuh Kerana Dibina Di Tepi *Slab*



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11 September 2007

Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju, Mersing

**Foto 16**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11 September 2007

Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju, Mersing

- **Sump Yang Tidak Dibina Dengan Sempurna**

Fungsi utama *sump* dibina adalah untuk memerangkap kelodak/sampah daripada memasuki sungai yang akan mengganggu aliran air sungai dan seterusnya boleh mengakibatkan banjir. Mengikut lukisan kejuruteraan, bilangan *sump* yang perlu dibina bagi projek ini adalah sebanyak 35 *sump*. Bagaimanapun, kesemua *sump* yang dibina di kawasan ini tidak mempunyai perangkap kelodak/sampah. Contoh pembinaan *sump* yang tidak mengikut piawaian seperti di **Foto 17** dan **Foto 18**.

**Foto 17**  
**Sump Yang Tidak Dibina Dengan Sempurna**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 September 2007  
Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju, Mersing

**Foto 18**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 September 2007  
Lokasi : Anak Sungai Lengan Baju, Mersing

- **Pemasangan Precast Drain Dan Slab Tidak Kemas**

Pihak Audit juga mendapati kualiti kerja pemasangan *precast drain* dan *concrete slab* oleh kontraktor di saliran utama adalah tidak kemas. Sebagai contohnya, salah satu *precast drain* dan *concrete slab* yang dipasang/bina telah terkeluar dari jajaran sepatutnya di *ch 550 – ch 600*. Selain itu, pihak kontraktor juga tidak menampal simen mortar di setiap sambungan *precast drain* seperti di **Foto 19** dan **Foto 20**.

**Foto 19**  
**Pemasangan Precast Drain Dan Concrete Slab Yang Tidak Kemas**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 September 2007  
Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju, Mersing

**Foto 20**  
**Pemasangan Precast Drain Dan Concrete Slab Yang Tidak Kemas**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 September 2007  
Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju, Mersing

- **Projek Saliran Utama SLB Dan LB 3/2, Sg. Lengan Baju, Mersing**

Lawatan Audit pada pertengahan bulan September 2007 ke tapak Projek Utama Sungai Lengan Baju, Mersing mendapati projek berkenaan telah siap pada pertengahan bulan Mac 2006. Kos bagi projek ini adalah berjumlah RM1.10 juta. Berikut adalah perkara berbangkit hasil dari lawatan tersebut.

- **Concrete Slab Tidak Dibina**

Lawatan Audit ke tapak Projek Saliran Utama, Sg. Lengan Baju di Jalan Merdeka, Taman Mersing mendapati *concrete slab* sepanjang 2.63 meter tidak dibina di atas *precast-drain* oleh pihak kontraktor seperti di **Foto 21**.

**Foto 21**  
**Concrete Slab Tidak Dibina**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11 September 2007

Lokasi: Jalan Merdeka, Taman Mersing – Sg. Lengan Baju, Mersing

- **Pemasangan Precast Drain Tidak Kemas**

Lawatan Audit mendapati kerja-kerja pemasangan *Precast Drain* tidak kemas menyebabkan air dan kelodak berkumpul. Ini dapat dilihat di mana rumput tumbuh di lokasi berkenaan yang menyebabkan aliran air terhalang seperti ditunjukkan di **Foto 22**.

**Foto 22**  
**Pemasangan Precast Drain Yang Tidak Kemas**  
**Menyebabkan Rumpai Tumbuh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Tarikh : 11 September 2007  
 Lokasi: Jalan Merdeka, Taman Mersing - Sg. Lengan Baju, Mersing

Selain itu, pihak kontraktor juga tidak memasang *Precast Drain* mengikut spesifikasi sehingga menyebabkan jarak antara sambungan terlalu lebar seperti di **Foto 23** dan **Foto 24**.

**Foto 23**  
**Pemasangan Precast Drain Yang Tidak Sempurna**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
 Tarikh: 11 September 2007  
 Lokasi: Jalan Merdeka, Taman Mersing - Sungai Lengan Baju, Mersing

- **Kurang Koordinasi Kerja Antara Jabatan Mengakibatkan Sistem Saliran Tidak Menyeluruh**

Pihak Audit mendapati JPS tidak menggantikan *Gabion* sedia ada dengan *precast drain*. Kawasan yang terlibat dalam lingkungan 30

meter panjang. Ini mengakibatkan kawasan tersebut dipenuhi tanah dan rumput. Lokasi berkenaan seperti di **Foto 25** dan **Foto 26**.

**Foto 25**  
**Lokasi Kerja-Kerja Pembinaan Yang Tidak Sempurna Disebabkan Kurangnya Koordinasi Antara Jabatan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11 September 2007

Lokasi: Sungai Lengan Baju, Mersing

- **Laluan Sementara Tidak Ditutup dan Dibersihkan**

Pihak kontraktor telah membina laluan sementara melintasi parit sedia ada menggunakan pembetung dan batu baur. Bagaimanapun, laluan berkenaan tidak ditutup dan dibersihkan selepas kerja pembinaan tamat seperti di **Foto 27**.

**Foto 27**  
**Laluan Sementara Tidak Ditutup Dan Dibersihkan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11 September 2007

Lokasi: Sungai Lengan Baju, Mersing

- **Projek Parit Konkrit Sungai Padang Lerek, Tangkak**

Lawatan Audit ke tapak Projek Parit Konkrit Sg. Padang Lerek, Tangkak pada pertengahan bulan September 2007 mendapati kerja-kerja pembinaan telah mencapai tahap 90% siap. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada akhir bulan Oktober 2007. Kos bagi projek ini adalah RM3.93 juta. Berikut adalah perkara-perkara yang berbangkit hasil dari lawatan tersebut:

- **Pemasangan *Precast Drain* Tidak Kemas**

Kerja-kerja pemasangan *precast drain* oleh kontraktor adalah tidak kemas kerana pemasangannya tidak mengikut aras yang ditetapkan menyebabkan air hanya mengalir di bahagian tertentu sahaja. Pemasangan *precast drain* yang tidak kemas adalah seperti di **Foto 28** dan **Foto 29**.

**Foto 28**

Pemasangan *Precast Drain* Tidak Kemas



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2007  
Lokasi: Padang Lerek, Tangkak

**Foto 29**

Pemasangan *Precast Drain* Tidak Kemas



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2007  
Lokasi: Padang Lerek, Tangkak

- **Ujian Bahan**

Spesifikasi kontrak menetapkan *hammer test* perlu dijalankan bagi menentukan kualiti bahan yang dibekalkan. Pihak Audit mendapati JPS tidak pernah menjalankan ujian berkenaan kerana berpendapat *precast drain* yang dibekalkan oleh pengilang adalah berkualiti tinggi berdasarkan laporan ujian dan pengesahan Jurutera Bertauliah. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati beberapa unit *precast drain* yang dipasang oleh kontraktor telah mengalami keretakan seperti di **Foto 30**.

**Foto 30**  
**Keretakan Pada Precast Drain**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2007  
Lokasi: Padang Lerek, Tangkak

- ***Handrail Tidak Disapu Dengan Cat Anti Karat***

Pemeriksaan Audit mendapati handrail tidak disapu dengan cat anti karat menyebabkannya berkarat. *Handrail* yang tidak disapu dengan cat anti karat seperti di **Foto 31**.

**Foto 31**  
***Handrail Tidak Disapu Dengan Cat Anti Karat***



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2007  
Lokasi: Padang Lerek, Tangkak

- **Kerja Pembinaan Jalan Tidak Sempurna**

Mengikut kontrak, jalan sedia ada perlu dibuat kerja *resurfacing* bagi membaiki segala kerosakan akibat dari kerja-kerja pembinaan saliran. Kos bagi kerja-kerja *resurfacing* jalan bagi Projek Sungai Padang Lerek adalah berjumlah RM405,000 iaitu dengan kadar RM45 setiap meter persegi. Lawatan Audit mendapati kerja *resurfacing* sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak telah diganti dengan kerja membina jalan baru. Bagaimanapun, tiada tuntutan tambahan dari pihak kontraktor untuk kerja-kerja tersebut dan tiada arahan secara bertulis dikeluarkan kepada kontraktor untuk melaksanakan kerja pembinaan jalan baru. Lokasi pembinaan jalan baru di sepanjang Sungai Padang Lerek dan jalan masuk ke Kampung Sri Makmur adalah seperti di **Foto 32** dan **Foto 33**.

**Foto 32**

**Pembinaan Jalan Baru**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2007  
Lokasi: Sungai Padang Lerek, Tangkak

**Foto 33**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 21 September 2007  
Lokasi: Jalan Masuk Kampung Seri Makmur

Spesifikasi kontrak menetapkan bahawa ujian tanah perlu dijalankan bagi menentukan kekuatan struktur tanah sedia ada supaya reka bentuk jalan yang bersesuaian dapat ditentukan. Pihak Audit mendapati ujian tanah tidak dilakukan sebaliknya JPS menggunakan reka bentuk jalan yang dicadangkan oleh Juru Perunding.

Mengikut piawaian *Marshall Density* yang diterima pakai oleh JKR bagi kerja-kerja pembinaan jalan, ketumpatan yang diperlukan adalah 98% ke atas. Semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan pihak JPS telah menjalankan ujian *Marshall Density* (ujian ketumpatan) terhadap premix yang digunakan. Selain itu, pihak Audit juga mendapati tiada bukti menunjukkan JPS telah memeriksa ketebalan *crusher run* dan *binder coarse* sebelum kerja-

kerja premix dijalankan. Kesannya, Lawatan Audit mengesan 5 lokasi kerosakan jalan pada jalan yang baru dibina seperti contoh di **Foto 34.**

**Foto 34**  
**Kerosakan Jalan Yang Baru Dibina**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 20 September 2007

Lokasi: Padang Lerek, Tangkak

- **Ujian Bahan Tidak Dibuat**

Kontrak menetapkan supaya kerja pemasangan cerucuk kayu keras (*timber piling*) sepanjang 6 meter dibuat terlebih dahulu sebelum kerja pemasangan *precast drain* dimulakan. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan JPS telah menghantar kayu yang dibekalkan oleh kontraktor untuk diuji terlebih dahulu bagi menentukan kualitinya sebelum kerja pemasangan cerucuk dibuat.

**Pada pendapat Audit, kualiti bahan binaan dan mutu pembinaan kurang memuaskan kerana kontraktor tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak.**

**d) Perancangan Kerja Yang Kurang Lengkap**

• **Kesinambungan Projek**

Lawatan Audit ke tapak Projek Anak Sungai Lengan Baju LB1, Mersing mendapati cabang Anak Sungai Lengan Baju (Parit Lintang No. 4) dan ulu Anak Sungai Lengan Baju masih belum dibuat menyebabkan kelodak masuk ke tapak projek. Semasa lawatan susulan pada akhir Januari 2008, pihak Audit dimaklumkan projek penyambungan di bahagian ulu Anak Sungai Lengan Baju sedang dalam proses tender manakala cabang saliran

dari Taman Mahkota ke Anak Sungai Lengan Baju belum dirancang untuk dilaksanakan. Kedudukan saliran baru dan parit lama yang akan di bina dan sedang dalam peringkat tender untuk menyambung projek yang sedia adalah seperti di **Foto 35** dan **Foto 36**.

**Foto 35**  
**Saliran Ulu Anak Sungai Yang  
Telah Ditender**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Januari 2008  
Lokasi: Ulu Anak Sg. Lengan Baju

**Foto 36**  
**Cabang Anak Sungai Yang Belum  
Belum Dirancang Untuk Dilaksanakan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Januari 2008  
Lokasi: Parit Lintang No. 4, Cabang Anak Sg. Lengan Baju

- **Saluran Air Keluar Tidak Dibina**

- Adalah diperhatikan terdapat 4 lokasi di sepanjang Projek Saliran Anak Sungai Lengan Baju, Mersing di mana wujud aliran air sama ada melalui parit kecil yang dibina atau air bawah tanah di kawasan projek. Bagaimanapun, saluran air keluar (*outlet*) tidak dibina di kawasan berkenaan untuk menyalurkan air ke dalam saliran utama. Ini menyebabkan aliran air berkenaan bertakung dan akhirnya melimpah masuk ke dalam sistem saliran yang dibina. Kesan jangka panjang pula boleh menyebabkan berlakunya hakisan tanah. Contoh saluran air keluar (*outlet*) yang sepatutnya dibina tetapi tidak dibina seperti di **Foto 37** dan **Foto 38**.

**Foto 37**  
**Tiada Saluran Air Keluar (Outlet) Masuk Ke Sistem Saliran**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 19 September 2007  
Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju, Mersing

**Foto 38**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 19 September 2007  
Lokasi: Anak Sungai Lengan Baju, Mersing

- Terdapat sebuah parit lama yang dibina untuk mengalirkan air dari Taman Merdeka ke Sungai Lengan Baju. Bagaimanapun, pihak kontraktor tidak membina saluran air keluar yang sempurna bagi membolehkan air dari parit lama disalurkan ke dalam sungai. Sebaliknya, slab sedia ada telah dipecahkan bagi membolehkan air masuk ke sungai seperti di **Foto 39** dan **Foto 40**.

**Foto 39**  
**Outlet Tidak Dibina**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 September 2007  
Lokasi: Taman Merdeka, Sungai Lengan Baju

**Foto 40**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 September 2007  
Lokasi: Taman Merdeka, Sungai Lengan Baju

- **Handrail Tidak Dibina**

Tujuan utama *handrail/pagar keselamatan* dibina adalah untuk menjaga keselamatan orang awam. Semasa lawatan di tapak Projek Utama Sg. Lengan Baju, Mersing, pihak Audit mendapati *handrail/pagar keselamatan* tidak dibina berhampiran penempatan penduduk. Sebaliknya, *handrail/pagar keselamatan* dipasang di rizab saliran. Anggaran kawasan yang tidak dipasang *handrail* adalah 200 meter panjang seperti di **Foto 41**.

**Foto 41**  
**Handrail / Pagar Keselamatan Tidak Dipasang**  
**Di Kawasan Penempatan Penduduk**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 September 2007  
Lokasi: Sungai Lengan Baju, Mersing

**Pada pendapat Audit, kontrak yang dibuat tidak dirancang dengan sempurna kerana beberapa perkara penting tidak diambil kira seperti saluran air keluar dan pagar keselamatan.**

e) **Cerutan (*Bottle Neck*) Di Sistem Saliran Yang Baru Dibina**

Matlamat utama Projek Saliran Bandar adalah untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan yang dikenal pasti. Kebiasaannya, punca banjir adalah disebabkan sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung pertambahan kadar air larian disebabkan oleh pembangunan yang pesat di kawasan berkenaan. Oleh itu, Projek Saliran Bandar melibatkan kerja-kerja melebarkan sistem saliran sedia ada, membina tembok penahan hakisan, membina kolam takungan dan sebagainya. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati pembetung jambatan sedia ada tidak dibesarkan supaya sama dengan lebar saliran yang baru dibina. Keadaan ini menyebabkan berlakunya cerutan. Keadaan cerutan ini berlaku di 4 Projek Saliran Bandar yang dilawati seperti berikut:

- i) Projek Saliran Utama, Sungai Lengan Baju, Mersing seperti di **Foto 42** dan **Foto 43**.

**Foto 42**  
Cerutan Di Bawah Jambatan Menghalang Laluan Air



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Januari 2008  
Lokasi: Sungai Lengan Baju, Mersing

**Foto 43**  
Cerutan Di Bawah Jambatan Menghalang Laluan Air



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 September 2007  
Lokasi: Sungai Lengan Baju, Mersing

- ii) Projek Tembok Penahan Hakisan Tebing Sungai Skudai di Taman Aman seperti di **Foto 44**.

**Foto 44**  
Cerutan Di Bawah Jambatan Menghalang Laluan Air



Sumber:Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 31 Julai 2007  
Lokasi: Taman Aman, Senai

- iii) Projek Tebatan Banjir, Kampung Batu 25 (Fasa 1), Sungai Tembioh, Kota Tinggi seperti di **Foto 45**.

**Foto 45**  
Cerutan Di Bawah Jambatan Menghalang Laluan Air



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Ogos 2007  
Lokasi: Kg. Batu 25, Sg. Tembioh, Kota Tinggi

- iv) Projek Tembok Penahan Hakisan Tebing Parit Semerah, Pontian seperti di **Foto 46**.

**Foto 46**  
Cerutan Di Bawah Jambatan Menghalang Laluan Air



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 September 2007  
Lokasi: Parit Semerah, Pontian

**Pada pendapat Audit, matlamat projek tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana pembetung yang sempit boleh menyebabkan banjir kilat.**

**f) Kesesuaian Reka Bentuk Saliran**

**i) Projek Tebatan Banjir, Kg. Batu 25, Sungai Tembioh, Kota Tinggi**

**• Ketinggian Geoprotect Kurang Sesuai**

Mengikut kontrak, kerja pemasangan geoprotect bagi menahan tebing sungai hanya setinggi 0.5 meter daripada dasar sungai. Bagaimanapun, sekiranya berlaku air pasang atau hujan lebat, paras air akan meningkat melebihi ketinggian tersebut. Mengikut rekod Unit Hidrologi, aras air semasa hujan lebat adalah 0.8 meter dan boleh menyebabkan hakisan tebing sungai. Geoprotect yang dipasang berbanding paras air sungai dalam keadaan normal seperti di **Foto 47** dan **Foto 48**.

**Foto 47**  
Paras Air Sungai Dalam Keadaan Normal



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Ogos 2007  
Lokasi: Sg. Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi

**Foto 48**  
Paras Air Sungai Semasa Hujan Lebat



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 2 April 2008  
Lokasi: Sg. Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi

**• Kesesuaian Geoprotect Sebagai Penahan Tebing**

Semakan Audit mendapati JPS tidak dapat mengemukakan laporan ujian bahan bagi menentukan kesesuaian bahan ini digunakan sebagai penahan tebing bagi projek ini. Lawatan Audit pada akhir bulan Ogos 2007 mendapati geoprotect yang dipasang gagal menahan pergerakan tanah seperti di **Foto 49**.


**Foto 49**  
**Lokasi Kegagalan Struktur Tebing Sungai**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28 Ogos 2007  
Lokasi: Sungai Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi

Bahan yang sama pernah digunakan dalam projek penahan tebing Sungai Kampung Singapura, Tanjung Sedili di mana projek berkenaan gagal apabila ianya runtuh dalam tempoh tidak lebih satu tahun selepas siap dibina. Maklumat ini diperoleh daripada pengaduan awam yang diterima oleh JPS, Kota Tinggi. Kegagalan geoprotect untuk menahan tebing sungai Kampung Singapura adalah seperti di **Foto 50**.

**Foto 50**  
**Penahan Tebing Menggunakan Geoprotect Runtuh**



Sumber: Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran, Kota Tinggi  
Tarikh: 4 April 2007  
Lokasi: Sungai Kampung Singapura, Tarjong Sedili

**Pihak Audit berpendapat, geoprotect tidak sesuai digunakan sebagai penahan tebing sungai di Projek Tebatan Banjir Kg. Batu 25, Sungai Tembioh, Kota Tinggi.**

- **Pembinaan Tebing Sungai Yang Curam**

Diperhatikan terdapat beberapa lokasi di mana cerun tebing sungai yang dibina oleh pihak kontraktor adalah terlalu curam. Adalah dianggarkan kawasan cerun tebing yang curam ini adalah sepanjang 50 meter dengan kecuraman hampir 75 darjah. Kesan daripada pembinaan tebing yang terlalu curam menyebabkan berlaku runtuh tanah sepanjang lebih kurang 20 meter di tebing yang belum dipasang geoprotect. Lawatan Audit pada akhir bulan Ogos 2007 iaitu semasa projek dalam pembinaan menunjukkan tebing yang curam seperti di **Foto 51** dan **Foto 52**.

**Foto 51**  
**Pembinaan Tebing Sungai Yang Curam**




**Foto 52**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28 Ogos 2007 dan 29 Ogos 2007  
Lokasi: Sungai Tembioh, Kota Tinggi

Lawatan susulan ke tapak projek pada akhir bulan Januari 2008 mendapati tebing berkenaan telah runtuh semasa hujan lebat yang berlaku sekitar bulan Disember 2007. Keruntuhan tebing ini juga telah menyebabkan geoprotect yang dipasang telah tercabut seperti di **Foto 53** hingga **Foto 55**.

**Foto 53**  
**Tebing Sungai Yang Runtuh Kerana Terlalu Curam**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Januari 2008  
Lokasi: Sungai Tembioh, Kota Tinggi

**Foto 54**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Januari 2008  
Lokasi: Sungai Tembioh, Kota Tinggi

**Foto 55**  
**Kesan Geoprotect Yang Tercabut Menyebabkan Tebing Runtuh**




Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Januari 2008  
Lokasi: Sungai Tembioh, Kota Tinggi

## ii) Projek Saliran Bandar Segamat PT-02-04 Mukim Gemereh, Segamat

Semakan Audit terhadap lukisan kejuruteraan mendapati tiada kerja-kerja pembinaan cerun di ch 1060. Bagaimanapun, lawatan Audit ke lokasi berkenaan mendapati kontraktor telah membina cerun yang terlalu curam dan tiada tanaman tutup bumi dilakukan. Anggaran kecerunan adalah melebihi 75 darjah. Selain itu, parit/longkang juga tidak dibina bagi mengalirkan air dari cerun berkenaan. Menurut JPS Daerah Segamat, pihak kontraktor terpaksa membina cerun yang agak curam kerana JPS tidak memasukkan peruntukan

kos Pengambilan Balik Tanah di dalam projek berkenaan. Pihak Audit menganggarkan pembinaan cerun yang curam adalah sepanjang 30 meter. Cerun yang curam ditunjukkan seperti di **Rajah 2** dan **Foto 56**.

**Rajah 2**  
**Pembinaan Cerun Yang Curam di Tebing Saliran**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 17 September 2007  
Lokasi: Ch 1060m , Saliran Bandar Segamat PT02-04

**Pada pendapat Audit, pembinaan cerun yang curam tanpa tanaman tutup bumi dan parit bagi mengalirkan air boleh menyebabkan berlakunya tanah runtuh di kawasan berkenaan.**

#### **g) Keselamatan Di Tapak Pembinaan**

Bagi memastikan keselamatan awam di tapak projek terutamanya projek yang berada di kawasan sepanjang jalan awam, laluan awam dan terowong, pagar awam sepatutnya dibina. Kos pembinaan pagar ini adalah ditanggung oleh kontraktor terlibat. Lawatan Audit di dua tapak projek iaitu Projek Tebatan Banjir, Sungai Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi dan Projek Saliran Bandar di Parit Besar, Batu Pahat didapati tiada pagar keselamatan dibina di sepanjang tapak projek. Projek tersebut masing-masing melibatkan kawasan laluan awam kerana terletak di kawasan perumahan, jalan raya utama dan kawasan sekolah. Lokasi terlibat adalah seperti di **Foto 57** dan **Foto 58**.

**Foto 57**  
**Pagar Keselamatan Tidak Dibina**  
**Di Kawasan Penempatan Penduduk**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Ogos 2007  
Lokasi: Sungai Tembioh, Batu 25, Kota Tinggi

**Foto 58**  
**Pagar Keselamatan Tidak Dibina**  
**Di Kawasan Sekolah Dan Tepi Jalan Raya**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2007  
Lokasi: Parit Besar Batu Pahat

Pada pendapat Audit, pagar keselamatan yang tidak dibina di tapak projek boleh membahayakan orang awam.

#### **h) Keberkesanan Projek**

Matlamat utama projek adalah untuk mengatasi masalah banjir di kawasan yang dikenal pasti. Bagi menentukan keberkesanan projek yang dilaksanakan, pihak Audit telah membuat lawatan susulan ke Projek Anak Sungai Lengan Baju, Mersing dan Projek Tebatan Banjir Kg. Batu 25, Sungai Tembioh, Kota Tinggi semasa musim tengkujuh pada awal bulan Disember 2007. Pihak Audit mendapati banjir tidak berlaku di kawasan Projek Anak Sungai Lengan Baju, Mersing. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan banjir telah berlaku di Projek Tebatan Banjir Kg. Batu 25, Sungai Tembioh, Kota Tinggi sebanyak 3 kali dan yang terakhir pada awal Januari 2008. Projek ini masih di peringkat pembinaan dan dijangka siap pertengahan bulan Disember 2007. Punca utama masalah banjir kilat di kawasan berkenaan adalah seperti berikut:

- i) Sungai Tembioh tidak mempunyai rizab dan mengalir ke kawasan tanah persendirian. Proses pengambilan balik tanah masih belum dibuat.
- ii) Keadaan semula jadi kawasan tanah sekeliling yang rendah iaitu sekitar 1.5 meter hingga 2.0 meter dari paras laut.
- iii) Saliran yang telah dinaik taraf hanya sepanjang 300 meter sahaja kerana kawasan di hulunya yang kini terlibat dengan projek Pusat Ikan Hiasan belum dibuat pengambilan balik tanah. Di kawasan ini juga terdapat pembetung yang agak kecil menyebabkan kelambatan air surut dan seterusnya berlaku limpahan di kawasan sekeliling.
- iv) *Cross-section* di bawah jambatan Jalan Johor berhampiran Kampung Batu 25 ini tidak dilebarkan bagi menampung peningkatan kapasiti aliran air ketika hujan lebat.

**Pada pendapat Audit, Projek Saliran Bandar ini telah dapat mencapai matlamatnya dalam mengatasi masalah banjir kilat di kawasan yang dipilih kecuali di Projek Tebatan Banjir Kampung Batu 25, Sungai Tembioh, Kota Tinggi.**

#### **6.2.8 Penyenggaraan Sistem Saliran**

Menurut JPS, tanggungjawab untuk menyenggara semua sistem saliran yang telah siap dibina di kawasan bandar adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan peruntukan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974. Oleh itu, JPS melaksanakan kerja penyenggaraan biasa sekiranya perlu dan menyerahkan projek yang telah siap dibina kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Justeru, JPS tidak menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala.

Semakan Audit mendapati JPS juga tidak memohon peruntukan khusus untuk kerja-kerja penyenggaraan semua projek saliran bandar yang telah dibina olehnya. Sebaliknya, kerja-kerja penyenggaraan dilakukan oleh Unit Penyenggaraan JPS yang juga terlibat untuk menyenggara semua sistem saliran termasuk saliran bandar. Kerja-

kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut keperluan dan baki peruntukan yang ada. Pihak Audit telah memilih 4 projek yang telah siap dibina pada tahun 2005 hingga 2007 untuk memastikan semua saliran yang siap dibina diselenggara dengan baik. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati perkara seperti berikut:

**a) Projek Tembok Penahan Hakisan Tebing Di Cabang Sungai Skudai, Taman Aman**

Projek ini telah siap dibina oleh JPS pada akhir bulan Februari 2007. Lawatan Audit akhir bulan Julai 2007 dan temu bual yang dibuat dengan penduduk sekitar mendapati kerja-kerja penyenggaraan tidak dijalankan secara berkala selepas projek itu disiapkan. Kesannya dapat dilihat di mana tanah mendak di kiri dan kanan tebing sungai menyebabkan tumbuhan hidup dengan subur dan boleh menyempitkan sungai. Sampah sarap juga tidak dibersihkan. Saliran yang tidak diselenggara adalah seperti di **Foto 59** dan **Foto 60**.

**Foto 59**

**Saliran Tidak Disenggara**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 31 Julai 2007  
Lokasi: Cabang Sungai Skudai, Taman Aman

**Foto 60**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 31 Julai 2007  
Lokasi: Cabang Sungai Skudai, Taman Aman

**b) Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Utama SLB Dan LB3/2 Sungai Lengan Baju Dan LB1 Taman Mersing**

Projek ini telah disiapkan oleh JPS pada pertengahan bulan Mac 2006. Lawatan Audit ke tapak projek telah dibuat pada awal bulan September 2007. Pihak Audit mendapati mendapan tanah di kiri dan kanan tebing sungai yang menyebabkan tumbuhan hidup subur di kawasan sepanjang lebih kurang 140 meter. Keadaan ini telah menyebabkan dasar sungai semakin cetek dan mengganggu pengaliran air. Pihak Audit telah mengukur kedalaman sungai tersebut dan mendapati kedalaman sungai adalah 1.4 meter berbanding kedalaman 2 meter mengikut lukisan kejuruteraan. Ini bermakna lumpur telah mendap setebal lebih kurang 0.6 meter dari dasar sungai tersebut. Saliran yang tidak disenggara adalah seperti di **Foto 61**.

**Foto 61**  
**Saliran Tidak Disenggara**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11 September 2007

Lokasi: Sungai Lengan Baju.

Lawatan Audit ke tapak projek di Taman Mahkota pula mendapati tanah telah mendap di kiri dan kanan *gabion* yang dibina menyebabkan tumbuhan hidup subur. Keadaan ini boleh menyempitkan aliran sungai seperti di **Foto 62**.

**Foto 62**  
**Saliran Tidak Disenggara**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11 September 2007

Lokasi: Sungai Lengan Baju LB 3/2

Pada pendapat Audit, tahap penyenggaraan terhadap saliran yang telah dibina tidak memuaskan kerana JPS tidak menyediakan jadual

penyenggaraan secara berkala dan tiada peruntukan khusus bagi tujuan penyenggaraan.

#### 6.2.9 Keperluan Modal Insan

Unit Saliran Bandar, JPS Negeri Johor bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, memohon peruntukan serta memantau program bagi seluruh Negeri Johor. Bagi tujuan tersebut, Unit ini memerlukan bilangan pegawai dan kakitangan yang mencukupi serta mempunyai asas latihan yang berkaitan dengan saliran bandar.

##### a) Guna Tenaga

Unit Saliran Bandar diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred J52 dan dibantu oleh seorang Pembantu Teknik Gred J38, seorang Juruteknik Gred J22 dan 3 orang Juruteknik Gred J17. Butiran lanjut mengenai struktur organisasi Unit Saliran Bandar seperti di **Carta 4**.

**Carta 4**  
Carta Organisasi Unit Saliran Bandar JPS Negeri Johor



Sumber: JPS Negeri Johor

Di peringkat JPS Daerah-daerah pula, Unit Saliran Bandar diketuai oleh Jurutera Daerah dan dibantu oleh Pembantu Teknik Gred J36/J29 dan Juruteknik J26 hingga Gred J17 seperti di **Carta 5**.

**Carta 5**  
**Struktur Organisasi Unit Saliran Bandar JPS Daerah**  
**Johor Bahru/Kota Tinggi/ Pontian/ Muar/Segamat/Mersing/Batu Pahat**



Sumber: JPS Negeri Johor

Bilangan pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan Projek Saliran Bandar di peringkat Ibu Pejabat dan daerah-daerah yang dipilih iaitu JPS Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi, Pontian, Muar, Segamat, Mersing dan Batu Pahat adalah seramai 42 orang berbanding dengan perjawatan yang diluluskan seramai 45 orang. Kedudukan mengikut gred jawatan adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Bilangan Perjawatan Mengikut Gred**

Bil.	Perjawatan	Di Iulus	Diisi	Kekosongan
1.	Pengarah Gred J54	1	1	-
2.	Pen.Pengarah Gred J52	1	-	1
3.	Tim. Pengarah Gred J48	3	3	-
4.	Jurutera Gred J44	4	3	1
5.	Jurutera Gred J41	4	4	-
6.	Pem. Teknik Gred J38	2	1	1
7.	Pem. Teknik Gred J36	1	1	-
8.	Pem. Teknik Gred J29	6	6	-
9.	Juruteknik Gred J26	1	1	-
10.	Juruteknik Gred J22	3	3	-
11.	Juruteknik Gred J17	19	19	-
<b>Jumlah</b>		<b>45</b>	<b>42</b>	<b>3</b>

Sumber: JPS Negeri Johor

Semakan Audit mendapati kekosongan 2 jawatan berlaku di peringkat JPS Negeri Johor yang terdiri daripada kakitangan Gred J52 dan Gred J38 serta satu jawatan di peringkat JPS Daerah Batu Pahat iaitu kakitangan Gred J48. Temu bual dan semakan terhadap senarai tugas pula mendapati pegawai-pegawai terlibat juga menjalankan kerja-kerja pemantauan terhadap projek-projek yang lain. Ini menyebabkan Projek Saliran Bandar tidak dapat dipantau dengan teliti yang menyebabkan beberapa kelemahan dan kecacatan sebagaimana yang dibangkitkan dalam perenggan-perenggan sebelumnya.

**Pada pendapat Audit, pengisian perjawatan adalah tidak mencukupi bagi JPS memantau Projek Saliran Bandar. Akibatnya, kakitangan yang sama**

**ditugaskan untuk memantau projek-projek selain daripada Projek Saliran Bandar. Ini menyebabkan projek tidak dapat dikawal selia dengan berkesan.**

**b) Latihan**

JPS mempunyai 3 buah institusi latihan yang mengendalikan secara khusus latihan teknikal kepada kakitangannya iaitu Institut Pembangunan Kompetensi, Kuala Lumpur; Institut Pembangunan Kompetensi Ipoh, Perak dan Institut Pengurusan Air Negara, Kota Bharu Kelantan. Semakan Audit terhadap fail kursus bagi pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan Projek Saliran Bandar mendapati 20 (47.6%) daripada 42 kakitangan di bahagian ini telah dihantar menghadiri 21 jenis kursus yang berkaitan dengan saliran bandar di institusi tersebut bagi tempoh 2005 hingga 2007. Kakitangan yang terlibat adalah terdiri daripada 9 kakitangan kumpulan sokongan dan 11 kakitangan kumpulan pengurusan. Kursus yang dihadiri ialah seperti Kursus Pengairan, Kursus Reka Bentuk Saliran Bandar mengikut MASMA, Kursus Kejuruteraan Sungai, Kursus Asas MASMA dan Kursus Asas Tebatan Banjir.

**Pada pendapat Audit, latihan yang diberi adalah memuaskan kerana meliputi bidang yang berkaitan dengan saliran bandar tetapi masih tidak mencukupi kerana 47.6% kakitangan sahaja yang menghadirinya dan sebahagian besar yang menghadirinya adalah kakitangan Kumpulan Pengurusan.**

**6.2.10 Prestasi Kewangan**

**a) Kos Projek Saliran**

Semakan Audit mendapati sejumlah RM27.27 juta telah diterima dalam tahun 2005 hingga 2007 berbanding dengan RM29.02 juta yang dimohon. Seterusnya perbelanjaan tahunan dari tahun 2005 hingga 2007 adalah berjumlah RM25.08 juta. Butiran mengenai peruntukan yang telah diterima dan dibelanjakan sehingga Disember 2007 adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Permohonan, Peruntukan Dan Perbelanjaan Untuk Saliran Bandar**

Tahun	Peruntukan			Peratus Belanja (%)
	Dimohon (RM Juta)	Diluluskan (RM Juta)	Dibelanja (RM Juta)	
2005	10.00	10.00	9.54	95.4
2006	9.02	8.77	8.39	95.7
2007	10.00	8.50	7.15	84.1
<b>Jumlah</b>	<b>29.02</b>	<b>27.27</b>	<b>25.08</b>	<b>92.0</b>

Sumber: JPS Negeri Johor

Peruntukan yang diterima telah diagihkan kepada Ibu Pejabat dan 8 JPS Daerah untuk digunakan bagi melaksanakan projek sebagaimana yang dirancang. Berdasarkan peratusan perbelanjaan tahunan bagi program ini, JPS telah berjaya membelanjakan 92% daripada peruntukan yang diterima.

**Pada pendapat Audit, JPS telah membelanjakan peruntukan yang diberi dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk melaksanakan projek yang dirancang.**

**b) Prestasi Bayaran Projek**

Semakan Audit terhadap rekod bayaran mendapati pembayaran dibuat dengan teratur berdasarkan tuntutan bayaran kemajuan kerja yang dikemukakan oleh pihak kontraktor. Bayaran kepada 7 projek telah dijelaskan sepenuhnya, manakala satu projek lagi masih dibayar mengikut kemajuan kerja yang dikemukakan. Perbelanjaan sebenar kesemua projek adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Prestasi Bayaran Projek Sehingga Disember 2007**

Bil.	Nama Projek	Harga Kontrak	
		Asal (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)
1.	Saliran utama SLB dan LB 3/2, Sungai Lengan Baju	1.04	1.10
2.	Saliran Bandar Segamat PT-02-04	1.43	1.43
3.	Saliran Utama LB3 Anak Sungai Lengan Baju	0.96	0.96
4.	Parit Konkrit Sungai Padang Lerek	3.93	3.93
5.	Tembok Penahan Hakisan Tebing, Di Parit Semerah	0.80	0.80
6.	Saliran Utama Di Parit Besar Pakej 1	1.00	1.00
7.	Tebatan Banjir Kg. Batu 25, Sungai Tembioh	1.75	1.65
8.	Tembok Penahan Hakisan Tebing, Taman Aman, Senai	0.59	0.59

Sumber: JPS Negeri Johor

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhan Jabatan telah melaksanakan pembayaran dengan baik dan mengikut peraturan kewangan.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pelaksanaan Projek Saliran Bandar adalah memuaskan kerana projek-projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan mencapai matlamat pembinaannya. Bagaimanapun, JPS perlu memberi perhatian terhadap masalah cerutan dan memohon tambahan peruntukan bagi memastikan semua cadangan projek dalam Pelan Induk Saliran Bandar dapat dilaksanakan.**

### **6.3 Kaedah Pemantauan**

Jabatan telah menetapkan beberapa mekanisme pemantauan terhadap Projek Saliran Bandar bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Surat Perwakilan Kuasa oleh Pegawai Penguasa kepada wakilnya iaitu Jurutera Daerah telah dilakukan dengan betul bagi membolehkan pemantauan dan penyeliaan arahan keseluruhan kerja-kerja pada kontrak dilakukan di daerah tempat projek dilaksanakan. Antara mekanisme yang digunakan adalah seperti berikut:

#### **a) Jawatankuasa Yang Dianggotai**

Pemeriksaan Audit mendapati Pengarah JPS Negeri serta semua Jurutera JPS Daerah, Pembantu Teknik dan Juruteknik terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa Pembangunan dan Jawatankuasa Pengurusan dan Bencana. Mesyuarat Pembangunan Negeri diadakan setiap bulan manakala mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bencana diadakan mengikut keperluan ataupun setiap hujung tahun (pada musim tengkujuh). Tujuannya adalah untuk memantau dan menangani masalah berkaitan saliran terutamanya semasa banjir. Di peringkat daerah, JPS akan memantau stesen mengukur paras air sungai dan jumlah hujan yang turun yang beroperasi di sekitar daerah. Maklumat ini kemudian akan dimaklumkan kepada Bilik Gerakan di Pejabat-pejabat Daerah. Selain itu JPS juga bertanggungjawab memaklumkan projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan di daerah berkaitan untuk mengatasi masalah banjir dalam mesyuarat Jawatankuasa tersebut.

**Pada pendapat Audit, peranan dan penglibatan JPS dalam jawatankuasa yang bermesyuarat untuk mengatasi masalah banjir telah dilakukan dengan memuaskan. Segala maklumat berkaitan taburan hujan dan tindakan mengatasi banjir yang diperoleh daripada JPS dibincangkan oleh jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.**

**b) Mesyuarat Tapak**

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bilangan 3 Tahun 1981 para 3.1 (b) yang juga diterima pakai oleh JPS menyatakan mesyuarat tapak bagi kontrak bernilai RM500,000 ke atas dan tidak melebihi RM2 juta hendaklah diadakan sekurang-kurang sekali bagi tempoh sebulan untuk menyelesaikan masalah di tapak. Pemeriksaan Audit mendapati amalan sedemikian tidak dilakukan dan sepanjang tempoh kontrak hanya 2 hingga 6 mesyuarat dilaksanakan seperti di **Jadual 15.**

**Jadual 15**  
**Kekerapan Mesyuarat Tapak**

Bil.	Projek	Bilangan Mesyuarat (Kali)	Tempoh Kerja Siap (Bulan)
1.	Projek Parit Konkrit Sg. Padang Lerek, Tangkak	6	6
2.	Projek Sistem Saliran Bandar Segamat	2	9
3.	Projek Tebatan Banjir, Sg. Tembioh, Kota Tinggi	4	10
4.	Projek Utama Sg. Lengan Baju, Mersing	3	8
5.	Projek Anak Sg. Lengan Baju, Mersing	3	9
6.	Tembok Penahan Hakisan Tebing, Di Parit Semerah	3	3
7.	Tembok Penahan Hakisan Tebing, Taman Aman, Senai	Tidak Dikemukakan	5
8.	Membina Dan Menyiapkan Saliran Utama Di Pt. Besar (Pakej1)	3	10

Sumber: JPS Negeri Johor

**Pada pendapat Audit, pengurusan mesyuarat tapak oleh JPS adalah tidak memuaskan kerana tidak diadakan setiap bulan.**

**c) Laporan Kemajuan Kerja Kontrak**

Mengikut syarat kontrak, kontraktor hendaklah menyedia dan menyerahkan Laporan Kemajuan Kerja setiap bulan. Pemeriksaan Audit mendapati laporan ini hanya disediakan setiap kali mesyuarat diadakan sahaja dan bukannya setiap bulan sebagaimana dikehendaki. Manakala bagi Projek Sistem Saliran Bandar Segamat dan Projek Utama Sungai Lengan Baju, Mersing tidak dapat dipastikan kerana laporan tersebut tidak dikemukakan untuk pengauditan.

**Pada pendapat Audit, penyediaan laporan kemajuan kerja adalah tidak memuaskan kerana tidak dikemukakan setiap bulan seperti peraturan yang ditetapkan.**

**d) Buku Harian Tapak Bina**

Pemeriksaan Audit mendapati buku harian tapak bina yang diselenggara adalah seperti berikut:

**i) Buku Harian Tidak Ditandatangani**

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bilangan 4 Tahun 1988 yang juga diterima pakai oleh JPS menyatakan buku harian tapak merupakan dokumen penting yang boleh membantu semasa menilai tuntutan kontraktor, menilai kerja tambahan dan penyelesaian masalah pentadbiran kontrak. Buku harian tapak tersebut juga hendaklah ditandatangani oleh pegawai penyelia JPS dan kontraktor sepanjang masa kontrak dilaksanakan. Bagaimanapun, tiada bukti buku tersebut disemak kerana tiada tangan pegawai penyelia pada Buku Harian Tapak untuk Projek Parit Konkrit Sungai Padang Lerek, Tangkak dan Projek Sistem Saliran Bandar Segamat, Mukim Gemereh.

**ii) Buku Harian Tapak Tidak Dikemaskini**

Semakan Audit mendapati daripada 8 projek yang dilawati hanya satu projek sahaja yang menyediakan buku harian tapak dengan baik dan kemas kini iaitu Projek Membina dan Menyiapkan Saliran Utama Parit Besar, Batu Pahat. Manakala 7 projek yang lain tidak menyediakan Buku Harian tapak dengan lengkap dan kemaskini. Antara perkara yang tidak dilengkapkan dan dikemas kini dalam buku harian tersebut adalah seperti catatan butiran kontrak, penyeliaan projek, loji yang diterima, bahan yang dibina di tapak projek dan kiub konkrit yang hendak diuji.

**Pada pendapat Audit, penyediaan buku harian tapak tidak memuaskan kerana tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.**

**Pada pendapat Audit pemantauan Projek Saliran Bandar adalah tidak memuaskan kerana mesyuarat tapak dan laporan kemajuan kerja tidak dilaksanakan setiap bulan. Selain itu, buku harian tapak tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.**

## **7. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, Projek Saliran Bandar telah dirancang dengan baik kerana segala keperluan dari segi perundangan, kajian kemungkinan dan kaedah pelaksanaan projek telah disediakan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan di peringkat pelaksanaan dan pemantauan projek yang memerlukan penambahbaikan bagi memastikan projek ini

dapat mencapai matlamatnya untuk mengatasi masalah banjir di Negeri Johor. Pada pandangan Audit, pelaksanaan projek ini masih boleh dipertingkatkan lagi jika perkara-perkara berikut diperkemas dan diberi perhatian:

- a) JPS perlu melaksanakan projek selaras dengan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MASMA) memandangkan manual ini telah diperkenalkan oleh JPS sejak tahun 2001 dan Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan pada tahun yang sama.
- b) JPS perlu menyiapkan cadangan projek dalam Pelan Induk Saliran Bandar yang terdahulu sebelum menjalankan kajian pelan induk bagi bandar lain. Kajian pelan induk juga hendaklah mengambil kira keupayaan kewangan Kerajaan Negeri supaya reka bentuk saliran yang dicadangkan bersesuaian pada masa pembinaannya.
- c) JPS hendaklah memohon tambahan peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi memastikan semua cadangan projek dalam Pelan Induk dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan supaya matlamat untuk mengatasi masalah banjir dapat dicapai.
- d) JPS perlu memberi perhatian terhadap perkara-perkara penting seperti kesinambungan projek, pembinaan cerun, saluran air keluar (*outlet*), reka bentuk saliran dan sebagainya semasa menyediakan perancangan projek.
- e) JPS hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap kualiti bahan binaan dan mutu kerja pembinaan agar menepati spesifikasi yang ditetapkan.
- f) Kerja-kerja penggantian pembetung jambatan perlu diambil kira dalam kontrak bagi mengelakkan terjadinya *bottle-neck*.
- g) JPS perlu memohon peruntukan khusus untuk kerja penyenggaraan saliran dan menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala supaya saliran yang dibina sentiasa berfungsi dengan baik.
- h) JPS hendaklah membuat penstruktur semula perjawatan dengan menambah jawatan terutama di peringkat daerah bagi memastikan pelaksanaan projek pembinaan dapat dipantau dengan lebih teliti dan berkesan.
- i) Latihan kepada semua kakitangan hendaklah diberikan dengan mencukupi dan meluas kepada semua kakitangan.
- j) JPS hendaklah memantau projek dengan rapi dengan mengadakan mesyuarat tapak secara berkala, menyemak Laporan Kemajuan Kerja yang disediakan oleh kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan dan menyelenggara Buku Harian Tapak Bina dengan lengkap dan kemas kini. Tindakan hendaklah diambil terhadap kontraktor yang gagal melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat kontrak.

## **JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN NEGERI JOHOR**

### **PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN**

#### **8. LATAR BELAKANG**

**8.1** Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor (Jabatan) merupakan agensi yang bertanggungjawab membangunkan industri ternakan di Negeri Johor. Fungsi utama Jabatan ialah untuk mencegah, mengawal dan membasi penyakit haiwan dan zoonotik, menentukan bahan-bahan haiwan untuk makanan manusia adalah bersih dan selamat untuk dimakan serta menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri makanan haiwan. Jabatan telah memperkenalkan Program Pembangunan Industri Ternakan bagi membangunkan industri ternakan di Negeri Johor. Objektif Program Pembangunan Industri Ternakan adalah untuk menambah populasi ternakan, meningkatkan pengeluaran hasil ternakan, meningkatkan pengeluaran makanan ternakan, memberikan latihan kepada penternak bagi pengeluar, pemprosesan dan pengedaran produk hasil ternakan, memastikan kesihatan ternakan sentiasa pada tahap optimum, mengurangkan import, meningkatkan pendapatan penternak/peladang melalui peningkatan kuantiti dan kualiti pengeluaran secara berterusan dengan penggunaan kaedah pengeluaran yang berteknologi tinggi.

**8.2** Program Pembangunan Industri Ternakan meliputi 21 aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan antaranya mengagihkan binatang ternakan ruminan seperti lembu pedaging, lembu tenusu, kambing pedaging, program ungas, pengeluaran makanan ternakan, program pembiakan, program kesihatan veterinar, penguatkuasaan, program pembangunan sumber manusia, pembangunan keusahawanan dan pembangunan infrastruktur dan kemudahan veterinar. Jabatan telah melaksanakan Skim Pinjaman Tanpa Faedah (PINTAF) yang diberi kepada penternak/peladang bagi pembangunan industri lembu pedaging dan kambing pedaging serta Projek Padang Ragut untuk aktiviti peningkatan pengeluaran makanan ternakan. Skim PINTAF adalah skim yang melibatkan penyerahan lembu pedaging atau kambing pedaging kepada penternak dengan syarat penternak memulangkan anak pertama yang memenuhi syarat tertentu kepada Jabatan. Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM6.64 juta untuk Skim PINTAF dan RM1.75 juta untuk pembangunan Projek Padang Ragut bagi tempoh 2005 hingga 2007.

#### **9. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut di bawah Program Pembangunan Industri Ternakan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

## **10. SKOP PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah meliputi Skim PINTAF yang melibatkan aktiviti iaitu Pembangunan Industri Lembu Pedaging, Pembangunan Industri Kambing Pedaging dan Projek Padang Ragut bagi aktiviti Peningkatan Pengeluaran Makanan Ternakan di bawah Program Pembangunan Industri Ternakan. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor dan 2 Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah iaitu Segamat dan Mersing. Pengauditan meliputi transaksi dan pelaksanaan program bagi tempoh 2005 hingga 2007. Bagaimanapun skop pengauditan ini diperluaskan untuk tempoh ke belakang sekiranya perlu sehingga tahun 2000.

## **11. KAEADAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data, rekod dan dokumen berkaitan yang diselenggarakan oleh Jabatan. Dokumen yang disemak termasuklah borang permohonan, perjanjian, daftar agihan ternakan, laporan prestasi dan rekod lain yang berkaitan. Lawatan ke kawasan penternak/peladang juga dilakukan. Temu bual dengan Pegawai Perkhidmatan Haiwan dan penternak/peladang dibuat untuk mendapatkan penerangan dan penjelasan terperinci. Selain itu, soal selidik juga digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada penternak/peladang berhubung dengan pelaksanaan program ini.

## **12. PENEMUAN AUDIT**

### **12.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan aspek penting yang perlu diberikan perhatian bagi menjayakan sesuatu program. Perancangan yang rapi dapat membantu Jabatan melaksanakan program dengan teratur dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Aspek perancangan yang dinilai bagi program ini adalah seperti berikut:

#### **12.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Kerajaan Negeri menerima pakai Dasar Pertanian Negara Ke-3 bagi menentukan pembangunan sektor pertanian di negeri Johor dapat memainkan peranan ke arah meningkatkan pembangunan industri pertanian dan ternakan. Bagi sektor ternakan, penglibatan sektor swasta digalakkan untuk meningkatkan perkembangan industri ternakan. Industri ternakan dibangunkan dan dilaksanakan supaya pengeluaran daging, susu dan telur dapat memenuhi permintaan tempatan dan negara. Projek seperti ternakan lembu pedaging, lembu tenusu, kambing dan bebiri akan diberi penekanan. Bagi merealisasikan hasrat di atas, Kerajaan Negeri Johor meletakkan tanggungjawab tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor untuk menjayakannya.

#### **12.1.2 Undang-undang**

Jabatan hendaklah berpandukan kepada undang-undang yang berkaitan bagi memastikan Program Pembangunan Industri Ternakan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan lancar. Undang-undang yang berkaitan adalah seperti berikut:

**a) Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Perintah Binatang (Pengimportan) 1962**

Undang-undang mengenai kawalan penyakit terhadap pengimportan binatang dan produk haiwan serta pemindahan binatang dalam negeri dari satu tempat ke tempat yang lain.

**b) Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Kaedah-kaedah Binatang 1962**

Undang-undang mengenai kawalan pengimportan binatang mengikut pintu-pintu masuk negara yang diwartakan.

**c) Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (Pewartaan)**

Kerajaan Negeri menggunakan undang-undang ini untuk merizabkan tanah dengan tujuan dijadikan kawasan padang ragut Jabatan.

#### **12.1.3 Peraturan Berkaitan Perolehan**

Peraturan yang digunakan bagi melaksanakan program ini adalah seperti berikut:

- a) Arahan Perbendaharaan 173 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 menyatakan peraturan mengenai kaedah perolehan secara pembelian terus yang dibuat sebelum 19 Disember 2007.**
- b) Arahan Perbendaharaan 170 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2001 mengenai perolehan secara sebut harga.**
- c) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995 mengenai perolehan secara tender yang berkuat kuasa sehingga 26 Februari 2007.**
- d) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 mengenai tatacara perolehan secara tender yang berkuat kuasa mulai 27 Februari 2007.**

#### **12.1.4 Sasaran Program**

Jabatan merancang melaksanakan Skim PINTAF dengan menawarkan ternakan lembu pedaging dan kambing pedaging untuk meningkatkan bilangan ternakan dan menyediakan kawasan padang ragut untuk membantu penternak/peladang mendapatkan kawasan bagi mengusahakan ternakan dengan lebih sistematik. Sasaran pemberian kawasan padang ragut meliputi kategori penternak/peladang tradisional dan komersial. Selain itu, Jabatan menyediakan peralatan dan kemudahan untuk bantuan kepada penternak/peladang mengusahakan Projek Padang Ragut.

**a) Skim PINTAF Untuk Lembu Pedaging**

Jabatan mensasarkan pembelian ternakan lembu pedaging untuk pemberian bantuan di bawah Skim PINTAF adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Sasaran Pembelian Lembu Pedaging**

Tahun	Baka	Kuantiti (Ekor)
2005	Baka kacukan tempatan betina Baka kacukan tempatan pejantan Brahman betina Brahman pejantan	380 70 200 80
2006	Baka kacukan tempatan betina Baka kacukan tempatan pejantan Brahman betina Brahman pejantan	300 50 250 100
2007	Kacukan tempatan betina Kacukan tempatan pejantan Brahman betina Brahman pejantan	400 50 630 60
<b>Jumlah</b>		<b>2,570</b>

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor*

**b) Skim PINTAF Untuk Kambing Pedaging**

Jabatan mensasarkan pembelian kambing tempatan dan import bagi bantuan Skim PINTAF untuk kambing pedaging adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Sasaran Pembelian Kambing Pedaging**

Tahun	Baka	Kuantiti (Ekor)
2005	Boer betina Boer pejantan Bebiri tempatan betina Bebiri tempatan pejantan Jamnapari betina Jamnapari pejantan	360 50 250 5 150 30
2006	Boer betina Boer pejantan Bebiri tempatan betina Bebiri tempatan pejantan	380 50 30 10
2007	Boer betina Boer pejantan Jamnapari betina Jamnapari pejantan Bebiri tempatan betina Bebiri tempatan pejantan	250 20 100 10 100 5
<b>Jumlah</b>		<b>1,800</b>

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor*

**c) Projek Padang Ragut**

Jabatan mempunyai rizab kawasan padang ragut yang diwartakan seluas 1,065.04 hektar di Daerah Segamat dan seluas 404.80 hektar di Daerah Mersing. Sehingga tahun 2004 seluas 372.17 hektar kawasan padang ragut di Daerah Segamat dan seluas 259.30 hektar di Daerah Mersing telah diberi kepada penternak/peladang. Baki kawasan padang ragut yang belum diberi di Daerah Segamat adalah seluas 692.87 hektar dan seluas 186.70 hektar di Daerah Mersing. Jabatan tidak mensasarkan pemberian baki kawasan padang ragut kerana pemberian bergantung pada bilangan permohonan yang diterima. Jabatan akan memberi bantuan berupa peralatan dan benih rumput mengikut keperluan.

**d) Sasaran Pengeluaran Daging Negeri Johor**

Sasaran Jabatan adalah untuk meningkatkan pengeluaran daging negara menjelang tahun 2010. Kementerian Pertanian dan Asas Tani telah menetapkan sasaran pengeluaran daging lembu dan kambing bagi setiap negeri. Antara pelan tindakan yang dilaksanakan merangkumi penambahan bilangan penternak bertaraf komersial bagi meningkatkan bilangan lembu dan kambing dengan melaksanakan Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut. Sasaran pengeluaran daging lembu dan kambing bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Sasaran Pengeluaran Daging Lembu Dan Kambing**  
**Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Tahun	Lembu (Tan Metrik)	Kambing (Tan Metrik)
2005	5,630	120
2006	6,180	150
2007	6,810	180

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor*

**12.1.5 Kaedah Pelaksanaan**

Skim PINTAF melibatkan proses pemilihan peserta, pemilihan ternakan, pengagihan ternakan dan perjanjian dengan peserta. Manakala Projek Padang Ragut melibatkan proses pemilihan peserta, pengagihan kepada peserta dan perjanjian dengan peserta. Jabatan merancang kaedah pelaksanaan mengikut skim dan projek seperti berikut:

**a) Skim PINTAF**

**i) Pemilihan Peserta**


Peserta yang akan menyertai Skim PINTAF bagi program pembangunan industri lembu pedaging dan kambing pedaging terdiri daripada individu yang berminat dalam industri ternakan. Jabatan menetapkan kriteria pemilihan peserta seperti berikut:

- Pemohon adalah warganegara Malaysia.
- Berumur 18 tahun ke atas.

- Permohonan mestilah menggunakan borang yang telah disediakan.
- Mempunyai pengetahuan asas dan pengalaman mengenai pengurusan ternakan ruminan.
- Mempunyai kemudahan asas untuk ternakan seperti kawasan berpagar, kandang dan pasung.
- Memiliki sekurang-kurangnya 5 ekor bibit lembu dan 5 ekor bibit kambing atau bebiri.

Carta aliran proses pemilihan peserta Skim PINTAF ditunjukkan di **Carta 6**.

**Carta 6**  
**Carta Aliran Proses Pemilihan Peserta Skim PINTAF**



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

## ii) Pemilihan Ternakan

Lembu pedaging dan kambing pedaging yang dipilih untuk peserta Skim PINTAF adalah daripada baka tempatan dan baka luar negara. Lembu pedaging dan kambing pedaging yang dibeli daripada luar negara ialah lembu baka Brahman dan kambing Boer daripada Australia. Jenis baka ternakan ini dipilih kerana telah terbukti tahan lasak dan cepat menyesuaikan diri dengan makanan dan persekitaran tropika, mempunyai kandungan daging yang tinggi dan berpotensi tinggi bagi tujuan pembangunan baka. Spesifikasi dan kriteria pemilihan lembu pedaging dan kambing pedaging yang ditetapkan oleh Jabatan adalah seperti berikut:

- Lembu dan kambing berasal dari baka pedaging tempatan, baka pedaging luar negeri, baka pedaging kacukan tempatan atau baka pedaging kacukan luar negeri.
- Lembu pedaging luar negeri baka pejantan hendaklah berumur 20 bulan hingga 30 bulan dengan berat antara 350 kilogram hingga 450 kilogram dan induk betina berumur antara 12 bulan hingga 18 bulan dengan berat antara 250 kilogram hingga 300 kilogram. Manakala bagi baka pejantan kacukan tempatan pula mestilah berumur antara 24 bulan hingga 30 bulan dengan berat antara 250 kilogram hingga 350 kilogram dan induk betina berumur antara 18 bulan hingga 24 bulan dengan berat antara 200 kilogram hingga 300 kilogram.
- Kambing Betina *Boer* untuk pembiakan hendaklah berumur antara 10 bulan hingga 18 bulan dengan berat minimum 30 kilogram dan berat maksimum 40 kilogram.
- Ternakan yang dipilih mestilah diperoleh dari sumber atau kelompok ternakan yang sihat dan disahkan bebas dari jangkitan penyakit oleh Jabatan sebelum ternakan dihantar ke Pejabat Veterinar Daerah. Ternakan yang dibekalkan hendaklah dari kumpulan pembiak yang disahkan. Bagi memastikan lembu dan kambing yang dipilih adalah baik, lembu dan kambing tersebut akan dibekalkan bersama-sama dengan dokumen berikut:
  - Pengenalan iaitu kenyataan yang mengandungi keterangan penuh pengenalan lembu dan kambing tersebut; dan
  - Sijil Kesihatan bagi mengesahkan bahawa semua lembu dan kambing adalah sihat secara klinikal dan bebas dari sebarang penyakit dan kesemua lembu dan kambing telah diperiksa.


Lembu dan kambing yang memenuhi kriteria di peringkat pertama akan diasingkan untuk melalui peringkat pemeriksaan klinikal. Contoh darah diambil dan dihantar ke Makmal Veterinar untuk ujian penyakit dan mengenal pasti status kesihatannya. Ternakan yang melepassi ujian saringan akan diberi Sijil Kesihatan Veterinar. Sijil Kesihatan Veterinar merupakan surat akuan tentang status


kesihatan ternakan yang disahkan oleh pegawai Jabatan. Ternakan diberi nombor tag, suntikan pelalian dan rawatan jika perlu sebelum proses penghantaran dan pengagihan kepada penternak. Menurut syarat kontrak ternakan import yang dibekalkan hendaklah menjalani tempoh penyesuaian di ladang pembekal antara 7 hingga 14 hari dari tarikh ternakan sampai untuk tujuan penyesuaian dan pemulihan.

### **iii) Pengagihan Ternakan**

Lembu dan kambing yang dipilih dan disahkan bebas daripada penyakit akan dihantar atau diagih kepada penternak yang telah berjaya. Ternakan diagih berdasarkan jadual bekalan mengikut bilangan ternakan yang ditetapkan. Penghantaran akan dibuat terus kepada penternak oleh pembekal. Sijil Kesihatan Veterinar dan Borang Penghantaran Ternakan/Akuan Penerimaan Ternakan perlu disertakan. Borang Penghantaran Ternakan akan ditandatangani oleh pegawai Jabatan di peringkat daerah dan Surat Akuan Penerimaan akan ditandatangani oleh peserta. Aliran proses mengenai pemilihan dan pengagihan ternakan Skim PINTAF adalah seperti di **Carta 7**.

**Carta 7**  
**Carta Aliran Pemilihan dan Pengagihan Ternakan**





Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

#### iv) Perjanjian Dengan Peserta

Penternak yang dipilih untuk menyertai Skim PINTAF dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan. Perjanjian yang disediakan oleh Jabatan ini adalah untuk memastikan kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Negeri dan penternak menjaga kepentingan masing-masing. Dokumen Perjanjian Skim PINTAF mengandungi maklumat seperti nama peminjam, bilangan ternakan yang diterima, pulangan balik, pelanggaran syarat dan hak untuk membatalkan perjanjian akan diambil kira. Tujuannya adalah untuk memantau prestasi kemajuan peserta dan memudahkan Jabatan mendapatkan balik pulangan atas ternakan. Antara syarat perjanjian adalah seperti berikut:

- Penternak hendaklah memulangkan kepada Kerajaan anak pertama setelah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
- Penternak hendaklah menjaga dengan sempurna ternakan yang diserahkan.
- Membayar ganti rugi kepada Kerajaan terhadap kehilangan atau kecederaan ternakan yang timbul dari kecuaian pihak penternak.
- Tidak boleh menjual atau memindah milik tanpa kebenaran bertulis daripada Kerajaan.

#### v) Projek Ladang Pengganda

Di bawah Skim PINTAF Jabatan melaksanakan Projek Ladang Pengganda sebagai satu langkah meningkatkan industri pengeluaran daging di negeri Johor dan menghasilkan pengeluaran baka bermutu serta melahirkan penternak bertaraf komersial. Jabatan akan memilih penternak yang berkelayakan dan mempunyai potensi untuk melaksanakan Projek Ladang Pengganda. Jabatan mengimport ibu dan baka pejantan Brahman dan kambing Boer untuk diagih

kepada penternak tersebut. Jabatan mensasarkan pemberian 100 ekor lembu Brahman dan 100 ekor kambing *Boer* kepada setiap penternak yang dipilih.

**b) Projek Padang Ragut**


**i) Pemilihan Peserta**

Pemilihan peserta terhadap permohonan menyertai Projek Padang Ragut terdiri daripada 2 kategori penternak/peladang iaitu:

- **Kategori Penternak/Peladang Tradisional**
  - Pemohon adalah warganegara Malaysia dan telah bermastautin di negeri Johor sekurang-kurangnya 5 tahun.
  - Sedang mengusahakan ternakan di kawasan padang ragut yang diwartakan.
  - Pengusaha yang tidak mempunyai kawasan ternakan.
- **Kategori Penternak/Peladang Komersial**
  - Pemohon adalah warganegara Malaysia dan telah bermastautin di negeri Johor sekurang-kurangnya 5 tahun.
  - Mempunyai modal yang mencukupi untuk mengusahakan aktiviti penternakan.
  - Permohonan diterima daripada individu atau syarikat berdaftar.

Permohonan menyertai Projek Padang Ragut perlu menyertakan Kertas Kerja Cadangan Projek mengikut format kertas kerja yang disediakan oleh Jabatan. Proses permohonan menyertai Projek Padang Ragut adalah seperti di **Carta 8**.

**Carta 8**  
**Carta Aliran Proses Permohonan Projek Padang Ragut**



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

## ii) Pengagihan Kawasan Padang Ragut

Pengagihan kawasan padang ragut kepada penternak/peladang adalah berdasarkan keputusan pihak pengurusan yang dibuat terhadap semua permohonan yang berjaya. Penetapan kawasan padang ragut dan luas kawasan ditentukan melalui penilaian dan kesesuaianya mengikut projek yang hendak dijalankan serta jumlah bilangan ternakan yang hendak diusahakan.

**iii) Perjanjian Dengan Peserta Projek Padang Ragut**

Dokumen Perjanjian untuk menggunakan rizab padang ragut mengandungi maklumat penternak/peladang, butiran lot dan luas kawasan, tarikh perjanjian, tempoh kuat kuasa perjanjian, jenis projek, perkara berkaitan tanggungjawab Kerajaan dan pengusaha serta tindakan yang boleh diambil di atas perlanggaran syarat perjanjian.


**12.1.6 Kaedah Perolehan**

Jabatan akan menggunakan 3 kaedah bagi perolehan ternakan untuk Skim PINTAF, bekalan peralatan dan infrastruktur untuk Projek Padang Ragut seperti berikut:

**a) Perolehan Secara Tender**

Perolehan ternakan untuk Skim PINTAF yang bernilai melebihi RM200,000 akan dibuat secara tender terbuka. Jabatan akan menyediakan dokumen tender dan mengiklankan tawaran tender kepada para pembekal setelah peruntukan diluluskan. Seterusnya penilaian tender dibuat untuk tujuan pemilihan dan kelulusan Lembaga Tender Negeri Johor. Penender yang berjaya akan menandatangani kontrak. Aliran proses perolehan ternakan secara tender adalah seperti di **Carta 9**.

**Carta 9**  
**Carta Aliran Perolehan Ternakan Secara Tender**



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor


### b) Perolehan Secara Sebut Harga

Perolehan ternakan untuk Skim PINTAF dan bekalan peralatan dan kemudahan infrastruktur yang akan diberikan kepada peserta Projek Padang Ragut yang bernilai melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi RM200,000 akan dibuat melalui sebut harga. Setiap pembekal mestilah berdaftar dengan Jabatan dan aspek yang diambil kira adalah seperti pengalaman, kemampuan kewangan, kemudahan logistik serta mempunyai kredibiliti dan rekod syarikat yang baik.

### c) Bekalan Melalui Peserta Skim PINTAF

Jabatan juga mendapatkan bekalan ternakan melalui penternak yang menyertai Skim PINTAF terdahulu untuk penternak lain yang dipilih. Melalui kaedah ini, Jabatan akan menentukan semua peserta Skim PINTAF menyerahkan anak pertama ternakan yang mengikut spesifikasi kepada Jabatan. Aliran proses mendapatkan bekalan ternakan melalui peserta Skim PINTAF adalah seperti di **Carta 10**.

**Carta 10**  
**Aliran Proses Mendapatkan Bekalan Ternakan Melalui  
Peserta Skim PINTAF**



*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor*

#### 12.1.7 Keperluan Kenderaan Dan Peralatan

Jabatan Perkhidmatan Haiwan memerlukan kenderaan dan peralatan bagi membolehkan kakitangannya menjalankan tugas hariannya. Kenderaan diperlukan untuk kegunaan pegawai dalam melaksanakan tugas bagi Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut. Bagi keperluan peralatan pula, Jabatan merancang pembelian peralatan seperti kandang, pasung, tangki air, penimbang, mesin perincih, benih rumput, makanan

tambahan dan ubat-ubatan. Anggaran permohonan peralatan yang dibuat untuk Program Pembangunan Industri Ternakan adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Permohonan Pembelian Peralatan**

Tahun	Program	Jenis Peralatan	Kuantiti
2005	Program Pembangunan Industri Lembu Pedaging	Tangki air bergerak Pasung mudah alih Penimbang digital Pagar <i>Platform</i> penimbang digital <i>Rump</i> mudah alih <i>Tag applicator</i> Tanda telinga ternakan <i>Coxer shocker</i>	4 unit 5 unit 2 unit 7 unit 1 unit 1 unit 2 unit 600 pasang 8 unit
	Program Pembangunan Industri Kambing Pedaging	Tanda telinga ternakan <i>Tag applicator</i> Penimbang salter	400 pasang 10 unit 10 unit
	Program Peningkatan Makanan Ternakan	Mesin perincih Benih rumput <i>bracharia decumbens</i> Benih rumput <i>bracharia ruzienensis</i> Benih rumput <i>napier Taiwan</i>	5 unit 1,000 kg 500 kg 50 tan
2006	Program Pembangunan Industri Lembu Pedaging	Tangki air bergerak Pasung mudah alih Kurungan lembu	2 unit 2 unit 1 unit
	Program Pembangunan Industri Kambing Pedaging	Tanda telinga ternakan	2,000 pasang
	Program Peningkatan Makanan Ternakan	Peralatan Benih rumput	Tiada catatan unit
2007	Program Pembangunan Industri Lembu Pedaging	Pasung mudah alih Kandang mudah alih <i>Platform</i> penimbang digital Tanda telinga ternakan	2 unit 1 unit 1 unit 1,500 pasang
	Program Pembangunan Industri Kambing Pedaging	Tiada	
	Program Peningkatan Makanan Ternakan	Peralatan Benih rumput	Tiada catatan unit

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor


#### 12.1.8 Keperluan Modal Insan

Struktur organisasi yang baik, kakitangan yang mencukupi dan berkemahiran untuk melaksanakan tugas perlu diwujudkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan.

### a) Struktur Pengurusan

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri dibahagikan kepada 3 Bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kesihatan dan Bahagian Pembangunan Industri. Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengarah dan mempunyai 8 Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah di seluruh Negeri Johor. Bahagian Pembangunan Industri adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelaras pelbagai Program Pembangunan Industri Ternakan termasuk Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut. Carta yang menunjukkan keseluruhan struktur organisasi Jabatan adalah seperti di **Carta 11**.

**Carta 11**  
Carta Organisasi Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

### b) Keperluan Latihan

Latihan akan membantu kakitangan dan penternak meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di samping memberi pendedahan kepada maklumat terkini yang berkaitan dengan industri ternakan. Pada tahun 2005 hingga 2007, Jabatan Perkhidmatan Haiwan merancang mengadakan 17 latihan/kursus yang disusun bagi kakitangan dan

penternak berkaitan ternakan lembu dan kambing. Antara kursus yang dirancang adalah Kursus Asas Pengurusan Lembu/Kambing Pedaging, Kursus Pembiakbakaan Lembu/Kambing, Skim PINTAF Lembu/Kambing Pedaging dan Kursus Pengurusan Padang Ragut/ Pemakanan Ternakan.

#### **12.1.9 Keperluan Kewangan**

Peruntukan kewangan bagi membiayai aktiviti pembangunan industri lembu pedaging, pembangunan industri kambing pedaging dan peningkatan pengeluaran makanan ternakan disediakan di bawah Program Pembangunan Industri Ternakan. Jumlah peruntukan yang dimohon bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Permohonan Peruntukan Aktiviti Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

<b>Aktiviti</b>	<b>Cadangan Peruntukan (RM Juta)</b>		
	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>
Pembangunan Industri Lembu Pedaging	1.90	3.00	3.00
Pembangunan Industri Kambing Pedaging	0.65	0.70	0.70
Peningkatan Makanan Ternakan	0.50	2.00	1.50

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor*

#### **12.1.10 Kaedah Pemantauan**

Bagi memastikan program yang akan dilaksanakan berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat, kaedah pemantauan perlu dirancang dengan teliti. Kaedah pemantauan yang akan dijalankan oleh Jabatan adalah seperti berikut:

##### **a) Peringkat Ibu Pejabat**

Jabatan akan mengadakan mesyuarat 3 kali setahun bagi mendapatkan maklum balas serta mencari penyelesaian masalah yang dihadapi oleh penternak. Pencapaian dan prestasi penternak yang terlibat akan dibincangkan berdasarkan Laporan Prestasi Penternak yang disediakan oleh Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah.

##### **b) Peringkat Daerah**

Bagi peringkat daerah pemantauan yang dirancang bagi mencapai matlamat program adalah seperti berikut:

###### **i) Pemeriksaan Kawasan Ladang Ternakan**

Lawatan dan pemeriksaan ke ladang ternakan akan dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan penternak yang akan menjalankan program penternakan lembu dan kambing mempunyai kawasan yang bersesuaian.

**ii) Lawatan Berkala Ke Ladang Ternakan**

Lawatan berkala ke ladang ternakan dan tapak projek adalah perlu bagi memantau projek ternakan yang dijalankan. Jabatan juga akan dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh penternak dan memastikan skim ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jadual Pemantauan Ternakan PINTAF adalah jadual yang dirancang bagi semua penternak yang mendapat bantuan ternakan. Lawatan Terancang Berjadual ialah satu kaedah pengembangan yang melibatkan lawatan yang dirancang terlebih dahulu secara berkala bagi Program Pengembangan Veterinar yang memberi tumpuan kepada penternak komersial sejarar dengan Dasar Pertanian Negara di mana perusahaan secara komersial diberi galakan. Pada tahun 2006 dan 2007 daerah Segamat telah merancang melawat 7 penternak di dalam Lawatan Terancang Berjadual. Bagi pemantauan Projek Padang Ragut, Jabatan akan membuat lawatan dan siasatan jika tidak menerima Laporan Prestasi daripada penternak.

**iii) Laporan/Prestasi Bulanan Skim PINTAF**

Perkembangan penternak yang menjalankan ternakan menggunakan Skim PINTAF akan dipantau melalui Laporan/Prestasi Bulanan Program. Laporan tersebut mengandungi maklumat mengenai nama penternak, jumlah bantuan, kelahiran, jualan, serahan dan baki ternakan.

**iv) Laporan Pembangunan Projek Padang Ragut**

Penternak/peladang dikehendaki melaporkan kemajuan prestasi projek setiap 3 bulan sekali untuk dihantar kepada Pegawai Perkhidmatan Haiwan Daerah (PPHD). Kemudian PPHD akan menyediakan Laporan Pembangunan Projek Padang Ragut untuk dikemukakan kepada Pengarah.

**Pada pandangan Audit, Jabatan telah menyediakan satu perancangan yang baik dan menyeluruh bagi memastikan Program Pembangunan Industri Ternakan dapat dilaksanakan dengan jayanya.**

## **12.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan berdasarkan perancangan yang rapi dan tersusun akan menentukan kejayaan sesuatu program. Pelaksanaan pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan bagi Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut dinilai berdasarkan perkara seperti berikut:

### **12.2.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu dan kambing bagi memenuhi permintaan dalam negeri dan mengurangkan import. Kerajaan Negeri meletakkan tanggungjawab kepada Jabatan untuk menjayakannya. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program pembangunan industri ternakan mendapati

Jabatan telah melaksanakan program selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri iaitu mewujudkan Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut. Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut ini pula telah dikembangkan bagi meningkatkan pengeluaran daging dan pemakanan dengan aktiviti ladang pengganda, pembesaran projek integrasi semi-komersial kepada komersial dan mewujudkan ladang baru.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah mematuhi dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.**

#### **12.2.2 Undang-undang**

Jabatan melaksanakan program pembangunan industri ternakan berdasarkan peruntukan tertentu yang melibatkan proses berkaitan dengan ternakan. Semakan Audit terhadap pemakaian undang-undang mendapati Jabatan telah menggunakan peruntukan undang-undang yang diluluskan seperti menggunakan Akta Binatang 1953 (Pindaan 2006), Perintah Binatang (Pengimportan) 1962 dan Kaedah-kaedah Binatang 1962 untuk pembelian baka ternakan lembu pedaging dan kambing pedaging dari luar negara. Bagi tujuan pengagihan ternakan yang melibatkan perpindahan dari satu daerah ke daerah yang lain, Jabatan telah menggunakan Akta Binatang 1953 (Pindaan 2006), Perintah Binatang (Pengimportan) 1962 bagi tujuan perpindahan baka kepada penternak. Semakan Audit juga mendapati Jabatan telah mematuhi peruntukan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara iaitu pewartaan bagi merizabkan tanah untuk tujuan dijadikan kawasan Projek Padang Ragut.

**Pada pendapat Audit, akta yang ada dan diguna pakai bagi melaksanakan Program Pembangunan Industri Ternakan adalah mencukupi.**

#### **12.2.3 Pematuhan Peraturan Berkaitan Perolehan**

Jabatan hendaklah berpandukan kepada arahan dan pekeliling Kerajaan yang berkaitan bagi proses pengurusan perolehan. Semakan Audit mendapati proses pengurusan perolehan ternakan dan peralatan yang dibuat secara tender serta sebut harga telah mematuhi Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling berikut:

- a) Arahan Perbendaharaan 170 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2001 bagi perolehan secara sebut harga bagi ternakan dan peralatan seperti penimbang digital, tangki air bergerak dan mesin perincih telah dipatuhi.
- b) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995 bagi perolehan ternakan secara tender sebelum 27 Februari 2007 telah dipatuhi.
- c) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 bagi tatacara perolehan secara tender yang berkuat kuasa mulai 27 Februari 2007 bagi ternakan secara import dan tempatan juga telah dipatuhi.

**Pada pendapat Audit, peraturan yang telah ditetapkan adalah mencukupi dan telah dipatuhi sepenuhnya oleh Jabatan.**

#### 12.2.4 Pencapaian Program

Jabatan telah melaksanakan Skim PINTAF yang meliputi ternakan lembu pedaging dan kambing pedaging serta Projek Padang Ragut. Pencapaian program berdasarkan perancangan mengikut pembelian bagi kedua-dua baka ternakan dan pemberian kawasan Projek Padang Ragut adalah seperti berikut:

##### a) Skim PINTAF Untuk Lembu Pedaging

Jabatan telah meminda sasaran berdasarkan peruntukan sebenar yang diluluskan dan diterima bagi pembelian lembu pedaging untuk Skim PINTAF. Sasaran dan pencapaian pembelian lembu pedaging bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 21** dan **Rajah 3**.

**Jadual 21**  
**Pencapaian Pembelian Lembu Pedaging Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Baka	Pindaan Sasaran Yang Diluluskan (Ekor)	Kuantiti Pencapaian (Ekor)	Peratus (%)
Tahun 2005			
Kacukan tempatan betina	500	708	141.6
Kacukan tempatan pejantan	60	82	136.7
Brahman betina	200	200	100.0
Brahman pejantan	50	65	130.0
<b>Jumlah</b>	<b>810</b>	<b>1,055</b>	<b>130.2</b>
Tahun 2006			
Kacukan tempatan betina	120	120	100.0
Kacukan tempatan pejantan	20	20	100.0
Brahman betina	350	350	100.0
Brahman pejantan	35	35	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>525</b>	<b>525</b>	<b>100.0</b>
Tahun 2007			
Kacukan tempatan betina	200	162	81.0
Kacukan tempatan pejantan	30	7	23.3
Brahman betina	330	360	109.1
Brahman pejantan	30	30	100.0
Brahman kacukan tempatan pejantan	26	23	88.5
Bali betina	60	20	33.3
Bali pejantan	3	2	66.7
<b>Jumlah</b>	<b>679</b>	<b>604</b>	<b>89.0</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2,014</b>	<b>2,184</b>	<b>108.4</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

**Rajah 3**  
**Pencapaian Pembelian Lembu Pedaging**



*Sumber: Jabatan Audit Negara*

Semakan Audit terhadap pencapaian pembelian lembu pedaging bagi tempoh 2005 hingga 2007 mendapati Jabatan telah membeli 2,184 ekor lembu daripada 2,014 ekor lembu yang disasarkan iaitu pencapaian sebanyak 108.4%. Pada tahun 2005 pencapaian pembelian lembu pedaging adalah sebanyak 130.3% atau 1,055 ekor daripada 810 ekor yang disasarkan. Manakala pada tahun 2006 pencapaian adalah sama dengan sasaran iaitu sebanyak 525 ekor. Pada tahun 2007 pula sebanyak 604 ekor dibeli daripada 679 ekor yang disasarkan iaitu pencapaian sebanyak 89%. Kekurangan pencapaian disebabkan pembekal tidak dapat membekalkan lembu kacukan tempatan sebagaimana jumlah sasaran. Selain itu pencapaian pembelian lembu baka Bali betina hanya 33.3% kerana pembekal tidak dapat membekalkan ternakan mengikut spesifikasi Jabatan serta tawaran harga ditolak oleh Jabatan kerana tawaran harga yang tinggi.

**b) Skim PINTAF Untuk Kambing Pedaging**

Jabatan telah membuat penyesuaian sasaran bagi pembelian kambing pedaging untuk Skim PINTAF berdasarkan peruntukan yang diluluskan, sasaran dan pencapaian pembelian kambing pedaging bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Pencapaian Pembelian Kambing Pedaging Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**


Baka	Pindaan Sasaran Yang Diluluskan (Ekor)	Kuantiti Pencapaian (Ekor)	Peratus (%)
Tahun 2005			
Boer betina	300	300	100.0
Boer pejantan	50	50	100.0
Bebiri betina	20	0	0
Bebiri pejantan	20	0	0
Jamnapari betina	55	55	100.0
Jamnapari pejantan	10	10	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>455</b>	<b>415</b>	<b>91.2</b>
Tahun 2006			
Boer betina	200	200	100.0
Boer pejantan	25	25	100.0
Bebiri <i>Barbados Black Belly</i> betina	120	120	100.0
Bebiri <i>Barbados Black Belly</i> pejantan	10	10	100.0
Jamnapari betina	85	85	100.0
Jamnapari pejantan	10	10	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>450</b>	<b>450</b>	<b>100.0</b>
Tahun 2007			
Boer betina	222	222	100.0
Boer pejantan	25	25	100.0
Bebiri <i>Barbados Black Belly</i> betina	0	23	*
Bebiri <i>Barbados Black Belly</i> pejantan	0	6	*
<b>Jumlah</b>	<b>247</b>	<b>276</b>	<b>111.7</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,152</b>	<b>1,141</b>	<b>99.0</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Nota: \* Pencapaian tanpa sasaran

Semakan Audit terhadap prestasi pencapaian pembelian kambing pedaging bagi tempoh 2005 hingga 2007 mendapat Jabatan telah membeli 1,141 ekor kambing atau 99.0% daripada 1,152 ekor kambing yang disasarkan. Pada tahun 2005 prestasi pencapaian pembelian kambing pedaging adalah sebanyak 91.2% atau 415 ekor daripada 455 ekor yang disasarkan. Manakala pada tahun 2006, Jabatan telah dapat mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu pembelian sebanyak 450 ekor kambing. Pada tahun 2007 pula, sebanyak 276 ekor dibeli atau 111.7% daripada 247 ekor yang disasarkan. Sebanyak 23 ekor bebiri *barbados black belly* betina dan 6 ekor jantan telah dibeli tetapi tidak disasarkan oleh Jabatan. Pencapaian pembelian kambing pedaging ditunjukkan di **Rajah 4**.

**Rajah 4**  
**Pencapaian Pembelian Kambing Pedaging Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**



*Sumber: Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Johor*

**c) Projek Padang Ragut**

Pencapaian pembangunan Projek Padang Ragut berdasarkan pelaksanaan dan kemajuan projek di Daerah Segamat dan Daerah Mersing bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Pencapaian Pembangunan Projek Padang Ragut**

Daerah	Kawasan Diberi (Hektar)			Jumlah (Hektar)	Kawasan Dibangunkan (Hektar)			Jumlah (Hektar)	Peratus Dibangunkan (%)
	2005	2006	2007		2005	2006	2007		
Segamat	18.21	2.02	0	20.23	18.21	1.62	0	19.83	98.0
Mersing	37.70	0	81.00	118.70	37.70	0	0	37.70	31.8

*Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing*

Pemberian kawasan padang ragut bagi Segamat dan Mersing telah diberikan sepenuhnya kepada penternak/peladang. Bagaimanapun bagi tempoh 2005 hingga 2007, penternak/peladang telah mengusahakan 19.83 hektar atau 98% daripada 20.23 hektar kawasan padang ragut yang diberikan di Daerah Segamat. Manakala di Daerah Mersing, penternak/peladang hanya mengusahakan 37.70 hektar atau 31.8% daripada 118.70 hektar kawasan padang ragut yang diberikan. Kawasan padang ragut yang belum dibangunkan adalah seperti di **Foto 63** dan kawasan yang telah dibangunkan adalah seperti di **Foto 64**.

**Foto 63**  
**Padang Ragut Telah Diberi Tetapi Belum Dibangunkan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Februari 2008  
Lokasi: Padang Ragut Peta, Segamat

**Foto 64**  
**Padang Ragut Yang Telah Dibangunkan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 Disember 2007  
Lokasi: Padang Ragut, Mersing

Pada pendapat Audit, pencapaian terhadap sasaran pembelian ternakan dan pemberian Projek Padang Ragut adalah baik. Manakala pembangunan padang ragut di Daerah Mersing adalah tidak memuaskan kerana 68% kawasan padang ragut yang diberi tidak dibangunkan.

d) **Pengeluaran Daging Negeri**

Jabatan telah mengambil tindakan untuk meningkatkan pengeluaran daging negeri dengan melaksanakan pelan tindakan yang merangkumi penambahan bilangan penternak bertaraf komersial bagi meningkatkan bilangan lembu dan kambing dengan melaksanakan pembesaran projek integrasi semi komersial kepada komersial, mewujudkan ladang pengganda dan ladang *fidlot*. Pengeluaran daging lembu dan kambing bagi Negeri Johor adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Pengeluaran Daging Lembu Dan Kambing Bagi Negeri Johor**  
**Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Tahun	Lembu			Kambing		
	Sasaran (Tan Metrik)	Pencapaian (Tan Metrik)	Peratus (%)	Sasaran (Tan Metrik)	Pencapaian (Tan Metrik)	Peratus (%)
<b>2005</b>	5,630	5,032	89.4	120	57	47.5
<b>2006</b>	6,180	5,475	88.6	150	66	44.0
<b>2007</b>	6,810	5,801	85.2	180	68	37.8

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Semakan Audit mendapati pencapaian untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu berada pada tahap menggalakkan iaitu daripada 85.2% hingga 89.4% sepanjang tahun 2005 hingga 2007 berbanding sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Bagaimanapun pencapaian pengeluaran daging kambing tidak menggalakkan iaitu hanya mencapai sebanyak 37.8% hingga 47.5% berbanding sasaran dan mengalami penurunan bagi tempoh 2005 hingga 2007. Bagaimanapun, pencapaian pengeluaran daging kambing bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah meningkat daripada 57 tan metrik kepada 68 tan metrik.

**Pada pendapat Audit, usaha Jabatan untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu dan kambing adalah baik. Pengeluaran daging lembu negeri Johor menunjukkan pencapaian yang memuaskan. Bagaimanapun pencapaian pengeluaran daging kambing tidak selari dengan sasaran yang ditetapkan dan menurun pada setiap tahun.**

Jabatan memaklumkan sasaran pengeluaran daging kambing tidak tercapai kerana sasaran Imbangan Dagangan yang ditetapkan Kementerian Pertanian dan Asas Tani adalah terlalu tinggi dan sukar dicapai.

### 12.2.5 Kaedah Pelaksanaan

Bagi memastikan Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut berjalan dengan lancar Jabatan telah melaksanakan kaedah pelaksanaan seperti berikut:

#### a) Skim PINTAF

##### i) Pemilihan Peserta

Permohonan peserta untuk menyertai Skim PINTAF hendaklah dihantar ke Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah tempat peserta tinggal. Pemilihan pada peringkat ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemilihan Penternak peringkat daerah yang dilantik. Jawatankuasa Pemilihan Penternak kemudiannya menjalankan temu duga dan memberikan markah ke atas permohonan yang diterima seterusnya menentukan permohonan yang layak untuk dipertimbangkan. Pihak Jabatan kemudiannya menyenarai pendekkan penternak yang layak menerima ternakan dan mengemukakan senarai tersebut untuk persetujuan dan sokongan ADUN kawasan tempat penternak memohon skim ini dalam tempoh 14 hari. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 302 permohonan di Daerah Segamat dan 139 permohonan di Daerah Mersing bagi Skim PINTAF untuk lembu pedaging. Manakala sebanyak 73 permohonan di Daerah Segamat dan 43 permohonan di Daerah Mersing bagi Skim PINTAF untuk kambing pedaging. Semua pemohon yang berjaya dipilih telah mematuhi kriteria yang ditetapkan. Jumlah permohonan Skim PINTAF yang berjaya dipilih adalah seperti di **Jadual 25** dan **Jadual 26**.

**Jadual 25**  
**Jumlah Permohonan Skim PINTAF Bagi Lembu Pedaging Dan Bilangan Yang Dipilih**

Tahun	Segamat					Mersing				
	Bil. Permohonan	Layak		Dipilih		Bil. Permohonan	Layak		Dipilih	
		Bil.	Peratus (%)	Bil.	Peratus (%)		Bil.	Peratus (%)	Bil.	Peratus (%)
2005	125	44	35.2	24	54.5	47	11	23.4	11	100.0
2006	118	41	34.7	21	51.2	58	11	19.0	4	36.4
2007	59	34	57.6	8	23.5	34	6	17.6	3	50.0
<b>Jumlah</b>	<b>302</b>	<b>119</b>	<b>39.4</b>	<b>53</b>	<b>44.5</b>	<b>139</b>	<b>28</b>	<b>20.1</b>	<b>18</b>	<b>64.3</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

**Jadual 26**  
**Permohonan Skim PINTAF Bagi Kambing Pedaging Dan Bilangan Yang Dipilih**

Tahun	Segamat						Mersing					
	Bil. Permohonan	Layak		Dipilih		Bil. Permohonan	Layak		Dipilih			
		Bil.	Peratus (%)	Bil.	Peratus (%)		Bil.	Peratus (%)	Bil.	Peratus (%)		
2005	24	16	66.7	6	37.5	7	1	14.3	1	100.0		
2006	25	8	32.0	5	62.5	18	4	22.2	1	25.0		
2007	24	13	54.2	1	7.7	18	4	22.2	1	25.0		
<b>Jumlah</b>	<b>73</b>	<b>37</b>	<b>50.7</b>	<b>12</b>	<b>32.4</b>	<b>43</b>	<b>9</b>	<b>20.9</b>	<b>3</b>	<b>33.3</b>		

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

Semakan Audit terhadap permohonan bagi tempoh 2005 hingga 2007 mendapati penternak yang layak menyertai skim bagi lembu pedaging adalah seramai 119 orang iaitu 39.4% berbanding 302 pemohon di Daerah Segamat dan hanya 20.1% atau 28 penternak layak berbanding dengan 139 penternak di Daerah Mersing yang membuat permohonan. Manakala penternak yang layak menyertai skim bagi kambing pedaging adalah seramai 37 orang atau 50.7% daripada 73 permohonan di Daerah Segamat dan 20.9% atau 9 orang daripada 43 permohonan di Daerah Mersing. Bagaimanapun jumlah penternak yang berjaya bagi lembu pedaging di kedua-dua daerah dan bagi kambing pedaging di Daerah Segamat mula berkurangan pada tahun 2007 kerana Jabatan telah memperkenalkan projek ladang pengganda. Projek ini bertujuan untuk mewujudkan ladang pengganda sebagai sumber bekalan yang berterusan untuk pengusaha. Selaras dengan skim ini penternak yang berjaya telah dibekalkan sama ada dengan 100 ekor lembu atau 100 ekor kambing bagi mewujudkan penternak komersial. Oleh kerana itu bagi jumlah penternak individu secara kecil-kecilan yang dapat menyertai Skim PINTAF telah berkurangan.

**Pada pendapat Audit proses pemilihan peserta telah dilakukan dengan baik kerana pemilihan dibuat mengikut kriteria yang ditetapkan dan mengikut jumlah peruntukan yang diberi.**

#### **ii) Pemilihan Ternakan**

Jabatan telah menetapkan kriteria yang perlu dipatuhi semasa pemilihan ternakan dibuat. Bagi tahun 2005 hingga 2007 sebanyak 1,099 ekor lembu dan 319 ekor kambing telah dibeli dari pasaran tempatan. Manakala, sebanyak 1,052 ekor lembu dan 822 ekor kambing telah diimport dari luar negara. Jabatan telah melantik 2 atau 3 orang Pegawai Veterinar untuk membuat pemilihan ternakan setiap kali perolehan dibuat. Pemilihan ternakan juga dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan seperti baka ternakan, umur dan berat. Bagi setiap perolehan

baka tempatan, pemilihan dibuat di ladang pembekal dan pemeriksaan perlu direkodkan dalam Borang Pemeriksaan Teknikal Ternakan. Peringkat daerah mengesahkan sama ada semua ternakan yang diterima oleh penternak adalah sama dengan pemilihan yang telah dibuat. Bagi perolehan yang dibuat dari luar negara, pemilihan dibuat oleh pegawai veterinar yang dilantik bersama pembekal di ladang ternakan negara berkenaan. Pemilihan dan pemeriksaan perlu direkodkan dalam Borang Pemeriksaan Teknikal Ternakan. Semua ternakan yang dipilih hendaklah dikeluarkan Sijil Kesihatan sebagai pengesahan status kesihatan ternakan tersebut. Apabila ternakan tiba di ladang pembekal, pemeriksaan dilakukan sekali lagi oleh Pegawai Veterinar bagi memastikan sama ada ternakan yang diterima adalah sama dengan pemilihan yang dibuat dan kesihatan ternakan adalah baik.

Semakan Audit terhadap Borang Pemeriksaan Teknikal Ternakan dan Borang Penghantaran Ternakan bagi 9 perolehan ternakan lembu dan kambing bernilai RM1.79 juta bagi pembelian baka tempatan mendapati ternakan yang telah dihantar kepada penternak adalah sama dengan pemilihan yang dibuat bagi tahun 2005 hingga 2007. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada ternakan yang diterima adalah sama dengan pemilihan yang dibuat terhadap 4 perolehan lembu yang diimport dari luar negara bernilai RM3.02 juta pada tahun 2005 hingga 2007 kerana Borang Pemeriksaan Teknikal Ternakan semasa pemilihan di luar negara tidak dikemukakan. Pada tahun 2006 dan 2007 sebanyak 2 perolehan kambing bernilai RM761,700 yang diimport dari luar negara telah dipilih di luar negara oleh pegawai veterinar dan dihantar terus kepada penternak oleh pembekal. Baka-baka ternakan yang dipilih untuk Skim PINTAF ditunjukkan dalam **Foto 65** hingga **Foto 68**.

**Foto 65**  
**Lembu Baka Brahman**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 November 2007  
Lokasi: Ladang Mados Sermin, Segamat

**Foto 66**  
**Lembu Baka Kacukan Tempatan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 21 November 2007  
Lokasi: Felda Palong Timur 2, Segamat

**Foto 67**  
**Kambing Baka Boer**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 13 Disember 2007

Lokasi: Mukim Tenggaroh, Mersing

**Foto 68**  
**Kambing Baka Jamnapari**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 21 November 2007

Lokasi: Felda Palong Timur, Segamat

Pada pendapat Audit, pengurusan pemilihan ternakan yang dibuat oleh Jabatan adalah tidak memuaskan kerana pemilihan bagi perolehan luar negara tidak mengikut prosedur pemilihan ternakan yang ditetapkan.

### iii) Pengagihan Ternakan

Proses bekalan ternakan bermula dari tarikh pesanan sehingga tarikh ternakan diterima oleh penternak. Semakan Audit mendapati setiap bekalan lembu dan kambing telah disahkan penerimaannya oleh Pegawai Jabatan di peringkat daerah. Penternak juga telah membuat pengesahan yang sama dengan menurunkan tandatangan di dalam Borang Penghantaran Ternakan/Akuan Penerimaan Ternakan. Agihan ternakan yang telah dibuat pada tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Pengagihan Ternakan Kepada Peserta Skim PINTAF**

Tahun	Daerah Segamat				Daerah Mersing			
	Lembu (Ekor)	Kambing (Ekor)	Jumlah (Ekor)	Bil. Penternak	Lembu (Ekor)	Kambing (Ekor)	Jumlah (Ekor)	Bil. Penternak
2005	154	35	189	30	76	60	136	12
2006	214	55	269	26	65	55	120	5
2007	87	55	142	9	43	44	87	4
<b>Jumlah</b>	<b>455</b>	<b>145</b>	<b>600</b>	<b>65</b>	<b>184</b>	<b>159</b>	<b>343</b>	<b>21</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

Menurut syarat kontrak pembekal yang membekalkan ternakan import hendaklah mengkuarantin semua ternakan di ladang pembekal antara 7 hingga 14 hari dari tarikh ternakan sampai untuk tujuan penyesuaian dan pemulihian. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada ternakan yang dihantar kepada penternak telah menjalani tempoh penyesuaian sewajarnya kerana Jabatan tidak mempunyai maklumat ketibaan ternakan.

**Pada pendapat Audit, pengagihan yang dibuat adalah memuaskan. Bagaimanapun pematuhan terhadap keperluan menjalani tempoh penyesuaian tidak dapat disahkan.**

Jabatan memaklumkan akan menyediakan Borang Tempoh Penyesuaian yang dilengkapkan oleh pembekal dan disahkan oleh pegawai Jabatan.

### iv) Perjanjian

Perjanjian telah dimeterai dengan sempurna antara Jabatan dan penternak bagi penyerahan dan penerimaan ternakan Skim PINTAF. Surat Perjanjian telah disediakan dengan maklumat yang lengkap dan jelas menyatakan syarat-syarat dan tanggungjawab kedua-dua pihak. Pemohon yang berjaya dipilih sebagai penternak Skim PINTAF disyaratkan menandatangani perjanjian dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Semakan Audit terhadap 30 penternak yang berjaya menyertai Skim PINTAF mendapati kesemua penternak telah

menandatangani perjanjian. Kesemua surat perjanjian mempunyai maklumat yang diperlukan seperti tandatangan peserta, setiap peserta juga telah menamakan waris, mempunyai tandatangan saksi, serta telah ditandatangani oleh Pengarah Jabatan bagi pihak Kerajaan. Semakan Audit seterusnya mendapati surat perjanjian bagi Skim PINTAF tiada memasukkan syarat atau denda jika penternak tidak memulangkan anak daripada ternakan seperti yang tercatat di dalam Perenggan 4 Surat Perjanjian.

**Pada pendapat Audit, perjanjian antara Jabatan dan penternak telah dibuat dengan sempurna. Bagaimanapun Jabatan tidak memasukkan syarat denda jika penternak tidak menyerahkan anak pertama.**

Selain itu semakan Audit terhadap pematuhan syarat perjanjian mendapati perkara seperti berikut:

- **Penyerahan Anak Ternakan**

Mengikut perenggan 4 surat perjanjian, penternak yang menyertai Skim PINTAF dan mendapat lembu atau kambing betina mestilah menyerahkan balik kepada Kerajaan anak pertama daripada ternakan yang diterima. Penyerahan anak pertama sama ada jantan atau betina hendaklah berumur kira-kira 2 tahun 9 bulan bagi lembu dan 9 bulan bagi kambing yang hidup sihat dan sempurna. Ternakan akan menjadi hak milik penternak apabila anak ternakan telah dipulangkan kepada Jabatan. Semakan Audit mendapati bagi kedua-dua daerah ternakan lembu pedaging yang telah diterima bagi tahun 2000 hingga 2005 mendapati sebanyak 927 ekor anak lembu daripada 1,720 ekor ibu lembu atau 53.9% belum dipulangkan oleh penternak. Di Daerah Segamat sebanyak 517 ekor lembu atau 49% daripada 1,056 ekor lembu yang diterima belum menyerahkan anak ternakan kepada Kerajaan. Anak yang tidak dipulangkan terdiri daripada 116 ekor ibu dari baka lembu Brahman, dan sebanyak 196 adalah baka Kedah Kelantan. Di Daerah Mersing pula sebanyak 410 atau 61.7% daripada 664 ekor ternakan yang diterima tidak dipulangkan yang terdiri daripada 37 ekor baka lembu Brahman dan 246 ekor adalah baka Kedah Kelantan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan anak ternakan yang tidak diserahkan kerana Jabatan tidak mempunyai rekod yang kemas kini. Jumlah penyerahan anak lembu bagi tahun 2000 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Serahan Anak Lembu Pedaging Bagi Daerah Segamat Dan Daerah Mersing**  
**Tahun 2000 Hingga 2005**

Daerah	Tahun	Jumlah Ibu (Ekor)	Mati (Ekor)	Serahan Anak (Ekor)	Jualan Anak (Ekor)	Baki Belum Pulang (Ekor)	Peratus (%)
<b>Segamat</b>	2000-2003	722	56	145	224	297	41.1
	2004	200	41	29	25	105	52.5
	2005	134	7	9	3	115	85.8
<b>Jumlah</b>		<b>1,056</b>	<b>104</b>	<b>183</b>	<b>252</b>	<b>517</b>	<b>49.0</b>
<b>Mersing</b>	2000-2003	557	75	28	125	329	59.1
	2004	47	3	0	19	25	53.2
	2005	60	1	0	3	56	93.3
<b>Jumlah</b>		<b>664</b>	<b>79</b>	<b>28</b>	<b>147</b>	<b>410</b>	<b>61.7</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,720</b>	<b>183</b>	<b>211</b>	<b>399</b>	<b>927</b>	<b>53.9</b>

*Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing*

*Nota: Data 2006 tidak diambil kira kerana anak lembu belum mencapai umur serahan*

Bagi kambing pula, jumlah anak yang belum dipulangkan bagi Daerah Segamat dan Mersing adalah sebanyak 333 ekor atau 47.2% daripada 706 ekor kambing yang diterima. Bagi Daerah Segamat sebanyak 257 ekor kambing atau 77.9% daripada 330 ternakan yang diterima belum dipulangkan dan Mersing sebanyak 76 ekor kambing atau 20.2% daripada 376 ekor kambing yang diterima. Penternak yang tidak memulangkan anak ternakan menerima di antara 5 hingga 50 ekor ibu kambing dan terdapat penternak yang langsung tidak memulangkan anak pada pihak Kerajaan. Jumlah penyerahan anak kambing bagi tahun 2000 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Serahan Anak Kambing Pedaging Bagi Daerah Segamat Dan Daerah Mersing**  
**Tahun 2000 Hingga 2005**

Daerah	Tahun	Jumlah Ibu (Ekor)	Mati (Ekor)	Serahan Anak (Ekor)	Jualan Anak (Ekor)	Baki Belum Pulang (Ekor)	Peratus (%)
<b>Segamat</b>	2000-2003	230	14	52	7	157	68.3
	2004	50	0	0	0	50	100.0
	2005	50	0	0	0	50	100.0
<b>Jumlah</b>		<b>330</b>	<b>14</b>	<b>52</b>	<b>7</b>	<b>257</b>	<b>77.9</b>
<b>Mersing</b>	2000-2003	276	167	19	14	76	27.5
	2004	50	3	0	47	0	0
	2005	50	2	0	48	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>376</b>	<b>172</b>	<b>19</b>	<b>109</b>	<b>76</b>	<b>20.2</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>706</b>	<b>186</b>	<b>71</b>	<b>116</b>	<b>333</b>	<b>47.2</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

Nota: Data 2006 tidak diambil kira kerana anak lembu belum mencapai umur serahan

**Pada pendapat Audit, urusan penyerahan semula anak ternakan daripada peserta Skim PINTAF kepada Jabatan tidak memuaskan kerana jumlah penternak tidak memulangkan anak ternakan lembu dan kambing adalah tinggi.**

Jabatan memaklumkan jumlah anak ternakan yang belum diserahkan adalah tinggi disebabkan oleh faktor peningkatan kos makanan ternakan dan kekurangan kakitangan untuk pemantauan di ladang ternakan yang menjasarkan prestasi pembiakan dan pengembangan ternakan.

- Jualan Ternakan**

Anak lembu dan kambing yang dipulangkan oleh penternak dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tidak berpotensi untuk dibiakkan akan dijual. Hasil daripada jualan dimasukkan ke hasil Kerajaan. Harga jualan yang telah ditetapkan oleh jabatan bagi lembu pedaging ialah antara RM2.30 sekilogram sehingga RM4.20 sekilogram bagi lembu yang berumur melebihi 2 tahun dan telah diasing singkir dan mengikut *body score* ternakan. Manakala bagi lembu lain yang tidak mengikut spesifikasi harga jualan adalah antara RM5.20 sekilogram hingga RM6.50 sekilogram mengikut umur ternakan. Bagi kambing pula tiada kadar harga yang ditetapkan oleh Jabatan. Semakan Audit bagi Daerah Segamat dan Mersing untuk tempoh 2005 hingga 2007 mendapati sebanyak 400 ekor lembu atau 65% daripada 611 jumlah pulangan telah dijual kerana tidak mengikut spesifikasi Jabatan. Manakala bagi kambing pula

sebanyak 116 ekor atau 62% daripada jumlah pulangan sebanyak 187 ekor telah dijual kerana tidak mengikut spesifikasi. Jumlah jualan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Jualan Serahan Ternakan PINTAF Yang Tidak Memenuhi**  
**Spesifikasi Tahun 2005 Hingga 2007**

Daerah	Nilai Jualan (RM)		
	2005	2006	2007
Segamat	82,292	67,640	75,462
Mersing	40,072	28,180	33,895
<b>Jumlah</b>	<b>122,364</b>	<b>95,820</b>	<b>109,357</b>

*Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan  
Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing*

**Pada pendapat Audit, penetapan jualan ternakan adalah kurang memuaskan kerana harga jualan tidak ditetapkan bagi kambing.**

- **Baka Ternakan**

Jabatan juga melaksanakan program ini melalui kaedah pemberian lembu dan kambing jantan (baka). Setiap ekor baka yang dibekalkan berumur tidak kurang dari 3 tahun dan mempunyai ciri-ciri libido yang tinggi. Penternak diberi subsidi lembu dan kambing baka dengan tujuan setiap penternak menghasilkan sendiri baka anak lembu dan kambing. Mengikut Perenggan 13 surat perjanjian lembu baka dan Perenggan 3 surat perjanjian kambing baka, penternak akan memelihara dan menjaga ternakan selama 4 tahun bagi lembu dan 3 tahun bagi kambing dan selepas itu ternakan akan menjadi hak milik penternak. Pada tahun 2000 hingga 2007 sebanyak 153 ekor lembu jantan baka Brahman dan kacukan tempatan telah diagihkan kepada penternak bagi Daerah Segamat dan Mersing dan sebanyak 117 ekor baka kambing telah diagihkan kepada penternak tanpa betina kerana penternak mempunyai ternakan betina. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak mempunyai rekod mengenai pengembangan ternakan dan pencapaian penternak yang dibekalkan baka jantan sahaja. Tiada bukti pemantauan dijalankan kepada penternak tersebut selepas agihan dibuat.

**Pada pendapat Audit, Jabatan gagal menyediakan maklumat pengembangan baka ternakan.**

- **Kelahiran Ternakan**

Syarat perjanjian menyatakan kelahiran anak bagi ternakan yang diterima perlu dilaporkan kepada Jabatan tidak lewat daripada satu bulan selepas kelahiran. Kelahiran tersebut direkodkan di dalam Buku Pendaftaran Jabatan. Pada

kebiasaananya, dalam masa 5 tahun seekor lembu induk yang sihat boleh melahirkan 4 ekor anak dan seekor kambing induk boleh melahirkan 5 ekor anak. Daftar kelahiran ternakan bagi Skim PINTAF adalah sangat mustahak bagi memastikan pengembangan ternakan dan kejayaan skim dapat dipantau. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod kelahiran anak lembu dan kambing bagi ternakan yang diperoleh pada tempoh 2000 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Bilangan Ibu Dan Kelahiran Ternakan**

Jenis Ternakan	Tahun Diterima	Daerah	Bilangan Ibu (Ekor)	Jumlah Kelahiran Sehingga September 2007 (Ekor)	Peratus (%)
Lembu	2000-2003	Segamat Mersing	722 557	427 118	59.2 21.2
	2004	Segamat Mersing	200 47	85 17	42.5 36.2
	2005	Segamat Mersing	134 60	11 3	8.2 5.0
	2006	Segamat Mersing	167 51	12 4	7.2 7.8
	<b>Jumlah</b>		<b>1,938</b>	<b>677</b>	<b>34.9</b>
Kambing	2000-2003	Segamat Mersing	230 276	39 45	17.0 16.3
	2004	Segamat Mersing	50 50	- 47	0 94.0
	2005	Segamat Mersing	50 50	- 48	0 96.0
	2006	Segamat Mersing	50 10	- 4	0 40.0
	<b>Jumlah</b>		<b>766</b>	<b>183</b>	<b>23.9</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Segamat Dan Mersing

Nota: Data Bagi Tahun 2007 Tidak Berkenaan Kerana Belum Ada Kelahiran Ternakan

Semakan Audit berdasarkan nisbah seekor ibu dengan kelahiran mendapati jumlah kelahiran adalah sangat rendah bagi kedua-dua jenis ternakan. Kelahiran anak lembu hanya 34.9% atau 677 ekor anak yang lahir berbanding dengan 1,938 ekor lembu betina yang diternak bagi tempoh 2000 hingga 2006. Bagi kambing pula hanya sebanyak 23.9% atau 183 kelahiran berbanding 766 ekor kambing betina yang diternak bagi tempoh yang sama. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat memastikan pengembangan ternakan secara berterusan bagi setiap peserta kerana selepas penternak memulangkan anak, Jabatan tidak lagi memantau kelahiran seterusnya dan penternak pula tidak memaklumkan kepada Jabatan.

**Pada pendapat Audit, Jabatan gagal menyediakan maklumat mengenai pengembangan kelahiran ternakan selepas penternak memulangkan anak pertama kepada Jabatan.**

- **Kematian Ternakan**

Syarat perjanjian menyatakan apabila berlaku kematian ternakan yang diterima disebabkan oleh penyakit, kemalangan atau sebab-sebab lain, Jabatan tidak akan membayar ganti rugi atau sugu hati kepada penternak. Jabatan seterusnya menamatkan perjanjian antara penternak dengan Kerajaan. Mengikut Jabatan, kadar kematian adalah tinggi apabila kematian ternakan melebihi 7% daripada jumlah ternakan yang diberi. Kadar kematian yang tinggi boleh mengakibatkan kerugian kepada Jabatan. Kadar kematian bagi lembu pedaging yang diterima pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Kadar Kematian Bagi Lembu Pedaging**

Tahun	Segamat			Mersing		
	Jumlah Ibu (Ekor)	Kematian (Ekor)	Peratus (%)	Jumlah Ibu (Ekor)	Kematian (Ekor)	Peratus (%)
2004	200	41	20.5	47	3	6.4
2005	134	7	5.2	60	1	1.7
2006	167	9	5.4	51	2	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>501</b>	<b>57</b>	<b>11.4</b>	<b>158</b>	<b>6</b>	<b>3.8</b>

*Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing*

**Jadual 32** menunjukkan kadar kematian bagi ternakan lembu pedaging Skim PINTAF yang diterima oleh penternak pada tahun 2004 di Daerah Segamat adalah tinggi iaitu 41 ekor atau 20.5% daripada jumlah ternakan yang diterima berjumlah 200 ekor. Bagaimanapun kadar kematian bagi ternakan yang diterima bagi tahun 2005 adalah rendah iaitu 7 ekor lembu atau 5.2% daripada 134 ekor lembu yang diterima. Kadar kematian juga adalah rendah pada tahun 2006 di mana sebanyak 9 ekor lembu atau 5.4% daripada 167 ekor lembu yang diterima. Kadar kematian lembu di Daerah Mersing adalah rendah bagi tahun 2004 hingga 2006 iaitu antara 1.7% hingga 6.4% daripada jumlah lembu yang diterima. Antara sebab kematian ialah penyakit *dystokia*, *septicimia* dan *acute pneumonia* dan penyakit *stress*. Kadar kematian bagi kambing pedaging yang diterima pada tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 33**.

**Jadual 33**  
**Kadar Kematian Bagi Kambing Pedaging**

<b>Tahun</b>	<b>Segamat</b>			<b>Mersing</b>		
	<b>Jumlah Ibu</b>	<b>Bil. Kematian</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>Jumlah Ibu</b>	<b>Bil. Kematian</b>	<b>Peratus (%)</b>
2004	50	0	0	50	3	6.0
2005	50	0	0	50	2	4.0
2006	50	0	0	10	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>110</b>	<b>5</b>	<b>4.5</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

Semakan Audit mendapati tiada kematian bagi kambing pedaging yang diterima pada tahun 2004 hingga 2006 di Daerah Segamat. Manakala di Daerah Mersing kadar kematian adalah rendah iaitu sebanyak 2 ekor hingga 3 ekor kambing atau 4% hingga 6% daripada jumlah kambing yang diterima. Semakan Audit selanjutnya mendapati kematian ternakan telah disahkan oleh Jabatan dan perjanjian antara penternak dan Kerajaan telah ditamatkan.

**Pada pendapat Audit, pihak Jabatan mempunyai sistem rekod kematian yang lengkap dan kemas kini kerana penternak akan memaklumkan dengan segera apabila berlaku wabak penyakit atau kematian.**

#### v) Pelaksanaan Projek Pengganda

Jabatan telah memilih 5 penternak yang berkelayakan dan mempunyai potensi untuk melaksanakan projek pengganda bagi lembu Brahman di Daerah Segamat. Manakala seorang penternak bagi lembu Brahman dan seorang penternak bagi kambing Boer telah dipilih di Daerah Mersing. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2007 sebanyak 990 ekor lembu baka Brahman betina dan 68 ekor baka jantan telah diberi kepada 5 penternak tersebut. Empat penternak telah mencapai sasaran agihan 100 ekor baka betina yang ditetapkan dan seorang lagi telah mencapai 95% daripada sasaran iaitu 95 ekor. Manakala seorang penternak bagi lembu Brahman di Daerah Mersing telah menerima sebanyak 80 ekor lembu dan seorang penternak kambing telah menerima sebanyak 70 ekor kambing.

Lawatan Audit ke kawasan projek ini telah dapat mengesahkan pengembangan projek dan kriteria pelaksanaan projek dari segi kawasan, pemilihan penternak, keperluan peralatan dan pengurusan rekod. Semakan Audit mendapati kawasan projek dijalankan di dalam ladang kelapa sawit dan keluasan seperti yang ditetapkan iaitu 400 hektar atau lebih. Penternak telah memberikan komitmen yang baik kepada Jabatan dan berkemampuan menyediakan kemudahan asas

dan makanan ternakan. Keperluan peralatan iaitu pagar elektrik, kandang, tangki air dan pam air adalah telah disediakan oleh penternak dengan mencukupi. Selain itu penternak juga telah mengamalkan pengurusan yang sistematik termasuk penyelenggaraan rekod kelahiran, rekod kematian, rekod timbangan berat, rekod rawatan dan aktiviti harian. Projek Ladang Pengganda Lembu Brahman adalah seperti di **Foto 69**.

**Foto 69**  
**Projek Ladang Pengganda Lembu Brahman**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 22 November 2007

Lokasi: Ladang Mados Sermin, Segamat

Pada pendapat Audit pelaksanaan Skim PINTAF adalah tidak memuaskan kerana jumlah penternak tidak memulangkan ternakan bertambah setiap tahun, kadar kelahiran yang rendah dan pulangan yang tidak mengikut spesifikasi dan ternakan tidak dapat di pawah semula. Bagaimanapun pelaksanaan projek ladang pengganda adalah baik kerana pengembangan projek mempunyai potensi untuk mencapai objektif dengan jaya.

**b) Projek Padang Ragut**

**i) Pemilihan Peserta Projek Padang Ragut**

Pemilihan peserta Projek Padang Ragut bagi penternak tradisional dan komersial dibuat oleh panel pemilihan setelah semua kriteria dipenuhi. Semakan Audit mendapati proses pemilihan peserta Projek Padang Ragut dibuat mengikut proses yang ditetapkan. Bagaimanapun semakan Audit seterusnya terhadap fail permohonan peserta mendapati setiap peserta perlu mendapat persetujuan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Projek Padang Ragut berkaitan sungguhpun tidak diperlukan dalam proses

pemilihan. Bilangan permohonan dan pemilihan yang berjaya bagi penyertaan padang ragut di kedua-dua daerah ditunjukkan seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Permohonan dan Pemilihan Padang Ragut Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Status	Segamat			Mersing			Jumlah
	2005	2006	2007	2005	2006	2007	
<b>Bilangan Permohonan</b>	14	12	29	2	0	30	<b>87</b>
<b>Bilangan Berjaya</b>	2	1	0	1	0	1	<b>5</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

Semakan Audit mendapati 5 peserta yang berjaya iaitu 6% daripada 87 permohonan bagi tempoh 2005 hingga 2007 di Daerah Segamat dan Daerah Mersing. Semakan Audit juga mendapati sehingga tahun 2007, seramai 29 pemohon di Segamat telah diterima dalam tempoh antara 3 hingga 20 bulan dan 30 pemohon di Mersing yang telah ditemui duga pada akhir bulan Mei 2007 belum dibuat pemilihan.

**Pada pendapat Audit proses pemilihan peserta padang ragut adalah memuaskan kerana mengikut proses kerja yang ditetapkan tetapi tiada tempoh proses permohonan ditetapkan. Kesannya terdapat keputusan pemilihan mengambil masa yang panjang untuk dibuat.**

## ii) Pengagihan Projek Padang Ragut

Kerajaan Negeri telah mewartakan beberapa kawasan sebagai rizab padang ragut Jabatan untuk diberikan kepada penternak/peladang yang berkelayakan mengusahakan projek-projek ternakan mereka. Sehingga tahun 2007 sebanyak 15 kawasan padang ragut telah diwartakan mengikut kawasan di Segamat dengan keluasan keseluruhan 1,065 hektar. Di Mersing seluas 408.5 hektar kawasan telah diwartakan sebagai rizab padang ragut dengan pecahan kepada 5 kawasan padang ragut. Pengagihan kawasan Projek Padang Ragut bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Pengagihan Kawasan Projek Padang Ragut Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

<b>Pengagihan</b>	<b>2005</b>		<b>2006</b>		<b>2007</b>		<b>Jumlah</b>
	<b>Segamat</b>	<b>Mersing</b>	<b>Segamat</b>	<b>Mersing</b>	<b>Segamat</b>	<b>Mersing</b>	
<b>Bil. Peserta Berjaya</b>	2	1	1	0	0	1	<b>5</b>
<b>Luas Diaghikan (Hektar)</b>	18.21	37.70	2.02	0	0	81.00	<b>138.93</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

Semakan Audit mendapati pengagihan kawasan padang ragut berdasarkan penetapan kawasan dan keluasan telah dibuat kepada penternak/peladang yang berjaya telah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu setiap peserta diberikan kawasan padang ragut berdasarkan kepada projek yang hendak dijalankan dan bilangan ternakan yang hendak diusahakan. Seluas 138.93 hektar kawasan padang ragut telah diagihkan kepada 5 penternak/peladang di Daerah Segamat dan Daerah Mersing bagi tempoh 2005 hingga 2007. Sebagai contoh seorang peserta di Daerah Segamat yang telah dilawati oleh pihak Audit mempunyai 52 ekor lembu dan telah diserahkan kawasan padang ragut seluas 20.23 hektar.

**Pada pendapat Audit, pengagihan kawasan padang ragut adalah baik kerana mengambil kira kriteria yang ditetapkan dan komitmen peladang berdasarkan bilangan ternakan yang dimiliki.**

### iii) Perjanjian Dengan Peserta

Perjanjian hendaklah dimeterai antara Jabatan dengan penternak/peladang yang menyertai Projek Padang Ragut. Semakan Audit terhadap 27 penternak/peladang di Daerah Segamat yang menyertai Projek Padang Ragut dari tahun 1997 hingga 2007 mendapati seramai 14 penternak/peladang telah dimeterai perjanjian dan 13 penternak/peladang tidak dimeterai perjanjian. Daripada 12 penternak/peladang yang telah menyertai projek sejak tahun 1997 hingga 2007 di Daerah Mersing, 11 penternak/peladang telah memeterai perjanjian dan seorang penternak/peladang tidak memeterai perjanjian dengan Jabatan kerana Jabatan sedang dalam proses mengemas kini kandungan perjanjian penggunaan kawasan padang ragut.

Menurut syarat perjanjian, penggunaan kemudahan padang ragut mempunyai tempoh tertentu yang ditetapkan. Bagaimanapun perjanjian ini boleh dipertimbangkan untuk dilanjutkan tempoh penggunaan padang ragut dengan permohonan bertulis dikemukakan kepada Jabatan. Semakan Audit mendapati kesemua 14 perjanjian di Daerah Segamat telah tamat tempoh

antara tahun 2002 hingga 2006 dan satu daripada 11 perjanjian telah tamat tempoh pada tahun 2000 di Daerah Mersing. Tiada permohonan bagi melanjutkan tempoh penggunaan padang ragut dibuat oleh peserta. Bagaimanapun kesemua penternak/peladang tersebut masih menggunakan kemudahan padang ragut. Syarat perjanjian menyatakan bahawa kegagalan penternak/peladang melaksanakan projek boleh mengakibatkan pembatalan perjanjian selepas notis 3 bulan diberikan. Semakan Audit seterusnya mendapati 4 penternak/peladang di Daerah Segamat dan seorang penternak/peladang di Daerah Mersing yang mendapat kawasan padang ragut seluas 207 hektar tidak mengusahakan projek sejak diluluskan pemberian kawasan padang ragut antara tahun 1999 hingga 2004. Bagaimanapun Jabatan telah membatalkan kelulusan penggunaan kawasan padang ragut kepada 3 daripada 4 penternak/peladang di Daerah Segamat pada tahun 2006 dan seorang penternak di Daerah Mersing pada tahun 2002. Semakan Audit menunjukkan Jabatan telah mengambil tindakan selaras dengan perjanjian.

**Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian dengan peserta adalah memuaskan kerana Jabatan tidak menguatkuasakan syarat perjanjian yang telah dimeterai di antara penternak dengan Kerajaan.**

#### **12.2.6 Kaedah Perolehan**

Jabatan telah mengambil 3 kaedah untuk perolehan ternakan Skim PINTAF dan bekalan peralatan serta infrastruktur Projek Padang Ragut. Tiga kaedah yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

##### **a) Perolehan Secara Tender**

Jabatan telah mengendalikan 10 perolehan ternakan Skim PINTAF secara import dan tempatan pada tahun 2005 hingga 2007 melalui tender bernilai RM5.3 juta. Semakan Audit terhadap semua perolehan tersebut mendapati Jabatan telah mematuhi peraturan dan prosedur perolehan secara tender yang ditetapkan. Lembaga Tawaran Negeri telah melantik pembekal ternakan berdasarkan kepada harga yang munasabah, syarat tender yang disediakan semasa memanggil tender dan keupayaan pembekal yang telah dinilai. Pembekal telah menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank bersamaan 5% daripada nilai tawaran dan dokumen kontrak telah ditandatangani.

##### **b) Perolehan Secara Sebut Harga**

Jabatan juga telah mengendalikan 62 perolehan secara sebut harga bernilai RM3.1 juta bagi tempoh 2005 hingga 2007 untuk perolehan ternakan dan bekalan peralatan serta kemudahan infrastruktur Projek Padang Ragut. Semakan Audit terhadap 25 sebut harga bagi perolehan ternakan dan peralatan mendapati sebut harga telah dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya 5 pembekal Bumiputera yang berdaftar

dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan. Jabatan juga telah melantik Jawatankuasa Pembuka Sebut harga untuk membuka sebut harga pada waktu yang telah ditetapkan dan Jawatankuasa Sebut harga juga telah memilih dan menerima tawaran sebut harga yang paling munasabah dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan Jabatan.

**c) Bekalan Melalui Peserta Skim PINTAF**

Anak lembu dan kambing yang dipulangkan oleh penternak kepada Jabatan hendaklah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan untuk diagih semula kepada peserta lain yang berjaya. Antara spesifikasi pemilihan ternakan untuk diagih semula ialah anak lembu jantan hendaklah berumur antara 18 hingga 24 bulan, mempunyai berat 250 kilogram dan 180 kilogram bagi lembu betina. Manakala bagi anak kambing betina hendaklah berumur 9 hingga 12 bulan dengan berat 18 kilogram ke atas. Ternakan tersebut mestilah mempunyai satu hingga 2 pasang gigi dan status kesihatan yang baik dan berpotensi untuk membiak. Semakan Audit terhadap rekod anak lembu dan kambing yang diterima melalui kaedah pulangan balik daripada Skim PINTAF mendapati Jabatan telah menerima anak lembu dan kambing yang diserahkan oleh peserta Skim PINTAF. Jabatan seterusnya telah mengambil tindakan mengasing singkir anak lembu dan kambing yang diterima sebelum diserahkan semula kepada penternak Skim PINTAF yang lain. Bagi anak lembu dan kambing yang tidak menepati spesifikasi dan diasing singkir dijual kepada umum. Bagi tempoh 2000 hingga 2006 sebanyak 211 ekor atau 34.5% daripada 611 ekor lembu yang dipulangkan kepada Jabatan adalah mengikut spesifikasi dan diagihkan semula kepada penternak lain. Semakan Audit juga mendapati bagi tempoh 2000 hingga 2006 daripada 186 ekor anak kambing yang diterima hanya 71 ekor atau 38.2% mengikut spesifikasi Jabatan dan boleh diagih semula kepada penternak Skim PINTAF yang lain. Jumlah ternakan yang diagih adalah rendah iaitu kurang 50% daripada pulangan. Bilangan lembu pedaging dan kambing pedaging yang diagih semula adalah seperti di **Jadual 36** dan **Jadual 37**.

**Jadual 36**  
**Bilangan Lembu Pedaging Yang Diagih Semula**  
**Bagi Tempoh 2000 Hingga 2006**

Tahun Terima	Daerah	Serahan			
		Jualan Anak	Diagih Semula	Jumlah	Peratus Diagih Semula (%)
2000-2003	Segamat Mersing	224 125	145 28	369 153	39.3 18.3
2004	Segamat Mersing	25 19	29 0	54 19	53.7 0
2005	Segamat Mersing	3 3	9 0	12 3	75.0 0
2006	Segamat Mersing	1 0	0 0	1 0	0 0
<b>Jumlah</b>		<b>400</b>	<b>211</b>	<b>611</b>	<b>34.5</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

**Jadual 37**  
**Bilangan Kambing Pedaging Yang Diagih Semula**  
**Bagi Tempoh 2000 Hingga 2006**

Tahun Terima	Daerah	Serahan			
		Jualan Anak	Dipawah Semula	Jumlah	Peratus Dipawah Semula (%)
2000-2003	Segamat Mersing	7 14	52 19	59 33	88.1 57.6
2004	Segamat Mersing	0 47	0 0	0 47	0 0
2005	Segamat Mersing	0 48	0 0	0 48	0 0
2006	Segamat Mersing	0 0	0 0	0 0	0 0
<b>Jumlah</b>		<b>116</b>	<b>71</b>	<b>187</b>	<b>38.0</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

**Foto 70** menunjukkan contoh anak lembu di Ladang Felcra Sekijang, Segamat yang boleh dipawah semula apabila cukup umur.

**Foto 70**  
**Anak Lembu Untuk Dipawah Semula**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 November 2007

Lokasi: Ladang Felcra Sekijang, Segamat

Pada pendapat Audit, kaedah perolehan secara tender dan sebut harga telah dibuat dengan baik dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun kaedah perolehan bekalan melalui peserta Skim PINTAF bagi ternakan lembu dan kambing adalah tidak memuaskan kerana kebanyakan anak yang diserahkan pada Jabatan tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan untuk diagih semula dan jumlah yang diagih semula adalah rendah.

Jabatan memaklumkan jumlah ternakan yang diagih semula adalah rendah kerana masalah pengurusan ternakan di pihak penternak, penyakit ternakan dan keupayaan pemantauan oleh kakitangan Jabatan di ladang ternakan.

#### 12.2.7 Keperluan Kenderaan dan Peralatan

##### a) Kenderaan

Kenderaan yang sesuai adalah amat diperlukan bagi kemudahan kakitangan untuk melaksanakan lawatan ke ladang ternakan dan membuat rawatan ternakan apabila diperlukan. Keadaan kenderaan yang baik adalah sangat mustahak memandangkan kawasan ternakan dan padang ragut yang jauh dan jalan perhubungan yang kurang sempurna. Kenderaan yang terdapat di Daerah Segamat dan Daerah Mersing adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Kenderaan Yang Terdapat Di Daerah**  
**Segamat Dan Mersing**

Daerah	Jenis Kenderaan	Tahun Diperoleh
Segamat	Mitsubishi Pajero	2001
	Isuzu Trooper	1980
	Pick Up	1996
Mersing	Mitsubishi Pajero	1992
	Pick Up	1991
	Isuzu (Lori)	1991

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat Dan  
Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing

Semakan Audit mendapati kedua-dua Pejabat Perkhidmatan Daerah diperuntukkan 3 kenderaan di mana 5 kenderaan telah mencapai umur melebihi 10 tahun. Kenderaan tersebut telah digunakan bagi semua unit iaitu Unit Rawatan Penyakit, Klinik Veterinar, Unit Ruminan dan Non Ruminan, Unit Agronomi Dan Pemakanan Ternakan. Di samping itu kenderaan juga telah digunakan oleh kakitangan di Mukim dan juga Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan bagi menjalankan aktiviti Jabatan. Kos penyelenggaraan kenderaan bagi tempoh 2005 hingga 2007 bagi Daerah Segamat berjumlah RM43,011 dan Daerah Mersing berjumlah RM15,668. Kenderaan jenis Isuzu Trooper yang digunakan di Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat seperti di **Foto 71**.

**Foto 71**  
**Kenderaan Jenis Isuzu Trooper Untuk Kegunaan**  
**Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Februari 2008  
Lokasi: Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat

**b) Peralatan**

Jabatan telah membuat pembelian peralatan dan mesin untuk tujuan kegunaan Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut. **Jadual 39** menunjukkan keperluan dan pembelian bagi tahun 2005 hingga 2007.

**Jadual 39**  
**Keperluan Dan Pembelian Peralatan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Aktiviti	Jenis Peralatan	Harga Seunit (RM)	Anggaran Kuantiti Pembelian	Kuantiti Pembelian Sebenar
<b>Tahun 2005</b>				
Pembangunan Industri Lembu Pedaging	Penimbang digital Tangki air bergerak Coxer shocker Pasung mudah alih Rump mudah alih Pagar siklon	5,000 12,000 550 15,000 7,000 2,000	1 unit 1 unit 8 unit 1 unit 1 unit 1 unit	1 unit 1 unit 8 unit 1 unit 1 unit 1 unit
Pembangunan Industri Kambing Pedaging	Kandang mudah alih Alat penimbang salter Platform penimbang digital Tanda telinga ternakan	10,000 400 6,900 3	1 unit 2 unit 1 unit 1,000 pasang	1 unit 2 unit 1 unit 1,000 pasang
Peningkatan Makanan Ternakan	Mesin perincih Dawai pagar Tiang pagar konkrit Benih rumput <i>bracharia decumbens</i> Benih rumput <i>bracharia ruzienisis</i> Benih rumput <i>napier Taiwan</i>	5,300 58 15 50,000 40,000 500	8 unit 1,000 gulung 1,000 unit 1 tan 0.5 tan 50 tan	8 unit 1,000 gulung 1,000 unit 1 tan 0.5 tan 50 tan
<b>Tahun 2006</b>				
Pembangunan Industri Lembu Pedaging	Tangki air bergerak Platform penimbang digital Pasung mudah alih Tanda telinga ternakan Kandang lembu mudah alih	4,970 6,900 15,800 3 9,350	8 unit 2 unit 3 unit 1,500 pasang 2 unit	8 unit 2 unit 3 unit 1,500 pasang 2 unit
Pembangunan Industri Kambing Pedaging	Tanda telinga ternakan	3	1,500 pasang	1,500 pasang
Peningkatan Makanan Ternakan	Mesin perincih Tangki air bergerak Benih rumput <i>bracharia decumbens</i> Benih rumput <i>bracharia ruzienisis</i> Benih rumput <i>napier Taiwan</i>	5,300 5,000 50,000 40,000 500	25 unit 1 unit Tidak dinyatakan Tidak dinyatakan Tidak dinyatakan	25 unit 1 unit Tidak dinyatakan Tidak dinyatakan Tidak dinyatakan

Aktiviti	Jenis Peralatan	Harga Seunit (RM)	Anggaran Kuantiti Pembelian	Kuantiti Pembelian Sebenar
<b>Tahun 2007</b>				
Pembangunan Industri Lembu Pedaging	Tangki air bergerak Platform penimbang digital Pasung mudah alih <i>Rump</i> mudah alih	8,500 6,900 19,320 8,995	7 unit 1 unit 4 unit 1 unit	7 unit 1 unit 3 unit 1 unit
Pembangunan Industri Kambing Pedaging	Tiada	0	0	0
Peningkatan Makanan Ternakan	Mesin perincih Tiang pagar konkrit Dawai pagar Tong silaj Benih rumput <i>napier Taiwan</i> Benih rumput <i>decumbens</i> Benih rumput <i>legum leucaena</i>	5,300 15 58 100 500 50,000 3	15 unit 1,200 unit 852 gulung 60 unit 40 tan 0.5 tan 2,500 pokok	15 unit 2,000 unit 650 gulung 100 unit 66 tan 0.4 tan 700 pokok

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Semakan Audit terhadap pembelian keperluan peralatan mendapati pada tahun 2005 hingga 2007 Jabatan telah membeli kesemua peralatan bernilai RM940,315 seperti yang dirancang berdasarkan peruntukan yang diterima. Bagaimanapun peralatan yang dibeli bagi tahun 2007 untuk Aktiviti Peningkatan Makanan Ternakan terdapat kuantiti pembelian yang tidak mengikut anggaran kerana Jabatan telah membeli mengikut keperluan semasa. Semakan Audit seterusnya mendapati kesemua peralatan telah didaftarkan di dalam Daftar Harta Modal dan Inventori Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat dan Mersing. Lawatan Audit di 8 kawasan penternak yang telah mendapat kemudahan peralatan mendapati penternak telah menggunakan sepenuhnya peralatan yang telah dibekalkan. Peralatan adalah di dalam keadaan baik dan masih boleh digunakan. Peralatan yang dibekalkan kepada penternak seperti di **Foto 72** hingga **Foto 74**.

**Foto 72**  
**Pasung Mudah Alih**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 November 2007  
Lokasi: Ladang Felcra Sekijang, Segamat

**Foto 73**  
**Mesin Perincih**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 November 2007  
Lokasi: Padang Ragut Kg. Awat, Segamat

**Foto 74**  
**Tangki Air Bergerak**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 November 2007  
Lokasi: Ladang Felcra Sekijang, Segamat

Aktiviti peningkatan pengeluaran makanan ternakan telah menyediakan bantuan pembekalan benih rumput seperti rumput *napier* yang sesuai dan berkualiti untuk pemakanan ternakan terutamanya lembu dan kambing. Bantuan ini diberi kepada penternak/peladang untuk ditanam di kawasan padang ragut kerana keadaan rumput sedia ada untuk ragutan ternakan tidak mencukupi. Selain itu kaedah ini dapat mengurangkan kos penyediaan makanan seperti pembelian dedak dan sebagainya yang terpaksa ditanggung oleh para penternak/peladang sendiri.

Semakan Audit mendapati seramai 10 orang penternak/peladang daripada 30 penternak/peladang padang ragut di Daerah Segamat telah menanam rumput bermutu tinggi seperti rumput *napier* dan *brachiria decumber*. Di Daerah Mersing tiada rekod mengenai penanaman rumput diselenggarakan oleh Jabatan. Lawatan Audit mendapati penternak/peladang padang ragut menanam rumput jenis *napier* untuk makanan ternakan. **Foto 75** adalah salah satu contoh rumput yang ditanam di kawasan padang ragut di Daerah Segamat.

**Foto 75**  
**Penanaman Rumput Napier Di Kawasan Padang Ragut**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 November 2007

Lokasi: Padang Ragut Jejah, Segamat

Pada pendapat Audit, kenderaan di daerah adalah tidak mencukupi kerana perlu dikongsi oleh kesemua unit dan usia kenderaan yang telah lama. Bagaimanapun bekalan peralatan telah diuruskan dengan baik kerana semua peralatan telah didaftarkan dan digunakan sepenuhnya oleh penternak.

#### **12.2.8 Keperluan Modal Insan**

Struktur organisasi yang tersusun merupakan perkara penting dalam mengendalikan program supaya dapat berjalan dengan cekap dan berkesan. Kaitangan yang mencukupi dan organisasi yang teguh akan mengerakkan organisasi ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan.

##### **a) Struktur Pengurusan**

Pada tahun 2007, sejumlah 31 perjawatan tetap telah diluluskan di Bahagian Pembangunan Industri di Ibu Pejabat yang terdiri daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Gred G54 hingga Jaga Gred R1. Manakala bagi Daerah Segamat, Bahagian Pembangunan Industri diketuai oleh Penolong Pegawai Veterinar Gred G27, seorang Pembantu Veterinar Gred G22 dan 4 Pembantu Veterinar Gred G17. Bahagian Pembangunan Industri di Mersing diketuai oleh Pembantu Veterinar Gred G22 dan 5 Pembantu Veterinar Gred G17. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan, sejumlah 8 jawatan belum diisi di Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Ibu Pejabat dan 4 jawatan belum diisi di Daerah Segamat dan Mersing. Daripada jumlah tersebut sebanyak 8 kosongan adalah bagi jawatan Pembantu Veterinar Gred G17. Pemeriksaan terhadap fail perjawatan mendapati Jabatan telah mengemukakan cadangan pertambahan perjawatan sebanyak 54 jawatan pelbagai gred bagi seluruh negeri Johor kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor pada pertengahan tahun 2007.

**Pada pendapat Audit, kedudukan perjawatan di peringkat daerah adalah tidak mencukupi kerana pegawai terlibat dengan penyelenggaraan rekod juga**

**ditugaskan untuk membuat lawatan di kawasan penternak. Sebagai contoh di Daerah Segamat seorang pegawai Jabatan menjaga 138 penternak lembu dan kambing.**

**b) Latihan/Kursus**

Latihan secara berterusan kepada kakitangan dan penternak berkaitan dengan pengurusan rekod ternakan dan pengendalian ternakan. Jabatan telah menguruskan latihan kepada pegawai dan penternak seperti berikut:

**i) Latihan Kepada Pegawai**

Pegawai dan kakitangan yang mempunyai kemahiran dan kecekapan boleh melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih sempurna dan teliti. Semakan Audit mendapati program latihan dan kursus untuk kakitangan dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Sumber Manusia di bawah Bahagian Pembangunan Industri. Unit Pengurusan Sumber Manusia telah melaksanakan latihan mengikut kalendar yang disediakan. Kebanyakan kursus diadakan di Pusat Latihan Teknologi Veterinar Kluang dan Institut Haiwan Kluang bagi meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam menjalankan tugas pengembangan dan kegiatan pembangunan industri ternakan. Semakan Audit seterusnya mendapati latihan diberikan kepada kakitangan yang berkaitan dengan pengurusan ternakan lembu, kambing dan padang ragut. Daripada jumlah latihan yang disediakan berkaitan dengan ternakan lembu, kambing dan padang ragut seramai 8 orang kakitangan di Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat dan Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Mersing telah menjalani latihan pada tahun 2005 hingga 2007.

**ii) Latihan Kepada Penternak**

Latihan kepada penternak adalah perlu untuk melahirkan usahawan ternakan yang berjaya dan berdaya saing. Objektif latihan kepada penternak antara lain adalah untuk melatih dan memindahkan kemahiran dan pengetahuan penternakan moden kepada penternak untuk mewujudkan kumpulan penternak yang maju. Semakan Audit mendapati penternak yang telah dipilih untuk menyertai Skim PINTAF telah diberi latihan yang dianjurkan oleh Jabatan bagi memastikan bakal penternak mempunyai pengetahuan berkaitan. Jenis kursus yang dijalankan adalah kursus Pengurusan Padang Ragut, Kursus Pengurusan Lembu dan Kambing, Kursus Pembangunan Industri Ternakan dan lain-lain. Latihan ini diurus oleh Unit Pengurusan Sumber Manusia di bawah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan. Pada tahun 2005 hingga 2007 jumlah yang mendapat latihan berkaitan ternakan lembu dan kambing bagi Segamat dan Mersing adalah seramai 190 orang yang meliputi kursus berkaitan. Di samping itu Jabatan juga telah menyediakan risalah dan bahan bacaan mengenai panduan dan menternak lembu dan kambing pedaging. Seminar Industri Ternakan dan lawatan sambil belajar juga dilaksanakan oleh Jabatan.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah berjaya melaksanakan program latihan secukupnya kepada kakitangan dan penternak.**

#### **12.2.9 Prestasi Perbelanjaan**

Bagi tempoh 2005 hingga 2007 peruntukan yang diterima untuk aktiviti Pembangunan Industri Lembu Pedaging, Pembangunan Industri Kambing Pedaging dan Peningkatan Makanan Ternakan adalah berjumlah RM9.55 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM7.80 juta adalah untuk Skim PINTAF dan RM1.75 juta untuk Projek Padang Ragut. Semakan Audit terhadap prestasi perbelanjaan mendapati perkara seperti berikut:

##### **a) Skim PINTAF**

Bagi tempoh 2005 hingga 2007, peruntukan yang diterima bagi Skim PINTAF untuk aktiviti Pembangunan Industri Lembu Pedaging dan aktiviti Pembangunan Industri Kambing Pedaging adalah seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Prestasi Perbelanjaan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Aktiviti	Tahun	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
Pembangunan Industri Lembu Pedaging	2005	1.70	1.70	100.0
	2006	1.70	1.20	70.6
	2007	2.30	2.30	100.0
Pembangunan Industri Kambing Pedaging	2005	0.60	0.33	55.0
	2006	0.60	0.21	35.0
	2007	0.90	0.90	100.0
<b>Jumlah</b>		<b>7.80</b>	<b>6.64</b>	<b>85.1</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Semakan Audit terhadap prestasi perbelanjaan mendapati pada tahun 2005, Jabatan telah mendapat peruntukan berjumlah RM2.30 juta bagi aktiviti Pembangunan Industri Lembu Pedaging dan aktiviti Pembangunan Industri Kambing Pedaging. Bagi aktiviti Pembangunan Industri Kambing Pedaging hanya 55% dibelanjakan iaitu RM0.33 juta berbanding dengan peruntukan yang diterima sebanyak RM0.60 juta kerana Jabatan membatalkan pembelian 38 ekor bebiri betina dan 4 ekor bebiri jantan baka *black belly* tulen daripada Amerika Syarikat bernilai RM0.26 juta disebabkan oleh kenaikan nilai Dolar Amerika. Pada tahun 2006 bagi aktiviti Pembangunan Industri Lembu Pedaging hanya sejumlah RM1.20 juta atau 70.6% dibelanjakan daripada jumlah peruntukan sejumlah RM1.70 juta. Perkara ini disebabkan perolehan secara tender bernilai RM0.49 juta hanya dibekalkan pada bulan Januari 2007 dan bayaran telah dibuat menggunakan peruntukan tahun semasa berjumlah RM0.25 juta sahaja kerana pembekal tidak dapat membekalkan sebahagian ternakan bernilai RM0.24 juta. Begitu juga bagi aktiviti Pembangunan Industri Kambing Pedaging hanya RM0.21 juta atau 35.0% telah dibelanjakan

berbanding sejumlah RM0.6 juta yang diperuntukkan kerana bekalan berjumlah RM0.39 juta hanya diterima pada bulan Januari 2007 dan dibayar menggunakan peruntukan tahun semasa. Pada tahun 2007 kesemua peruntukan telah dibelanjakan.

**b) Projek Padang Ragut**

Bagi tempoh 2005 hingga 2007, peruntukan yang diterima bagi Projek Padang Ragut untuk aktiviti Peningkatan Pengeluaran Makanan Ternakan adalah seperti di **Jadual 41**.

**Jadual 41**  
**Prestasi Perbelanjaan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Aktiviti	Tahun	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
Peningkatan Pengeluaran Makanan Ternakan	2005	0.5	0.5	100
	2006	0.5	0.5	100
	2007	0.75	0.75	100
<b>Jumlah</b>		<b>1.75</b>	<b>1.75</b>	<b>100</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

**Jadual 41** menunjukkan Jabatan telah membelanjakan kesemua peruntukan yang diterima berjumlah RM1.75 juta.

**Pada pendapat Audit, peruntukan yang diterima bagi aktiviti Pembangunan Industri Lembu Pedaging dan Pembangunan Industri Kambing Pedaging tidak diuruskan dengan baik kerana terdapat perbelanjaan yang tidak dibelanjakan sepenuhnya. Manakala prestasi perbelanjaan bagi aktiviti Peningkatan Pengeluaran Makanan Ternakan adalah baik di mana peruntukan yang diterima dibelanjakan sepenuhnya dan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan.**

**Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit pelaksanaan bagi Skim PINTAF adalah kurang memuaskan dari aspek kelemahan perjanjian, pemulangan anak ternakan, serahan anak tidak mengikut spesifikasi dan pengembangan ternakan. Akibatnya, jumlah ternakan yang sepatutnya boleh diagih untuk Skim PINTAF semula berkurangan. Jabatan tidak dapat mengetahui jumlah pengembangan ternakan dan jumlah pendapatan penternak yang menyertai Skim PINTAF. Pelaksanaan Projek Padang Ragut juga kurang memuaskan dari aspek pembangunan kawasan, tempoh proses permohonan dan penguatkuasaan perjanjian. Akibatnya, kemudahan yang telah disediakan tidak digunakan dan menyekat peluang bagi penternak lain.**

### 12.2.10 Analisis Maklum Balas Soal Selidik

Pihak Audit telah membuat lawatan di 26 ladang penternak di daerah Segamat dan daerah Mersing. Semasa lawatan, satu soal selidik telah diajukan dengan tujuan untuk memperoleh maklum balas daripada para penternak mengenai pelaksanaan program dan masalah yang dihadapi. Data mengenai maklum balas yang diterima adalah seperti di **Jadual 42**.

**Jadual 42**  
**Analisis Maklum Balas Penternak Terhadap Soal Selidik Yang Diajukan**

Bil.	Soal selidik	Maklum balas Diterima	Bilangan Penternak	Peratus (%)
<b>Tindakan Oleh Penternak</b>				
1.	Penerimaan bantuan peralatan/mesin	Berpuas hati Tidak Berpuas hati	14 12	54 46
2.	Pelaporan kelahiran/kematian ternakan kepada JPH	Tindakan Dibuat Tindakan Tidak Dibuat	18 8	69 31
3.	Pemahaman terhadap kandungan Surat Perjanjian	Tindakan Dibuat Tindakan Tidak Dibuat	26 -	100 0
4.	Pengiraan ternakan	Tindakan Dibuat Tindakan Tidak Dibuat	22 4	85 15
5.	Perekodan bilangan ternakan	Tindakan Dibuat Tindakan Tidak Dibuat	17 9	65 35
6.	Perekodan kelahiran ternakan	Tindakan Dibuat Tindakan Tidak Dibuat	17 9	65 35
7.	Perekodan kes penyakit/kematian ternakan	Tindakan Dibuat Tindakan Tidak Dibuat	16 10	62 38
8.	Pendapatan Penternak	RM3,001 dan ke atas RM2,501 hingga RM3,000 RM2,001 hingga RM2,500 RM1,501 hingga RM2,000 RM1,001 hingga RM1,500 RM500 hingga RM1,000 Kurang dari RM500 Tidak menyatakan	6 1 2 1 2 4 2 8	23 4 8 4 8 15 8 31
<b>Tindakan Oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan</b>				
1.	Pemberian bantuan ternakan/peralatan/mesin mencukupi	Berpuas hati Tidak Berpuas hati	6 20	23 77
2.	Perkhidmatan kesihatan memuaskan	Berpuas hati Tidak Berpuas hati	24 2	92 8
3.	Pengesahan fizikal ternakan	Berpuas hati Tidak Berpuas hati	10 16	42 61

Sumber: Jabatan Audit Negara

Hasil daripada kajian soal selidik berkenaan, pada keseluruhannya penternak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan perkhidmatan Haiwan kecuali beberapa perkara seperti berikut:

- i) Daripada 26 penternak seramai 20 orang penternak atau 77% menyatakan bantuan adalah tidak mencukupi.
- ii) Seramai 16 penternak atau 61% menyatakan kakitangan Jabatan tidak membuat pengesahan fizikal ternakan.
- iii) Seramai 9 orang penternak atau 35% menyatakan lawatan ke ladang ternakan tidak pernah dilakukan oleh kakitangan Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya penternak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan khususnya berkaitan khidmat nasihat pelaksanaan program dan perkhidmatan kesihatan.**

### **12.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang sistematik dan berterusan merupakan elemen penting dalam memastikan program berjalan lancar dan mencapai matlamatnya. Jabatan perlu menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa terhadap pelaksanaan program khususnya dari segi kemajuan penternak dan peningkatan pendapatan penternak. Jabatan melaksanakan pemantauan melalui peringkat seperti berikut:

#### **12.3.1 Peringkat Ibu Pejabat**

Jabatan memantau pelaksanaan skim dengan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu dan masalah yang berkaitan skim yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2005 hingga 2007, Ibu Pejabat telah mengadakan mesyuarat sebanyak 6 kali bagi Skim PINTAF dan 9 kali bagi Projek Padang Ragut seperti yang dirancang. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pembangunan Industri Ternakan dan dihadiri oleh Pegawai Veterinar Daerah dan Ketua Unit Industri (ruminan) bagi Skim PINTAF. Bagi Projek Padang Ragut mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah dan dihadiri oleh Pegawai Veterinar Daerah dan Pembantu Veterinar. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ialah mengenai pencapaian dan prestasi, bantuan kepada penternak dan cadangan penambahbaikan.

#### **12.3.2 Peringkat Daerah**

Pemantauan di peringkat daerah meliputi aspek pemeriksaan kawasan ladang ternakan, memeriksa serta menyemak laporan yang disediakan dan mengadakan lawatan ke tapak dari semasa ke semasa. Semakan Audit di peringkat pemantauan meliputi perkara berikut:

**a) Skim PINTAF**

**i) Pemeriksaan Ke Kawasan Ladang Ternakan**

Semakan Audit terhadap Borang Soal Siasat dan Penilaian Permohonan PINTAF mendapati lawatan dan pemeriksaan ke ladang ternakan bagi penternak yang layak telah dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan penternak yang akan menjalankan program penternakan lembu dan kambing mempunyai kawasan yang sesuai.

**ii) Lawatan Ke Ladang**

Lawatan ke ladang ternakan adalah bertujuan untuk memastikan ternakan yang telah diagihkan mendapat penjagaan yang baik dan juga menentukan ternakan tersebut berada dalam keadaan sihat. Semakan Audit mendapati bagi daerah Segamat dan Mersing Jadual Pemantauan Ternakan PINTAF, Jadual Lawatan Susulan Perkhidmatan Veterinar dan Borang Pemantauan Ternakan PINTAF tidak diselenggarakan. Menurut pegawai yang menjaga, lawatan yang dibuat bergantung kepada aduan daripada pihak penternak dan tidak direkodkan. Rekod tersebut perlu disediakan dan diselenggarakan dengan kemas kini untuk memudahkan pihak Jabatan membuat semakan kekerapan lawatan yang telah dibuat. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan pelaksanaan Program Pengembangan Veterinar yang telah dirancang kerana lawatan tidak direkodkan.

**iii) Laporan/Prestasi Skim PINTAF**

Jabatan juga memantau Skim PINTAF melalui laporan prestasi program yang disediakan setiap suku tahun. Laporan merangkumi kelahiran, kematian, serahan, jualan dan baki belum pulang ternakan Skim PINTAF. Laporan ini akan diteliti dan dipantau oleh pegawai yang bertanggungjawab di peringkat Jabatan. Semakan Audit mendapati laporan tidak kemas kini kerana Jabatan tidak membuat pemantauan terhadap kesemua peserta skim. Laporan dibuat berdasarkan maklumat yang diberi oleh penternak dan laporan tidak dikemaskinikan sekiranya penternak tidak menghubungi Jabatan dan lawatan tidak dibuat.

**b) Projek Padang Ragut**

Semakan Audit mendapati Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah Segamat dan Mersing telah menyediakan Laporan Pembangunan Padang Ragut setiap 3 bulan sekali untuk melaporkan kepada pihak Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan mengenai kemajuan pembangunan dan aktiviti yang dijalankan di padang ragut. Lawatan Audit ke kawasan Padang Ragut Peta Temalik dan Padang Ragut Kg. Awat di Daerah Segamat serta ke Padang Ragut Penyabong di Daerah Mersing didapati keadaan pembangunan padang ragut adalah seperti yang dilaporkan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan di peringkat ladang penternak adalah memuaskan.**

### **13. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya pencapaian matlamat dan sasaran yang ditetapkan bagi Skim PINTAF dan Projek Padang Ragut adalah kurang memuaskan. Hasil kajian Audit mendapati kelemahan seperti penternak tidak memulangkan anak lembu/kambing, serahan tidak mengikuti spesifikasi, kekurangan kenderaan dan pemantauan hendaklah diambil perhatian. Sehubungan itu, adalah disyorkan beberapa perkara perlu diberi penekanan sebagai penambahbaikan kepada projek ini antaranya adalah seperti berikut:

- a) Mewujudkan satu mekanisme bagi mengukur tahap pencapaian sesuatu aktiviti perlu dinyatakan dengan jelas semasa menyediakan perancangan.
- b) Menetapkan sasaran bagi setiap penternak untuk dicapai dalam tempoh tertentu.
- c) Memastikan pengurusan pemilihan ternakan bagi perolehan luar negara mengikut prosedur pemilihan ternakan yang telah ditetapkan.
- d) Memastikan pengesahan semasa ketibaan ternakan dari luar negara direkodkan.
- e) Memasukkan klausa dalam syarat perjanjian mengenai tindakan kepada penternak yang tidak menyerahkan balik kepada kerajaan anak daripada ternakan.
- f) Jabatan mestilah mengkaji sebab penternak tidak memulangkan anak lembu/kambing kerana jumlah ternakan yang tidak dipulangkan adalah tinggi walaupun penternak mendapat ternakan lembu dan kambing yang cukup umur dan sihat untuk membiak.
- g) Menetapkan harga jualan bagi lembu dan kambing yang tidak mengikut spesifikasi untuk di pawah semula dan mewartakan kadar harga jualan.
- h) Menyelenggarakan satu rekod mengenai pengembangan ternakan dan pencapaian penternak yang dibekalkan baka jantan sahaja.
- i) Mengambil langkah untuk mengenal pasti punca dan cara untuk mengurangkan bilangan ternakan yang tidak produktif untuk di biak.
- j) Menjalankan pemantauan khusus terhadap pengembangan anak ternakan untuk dipulang kepada Kerajaan bagi memastikannya memenuhi spesifikasi untuk dipawahkan semula.
- k) Menetapkan satu tempoh proses kerja tertentu bagi permohonan padang ragut supaya keputusan tidak mengambil masa yang lama.
- l) Membuat permohonan dan pembelian kenderaan di peringkat daerah memandangkan kebanyakan kawasan ternakan adalah jauh dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda bagi urusan pemantauan dapat dijalankan.
- m) Memperkemas lagi pencapaian prestasi perbelanjaan supaya peruntukan dapat digunakan sebaiknya dan penerimaan bekalan disempurnakan pada tahun semasa.
- n) Pemantauan terhadap penternak perlu dibuat dengan lebih berkesan supaya bantuan yang diberikan dapat mencapai objektifnya.
- o) Menyediakan satu daftar lengkap penternak komersial dan berpotensi komersial supaya dapat melaksanakan program pengembangan veterinar dengan lebih berkesan.

**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI JOHOR, PEJABAT TANAH  
JOHOR BAHRU DAN PEJABAT TANAH BATU PAHAT**

**PENGURUSAN SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER**

**14. LATAR BELAKANG**

Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) adalah satu sistem pengkomputeran yang dibangunkan untuk pendaftaran tanah mengikut undang-undang sebagaimana Jadual 14, Kanun Tanah Negara 1965. Objektif pembangunan sistem ini adalah untuk meningkatkan kecekapan kaedah pendaftaran hak milik dan urus niaga tanah supaya urusan pendaftarannya lebih berkesan tanpa mengabaikan elemen keselamatan data hak milik. Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (Kementerian) adalah dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan pembangunan sistem maklumat tanah bersama agensi pelaksana SPTB di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor adalah agensi pelaksana SPTB di peringkat negeri Johor. Perjanjian bagi melaksanakan SPTB di Negeri Johor telah ditandatangani pada bulan Mei 2000 dan sistem ini beroperasi secara berperingkat mulai bulan April 2001 di Negeri Johor dengan Syarikat Imatera Digital Image Services Sdn. Bhd. (Syarikat) sebagai kontraktor pelaksana.

**15. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan SPTB di Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

**16. SKOP PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan pengurusan pendaftaran tanah melalui SPTB di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri (PTG), Pejabat Tanah Daerah (PTD) Johor Bahru dan Pejabat Tanah Batu Pahat. Pengauditan adalah meliputi pengurusan dan transaksi SPTB dari tahun 2005 hingga 2007.

**17. KAEADAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen seperti fail bajet, fail perjawatan, dokumen hak milik, dokumen hak milik komputer, fail jopa dan fail perolehan, fail pembangunan SPTB dan minit mesyuarat. Selain daripada itu, analisis data dibuat dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) untuk menguji integriti data dari segi kesahihan, kesempurnaan dan ketepatan. Selain daripada itu, pengauditan terhadap pelaksanaan pengurusan SPTB yang merangkumi kawalan

keselamatan sistem, kawalan persekitaran dan kawalan aplikasi juga turut dilaksanakan. Lawatan dan muat turun data di PTG, PTD Johor Bahru dan PTD Batu Pahat turut dibuat bagi menganalisis data dengan menggunakan perisian ACL. Bagi tujuan ini pemilihan sampel bagi PTG adalah sebanyak 5% atau 300 fail, manakala bagi PTD Johor Bahru dan PTD Batu Pahat adalah sebanyak 5% atau 100 fail. Soal selidik terhadap kepuasan pelanggan daripada orang awam, pihak pengurusan dan kakitangan yang terlibat terhadap pelaksanaan SPTB juga dibuat bagi menilai sejauh mana SPTB dapat membantu dalam proses kerja pendaftaran hak milik. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan terlibat dibuat bagi tujuan pengesahan maklumat dan maklum balas terkini.

## **18. PENEMUAN AUDIT**

### **18.1 PERANCANGAN**

Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer memerlukan perancangan yang teliti bagi memastikan ianya dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Aspek perancangan yang dinilai bagi pengurusan SPTB adalah meliputi perkara berikut:

#### **18.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Bagi mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan jentera pentadbiran sektor awam, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan untuk menggantikan sistem manual dalam perkhidmatan awam. Pada bulan September 1987, Kabinet telah memutuskan untuk memberi tanggungjawab kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi mengendalikan pembangunan Sistem Maklumat Tanah Secara Berkomputer bertujuan mempercepatkan urusan pendaftaran hak milik tanah di pejabat tanah serta memudahkan proses mendapatkan maklumat tanah. Sehubungan itu, SPTB dibangunkan untuk menyeragamkan sistem pendaftaran hak milik dan urus niaga tanah dan semua maklumat tanah beri milik disimpan di dalam satu pengkalan data. Pada bulan April 1994, Majlis Tanah Negara memutuskan pelaksanaan SPTB di negeri-negeri Semenanjung Malaysia secara berperingkat. Pemodenan pentadbiran tanah secara menyeluruh adalah perlu bagi meningkatkan keupayaannya dan mempercepatkan proses kerja selaras dengan hasrat dan arus perkembangan ekonomi dan pembangunan negara.

#### **18.1.2 Perundangan Dan Peraturan**

Setiap pembangunan sesuatu sistem pengkomputeran perlu mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Perancangan dalam menentukan perundangan dan peraturan dengan teratur serta berkesan adalah penting supaya dapat menghasilkan pengurusan pendaftaran tanah berkomputer yang lengkap dan memuaskan. Sehubungan itu, peruntukan perundangan berkaitan dengan pelaksanaan SPTB adalah tertakluk kepada perkara seperti berikut:

**a) Kanun Tanah Negara 1965**

Kanun Tanah Negara 1965 telah digubal bagi meminda dan menyatukan undang-undang mengenai tanah dan pemegangan tanah, pendaftaran hak milik tanah, urus niaga tanah, pungutan hasil dan penguatkuasaan undang-undang tanah. Seksyen yang berkaitan dengan SPTB adalah seperti berikut:

- i) Seksyen 5A Kanun Tanah Negara (Akta A832/1992) menentukan tarikh mula berkuatkuasanya SPTB di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah apabila Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui Warta Persekutuan, menetapkan tarikh penguatkuasaan SPTB.
- ii) Apabila berkuatkuasanya SPTB, peruntukan Jadual Ke Empat Belas adalah terpakai.
- iii) Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, mengisyiharkan di dalam Warta Persekutuan, membuat apa-apa pindaan kepada mana-mana Borang di dalam Jadual Ke Empat Belas yang ia fikirkan perlu, dikehendaki atau tidak.
- iv) Apabila SPTB berkuasa di sesuatu Pejabat Pendaftaran Tanah, dokumen hak milik secara manual yang sedia ada hendaklah ditukar ganti kepada dokumen hak milik cetakan komputer.

**b) Manual Kanun Tanah Negara**

Pejabat Tanah menggunakan pakai Manual Kanun Tanah Negara yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tanah Dan Galian pada tahun 2004 sebagai panduan kerja.

**c) Manual Pengguna SPTB**

Buku Bidang Liputan SPTB disediakan oleh Kementerian untuk pengguna SPTB. Buku tersebut juga menjadi buku panduan pengguna untuk melaksanakan semua aspek urus niaga tanah, pembetulan data serta cetakan dokumen hak milik.

**d) Panduan Keselamatan SPTB**

Panduan ini memaklumkan peraturan yang perlu dipatuhi bagi menjaga keselamatan aset ICT. Panduan ini juga menggariskan peranan dan tanggungjawab serta bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagai pelaksana SPTB dan kaedah pelaksanaannya.

**e) Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**

- i) Bil. 8 tahun 1997- Urusan Penyeragaman Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan yang Terkandung Dalam Dokumen Hak Milik.
- ii) Bil. 2 tahun 2002 - Tatacara Menukar Ganti Dokumen Hak Milik Bentuk Manual Kepada Dokumen Hak Milik Cetakan Komputer Tanpa Pelan Tanah.
- iii) Bil.3 tahun 2002 - Penggunaan Kertas Bagi Dokumen Hak Milik Daftar Komputer.
- iv) Bil.4 Tahun 2002 - Tatacara Penyimpanan Dokumen Hak Milik Daftar Yang Telah Ditukar Ganti Kepada Dokumen Hak Milik Komputer.

### **18.1.3 Terma Dan Syarat Kontrak/Pelan Pelaksanaan**

Satu Memorandum Persefahaman (MOU) antara Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Kementerian) dan Kerajaan Negeri Johor yang diwakili oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Johor ditandatangani sebagai persetujuan antara kedua-dua pihak untuk melaksanakan SPTB. Memorandum Persefahaman ini menggariskan peranan dan tanggungjawab serta bidang kuasa antara kedua-dua belah pihak dalam melaksanakan SPTB, kaedah pelaksanaan dan kos pembiayaan ditanggung oleh Kementerian.

#### **a) Pembangunan, Pelaksanaan Dan Penyenggaraan Aplikasi SPTB**

Sebuah Syarikat dipertanggungjawabkan untuk membangun dan melaksanakan SPTB di PTG dan PTD seluruh Negeri Johor. Syarikat dikehendaki menyediakan tapak, membekalkan perkakasan, perisian, alat tulis, kertas keselamatan, fail berwarna dan fail jopa di samping membangunkan versi aplikasi SPTB terkini termasuk pengubahsuaian program mengikut kehendak pengguna. Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberi perkhidmatan latihan kepada pengguna serta kutipan data dan tukar ganti pendaftaran hak milik secara manual kepada pendaftaran secara berkomputer. Syarikat juga dikehendaki membuat penyenggaraan aplikasi bagi tempoh 5 tahun daripada tarikh kontrak. Jadual Pembangunan dan pelaksanaan projek SPTB adalah seperti di **Jadual 43**.

**Jadual 43**  
**Jadual Pelaksanaan Projek SPTB**

Bil.	Aktiviti	PTG		Johor Bahru		Batu Pahat	
		Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1.	Penghantaran Dan Pemasangan	01.05.2000	01.06.2000	01.05.2000	01.06.2000	01.05.2000	01.06.2000
2.	Penyediaan Tapak	01.04.2000	31.05.2000	01.04.2000	31.05.2000	01.04.2000	31.05.2000
3.	<i>Conversion And Customisation Of SPTB Application</i>	01.03.2000	31.08.2000	01.03.2000	31.08.2000	01.03.2000	31.08.2000
4.	Kutipan Data Dan Tukar Ganti Hak Milik	01.08.2000	31.08.2002	01.08.2000	31.08.2002	01.08.2000	31.08.2002
5.	Latihan	01.08.2000	01.09.2000	01.08.2000	01.09.2000	01.08.2000	01.09.2000

*Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian*

#### **b) Pembekalan Perkakasan Komputer Dan Peralatan-peralatan Serta Perisian Komputer**

Syarikat dikehendaki membekalkan peralatan komputer dan membangunkan sistem SPTB selaras dengan keperluan jabatan pengguna. KPTG telah memasukan keperluan membekalkan peralatan dan membangunkan sistem dalam terma perjanjian antara Syarikat dan KPTG. Mengikut Jadual 2 *Anextures II* kandungan kontrak, perkakasan dan perisian komputer yang perlu dibekalkan oleh Syarikat kepada PTG dan 2 PTD adalah seperti di **Jadual 44**.

**Jadual 44**  
**Bekalan Perkakasan Dan Perisian Komputer**

Bil.	Butiran Perkakasan	PTG	PTD	PTD
		Johor (Kuantiti)	Johor Bahru (Kuantiti)	Batu Pahat (Kuantiti)
1.	<i>Database Server Model 1 Sun E4501</i>	1	-	-
2.	<i>Database Server Model 2 Sun E3501</i>	-	-	1
3.	<i>Database Server Model 4 Sun E3501</i>	-	1	-
4.	<i>Network Management Server Compaq Proliant 800</i>	1	-	-
5.	<i>Multimedia PC Compaq DeskPro EP6500</i>	8	3	3
6.	<i>Non Multimedia PC Compaq DeskPro EP6500</i>	41	10	11
7.	<i>PC Notebook Compaq Armada 1750</i>	1	-	-
8.	<i>Line Printer Printronix Pedestal P5010</i>	1	-	-
9.	<i>Dot Matrix Printer Epson 2180</i>	-	1	1
10.	<i>Duplex Laser Printer HP LJ8000DN</i>	4	-	1
11.	<i>Simplex Laser Printer HP Laser Jet 4050N</i>	20	4	5
12.	<i>Duplex Kit for HP Laser Jet 4050N</i>	-	1	1
13.	<i>LCD Projector Infocus LP425z</i>	1	-	-
14.	<i>Shredder IDEAL-2412/EBA-1124</i>	2	1	1
15.	<i>Switch Hub (with 24 ports) 3COM SSii 3300</i>	-	2	2
16.	<i>Switching Hub Chassis (9000) 3COM CB9000/8</i>	1	-	-
17.	<i>Link Cascade Cable</i>	-	1	1
18.	<i>ORACLE (User License)</i>	46	12	13
19.	<i>Network Management (User License)</i>	1	-	-
20.	<i>Windows 98</i>	1	1	1
21.	<i>MS-Office 2000</i>	1	1	1
22.	<i>Anti-Virus for PC)</i>	1	1	1

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian

**c) Penyediaan Keperluan Dan Kemudahan Bilik Khas**

Ruang yang selamat dan selesa adalah diperlukan untuk menempatkan perkakasan komputer, termasuk data serta dokumen hak milik. Keperluan ini dimasukkan dalam terma perjanjian kontrak. Perkara yang perlu dilaksanakan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

- i) Ubah suai Bilik Kebal.
- ii) Ubah suai Bilik Server.
- iii) Pendawaian Elektrik.
- iv) Sistem Pencegah Kebakaran.
- v) Pemasangan alat hawa dingin.

**d) Pewujudan Sistem Rangkaian Dari Kementerian Ke PTG Negeri**

Dalam memorandum persefahaman antara KPTG/Kerajaan Malaysia dengan PTG/Kerajaan Negeri, peranan dan tanggungjawab KPTG/PTG telah ditentukan seperti berikut:

**i) Kementerian Sebagai Pembekal SPTB hendaklah:**

- Menjalankan kajian bagi penyediaan sistem komputer.
- Menyediakan perundangan bagi penggunaan sistem berkomputer.
- Membangunkan SPTB.
- Menyediakan perkakasan, perisian dan dokumentasi.
- Menyediakan perkakasan, dokumentasi proses dan peraturan sistem dan peralatan-peralatan yang diperlukan bagi penggunaan SPTB.
- Menyediakan perkhidmatan kutipan data dan tukar ganti hak milik.
- Menyediakan perkhidmatan penyenggaraan SPTB.
- Menyediakan khidmat nasihat bagi aktiviti pengumpulan data dan sistem operasi harian.
- Menyediakan kemudahan talian data dari Kementerian ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

**ii) Peranan Dan Tanggungjawab Pengarah Tanah Dan Galian Sebagai Pengguna SPTB hendaklah:**

- Menyediakan kemudahan ruang pejabat bagi operasi SPTB dan juga bagi kerja-kerja penyediaan data.
- Menyediakan sumber maklumat yang diperlukan sama ada dalam bentuk *hardcopy* ataupun digital.
- Menyediakan kerja-kerja pengumpulan data dan tukar ganti hak milik.
- Menyelesaikan isu-isu kesempurnaan hak milik bagi kegunaan SPTB.
- Menyelia operasi harian penggunaan SPTB.
- Menjaga keselamatan SPTB.
- Menyediakan bekalan bahan-bahan kegunaan harian termasuk kertas, folder, pita magnetik dan bahan-bahan percetakan setelah selesai tempoh kontrak.

**e) Penyenggaraan Perkakasan Dan Perisian**

Penyenggaraan perkakasan dan perisian yang dibekalkan adalah diperlukan sebagai jaminan agar perkakasan tersebut dapat berfungsi dengan baik dalam tempoh 5 tahun. Selain dari membekal, pihak Syarikat perlu melaksanakan kerja penyenggaraan selama 5 tahun sebagaimana terkandung dalam surat perjanjian Bahagian Tiga – Perkhidmatan Penyenggaraan.

**f) Latihan Kepada Pengguna**

Pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi maklumat yang berdasarkan perisian SPTB perlu didedahkan kepada pengguna. Pendedahan ini dibuat melalui kursus anjuran syarikat atau Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Mengikut perjanjian yang ditandatangani, Imatera Digital Image Services Sdn. Bhd. akan memberi latihan dan menyediakan perkhidmatan serta kemudahan latihan kepada pengguna SPTB seperti di **Jadual 45**.

**Jadual 45**  
**Bilangan Peserta Yang Di Jadualkan Menjalani Latihan Teknikal**

Bil.	Kursus	Kategori Pengguna	Bil. Peserta
1.	Oracle Developer/2000 i) Form I ii) Form II iii) Report iv) Introduction To SQL & PL/SQL	SA/PDE/Pengatur Program SA/PDE/ Programer SA/PDE/ Programer SA/PDE/ Programer	2
2.	ORACLE RDBMS i) Adminstration ii) Backup & Recovery iii) Tuning & Trouble Shooting	SA/PDE/ Programer SA/PDE/ Programer SA/PDE/ Programer	15 15 5
3.	Seminar Pelaksanaan SPTB i) Seminar I ii) Seminar II	SA/PDE/ Programer SA/PDE/ Programer	100 100
4.	UNIX i) Fundamental/basic ii) System Adminstration iii) Network Adminstration	SA/PDE/ Programer SA/PDE/ Programer SA/PDE/ Programer	15 15 15
5.	Network & Communication i) Fundamental/basic ii) System Admintration	SA/PDE/ Programer SA/PDE/ Programer	15 15

*Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian*

**g) Kutipan Data Dan Tukar Ganti Hak Milik**

Pemindahan data daripada pendaftaran hak milik secara manual kepada pendaftaran hak milik berkomputer hendaklah dimulakan dengan mengutip data kemudian memasukkan data tersebut ke komputer. Kutipan data tersebut hendaklah dilakukan oleh pihak syarikat sebagaimana tercatat dalam kontrak. Pelaksanaan kutipan data dan seterusnya membuat tukar ganti hak milik telah dinyatakan dalam terma kontrak klaus 62 dengan kadar bayaran RM21 untuk satu hak milik yang telah dipindah lengkap. Menurut perjanjian, di Negeri Johor terdapat 598,000 hak milik yang perlu dipindahkan ke komputer dengan kos berjumlah RM12.58 juta. Tempoh kutipan data adalah seperti di **Jadual 46**.

**Jadual 46**  
**Tempoh Kutipan Data Dan Tukar Ganti Hak Milik**

Bil.	Pejabat	Jumlah Hak milik	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1.	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri	508,000	17.7.2000	22.3.2002
2.	PTD Johor Bahru	13,818	17.7.2000	31.1.2001
3.	PTD Batu Pahat	76,182	17.7.2000	16.7.2001

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian

#### **18.1.4 Kaedah Pelaksanaan**

Pelaksanaan SPTB Fasa 2 adalah berdasarkan kepada kaedah *turnkey*, di mana Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi melantik sebuah syarikat untuk melaksanakan pengkomputeran SPTB secara pakej dari peringkat perancangan tempat, hingga pembangunan sistem pembekalan perkakasan dan penyenggaraan. Kaedah *turnkey* bermaksud sesuatu projek akan diserahkan kepada satu pihak (Syarikat) untuk dilaksanakan dan kemudian diserahkan kepada pengguna (PTG dan PTD) apabila sesuatu projek telah siap untuk digunakan. Dalam konteks SPTB semua kerja daripada pengutipan, pengasingan, pembersihan maklumat sehingga kemasukan maklumat ke sistem dan sah kesahihan maklumat termasuk tukar ganti pendaftaran hak milik dilakukan oleh syarikat. Pejabat Pendaftar Hak milik Negeri Johor hanya menerima sistem yang sedia untuk diguna pakai. Syarikat juga bertanggungjawab memberi perkhidmatan dan latihan.

Proses pendaftaran urusan tanah dan pengendalian dokumen dilaksanakan secara komputer dan manual. Jenis urusan yang dilaksanakan melalui SPTB adalah seperti Pendaftaran Hak Milik, Pendaftaran Urus Niaga, Pendaftaran Bukan Urus Niaga, Pendaftaran Nota, Carian, Memfailkan Surat Kuasa Wakil, Surat Amanah dan Bayaran Urusan Pendaftaran. Proses dan prosedur kerja pendaftaran meliputi perkara seperti berikut:

##### **a) Urusan Pendaftaran Tanah**

Sebarang kemasukan kepada hak milik dibuat melalui SPTB menggunakan proses awalan, kemasukan dan keputusan. Pengguna dibenarkan memasuki bahagian yang berasingan tertakluk kepada tanggungjawab dan fungsi pengguna. Setiap pengguna SPTB mempunyai pengenalan (*USER ID*). SPTB merekodkan pengenalan pengguna, masa, tarikh dan maklumat kemas kini yang dimasukkan oleh pengguna. Proses kerja SPTB adalah seperti berikut:

##### **i) Modul Awalan**

Peringkat awalan merupakan peringkat pertama terimaan perserahan yang berhubung dengan pendaftaran hak milik, urus niaga, bukan urus niaga dan apa-apa catatan atas hak milik serta carian.

- Perserahan Di Kaunter
  - Terimaan perserahan daripada pelanggan di kaunter perserahan.
  - Masukan maklumat perserahan.
  - Terima bayaran.
  - Cetak resit/penyata perserahan.
- Perserahan Belakang Kaunter
  - Fail diterima dari Unit lain di pejabat atau agensi-agensi Kerajaan.
  - Permohonan hak milik baru dan sambungan.
  - Perkhidmatan carian.

### **ii) Modul Kemasukan Butiran**

Pada peringkat kedua semua maklumat terperinci permohonan dimasukkan ke komputer.

- Pembantu Tadbir menerima dokumen dan membuat semakan secara manual.
- Pembantu Tadbir memasukkan butiran terperinci perserahan berdasarkan borang permohonan yang diterima ke dalam sistem.
- Pendaftar membuat semakan pendaftaran hak milik melalui komputer.
- Dokumen verifikasi atau draf hak milik akan dicetak di akhir proses.
- Semua dokumen dihantar kepada Pendaftar untuk membuat keputusan.

### **iii) Modul Keputusan**

Pada peringkat ketiga, Pendaftar akan membuat keputusan untuk mendaftar, menolak atau menggantung perserahan yang diterima.

- Pendaftar akan membuat semakan secara manual terhadap dokumen verifikasi atau draf hak milik, dokumen hak milik dan borang-borang yang terlibat.
- Pendaftar dengan menggunakan komputer akan membuat semakan terhadap maklumat keutamaan, halangan, kepentingan berdaftar, syer atas hak milik dan lain-lain.
- Pendaftar akan membuat keputusan sama ada untuk mendaftar, menolak atau menggantung.
- Jika keputusan menolak atau menggantung, surat akan dicetak. Jika keputusan untuk mendaftar, Dokumen Hak Milik Daftar Komputer (DHDK) dan Dokumen Hak Milik Keluaran Komputer (DHKK) akan dicetak menggunakan kertas keselamatan.
- Pendaftar akan menandatangani serta cop mohor DHDK dan DHKK serta dokumen lain yang berkenaan.
- Dokumen Hak Milik Daftar (DHD) dan Dokumen Hak Milik Keluaran (DHK) lama akan dimusnahkan.

**iv) Modul Kendalian Dokumen**


Peringkat terakhir proses SPTB adalah penyusunan dokumen selepas urusan pendaftaran selesai.

- DHDK difaiklan dalam *loose leaf binder* (Fail Jopa), borang dan dokumen verifikasi difaiklan dan disimpan dalam bilik kebal.
- DHKK dihantar ke kaunter untuk diambil oleh pelanggan.
- Jika urusan berkenaan diterima daripada Unit lain, fail berkaitan dikembalikan ke Unit berkenaan.

**b) Proses Kerja Pembetulan Data SPTB**

Pembetulan kepada kesilapan data boleh dibuat melalui menu Urusan Pembetulan 380 dalam SPTB. Urusan ini adalah selaras dengan keperluan Seksyen 380 Kanun Tanah Negara. Bagi menjaga integriti dan kesahihan data hak milik tanah, sebarang pembetulan data terus melalui pengkalan data adalah tidak dibenarkan kecuali dalam kes yang memerlukan tindakan serta merta dan pembetulan data perlu dibuat terus di pengkalan data. Semua pembetulan hanya boleh dibuat dengan arahan dan tandatangan Pendaftar sahaja dan di rekod dalam Buku Daftar Pembetulan 380 KTN. Urusan pembetulan melalui 380 akan membetulkan maklumat terlibat dan dengan pengesahan Pendaftar menjadikannya berkuat kuasa. Cetakan DHDK dan DHKK akan menunjukkan maklumat yang dibatalkan. Carta aliran kerja pembetulan data adalah seperti di **Carta 12**.

**Carta 12**  
**Carta Aliran Kerja Pembetulan Di bawah Seksyen 380 KTN**



Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian

**c) Penyelenggaraan Dokumen**

**i) Rekod Inventori**

Syarikat membekalkan alat-alat tulis, kertas keselamatan dan fail-fail berwarna dan fail jopa. Peralatan ini perlu di rekod dalam daftar inventori supaya penerimaan dan pengeluaran dapat dikawal dan perlu disimpan di tempat yang selamat dan diselia oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab.

**ii) Kertas Keselamatan**

Semua hak milik cetakan komputer akan dicetak pada Kertas Keselamatan. Mengikut perjanjian kontrak, vendor akan membekalkan sebanyak 3,049,800 helai Kertas Keselamatan kepada PTG dan PTD Johor Bahru serta PTD Batu Pahat sebagai penyediaan DHDK dan DHKK. Kertas Keselamatan hendaklah direkod ke dalam daftar yang merekodkan penerimaan, pengeluaran, baki Kertas Keselamatan, nama dan tandatangan.

**d) Aspek Keselamatan SPTB**

JKPTG mengeluarkan Garis Panduan Keselamatan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer yang berkaitan dengan Aset ICT dan SPTB untuk dipatuhi oleh Pejabat pelaksana. Aset ICT yang dimaksudkan ialah bilik server, bilik kebal, bilik pendaftar, bilik fail, ruang pendaftaran dan kaunter. Secara amnya aspek keselamatan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:

**i) Kawalan Fizikal**

Kawalan fizikal bermaksud kawalan perlindungan dan pencegahan daripada bencana yang boleh berlaku terhadap premis yang menempatkan pegawai dan perkakasan ICT serta bukan ICT di bawah projek SPTB. Kawalan fizikal ini akan melibatkan kawalan daripada kebakaran, kawalan daripada air dan kawalan persekitaran dan juga kebersihan.

**ii) Kawalan Akses**

Kawalan akses bermaksud had atau sempadan sesuatu kawasan yang boleh dimasuki oleh seseorang atau kumpulan. Ini bertujuan bagi menjaga keselamatan dan kerahsiaan dokumen yang ada di sesuatu tempat tersebut.

**iii) Kawalan Aplikasi**

Kawalan Aplikasi perlu diwujudkan bagi mengawal sistem data dari dicerobohi (*hack*) sama ada melibatkan kakitangan jabatan atau anasir luar. Antara cara yang boleh digunakan untuk memastikan sistem dan data hanya akan dicapai oleh mereka yang diberi kebenaran untuk mengguna dan mengendalikannya adalah seperti berikut:

- Setiap pengguna diberikan pengecaman pengguna (*user-id*).

- Pengguna mesti menyediakan kata laluan dan kata laluan perlu ditukar sekurang-kurangnya setiap 30 hari.
- Kata laluan untuk *user-id* khas hanya diketahui oleh maksimum 2 orang pegawai teknikal gred 41 dan ke atas pada satu-satu masa atau pegawai yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.
- Satu salinan kata laluan disimpan oleh Ketua Jabatan dalam sampul surat berlakri, dalam peti besi keselamatan. Kata laluan ini tidak boleh diketahui oleh Ketua Jabatan walaupun disimpan olehnya.
- Versi aplikasi yang terkini sahaja dibenarkan berada dalam komputer dengan kelulusan.
- Perisian dilindungi daripada pindaan yang tidak dibenarkan dan salinan bagi setiap perisian disimpan di bangunan lain.
- Sistem *back up* dan rekod disediakan.
- Melindungi perisian daripada serangan atau gangguan.

#### **18.1.5 Keperluan Kewangan**

Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (Kementerian) bertanggungjawab membangunkan SPTB fasa II selepas kejayaannya di peringkat Persekutuan. Pelaksanaan ini yang melibatkan negeri Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Selangor dengan kos berjumlah RM180 juta sebagaimana dinyatakan dalam kontrak. Jumlah ini meliputi kerja-kerja penyenggaraan perkakasan dan perisian meliputi tempoh selama 5 tahun. Kos penyenggaraan perkakasan dan perisian selepas tempoh kontrak tamat akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Selain itu keperluan kewangan juga perlu disediakan untuk operasi harian SPTB yang melibatkan bekalan lain yang tidak dinyatakan dalam kontrak.

#### **18.1.6 Keperluan Modal Insan**

##### **a) Guna Tenaga**


Guna tenaga merupakan elemen penting yang perlu dirancang, dipilih dan dilatih dengan baik bagi memastikan fungsi dan peranan tugas dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ini termasuklah menyusun organisasi, mengisi perjawatan yang telah diluluskan, menentukan kuasa dan tanggungjawab pegawai.

##### **i) Struktur Pengurusan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri**

Struktur organisasi Pejabat Tanah Dan Galian Negeri (PTG) dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian Pengurusan dan Bahagian Pendaftaran. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor diketuai oleh seorang Pengarah Gred JUSA C dan dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah Pengurusan Gred N54 dan Timbalan Pengarah Pendaftaran Gred N54. Pengurusan Pendaftaran Tanah Berkomputer akan diuruskan oleh Bahagian Pendaftaran Hak Milik dan diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Gred N48. Bahagian Teknologi Maklumat yang diketuai oleh seorang Pegawai

Sistem Maklumat Gred F44 bertanggungjawab bagi penyenggaraan sistem serta memastikan sistem sentiasa berfungsi dengan berkesan di PTG dan PTD. Carta organisasi Bahagian Pendaftaran Hak Milik dan Bahagian Teknologi Maklumat Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor adalah seperti di **Carta 13**.

**Carta 13**  
**Carta Organisasi Bahagian Pendaftaran Hak Milik Dan Bahagian Teknologi Maklumat Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor**



*Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian*

Melalui Waran Perjawatan Bilangan 12 Tahun 2006 yang berkuat kuasa pada awal bulan Oktober 2006, sebanyak 319 jawatan tetap yang terdiri daripada 15 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional, manakala baki 304 adalah pegawai kumpulan sokongan telah diluluskan di PTG. Berdasarkan perjawatan yang diluluskan, bilangan pegawai yang akan ditempatkan di Bahagian Pendaftaran Hak Milik dan Bahagian Teknologi Maklumat adalah seperti di **Jadual 47**.

**Jadual 47**  
**Perjawatan Bahagian Pendaftaran Hak Milik Dan Bahagian Teknologi Maklumat**


<b>Bil.</b>	<b>Nama Jawatan</b>	<b>Bilangan</b>	
		<b>Gred</b>	<b>Diluluskan</b>
1.	Pengarah Tanah Dan Galian	JUSA C	1
	<b>Bahagian Pendaftaran Hak Milik</b>		
2.	Pegawai Tadbir Johor	N54	1
3.	Pen. Pegawai Tadbir Johor	N48	1
4.	Pegawai Tadbir	N44	1
5.	Pegawai Tadbir	N41	1
6.	Penolong Pegawai Tadbir	N36	1
7.	Penolong Pegawai Tanah	N31/N32	3
8.	Penolong Pegawai Tadbir	N27	7
9.	Penolong Pegawai Tanah	N26	1
10.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	6
11.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	69
12.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaann)	N17	1
13.	Pembantu Penerbitan	N17	3
14.	Pelukis Pelan	J17	1
15.	Pembantu Tadbir Rendah	N11	1
16.	Penghantar Notis	N3	2
17.	Pembantu Am Pejabat	N1	11
18.	Pembantu Rendah Am	R1	7
	<b>Bahagian Teknologi Maklumat</b>		
19.	Pegawai Tadbir	N48	1
20.	Pegawai Sistem Maklumat	F44	1
21.	Pegawai Sistem Maklumat	F41	1
22.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F32	1
23.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F29	5
24.	Penolong Akauntan (Perkeranian/Operasi)	W27	2
25.	Juruteknik Komputer	FT17	2
26.	Operator Mesin	N17	3
27.	Operator Proses Data	F11	6
28.	Pembantu Am Pejabat	N1	1
29.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	5
	<b>Jumlah</b>		<b>146</b>

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Negeri

## ii) Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru

Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru diketuai oleh Pegawai Pentadbir Tanah Gred N52 dan dibantu oleh seorang Penolong Pentadbir Tanah Gred N44. Pengurusan Pendaftaran Tanah Berkomputer diuruskan oleh Unit Pendaftaran. Unit Teknologi Maklumat yang diketuai oleh Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F32 akan bertanggungjawab bagi penyenggaraan sistem serta memastikan sistem sentiasa berfungsi dengan berkesan. Carta organisasi Pejabat Tanah Johor Bahru adalah seperti di **Carta 14**.

**Carta 14**  
**Carta Organisasi Pejabat Tanah Johor Bahru**




Sumber: Rekod Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru

### iii) Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat

Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat diketuai oleh Pegawai Pentadbir Tanah Gred N52 dan dibantu oleh seorang Penolong Pentadbir Tanah Gred N44. Pengurusan Pendaftaran Tanah Berkomputer diuruskan oleh Unit Pendaftaran. Unit Teknologi Maklumat yang diketuai oleh Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29 akan bertanggungjawab bagi penyelenggaraan sistem serta memastikan sistem sentiasa berfungsi dengan berkesan. Carta organisasi Pejabat Tanah Batu Pahat adalah seperti di **Carta 15**.

**Carta 15**  
**Carta Organisasi Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat**



Sumber : Rekod Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat

### b) Latihan

Dari aspek latihan kepada kakitangan, Jabatan akan menghantar pegawai yang bersesuaian untuk mengikuti kursus dan latihan yang dianjurkan oleh syarikat. Kursus yang akan dianjurkan oleh syarikat termaktub di dalam kontrak SPTB seperti di **Jadual 48**.

**Jadual 48**  
**Kursus Dan Latihan Anjuran Syarikat**

Bil.	Kursus	Bil. Peserta	Bil. (Sesi)
1.	PC Perisian Window 98	123	6
2.	Penggunaan SPTB Modul Perkeranian	120	6
3.	Pendaftar Pemindahan DHD	28	2

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian

#### **18.1.7 Kaedah Pemantauan**

Pemantauan terhadap pelaksanaan sistem SPTB dilakukan di peringkat Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) dan PTG Negeri yang melibatkan perkara berikut:

##### **a) Laporan Kemajuan Pemantauan Kutipan Data Tukar Ganti Hak Milik**

Pasukan Projek SPTB JKPTG menyediakan format Laporan Kemajuan Pemantauan Kutipan Data dan Tukar Ganti Hak Milik. Pejabat Tanah dan Galian Negeri serta syarikat perlu mengemukakan laporan berkenaan pada hari terakhir setiap minggu bermula pada minggu pertama bulan November 2000 berdasarkan jadual pelaksanaan.

##### **b) Mesyuarat JKPTG Dan Timbalan Pengarah PTG Negeri-negeri**

Mesyuarat bertujuan untuk memberi maklum balas kedudukan terkini kemajuan berhubung pengurusan pentadbiran tanah, kewangan, pasukan petugas khas, penstrukturran semula pentadbiran PTG dan PTD. Isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Majlis Peguam Negara serta urusan tanah yang menyeluruh di PTG dan PTD.

##### **c) Pejabat Tanah Dan Galian Negeri**

Pejabat Tanah Dan Galian memantau urusan pentadbiran tanah daerah melalui maklum balas diterima daripada Pejabat Tanah dan mesyuarat.

**Pada pandangan Audit, perancangan pengurusan pendaftaran tanah berkomputer adalah memuaskan.**

#### **18.2 PELAKSANAAN**

Pengurusan SPTB merupakan aktiviti berterusan yang dilaksanakan oleh PTG dan PTD. Bagi memastikan pengurusan SPTB mencapai matlamatnya ia perlu dilaksanakan mengikut perancangan dan prosedur serta peraturan yang ditetapkan. Hasil semakan Audit berkaitan pelaksanaan SPTB mendapati perkara-perkara seperti berikut:

##### **18.2.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Pengurusan SPTB yang disarankan oleh Kerajaan Persekutuan adalah untuk memastikan sistem penyampaian berkenaan hal-ehwal tanah dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan bagi memudahkan urusan berkaitan hak milik tanah yang berada di

semua PTG dan PTD. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju dengan dasar Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan mutu sistem maklumat tanah mulai bulan April 2001. Kerajaan Negeri telah melaksanakan SPTB secara berperingkat di PTG dan PTD seluruh Negeri Johor.

**Pada pendapat Audit, PTG dan PTD telah mematuhi dasar Kerajaan Negeri dengan baik.**

#### **18.2.2 Perundangan Dan Peraturan**

Pelaksanaan sepenuhnya SPTB di Negeri Johor telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada tahun 2001 dengan menerima pakai semua undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati keseluruhan undang-undang dan peraturan seperti Kanun Tanah Negara, Manual Kanun Tanah Negara, Manual Pengguna SPTB, Panduan Keselamatan SPTB, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah diguna pakai dan dipatuhi sepenuhnya.

**Pada pendapat Audit, perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa bagi pengurusan SPTB adalah mencukupi dan dipatuhi.**

#### **18.2.3 Terma Dan Syarat Kontrak/Pelan Pelaksanaan**

Semakan Audit terhadap pelaksanaan Memorandum Persefahaman mendapati perkara seperti berikut:

##### **a) Pembangunan, Pelaksanaan Dan Penyenggaraan Aplikasi SPTB**

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah melantik sebuah syarikat untuk membangun, melaksana dan menyenggara aplikasi SPTB dengan menyediakan kontrak kerja, di mana dalam kontrak tersebut Kementerian menyatakan tanggungjawab, bidang kerja dan tempoh masa untuk melaksanakannya. Semakan Audit terhadap laporan kemajuan pelaksanaan SPTB mendapati syarikat lewat melaksanakan aktiviti penghantaran dan pemasangan, *conversion and customisation of SPTB application* dan latihan sebagaimana di **Jadual 49**.

**Jadual 49**  
**Jadual Pelaksanaan Projek SPTB**

Bil.	Aktiviti	PTG		Johor Bahru		Batu Pahat	
		Tarikh Siap Kontrak	Tarikh Siap Sebenar	Tarikh Siap Kontrak	Tarikh Siap Sebenar	Tarikh Siap Kontrak	Tarikh Siap Sebenar
1.	Penghantaran Dan Pemasangan	01.06.2000	31.08.2000	01.06.2000	31.08.2000	01.06.2000	31.08.2000
2.	Penyediaan Tapak	31.05.2000	31.05.2000	31.05.2000	31.05.2000	31.05.2000	31.05.2000
3.	<i>Conversion And Customisation Of SPTB Application</i>	31.08.2000	30.09.2000	31.08.2000	30.09.2000	31.08.2000	30.09.2000
4.	Latihan	01.09.2000	30.11.2000	01.09.2000	30.11.2000	01.09.2000	30.11.2000

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Negeri

**b) Bekalan Perkakasan Dan Peralatan Serta Perisian Komputer**

Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di PTG dan PTD berkaitan dengan pembekalan perkakasan, peralatan dan perisian komputer dimaklumkan bahawa pihak PTG dan PTD menerima bekalan perkakasan dan peralatan serta perisian komputer tanpa mengetahui peralatan yang sepatutnya mereka terima. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan penghantaran dan penerimaan bekalan perkakasan dan peralatan serta perisian komputer kerana maklumat tersebut tidak dimasukkan ke daftar aset dan inventori.

**c) Penyediaan Keperluan Dan Persiapan Bilik Khas**

Menurut klaus 57 surat perjanjian, pihak syarikat hendaklah mengubahsuai bilik kebal, server dan kaunter pendaftaran, menyediakan *uninterruptible power supply system*, sistem penghawa dingin di bilik server dan kaunter, sistem Pencegah kebakaran, *raised flooring system*, *furniture*, *compactus and shredder*, *data cabling and accessories* dan kerja-kerja elektrik. Perbelanjaan untuk mengubahsuai dan menyediakan keperluan di atas adalah berjumlah RM573,873. Semakan Audit mendapati syarikat ada membuat pengubahsuai di bilik server dan kaunter pendaftaran serta telah menyediakan keperluan mengikut dokumen kontrak. Antara kemudahan yang disediakan ialah bilik server dan bilik kebal seperti di **Foto 76** dan **Foto 77**.

**Foto 76**  
**Bilik Server di PTD Johor Bahru**  
**Yang Telah Diubahsuai**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: PTD Johor Bahru

**Foto 77**  
**Bilik Kebal di PTD Johor Bahru**  
**Yang Telah Diubahsuai**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: PTD Johor Bahru

**d) Pewujudan Sistem Rangkaian Dari Kementerian Ke PTG Negeri**

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bertanggungjawab dalam menyediakan khidmat sokongan bagi pelaksanaan SPTB di peringkat negeri. Pegawai-pegawai Kementerian telah ditempatkan di setiap negeri begitu juga di Negeri Johor. Pegawai berkenaan telah melaksanakan tugas sebagai penasihat dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa pengguna melaksanakan tugas mereka. Semakan Audit terhadap senarai tugas kakitangan berkaitan mendapati tugas yang diberikan adalah mematuhi Memorandum persefahaman antara KPTG/Kerajaan Malaysia dengan PTG/Kerajaan Negeri. Antara tugasan tersebut ialah memberi khidmat nasihat, perkhidmatan penyenggaraan, menyelia kemudahan talian data dari Kementerian ke PTG. Lawatan Audit di PTG dan 2 PTD mendapati mereka telah menyediakan ruang pejabat, menyediakan sumber maklumat sama ada *hard copy* atau digital, memantau kerja pengumpulan data, menjaga keselamatan SPTB dan menyediakan bekalan bahan kegunaan harian.

**e) Penyenggaraan Perkakasan Dan Perisian**

Penyenggaraan perkakasan dan perisian yang dilaksanakan oleh syarikat adalah meliputi tempoh pelaksanaan dan 5 tahun selepas tamat kontrak. Dalam waktu tersebut syarikat perlu melaksanakan penyenggaraan perkakasan dan perisian dengan menyediakan laporan penyenggaraan. Kos penyenggaraan bagi tempoh 5 tahun adalah menjadi tanggungjawab Kementerian, manakala Kerajaan Negeri menanggung kos penyenggaraan selepas tempoh berkenaan. Semakan Audit mendapati pihak Syarikat ada memberikan perkhidmatan penyenggaraan seperti yang disyaratkan dalam perjanjian. Syarikat telah mengisi borang penyenggaraan dan disahkan oleh Pendaftar PTG dan PTD.

**f) Latihan Kepada Kakitangan Dan Pegawai**

Syarikat dikehendaki memberikan kursus serta latihan kepada kakitangan dan pegawai yang menggunakan SPTB. Semakan Audit mendapati pihak syarikat telah memberi perkhidmatan latihan kepada kakitangan yang terlibat dengan projek SPTB tetapi tidak mengikut jadual. Sesi latihan sepatutnya diberi pada bulan Jun 2000 hingga September 2000, tetapi pihak syarikat telah menyempurnakan latihan tidak berdasarkan tempoh mengikut jadual latihan dan latihan berlanjutan sehingga tahun 2002.

**g) Kutipan Data Dan Tukar Ganti Hak Milik**

Mengikut dokumen kontrak, syarikat hendaklah memindahkan maklumat dalam dokumen hak milik kepada hak milik berkomputer sebanyak 598,000 bagi tempoh Julai 2000 hingga Ogos 2002. Pengarah PTG dan 2 Pentadbir Tanah Daerah hendaklah menyelia kerja-kerja pengumpulan data dan tukar ganti hak milik serta menyediakan laporan pemantauan perkhidmatan kutipan data pada setiap bulan. Semakan Audit mendapati tukar ganti hak milik dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan dan syarikat telah memindahkan sebanyak 592,270 daripada 598,000 hak milik iaitu 99% maklumat hak milik asal kepada hak milik berkomputer sebagaimana **Jadual 50**.

**Jadual 50**  
**Kutipan Data Yang Dilaksanakan Oleh Syarikat**

Bil.	Pejabat	Dokumen Hak Milik		Tarikh Mula	Tarikh Siap
		Perlu Pindah	Telah Pindah		
1.	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri	508,000	502,591	17.7.2000	31.12.2002
2.	Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru	13,818	14,035	17.7.2000	31.1.2001
3.	Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat	76,182	75,644	17.7.2000	16.7.2001

*Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Negeri*

Bagaimanapun semakan Audit terhadap 5 fail jopa di PTG dan 5 fail jopa di PTD yang mengandungi 50 folder setiap fail mendapati terdapat *folder* yang belum berisi dengan DHDK di dalam kesemua fail jopa yang disemak kerana terdapat maklumat dalam dokumen asal tidak dapat dibaca dan hancur ataupun pemindahan hak milik asal kepada hak milik komputer tidak dibuat.

**Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap terma dan syarat kontrak/pelan pelaksanaan adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan pelaksanaan dan syarikat tidak menyempurnakan keseluruhan tukar ganti daftar hak milik berkomputer.**

#### **18.2.4 Kaedah Pelaksanaan**

Pelaksanaan SPTB di Negeri Johor adalah termasuk di dalam pelaksanaan Fasa 2 dan berdasarkan kepada kaedah *turnkey* di mana Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah melantik sebuah syarikat bagi keseluruhan aktiviti yang diperlukan sebelum SPTB dapat digunakan sepenuhnya. Untuk pelaksanaan SPTB Fasa 2 ini satu perjanjian kontrak telah ditandatangani pada 16 Mei 2000 antara Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan syarikat tersebut. Kaedah pelaksanaan secara *turnkey* yang ditetapkan dalam pembangunan SPTB adalah bermula daripada penyediaan tapak hingga ke pemindahan data daripada DHD kepada DHDK. Semakan Audit mendapati kaedah pelaksanaan pembangunan SPTB di PTG dan 2 PTD telah berjalan mengikut jadual. Pelaksanaan SPTB ini turut dilaksanakan terhadap pendaftaran semasa yang melibatkan pendaftaran hak milik, urus niaga dan bukan urus niaga tanah, catatan nota dan urusan carian data. Semakan Audit seterusnya terhadap proses dan prosedur kerja pendaftaran mendapati perkara berikut:

##### **a) Proses Kerja Pendaftaran Tanah**

Pelaksanaan proses pendaftaran hak milik SPTB di tiga pejabat yang dilawati menunjukkan pelaksanaannya telah dilakukan mengikut sebagaimana prosidur yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati kerja pendaftaran dilaksanakan mengikut modul pelaksanaan seperti berikut:

###### **i) Modul Awalan**

Modul Awalan melibatkan pengesahan dokumen surat cara orang awam kepada pegawai di kaunter pendaftaran dan mengambil nombor giliran pada waktu urusan yang sah sahaja. Selepas dokumen disemak, Pembantu Tadbir berkenaan akan menentukan jenis urusan yang diserahkan kepada kaunter yang berkaitan dan mencatatkan masa terimaan. Pembantu Tadbir kaunter hendaklah memasukkan maklumat untuk melengkapkan penyerahan seperti nama, nombor hak milik dan tarikh penyaksian bagi urus niaga. Setelah mendapati semua maklumat dalam borang permohonan adalah betul, maka Pembantu Tadbir akan mengira jumlah bayaran yang perlu dibayar oleh pemohon. Bayaran adalah berdasarkan jenis urusan yang diserahkan, bilangan dan dokumen yang disertakan, dan kemudian resit dicetak untuk diserahkan kepada pemohon. Pembantu Tadbir akan mencetak resit berdasarkan bilangan dokumen yang disertakan untuk didaftarkan dan diserahkan kepada kaunter berikutnya untuk modul kemasukan. Semakan Audit mendapati proses ini telah dipatuhi sepenuhnya.

###### **ii) Modul Kemasukan**

Di peringkat ini dokumen perserahan disemak untuk menentukan ketepatan maklumat dan kesempurnaan dokumen yang disertakan sebelum data dokumen dimasukkan dengan terperinci ke sistem. Di peringkat ini juga verifikasi

dokumen dicetak dan dihantar kepada Pendaftar untuk ditandatangani. Pegawai dibenarkan memasuki bahagian yang berasingan tertakluk kepada tanggungjawab dan fungsi pengguna. Semakan Audit mendapati proses ini telah dipatuhi sepenuhnya.

**iii) Modul Keputusan**

Setelah Pendaftar berpuas hati dengan semua maklumat, dokumen hak milik dan dokumen verifikasi ditandatangani, manakala dokumen lama dimusnahkan. Semakan Audit mendapati proses ini telah dipatuhi sepenuhnya.

**iv) Modul Kendalian Dokumen**

Selepas urusan pendaftaran selesai, DHDK difaiklan dalam *loose leaf binder* (fail jopa), borang dan dokumen verifikasi difaiklan dan disimpan dalam bilik kebal. DHKK dihantar ke kaunter untuk diserahkan kepada pelanggan. Di peringkat ini semua dokumen hak milik baru, dokumen verifikasi dan dokumen lain akan difaiklan dan disimpan dalam bilik kebal. Semakan Audit di PTG dan 2 PTD mendapati proses kerja pendaftaran mematuhi prosedur dan peraturan ditetapkan. DHDK telah difaiklan dalam fail jopa dan disimpan di bilik kebal. Bagaimanapun dokumen verifikasi bagi PTG dan 2 PTD yang dilawati didapati disimpan di atas rak fail, dalam almari dan di atas lantai dalam bilik kebal tanpa difaiklan atau dijilid. Perkara ini berlaku kerana kakitangan untuk mengendalikan urusan fail ini tidak mencukupi dan fail jopa telah kehabisan. Jika perkara ini tidak dapat diatasi dengan segera maka pertambahan dokumen verifikasi akan meningkat dan memerlukan ruang yang luas untuk menyimpannya. Dokumen berkenaan juga boleh berselerak dan tiada kawalan yang sempurna.

**Pada pendapat Audit, proses kerja pendaftaran hak milik tanah adalah baik.**

**b) Proses Kerja Pembetulan Data SPTB**

Semua pembetulan terhadap kesilapan data boleh dibuat melalui Urusan Pembetulan 380 dalam SPTB. Urusan ini adalah selaras dengan keperluan Seksyen 380 Kanun Tanah Negara. Semakan Audit terhadap 10 sampel pembetulan data SPTB mendapati proses kerja pembetulan data ini berjalan mengikut proses kerja yang ditetapkan. Pembetulan data SPTB ini dilakukan kerana terdapat banyak kesilapan semasa pemindahan data daripada dokumen asal kepada dokumen SPTB. Maklum balas daripada PTG menyatakan sebanyak 55,297 pembetulan telah dibuat dari tahun 2001 hingga 2007. Impak daripada pembetulan ini menunjukkan proses pemindahan data ini tidak dilakukan secara berhati-hati. Walaupun terdapat kemudahan untuk membuat pembetulan di bawah Seksyen 380 KTN, keyakinan orang awam terhadap ketepatan data SPTB boleh dipertikaikan.

**Pada pendapat Audit, proses kerja pembetulan data SPTB adalah kurang memuaskan kerana proses kerja pembetulan tidak selaras dengan Seksyen 380 Kanun Tanah Negara di mana pembetulan data yang dibenarkan hanya melibatkan kesilapan ejaan nama, salah huraian tanah dan kesilapan menaip nama, kad pengenalan dan alamat.**

**c) Pembetulan Data Melalui Pengkalan Data Secara *Back Door***

Pembetulan data melalui pengkalan data secara *back door* adalah satu proses membetulkan data yang tersilap semasa membuat pemindahan data daripada DHD kepada DHDK. Proses pembetulan *back door* dihadkan kepada pegawai unit ICT PTG dan JKPTG sahaja. Garis panduan proses ini tidak didokumenkan sebagai kawalan terhadap capaian data. Permohonan memproses secara *back door* dibuat melalui borang permohonan dan diluluskan oleh Pegawai Pendaftaran Tanah. Proses ini hanya dilakukan sekiranya pembetulan/pindaan data melalui Sek. 380 tidak boleh dilakukan ataupun permohonan ini dibuat kepada semua urusan pendaftaran yang memerlukan tindakan segera. Semakan Audit mendapati Borang Permohonan Pembetulan telah diselenggarakan oleh Bahagian Pendaftaran Hak Milik PTG. Buku Pembetulan bersama dengan dokumen sokongan dihantar kepada Bahagian Teknologi Maklumat untuk pembetulan. Setiap pegawai yang membuat pembetulan hendaklah menyelenggara Buku Log untuk merekodkan pembetulan yang telah dibuat. Buku Pembetulan bersama dengan dokumen sokongan dihantar balik kepada Bahagian berkenaan selepas pembetulan diselesaikan. Permohonan pembetulan daripada PTD dihantar kepada Bahagian Teknologi Maklumat PTG untuk pembetulan. Pegawai yang membuat pembetulan mencatat dalam Buku Log selepas pembetulan selesai dilakukan. Walaupun prosedur pembetulan *back door* mengikut proses dengan teratur tetapi pembetulan seperti ini tidak dibenarkan sama sekali sebagaimana Para 6 Pembetulan Data, Panduan Keselamatan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer yang dikeluarkan oleh Seksyen Komputer Pentadbiran Tanah JKPTG, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Di PTG sebanyak 5,505 pembetulan secara *back door* telah dibuat dari tahun 2004 hingga 2007.

**Pada pendapat Audit, proses pembetulan melalui *back door* telah menimbulkan keraguan dan memberi ruang kepada manipulasi data oleh kakitangan.**

**d) Penyelenggaraan Dokumen**

Kertas Keselamatan dibekalkan oleh Imatera Digital Image Sdn. Bhd. kepada PTG dan semua PTD. Mengikut perjanjian kertas keselamatan ini dibekalkan sebanyak 3,049,800 helai pada bulan Julai dan Ogos 2000. Semakan Audit mendapati bekalan untuk PTD Johor Bahru dan PTD Batu Pahat diterima pada April 2001, manakala PTG pula diterima pada Mac dan September 2001 jumlah yang diterima adalah sebanyak 2,460,000 helai. Dengan itu kekurangan yang belum diterima

ialah sebanyak 589,800 helai. PTD tidak menerima salinan kontrak dan tidak dimaklumkan jumlah sebenar dan tarikh sepatutnya bekalan diterima sebagaimana dalam terma perjanjian. Semakan Audit seterusnya di PTG dan 2 PTD mendapati baki stok bekalan kertas keselamatan disimpan dalam bilik kebal. Namun begitu rekod kawalan stok tidak diselenggara dengan lengkap kerana catatan rekod dibuat apabila berlaku pengeluaran. Pengeluaran kertas ini tidak mengikut turutan nombor sirinya.

**Pada pendapat Audit Kertas Keselamatan tidak dibekalkan sebagaimana dalam perjanjian dan rekod yang diselenggara tidak lengkap di mana rekod penerimaan tidak dicatatkan dan ditulis dengan teratur mengikut siri.**

e) **Aspek Keselamatan SPTB**

Semakan Audit terhadap aspek keselamatan SPTB mendapati perkara seperti berikut:

i) **Kawalan Fizikal**

Kawalan fizikal melibatkan keselamatan aset ICT seperti bilik kebal, bilik server, bilik pendaftar, bilik fail, ruang pendaftaran dan kaunter. Kawalan keselamatan ini meliputi kawalan daripada kebakaran, air dan persekitaran serta kebersihan. Semakan Audit mendapati aspek keselamatan di bilik khas telah dilaksanakan seperti berikut:

• **Bilik Kebal**

Lokasi bilik kebal Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru dan Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat adalah terletak di Bahagian Pendaftaran bangunan induk ketiga-tiga pejabat berkenaan. Komponen penting bagi keselamatan bilik kebal ini ialah struktur bangunan dan pintu keselamatan adalah seperti berikut:

▪ **Struktur Bilik Kebal**

Struktur bilik kebal hendaklah terdiri daripada lantai, bumbung dan dinding yang diperbuat daripada konkrit. Semakan Audit mendapati struktur binaan bilik kebal di PTG dan 2 PTD telah mematuhi piawaian sebagaimana di **Foto 78**.

**Foto 78**  
**Struktur Luaran Bilik Kebal Pejabat Tanah Johor Bahru**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: PTD Johor Bahru

■ **Pintu Keselamatan**

Pintu bilik kebal hendaklah mempunyai dua unit pintu keselamatan di mana pintu utama menggunakan dua jenis kunci iaitu anak kunci dan nombor rahsia *combination key*. Manakala pintu gril yang berada di sebelah dalam menggunakan satu anak kunci. Anak kunci dipegang oleh 2 orang pegawai yang berasingan. Semakan Audit terhadap pintu bilik kebal di PTG dan 2 PTD mendapati pintu di ketiga-tiga pejabat mempunyai ciri-ciri keselamatan yang diperlukan. **Foto 79** menunjukkan pintu keselamatan bilik kebal di Pejabat Tanah Johor Bahru.

**Foto 79**  
**Pintu Keselamatan Bilik Kebal Pejabat Tanah Johor Bahru**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 24 Oktober 2007

Lokasi: PTD Johor Bahru

- **Susunan Dalam Bilik Kebal**

- **Rak Fail Dan Dokumen Hak Milik Daftar Komputer**

Bilik kebal perlu mempunyai persekitaran yang bersih, susunan rak fail yang sistematik dan kemas untuk memudahkan simpanan dan carian DHDK. Semakan Audit mendapati PTG dan 2 PTD meletakkan DHDK di atas rak fail yang dibina daripada kerangka besi dan berlantaikan plywood. Keadaan bilik kebal untuk ketiga-tiga pejabat memenuhi kehendak ciri-ciri keselamatan yang diperlukan. Bagaimanapun terdapat dokumen-dokumen lain yang turut berada dalam bilik kebal di ketiga-tiga pejabat berkenaan sebagaimana berikut:

- i) **Surat Cara Yang Belum Dijilid**

Surat cara merupakan satu dokumen untuk mendaftarkan urus niaga atau bukan urus niaga hak milik tanah. Surat cara ini perlu dijilid dan disimpan dalam bilik kebal. Semakan Audit mendapati surat cara yang telah didaftarkan sebelum SPTB dilaksanakan, belum dijilid dan disimpan di bilik kebal. Pejabat sepatutnya mengambil langkah segera bagi menjilid surat cara ini agar mudah dikesan untuk rujukan dan keselamatan. Keadaan surat cara di PTG dan PTD Batu Pahat adalah sebagaimana di **Foto 80** dan **Foto 81**.

**Foto 80**  
**Surat Cara Yang Belum Berjilid Di Pejabat Tanah Dan Galian Johor**



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 November 2007  
Lokasi: PTG Johor

**Foto 81**  
**Surat Cara Yang Belum Berjilid Di Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat**



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: PTD Batu Pahat

**ii) Kertas Keselamatan Yang Belum Digunakan**

Semakan Audit di PTD Johor Bahru, mendapati 45,000 helai kertas keselamatan (dokumen hak milik kosong) yang belum digunakan tersimpan dalam bilik kebal. Manakala kertas keselamatan yang tersimpan di PTG berbaki 525,000 helai. Kertas keselamatan tidak direkod mengikut nombor siri secara berturutan. Semakan Audit selanjutnya mendapati di PTG terdapat kertas keselamatan yang belum diguna diletak di atas meja di bilik mesyuarat. Kertas keselamatan yang belum diguna sepatutnya disimpan di bilik kebal.

**iii) Geran Yang Tidak Dituntut Oleh Pemilik Tanah**

Semakan Audit di PTD Johor Bahru mendapati bagi geran yang tidak dituntut oleh pemilik tanah, PTD telah mengeluarkan notis pengambilan kepada pemilik tanah untuk menuntut geran-geran berkenaan.

**iv) Draf Surat Cara Yang Belum Difailkan**

Mengikut peraturan SPTB draf dokumen hak milik perlu difailkan sebagai surat cara. Semakan Audit di PTG mendapati dokumen ini tidak difailkan dan disimpan di luar bilik kebal. Terdapat juga draf surat cara diletakkan di atas meja di hadapan bilik kebal, di atas lantai dan di Bahagian Penguatkuasaan. Surat cara ini sepatutnya dijilid mengikut tarikh, tetapi pihak PTG belum melaksanakannya kerana kekurangan kakitangan untuk menjilid dokumen tersebut. Bagaimanapun PTG berusaha mengatasinya dengan bantuan 2 Pekerja Rendah Am dari Bahagian lain untuk membuat kerja-kerja menjilid.

**Pada pendapat Audit, aspek keselamatan bilik kebal adalah sangat baik. Bagaimanapun penyelenggaraan dokumen keselamatan adalah tidak memuaskan kerana dokumen berkenaan tidak disusun dan diletak di tempat yang sesuai.**

- **Bilik Server**

Bilik server menempatkan sistem rangkaian pengkalan data pendaftaran hak milik tanah berkomputer. Bilik ini perlu mempunyai aspek keselamatan daripada kebakaran, air, persekitaran serta kebersihan. Semakan Audit di 2 PTD mendapati ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan dipatuhi. Manakala di PTG aspek keselamatan bilik server tidak dipatuhi sepenuhnya, kerana pintu bilik server tidak berkunci dan aspek kebersihan juga kurang diambil kira kerana terdapat kertas terpakai dan kotak. Kelemahan yang ditemui adalah sebagaimana berikut:

- Pintu bilik server tidak dikunci setiap masa (kecuali PTD Batu Pahat).
- Pelawat yang terdiri dari kakitangan pejabat bebas untuk keluar masuk ke dalam bilik server tanpa mencatatkan maklumat dalam buku log.
- Pegawai Keselamatan Bilik Server tidak melantik pegawai khas untuk memegang kunci bilik server.
- Tiada Buku Log untuk mencatatkan pergerakan keluar masuk kakitangan ke bilik server (kecuali PTD Batu Pahat).
- Tiada senarai dan jadual pegawai yang bertugas mengendalikan penyenggaraan bilik server.

Bilik server di PTG dan 2 PTD adalah seperti di **Foto 82** hingga **Foto 87**.

**Foto 82**  
**Bilik Server Pejabat Tanah Dan Galian**  
**Tidak Tersusun Dengan Kemas**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: Pejabat Tanah Dan Galian

**Foto 83**  
**Bilik Server Pejabat Tanah Dan Galian**  
**Bercampur Dengan Peralatan Lain**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: Pejabat Tanah Dan Galian

**Foto 84**  
**Bilik Server Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru Tersusun Dengan Kemas**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: PTD Johor Bahru

**Foto 85**  
**Bilik Server Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru Sentiasa Bersih**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: PTD Johor Bahru

**Foto 86**

**Bilik Server Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat Tersusun Dengan Kemas**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: PTD Johor Bahru

**Foto 87**

**Bilik Server Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat Sentiasa Bersih Dan Berkunci**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Oktober 2007  
Lokasi: PTD Johor Bahru

**Pada pendapat Audit, aspek keselamatan dan kebersihan di bilik server bagi PTD Batu Pahat adalah memuaskan, manakala di PTG dan PTD Johor Bahru adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi Garis Panduan Keselamatan SPTB.**

**ii) Kawalan Akses**

Kawalan Akses bermaksud had atau sempadan sesuatu kawasan yang dibenarkan kepada seseorang atau kumpulan bagi menjaga keselamatan dan kerahsiaan dokumen yang ada di sesuatu tempat. Lawatan Audit ke Bilik Server PTG dan PTD Johor Bahru mendapati ada tanda "dilarang masuk" kecuali dengan kebenaran. Semakan Audit mendapati Buku Log tidak diselenggarakan bagi mencatat maklumat pelawat seperti tarikh, nama, nama syarikat, tujuan lawatan serta waktu masuk dan keluar. Pegawai yang bertanggungjawab terhadap keselamatan Bilik Kebal dan Bilik Server tidak diberi latihan yang sesuai supaya boleh menjaga, mengawasi dan boleh bertindak dengan betul jika berlaku sebarang kecemasan. Hanya Bilik Server di PTD Batu Pahat yang mempunyai ciri-ciri keselamatan dan menyediakan Buku Log. PTG dan PTD Johor Bahru telah mengambil tindakan terhadap teguran pihak Audit dengan menyediakan Buku Log untuk bilik server. Selain itu PTG telah melantik pegawai yang bertanggungjawab terhadap bilik server dan menyediakan jadual untuk memantau tugas kakitangan yang terlibat dengan membuat *backup*.

**Pada pendapat Audit, keselamatan bilik server di PTD Batu Pahat adalah baik dan PTD Johor Bahru adalah memuaskan, manakala PTG tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan.**

**iii) Kawalan Sistem Aplikasi**

Bagi mengawal sistem dan data dari dicerobohi sama ada dari kakitangan atau anasir luar, beberapa cara boleh digunakan untuk memastikan sistem dan data hanya dicapai oleh mereka yang diberi kebenaran untuk menggunakan dan mengendalikannya. Semakan Audit mendapati Pejabat PTG dan 2 PTD mematuhi ciri-ciri dan garis panduan keselamatan ICT yang telah ditetapkan. Semua pengguna SPTB diberi pengecaman pengguna (*user id*) dan kata laluan. Akses menu sistem dibenarkan mengikut tugas yang dipertanggungjawabkan. Sistem akan mengingatkan pengguna secara automatik untuk menukar kata laluan setiap 30 hari. Sementara itu aspek keselamatan yang lain seperti kawalan pengurusan, persekitaran, capaian logikal, perubahan dan proses yang melibatkan kawalan input dan kawalan output ada dilaksanakan.

**Pada pendapat Audit, kawalan Sistem Aplikasi adalah baik.**

**18.2.5 Analisis Data Hak Milik SPTB**

Pada bulan September 2007 pihak Audit telah memuat turun data SPTB di PTG dan 2 PTD. Analisis data telah dibuat dengan menggunakan perisian ACL untuk memastikan integriti data dalam aspek kesahihan, kesempurnaan dan ketepatan. Hasil daripada analisis ini mendapati perkara seperti berikut:

**a) Medan Pegawai Convert**

Setiap transaksi pemindahan data yang dibuat hendaklah mencatatkan nama pegawai yang melaksanakan pemindahan (*convert*). Analisis data menunjukkan 6,857 hak milik di PTG, 312 hak milik di PTD Johor Bahru dan 35 hak milik di PTD Batu Pahat untuk medan Pegawai Convert tidak diisi dan jumlah sampel yang dipilih adalah seperti di **Jadual 51**.

**Jadual 51**  
**Medan Pegawai Convert Kosong**

<b>Pejabat</b>	<b>Bil.</b>	<b>Perihal Hak Milik Yang Dipilih</b>	<b>Nama Pegawai Convert Dalam DHDK (Skrin)</b>
PTG Johor	1.	010503QTR00000080	Tiada nama tercatat
	2.	010709QTR00000045	Tiada nama tercatat
	3.	010308QTR00000208	Tiada nama tercatat
	4.	010205QTR040002207	Tiada nama tercatat
	5.	010640GRN00093608	Y.B.M Tunku Zahrah
	6.	010240GRN00024383	En. Azman B. Hj Mohamed Shah
	7.	010240SL00002368	Tiada nama tercatat
	8.	010240L00000679	Tiada nama tercatat
	9.	010340GRT00018411	Tiada nama tercatat
	10.	010645GRN00091972	Rosman Bin Abdullah
	11.	010240L00000606	Tiada nama tercatat
	12.	010304GRN00095500	Y.B.M Tunku Zahrah
	13.	010670GRT00016385	Tiada nama tercatat
PTD Johor Bahru	1.	01024GM00000151	Hasnah Binti Safuat
	2.	010208HSM00027273	Tiada nama tercatat
	3.	010203HSL00000421	Tiada nama tercatat
	4.	010203HSL00000526	Tiada nama tercatat
	5.	010208PM00000126	Tiada nama tercatat
	6.	010202HSM0000085A	Tiada nama tercatat
PTD Batu Pahat	1.	010105EMR00001344	Tiada nama tercatat
	2.	010114EMR00003384	Tiada nama tercatat
	3.	010109HSM00006614	Tiada nama tercatat
	4.	010102HSM00003391	Tiada nama tercatat

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Dan Pejabat Tanah Daerah

Semakan Audit terhadap 23 sampel ke skrin komputer mendapati hanya 5 hak milik atau 21.7% terdapat nama Pegawai Convert dipaparkan walaupun DHDK telah dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pendaftar berkenaan. Maklum balas daripada PTD Johor Bahru menyatakan 2 hak milik adalah hak milik tidak wujud, 2 hak milik tempoh pajakan telah tamat dan satu hak milik yang ditukar ganti telah dikeluarkan daripada sistem.

**b) Keluasan Tanah**

Analisis data menunjukkan 488 hak milik di PTG, 36 hak milik di PTD Johor Bahru dan 13 hak milik di PTD Batu Pahat tidak merekodkan keluasan tanah. Semakan Audit terhadap 17 sampel yang dipilih ke skrin komputer mendapati ruangan keluasan tidak diisi. Daripada 17 DHDK yang diminta hanya 12 yang diterima, di mana 9 DHDK mempunyai keluasan tanah manakala 2 DHDK tiada dalam jopa dan satu DHDK tidak mempunyai catatan keluasan tanah. Perbezaan maklumat di

antara di paparan skrin komputer dengan DHDK tidak dapat dijelaskan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 52**.

**Jadual 52**  
**Tanah Luas Kosong**

Pejabat	Bil.	Perihal Hak Milik	Catatan Pada DHDK
PTG Johor	1.	010841HSD00026906	DHDK tiada dalam jopa
	2.	010203HSD00309472	4180.6332.5372 meter persegi
	3.	010303HSD00031421	Tidak dicatat dalam DHDK
	4.	010202HSD00042335	163.5093 meter persegi
	5.	010203GRN00035255	163 meter persegi
	6.	010203GRN00035222	322 meter persegi
	7.	010303HSD00029305	0 ekar 0 rood 23 pole
	8.	010807HSD00036835	DHDK tiada dalam jopa
	9.	010208HSD00125545	Tidak dikemukakan
	10.	010618HSD00021169	Tidak dikemukakan
	11.	010303HSD00000003	Tidak dikemukakan
	12.	010304CT00000596	Tidak dikemukakan
PTD Johor Bahru	1.	010202HSM00000708	94.619 meter persegi
	2.	010208HSM00000112	2023.427 meter persegi
	3.	010208HSM00002956	2023.427 meter persegi
PTD Batu Pahat	1.	010104GM00001594	2 Ekar 0 Rood
	2.	010114GM00012304	Tidak dikemukakan

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Dan Pejabat Tanah Daerah

c) **Tarikh Daftar Hak Milik**

Medan Tarikh Daftar merekodkan tarikh hak milik didaftarkan. Analisis data menunjukkan medan Tarikh Daftar bagi 243 hak milik di PTG, 23 hak milik di PTD Johor Bahru dan 22 hak milik di PTD Batu Pahat mencatat tarikh daftar 1.1.1900. Semakan Audit terhadap 24 sampel di paparan skrin komputer dan DHDK mendapati tarikh pendaftaran hak milik ada dicatat tetapi tarikh yang dicatat adalah tidak munasabah. Contohnya tahun 0971, 1197 dan 1875. Perkara ini menunjukkan maklumat dalam SPTB tidak tepat dan semakan tidak dibuat selepas DHDK dicetak untuk memastikan ketepatan maklumat. Medan Tarikh Daftar tidak betul adalah seperti di **Jadual 53**.

**Jadual 53**  
**Medan Tarikh Daftar Tidak Betul**

<b>Pejabat</b>	<b>Bil.</b>	<b>Perihal Hak Milik</b>	<b>Medan Tarikh Daftar</b>	<b>Tarikh Pendaftaran Pada DHDK</b>	<b>Tarikh Pendaftaran Hak Milik Asal</b>
PTG Johor	1.	010202HSD00267958	1.1.1900	14.04.2000	27.10.1997
	2.	010208HSD00027958	1.1.1900	07.05.1979	07.05.1997
PTD Johor Bahru	1.	010202HSM00001845	1.1.1900	08.01.0984	08.01.1984
	2.	010203HSM00000198	1.1.1900	21.08.1073	21.18.1973
	3.	010206HSM00000739	1.1.1900	10.11.1382	10.11.1982
	4.	010208HSM00001247	1.1.1900	09.10.1684	09.10.1984
	5.	010202PM000000174	1.1.1900	kosong	26.02.1987
	6.	010202HSM00002170	1.1.1900	08.06.0988	08.06.1988
	7.	010207GM00000069	1.1.1900	03.01.0970	03.01.1970
	8.	010206HSM00000305	1.1.1900	09.03.0974	11.03.1974
PTD Batu Pahat	1.	010111HSM00003915	1.1.1900	27.09.1664	Tiada tarikh
	2.	010111HSM00000668	1.1.1900	30.06.0971	30.06.1971
	3.	010111HSM00001057	1.1.1900	19.07.1072	09.1972
	4.	010110HSM00000411	1.1.1900	08.03.1875	08.03.1975
	5.	010110HSM00002608	1.1.1900	16.06.0993	16.06.1993
	6.	010114HSM00003205	1.1.1900	20.11.1673	20.11.1973
	7.	010114HSM00003808	1.1.1900	20.03.1876	20.03.1976
	8.	010114HSM00004487	1.1.1900	18.07.1878	18.07.1978
	9.	010106HSM00001163	1.1.1900	13.10.1086	13.10.1986
	10.	010108GM00001592	1.1.1900	14.01.1197	04.12.1975
	11.	010111HSM0000938	1.1.1900	29.04.1872	29.04.1972
	12.	010110HSM0000432	1.1.1900	18.07.1975	18.07.1975
	13.	010108HSM0005293	1.1.1900	29.07.1195	Tiada tarikh
	14.	010108GM00001600	1.1.1900	16.01.1197	Tiada tarikh

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Dan Pejabat Tanah Daerah

Semakan Audit mendapati PTD Johor Bahru telah membetulkan tarikh daftar hak milik melalui urusan pembetulan 380 seperti tarikh pendaftaran hak milik asal.

**d) Tanah Wakaf**

Kanun Tanah Negara mempunyai peruntukan untuk membolehkan tanah wakaf diletakkan di bawah milikan badan yang mentadbirnya iaitu Majlis Agama Islam Negeri, sebuah badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang pentadbiran undang-undang Islam Negeri yang berkenaan. Analisis data menunjukkan 36 hak milik iaitu 14 hak milik di PTG, 15 hak milik di PTD Johor Bahru dan 7 hak milik di PTD Batu Pahat disenaraikan sebagai mempunyai kepentingan tanah wakaf. Mengikut kod jenis kepentingan, medan Kepentingan yang diisi dengan 00 adalah tanah wakaf. Semakan Audit terhadap 32 DHDK yang dipilih mendapati 5 daripadanya adalah tanah wakaf, 19 bukan tanah wakaf dan 8 tidak dikemukakan untuk pengauditan seperti di **Jadual 54**.

**Jadual 54**  
**Tanah Wakaf**

<b>Pejabat</b>	<b>Bil.</b>	<b>Perihal Hak Milik</b>	<b>Nama Pemilik</b>	<b>Catatan Pada DHDK</b>
PTG Johor	1.	010202HSD00238425	Hassan B. Lani	Bukan Tanah Wakaf
	2.	010208HSD00135427	Tan Tai Kee	Bukan Tanah Wakaf
	3.	010110HSD00013376	Sri Mutiara Sdn. Bhd	DHDK tidak dikemukakan
	4.	010203HSD00127351	Lak Ti @ Lim Lak Ti	DHDK tidak dikemukakan
	5.	010202HSD00253548	Ang Ah Hong	Bukan Tanah Wakaf
	6.	010202HSD00087181	Kerk York Tin (P)	DHDK tidak dikemukakan
	7.	010202HSD00098724	Chai Yoon Long	Bukan Tanah Wakaf
	8.	010205GRN00061691	Wong Siong Fatt	Bukan Tanah Wakaf
	9.	010203HSD00048875	Mohdamad Shukri B. Abdul Manaf	Bukan Tanah Wakaf
	10.	010208HSD00138017	Chong Tuan Huat	Bukan Tanah Wakaf
	11.	010208HSD00334082	Yukong Develeption (Pte) Limited	DHDK tidak dikemukakan
	12.	010640GRN00098303	Gnanasegaram s/o N.K Pillay	DHDK tidak dikemukakan
	13.	010205GRN00100013	Wong Chee Sean @ Wong Sean	DHDK tidak dikemukakan
	14.	010405PN00013720	Mohd Yasin B. Jamaludin	Bukan Tanah Wakaf
PTD Johor Bahru	1.	010202GM00000127	Sim Ah Ti	DHDK tidak dikemukakan
	2.	010202GM00000288	Tong Yon Lai	Bukan Tanah Wakaf
	3.	010202GM00000289	Tong Yon Lai	Bukan Tanah Wakaf
	4.	010202HSM00000709	Inland Enterprise Sdn. Bhd	Bukan Tanah Wakaf
	5.	010208HSM00001409	Tan Hui Eng	Bukan Tanah Wakaf
	6.	010208HSM00001815	Yip Kam Hon	Bukan Tanah Wakaf
	7.	010202GM00000557	Tulos Bin Marto	Bukan Tanah Wakaf
	8.	010208GM00000037	Lim Ah Koey	Bukan Tanah Wakaf
	9.	010207GM00000185	Alias Bin Eudin	Bukan Tanah Wakaf
	10.	010202GM00000920	Low Fook Lai	Bukan Tanah Wakaf
	11.	010202GM00000921	Chong Ah Jen @ Chong Ah Yen	Bukan Tanah Wakaf
PTD Batu Pahat	1.	010106GM00000729	Ramlah Bte Hussin	DHDK tidak dikemukakan
	2.	010108HSM00004734	Petco (M) Sdn. Bhd	Tanah Wakaf
	3.	010101GM00001262	Mohammed Bin Mohd Noor	Tanah Wakaf
	4.	010108GM00006004	Ahmad Bin Mansor	Tanah Wakaf
	5.	010106GM00001908	Rahamat Bin Embi	Tanah Wakaf
	6.	010105GM00002980	Kadir Bin Jaafar	Tanah Wakaf
	7.	010107GM00001466	Hashim Bin Md Aris	Bukan Tanah Wakaf

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Dan Pejabat Tanah Daerah

Semakan Audit mendapati PTD Johor Bahru telah membuat pembetulan dalam sistem terhadap 14 hak milik tersebut dengan membuang kod 00 kerana hak milik tersebut bukan tanah wakaf.

#### e) Syarat Nyata

Syarat Nyata ialah suatu arahan atau larangan yang dikenakan dan dinyatakan dalam hak milik ke atas sesuatu tanah yang diberi milik bagi maksud mengawal kegunaannya. Analisis data menunjukkan sebanyak 11 hak milik di PTG, 23 hak milik di PTD Johor Bahru dan 12 hak milik di PTD Batu Pahat yang mana medan Syarat Nyata tidak diisi atau tidak diisi mengikut kod-kod yang ditetapkan. Sebanyak 10 sampel hak milik yang dipilih adalah seperti di **Jadual 55**.

**Jadual 55**  
**Kod Medan Syarat Nyata Tidak Betul**

<b>Pejabat</b>	<b>Bil.</b>	<b>Perihal Hak Milik</b>	<b>Medan Syarat Nyata</b>	<b>Syarat Nyata Pada DHDK</b>	<b>Syarat Nyata Pada Hak Milik Asal</b>
PTG Johor	1.	01010HSD00000111	Tidak diisi	Tidak dikemukakan	Tidak dikemukakan
	2.	010203HSD0000237	Tidak diisi	Tidak dikemukakan	Tidak dinyatakan
	3.	010101GRN0000001	Tidak diisi	Tidak dikemukakan	Tidak dikemukakan
	4.	010205HSD000000564	Tidak diisi	Tidak dikemukakan	Tidak dinyatakan
PTD Johor Bahru	1.	010202HSM00001924	Tidak diisi	Tidak dikemukakan	Tidak dikemukakan
	2.	010208GM00000111	Tidak diisi	Tidak dikemukakan	<i>No rubber, oil palm, tapicca shall be cultivated on this land</i>
	3.	010201HSM00000023	Tidak diisi	Tidak dikemukakan	Tidak dikemukakan
	4.	010207PM00000397	Tidak diisi	Tidak dikemukakan	Tidak dikemukakan
PTD Batu Pahat	1.	010110PM00000011	Tidak diisi	Tanaman Getah	Tanaman Getah
	2.	010114GM00012304	Tidak diisi	Tidak dinyatakan	Tidak dikemukakan

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Dan Pejabat Tanah Daerah

Semakan Audit mendapati kod syarat nyata mempunyai 7 digit tetapi dimasukkan kurang daripada 7 digit. Sistem tidak menolak secara automatik apabila angka yang dimasukkan tidak mengikut kod-kod yang ditetapkan. Syarat nyata yang tidak dinyatakan dengan betul dan jelas akan mengelirukan maksud kegunaannya dan pengiraan cukai tanah yang perlu dibayar. Semakan Audit terhadap 10 sampel di DHDK mendapati 1 DHDK syarat nyata tidak dicatat dan satu syarat nyata dicatat dengan tanaman getah, manakala 8 sampel tidak dikemukakan. Semakan terhadap DHD pula didapati hanya 2 hak milik dicatat syarat nyata, 2 tidak dicatat manakala 6 tidak dikemukakan. Bagaimanapun, PTD Johor Bahru telah mengambil tindakan di atas teguran Audit dengan membatalkan 3 hak milik daripada bilangan 1 hingga 3 kerana telah diganti dengan hak milik baru, manakala hak milik untuk perenggan 4 tidak wujud.

#### f) Taraf Milik Tanah

Taraf milik tanah boleh dijeniskan sebagai pajak (P) atau selama-lamanya (S). Taraf milik tanah dalam SPTB dijeniskan kepada 3 kategori iaitu P bagi pajakan, S selama-lamanya dan 0 tidak diketahui. Analisis data mendapati medan Taraf Milik Tanah bagi 263 hak milik di PTG tidak diisi, 119 hak milik diisi dengan 0 dan 118 hak milik dengan catatan ‘, +, dan 2. Bagi PTD Batu Pahat pula terdapat medan Taraf Milik Tanah bagi 12 hak milik tidak diisi. Sampel taraf milik tanah yang dipilih adalah seperti di **Jadual 56**.

**Jadual 56**  
**Taraf Milik Tanah**

<b>Pejabat</b>	<b>Bil.</b>	<b>Perihal Hak Milik</b>	<b>Medan Taraf Milik Tanah</b>	<b>Catatan Hak Milik Asal</b>
PTG Johor	1.	0101208HSD00119637	0	Kekal
	2.	010202HSD00011365	0	Lease
	3.	010208HSD00239697	0	Pajakan
PTD Batu Pahat	1.	010110PM00000011	0	Tiada catatan
	2.	010110HSM00007086	Tidak diisi	Tidak dikemukakan
	3.	010109GM00001252	Tidak diisi	Tiada catatan

*Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian Dan Pejabat Tanah Daerah*

Semakan Audit terhadap 6 sampel yang dipilih mendapati taraf milik tanah tidak dinyatakan mengikut kelulusan pemberimilikan tanah. Tidak ada penjelasan sebab kategori 0 perlu diwujudkan dan catatan lain yang diperhatikan dalam sistem. Semakan terhadap hak milik asal mendapati 3 hak milik dicatatkan taraf milik tanah dan 2 hak milik tiada catatan, manakala 3 hak milik tidak dikemukakan.

**Pada pendapat Audit, pemindahan data hak milik dari sistem manual kepada SPTB adalah tidak memuaskan kerana berlaku kesilapan kemasukan maklumat dalam SPTB yang menjaskankan integriti data.**

#### 18.2.6 Kepuasan Hati Pelanggan

Bagi menilai pencapaian dan impak pelaksanaan SPTB, soal selidik digunakan untuk mendapat maklum balas kepuasan pelanggan, pandangan pihak pengurusan dan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam penggunaan SPTB di PTG dan PTD. Maklum balas digunakan untuk menilai sejauh mana SPTB dapat membantu dalam proses kerja dan input untuk menambah baik perkhidmatan pelanggan. Analisis terhadap maklum balas yang diterima adalah seperti di **Jadual 57**.

**Jadual 57**  
**Analisis Responden Pelaksanaan SPTB**

Bil.	Perkara	Pihak Pengurusan	Pengguna	Pelanggan
1.	Bilangan Responden	3	37	68
2.	Jantina: i) Lelaki ii) Perempuan	3	6 31	59 9
3.	Umur: i) 20-30 tahun ii) 31-40 tahun iii) 41-50 tahun iv) 51 tahun ke atas	3	16 11 9 1	15 23 21 9
4.	Tempoh Perkhidmatan	3-5 tahun	2 – 32 tahun	
5.	Kepuasan Hati: i) Baik ii) Memuaskan iii) Tidak Memuaskan	1 - 2	29 - 8	60 - 8

Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara

**a) Pihak Pengurusan**

Borang Soal Selidik yang diedarkan kepada pihak pengurusan berjumlah 10 dan yang diterima kembali berjumlah 3 iaitu 30%. Soal selidik terhadap pihak pengurusan mengenai pelaksanaan SPTB mendapati tahap kepuasan untuk kategori tidak memuaskan adalah 66%. Secara amnya pihak pengurusan berpendapat pelaksanaan SPTB dapat mengurangkan karenah birokrasi dan memudahkan kerja tetapi kurang dari aspek keselamatan. Sistem ini perlu dipertingkatkan tahap keselamatan data bagi mengelak dari berlaku pemalsuan dan penyelewengan terhadap data pendaftaran tanah. Selain itu, usaha perlu dilipat ganda untuk memantapkannya supaya laporan dan statistik yang dikeluarkan boleh dipercayai.

**b) Pengguna**

Borang Soal Selidik yang diedarkan kepada pengguna berjumlah 50 dan yang diterima kembali berjumlah 37 iaitu 74%. Secara keseluruhannya pengguna sistem SPTB yang terdiri daripada kakitangan yang berurusan terus dengan pelanggan mendapati pelaksanaan sistem ini memudahkan kerja mereka seperti membuat semakan dan sebagainya. Keputusan Soal Selidik terhadap kepuasan pengguna untuk kategori baik ialah 78.4%.

**c) Pelanggan**

Borang Soal Selidik yang diedarkan kepada pelanggan berjumlah 150 dan yang diterima kembali berjumlah 68 iaitu 45.3%. Pihak pelanggan yang terdiri daripada orang awam secara amnya berpuas hati dengan pelaksanaan SPTB. Pelaksanaan sistem ini ternyata mempercepatkan lagi urusan dan memendekkan tempoh menunggu bagi menyelesaikan sesuatu urusan. Keputusan Soal Selidik terhadap kepuasan pelanggan untuk kategori baik ialah 88.2%.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan memberi tahap kepuasan yang tidak memuaskan, manakala pihak pelanggan dan pengguna memberi maklum balas yang baik terhadap penggunaan SPTB.

#### 18.2.7 Prestasi Kewangan

##### a) Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Kos yang ditanggung oleh Kementerian untuk pelaksanaan SPTB di negeri Johor berjumlah RM34.5 juta. Agihan kos mengikut perjanjian adalah seperti di **Jadual 58**.

**Jadual 58**  
**Kos Pelaksanaan SPTB Negeri Johor**

Bil.	Perkara	Kos (RM)
1.	Perkakasan	5,734,091
2.	Perisian	917,558
3.	Penyediaan Tapak	2,213,196
4.	Latih Pengguna	124,626
5.	<i>System Support and Services</i>	1,100,400
6.	Kutipan Data/Tukar Ganti Hak Milik	18,816,000
7.	<i>Start-up Stationery</i>	165,030
8.	Kertas Keselamatan	822,528
9.	<i>Hard Cover Files With Plastic Pockets</i>	689,920
10.	<i>Traffic light Coloured Files</i>	50,000
11.	<i>Two Sheet Cards</i>	98,560
12.	Penyelenggaraan	3,749,364
<b>Jumlah</b>		<b>34,481,273</b>

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian

##### b) Kerajaan Negeri Johor

Pejabat Tanah Dan Galian Negeri telah mendapat peruntukan sebanyak RM20,000 setahun pada tahun 2005 hingga 2007. Peruntukan ini adalah untuk perbelanjaan penyenggaraan peralatan komputer yang dibeli sendiri oleh PTG. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan tersebut adalah seperti di **Jadual 59**.

**Jadual 59**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan**  
**Bagi Peralatan Yang Dibekalkan Oleh PTG**

Tahun	Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)
2005	260300	20,000	19,541	459
2006	260300	20,000	17,089	2,911
2007	260300	20,000	19,952	48

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian

Pada pendapat Audit, peruntukan yang disediakan oleh PTG untuk perbelanjaan penyenggaraan SPTB adalah mencukupi.

#### 18.2.8 Modal Insan

##### a) Struktur Pengurusan

Pengurusan pendaftaran tanah adalah terletak di bawah tanggungjawab Bahagian/Unit Pendaftaran dan Bahagian/Unit Teknologi Maklumat Pejabat Tanah dan Galian. Bilangan perjawatan yang diluluskan pada tahun 2007 bagi kedua-dua bahagian/unit yang bertanggungjawab ialah sebanyak 197 jawatan iaitu 12 jawatan daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 185 jawatan daripada Kumpulan Sokongan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 164 jawatan telah diisi manakala 33 jawatan belum diisi. Kekosongan adalah 2 jawatan daripada Kumpulan Pengurusan Profesional di PTG Unit Teknologi Maklumat 31 jawatan Kumpulan Sokongan di PTG dan PTD. Kedudukan pengisian perjawatan di Bahagian/Unit Pendaftaran dan Bahagian/Unit Teknologi Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat Tanah Daerah adalah seperti di **Jadual 60**.


**Jadual 60**  
**Kedudukan Perjawatan Bahagian Pendaftaran Dan**  
**Bahagian Teknologi Maklumat Sehingga 31 Disember 2007**

Bil.	Pejabat	Pengurusan Dan Profesional			Sokongan I Dan II		
		Lulus	Isi	Kosong	Lulus	Isi	Kosong
1.	PTG Johor	8	6	2	148	127	21
2.	PTD Johor Bahru	2	2	-	17	14	3
3.	PTD Batu Pahat	2	2	-	20	13	7
<b>Jumlah</b>		<b>12</b>	<b>10</b>	<b>2</b>	<b>185</b>	<b>154</b>	<b>31</b>

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Dan Galian


Carta organisasi Bahagian Pendaftaran Hak Milik dan Bahagian Teknologi Maklumat Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru dan Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat adalah seperti di **Carta 16** hingga **Carta 18**.

**Carta 16**  
**Carta Organisasi Bahagian Pendaftaran Hak Milik Dan Bahagian Teknologi Maklumat**  
**Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor**




Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor

**Carta 17**  
**Carta Organisasi Pejabat Tanah Johor Baru**



Sumber: Pejabat Tanah Johor Bahru

**Carta 18**  
**Carta Organisasi Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat**



Sumber: Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat

**b) Latihan**

Semakan Audit mendapati Syarikat dapat mengadakan kursus sebagaimana perjanjian. Bagaimanapun, kakitangan dan pegawai yang menghadiri kursus yang disediakan oleh syarikat telah ditukarkan ke bahagian lain, bertukar pejabat atau menamatkan perkhidmatan. Manakala bagi kakitangan yang mengambil alih tugas pegawai yang berpindah tidak pernah menghadiri kursus berkenaan SPTB. Pejabat pula tidak ada menyediakan rancangan untuk memberi latihan kepada kakitangan baru bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan mereka.

**Pada pendapat Audit, prestasi pengisian perjawatan dan latihan adalah tidak memuaskan kerana masih terdapat 33 jawatan belum diisi dan pihak pejabat tidak menyediakan latihan kepada kakitangan baru.**

### **18.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang berkesan dapat memastikan SPTB dilaksanakan dengan lancar. Kaedah pemantauan yang dilakukan adalah seperti berikut:

#### **18.3.1 Peringkat JKPTG**

##### **a) Mesyuarat Kemajuan Pelaksanaan SPTB**

Mesyuarat ini diadakan antara Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bersama Timbalan Pengarah PTG Negeri-negeri. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah mengenai prestasi dan masalah SPTB yang dibangunkan di seluruh daerah dan tindakan yang perlu diambil untuk menangani isu-isu berbangkit serta cadangan penambahbaikan dalam proses pendaftaran SPTB. Semakan Audit mendapati mesyuarat diadakan sepanjang pelaksanaan SPTB daripada tahun 2000 hingga 2002 sahaja.

#### **18.3.2 Peringkat Pejabat Tanah Dan Galian Negeri**

##### **a) Jawatankuasa Penyelaras**

Jawatankuasa Penyelaras telah ditubuhkan untuk memantau kerja-kerja syarikat melaksanakan pengurusan sistem pendaftaran berkomputer. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, manakala ahlinya terdiri daripada Pengurus Besar Syarikat, Pegawai Tadbir Tanah Daerah serta Juruanalisa Sistem Teknologi Maklumat Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi dan Juruanalisa Sistem PTG. Jawatan kuasa ini telah mengadakan mesyuarat pada setiap bulan dan membincangkan kemajuan dan masalah SPTB daripada tahun 2000 hingga 2004 sahaja.

**Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan wujud tetapi kurang berkesan kerana jawatankuasa terbabit tidak mengadakan mesyuarat pada tahun semasa 2006 dan 2007.**

Pada keseluruhannya pelaksanaan pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer adalah kurang memuaskan kerana pembetulan data secara *back door* boleh di manipulasi oleh kakitangan. Pengurusan kertas keselamatan pula diragui, integriti data juga diragui kerana terdapat kesilapan akibat kecuaian manusia, pemantauan yang kurang berkesan, kakitangan kontrak tidak diberi latihan dan beberapa medan penting tidak diisi dengan maklumat berkaitan.

## **19. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara amnya pelaksanaan SPTB dapat mempercepatkan tempoh pemprosesan urusan tanah dan memendekkan masa menunggu pelanggan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti ketepatan data diragui, jumlah hasil cukai yang sepatutnya dibayar dan diterima tidak dapat ditentukan kerana maklumat tidak diisi dengan lengkap; sistem terdedah kepada pencerobohan data; penipuan dokumen hak milik; pemalsuan identiti pemilik dan penyelewengan yang menimbulkan keraguan, keresahan rakyat terhadap pengurusan tanah dan menjelaskan imej kerajaan serta sistem penyampaian di PTG/PTD juga wujud penyalahgunaan pembetulan *back door* disebabkan kelemahan dan masalah sistem. Amalan ini akan menimbulkan risiko pemalsuan data dan penyelewengan. Adalah dicadangkan langkah-langkah berikut diambil untuk menambah baik pelaksanaan SPTB:

- a) PTG dan PTD hendaklah menyemak semula maklumat dalam pangkalan data dengan maklumat dalam hak milik asal supaya daftar hak milik berkomputer menjadi lengkap dan tepat.
- b) Ciri-ciri keselamatan perlu dititik beratkan bagi menjamin keselamatan dokumen dari dicerobohi.
- c) PTG dan PTD hendaklah menyelenggara dokumen kertas keselamatan dengan lengkap dan kemas kini serta disimpan dengan teratur.
- d) Latihan perlu diberi secara berterusan kepada kakitangan terutama kakitangan baru.
- e) *Deadline* ditetapkan bagi tindakan pembersihan data oleh PTG/PTD dengan segera sebelum pelaksanaan e-Tanah.
- f) Pelaksanaan pembetulan data secara *back door* hendaklah diberhentikan.
- g) PTG menjalankan naziran terhadap PTD bagi membantu kawalan dalaman terjamin dan memastikan pembetulan data dibuat dengan sempurna.
- h) Pembelian perisian komputer bagi tujuan mengesan kelemahan data dan membantu pembersihan data serta mengemas kini maklumat yang lebih tepat dan efisien.

## YAYASAN WARISAN NEGERI

### PENGURUSAN BAHAN ARTIFAK

#### 20. LATAR BELAKANG

**20.1** Yayasan Warisan Negeri (Yayasan) ditubuhkan di bawah Enakmen No. 7 Tahun 1988 dengan tujuan untuk memelihara warisan budaya dan sejarah Negeri Johor serta membuat peruntukan-peruntukan berkaitan dengannya. Yayasan mempunyai misi untuk memartabatkan warisan sejarah, persuratan, seni dan budaya Negeri Johor. Visi Yayasan pula adalah memantapkan jati diri rakyat Johor melalui pemuliharaan warisan budaya bangsa. Dalam usaha pengembangan seni budaya Negeri Johor, Yayasan telah menetapkan objektifnya seperti berikut:

- a) Menjalankan penyelidikan dan usaha-usaha pemuliharaan sejarah, persuratan, seni dan budaya.
- b) Mengenal pasti bagi tujuan pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan dengan warisan sejarah, persuratan dan seni budaya.
- c) Memelihara secara sistematis dan saintifik warisan sejarah, persuratan, seni dan budaya.
- d) Mendokumentasi dan menyebarkan hasil usaha pemuliharaan warisan sejarah, persuratan, seni dan budaya.

**20.2** Bahan artifak adalah barang-barang buatan manusia terutamanya alat perkakas dan senjata yang merupakan warisan sesuatu zaman. Pada masa ini, pengurusan bahan artifak Yayasan telah dipertanggungjawabkan kepada Muzium Kota Tinggi (Muzium). Muzium pada awalnya menggunakan nama Pusat Sejarah Kota Tinggi mula dibina pada tahun 1997. Kerja-kerja pembinaan telah diselia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kota Tinggi. Bangunan ini telah disiapkan dan diserahkan kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti pada pertengahan bulan Jun 1999. Pada akhir bulan Februari 2001, pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti menyerahkan Muzium Kota Tinggi kepada Kerajaan Negeri Johor dan diselenggarakan oleh Yayasan Warisan Johor. Bangunan Muzium yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 88**.

**Foto 88**  
**Bangunan Muzium Kota Tinggi**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 September 2007  
Lokasi: Muzium Kota Tinggi*

**20.3** Sehingga akhir tahun 2007, Yayasan memiliki 1,459 unit bahan artifak yang terdiri daripada 11 jenis bahan artifak yang bernilai RM1.77 juta. Antara jenis bahan artifak yang dimiliki ialah senjata dan peralatan perang, alat-alat perusahaan, mata wang, alat muzik dan perhiasan diri.

## **21. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan bahan artifak Yayasan yang ditempatkan di Muzium Kota Tinggi telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya.

## **22. SKOP PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah ditumpukan kepada pengurusan bahan artifak di Yayasan dan di Muzium Kota Tinggi. Tempoh pengauditan adalah bagi aktiviti dan transaksi yang dilakukan sepanjang tahun 2005 hingga 2007.

## **23. KADEAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data, rekod dan dokumen yang diselenggarakan oleh Yayasan dan Muzium Kota Tinggi. Temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan mengenai pengurusan bahan artifak. Sebanyak 100 borang soal selidik diedarkan kepada

orang awam untuk memperoleh maklum balas mengenai pameran bahan artifak dan kemudahan yang disediakan di Muzium.

## **24. PENEMUAN AUDIT**

### **24.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang lengkap dan rapi merupakan komponen penting bagi menentukan sesuatu program dapat dilaksanakan dengan lancar untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Aspek-aspek perancangan yang dinilai adalah meliputi perkara seperti berikut:

#### **24.1.1 Undang-undang**

Operasi Yayasan adalah berpandukan kepada undang-undang yang berkuat kuasa bagi menguruskan bahan artifak. Undang-undang yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

##### **a) Enakmen Yayasan Warisan Negeri No. 7 Tahun 1988**

Enakmen Yayasan Warisan Negeri No. 7 Tahun 1988 mula berkuat kuasa pada pertengahan bulan Disember 1988. Enakmen ini menyatakan tujuan penubuhan Yayasan adalah untuk memelihara warisan budaya dan sejarah Negeri Johor.

##### **b) Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)**

Akta ini diguna pakai bagi pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan. Warisan kebudayaan ketara adalah termasuk kawasan, monumen dan bangunan. Manakala warisan kebudayaan tidak ketara adalah termasuk mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah dan lagu.

#### **24.1.2 Peraturan Dan Garis Panduan**

Yayasan juga mempunyai peraturan dan garis panduan yang akan digunakan bagi pengurusan bahan artifak seperti berikut:

##### **a) Peraturan Pembelian**

Pembelian bahan artifak dilakukan melalui penyelidikan oleh Bahagian Pemuziuman atau ditawarkan oleh pembekal. Lembaga Pengarah Yayasan telah menetapkan peraturan pembelian bahan artifak seperti berikut:

- i) Artifak di bawah harga RM10,000 untuk setiap item diwakilkan kuasa kepada Pengarah Yayasan Warisan Johor.
- ii) Artifak melebihi harga RM10,000 untuk setiap item hendaklah mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa Perolehan Artifak yang terdiri daripada:
  - Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

- Wakil Jabatan Muzium Malaysia/Muzium Diraja Johor.
- Wakil Pihak Pejabat Kewangan Negeri Johor.
- Pengarah Arkib Negara Kawasan Selatan.
- Pengarah Yayasan Warisan Johor.
- Wakil Persatuan Sejarah Johor.

**b) Garis Panduan Proses Gali Cari**

Bagi proses gali cari, Yayasan akan mengguna pakai Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan Garis Panduan Permohonan Lesen Penggalian Benda Purba yang dikeluarkan oleh Jabatan Muzium Negara. Garis panduan ini menetapkan cara permohonan penggalian, pemprosesan, keputusan dan jawapan kepada permohonan bagi tujuan penggalian.

**c) Manual Prosedur Kerja**

Yayasan mempunyai Manual Prosedur Kerja (MPK) yang akan menjadi asas pelaksanaan kerja bagi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kewangan, Kesenian dan Warisan Johor, Kepimpinan dan Latihan, Persuratan dan Sejarah, Pengembangan dan Pemuziuman. MPK Bahagian Pemuziuman mengandungi objektif dan fungsi muzium, tanggungjawab terhadap misi Yayasan, carta organisasi bahagian, struktur organisasi, senarai tugas, kuasa, hubungan dan carta aliran kerja.

**24.1.3 Sasaran Pengurusan Bahan Artifik**

Yayasan merancang sasaran pengurusan bahan artifik meliputi perkara seperti berikut:

**a) Pembelian Bahan Artifik**

Yayasan merancang pembelian bahan artifik bagi tahun 2005 hingga 2007 berdasarkan peruntukan berjumlah RM800,000 seperti di **Jadual 61**.

**Jadual 61**  
Peruntukan Pembelian Bahan Artifik  
Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Peruntukan (RM)
2005	100,000
2006	100,000
2007	600,000
<b>Jumlah</b>	<b>800,000</b>

Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor

**b) Rancangan Penyelidikan Arkeologi**

Yayasan merancang untuk melaksanakan sebanyak 9 penyelidikan arkeologi di 5 lokasi penyelidikan dengan peruntukan berjumlah RM120,000 bagi tahun 2005 hingga 2007. Rancangan penyelidikan arkeologi bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 62**.

**Jadual 62**  
**Rancangan Penyelidikan Arkeologi Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Bil.	Lokasi Penyelidikan Arkeologi	Tahun			Jumlah (RM)
		2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	
1.	Bukit Seluyut, Kota Tinggi	25,000	10,000	10,000	45,000
2.	Kampung Panchor, Kota Tinggi	25,000	-	10,000	35,000
3.	Daerah Muar	-	10,000	10,000	20,000
4.	Daerah Batu Pahat	-	10,000	-	10,000
5.	Sungai Pemandi, Kota Tinggi	-	-	10,000	10,000
<b>Jumlah</b>		<b>50,000</b>	<b>30,000</b>	<b>40,000</b>	<b>120,000</b>

*Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor*

### c) Pengunjung Di Muzium Kota Tinggi

Yayasan mensasarkan golongan pengunjung di Muzium Kota Tinggi berdasarkan kepada kategori pelancong asing, pelajar dan orang awam. Bagi menentukan sasaran ketiga-tiga kategori ini, Muzium menyediakan rekod pengunjung di bahagian kaunter informasi. Kakitangan yang bertugas akan merekodkan maklumat pengunjung berdasarkan 3 kategori di atas secara manual.

#### 24.1.4 Kaedah Pelaksanaan

Pengurusan bahan artifak melibatkan proses pengumpulan, pemeliharaan dan pemuliharaan, pameran, penyimpanan, promosi dan penyelenggaraan rekod bahan-bahan artifak.

##### a) Pengumpulan Bahan Artifak

Pihak pengurusan Yayasan mengamalkan beberapa kaedah bagi pengumpulan bahan artifak yang berkait dengan sejarah Negeri Johor. Kaedah yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

###### i) Pembelian

Setiap pembelian perlu mempunyai justifikasi yang jelas seperti keunikan, berkaitan nilai sejarah dan budaya akan menjadi asas kepada sesuatu pembelian atau perolehan. Manakala faktor keaslian dan kepentingan semasa bagi menambah koleksi bahan artifak juga perlu memenuhi kriteria seperti berikut:

- Bahan-bahan koleksi ini hendaklah mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan perkembangan sejarah kebudayaan dan alam semula jadi Malaysia.
- Bahan ini boleh digunakan untuk penyelidikan dan perbandingan sama ada dari dalam atau luar negeri.

- Bahan-bahan penting yang boleh dinilai dari segi estetika, keunikan, keganjilan, kehalusan buatan dan sukar ditemui.
- Bahan yang menghadapi kepupusan atau tidak boleh dicari ganti.

**ii) Derma Atau Sumbangan**

Yayasan sedia menerima sumbangan atau derma bahan artifak secara sukarela daripada mana-mana penderma. Yayasan juga mengenal pasti bahan artifak yang mempunyai nilai sejarah dan membuat rayuan untuk mendapatkannya daripada pemilik bahan tersebut. Surat penghargaan akan diberikan kepada penderma sebagai menghargai sumbangannya. Di samping itu, nama penderma akan dipaparkan bersama dengan bahan artifak yang dipamerkan.

**iii) Pinjaman**

Yayasan juga mengamalkan kaedah meminjam bahan-bahan artifak untuk tujuan pameran, penyelidikan dan pendokumentasian jika pemiliknya enggan menjual atau menghadiahkan kepada pihak Yayasan. Bagi tujuan kawalan terhadap bahan artifak yang dipinjam, Yayasan akan menyediakan borang pinjaman bahan artifak. Bahan artifak yang mempunyai nilai sejarah ini akan dikembalikan kepada pemilik asal setelah pameran selesai dijalankan.

**iv) Gali Cari Dan Jumpaan**

Penyelidikan Arkeologi merupakan penyelidikan yang dilakukan melalui kerja-kerja gali cari. Ianya bertujuan mengesan lokasi sebenar tapak sesuatu sejarah, melindungi dan memulihara tapak sejarah dan menambahkan koleksi bahan artifak. Yayasan akan bekerjasama dengan Bahagian Antikuiti/Arkeologi atau Unit Ilmu Kejadian di Jabatan Muzium Negara bagi melaksanakan penyelidikan arkeologi. Kerjasama ini dibuat kerana Yayasan belum mempunyai Unit Ilmu Kejadian seperti di Jabatan Muzium Negara. Yayasan juga akan mengadakan usaha sama dengan universiti tempatan, jabatan kerajaan dan pakar arkeologi dalam dan luar negara bagi tujuan gali cari dan jumpaan bahan artifak.

**b) Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Bahan Artifak**

Pemeliharaan dan pemuliharaan bahan artifak akan dibuat mengikut keperluan dan keadaan bahan artifak tersebut yang mungkin terjejas seperti berkarat, kusam, kotor dan berhabuk. Yayasan akan menggunakan kaedah pemuliharaan seperti berikut:

**i) Cara Tradisional**

Cara ini menggunakan bahan-bahan daripada alam semula jadi seperti asam jawa, limau nipis, nenas dan mengkudu untuk memulihara barang tembaga, perak dan gangsa daripada berkarat, kusam, kotor dan berhabuk. Kaedah ini digunakan bagi menjaga kualiti dan keaslian bahan artifak daripada berlaku kerosakan dan kepuddaran.

**ii) Cara Moden**

Cara ini menggunakan bahan kimia yang bersesuaian seperti autosol untuk merawat dan memulihara bahan artifak. Manakala bahan artifak yang berbentuk dokumen akan dihantar terus ke Arkib Negara atau Jabatan Muzium Malaysia untuk diawet serta membuat konservasi yang bersesuaian dengan bahan artifak untuk menjamin mutu yang berkekalan.

**c) Pameran Bahan Artifak**

Pameran bahan artifak Yayasan akan dibuat di Muzium Kota Tinggi yang mempunyai 2 ruang pameran untuk tatapan pengunjung seperti berikut:

**i) Galeri Pameran Tetap**

Galeri Pameran Tetap ini melibatkan ruang khas Muzium di mana bahan artifak ditempatkan secara tetap untuk tatapan umum pada setiap hari kecuali hari Jumaat. Ruang pameran tetap ditempatkan di tingkat bawah Muzium. Bahan artifak yang dipamerkan adalah koleksi bahan yang meliputi sejarah kegemilangan Empayar Kesultanan Melayu Johor. Koleksi bahan artifak yang dipamerkan meliputi sejarah bermula selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 sehingga era perpecahan Empayar Kesultanan Johor akibat Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824. Galeri pameran tetap ini mempunyai 9 segmen seperti berikut:

- Balai Rong Seri.
- Pengenalan Tentang Muzium Kota Tinggi.
- Koleksi Sejarah Sultan Mahmud Shah I.
- Koleksi Bahan Artifak Era Sultan Alauddin Riayat Shah II, Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Jalil Shah I serta Sudut Mata Wang.
- Koleksi Bahan Artifak Era Sultan Ali Jalla Abd. Jalil Shah II, Sultan Alauddin Riayat Shah III dan Sultan Abdullah Maayat Shah.
- Koleksi Bahan Artifak Era Sultan Abd. Jalil Shah III dan Sultan Ibrahim Shah.
- Koleksi Bahan Artifak Era Sultan Mahmud Shah II (Mangkat Dijulang).
- Koleksi Kelengkapan Pahlawan.
- Bahan Tembikar.

**ii) Galeri Pameran Sementara**

Galeri Pameran Sementara ditempatkan di tingkat atas Muzium bagi menempatkan Pameran Sejarah Seni dan Kebudayaan Negeri Johor. Galeri ini menetapkan tempoh tertentu bagi mempamerkan segmen-segmen mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Bahan-bahan pameran adalah mengenai tokoh-tokoh pentadbir Negeri Johor, kesenian dan kebudayaan Johor, maritim dan rumah tradisional.

**d) Penyimpanan Bahan Artifak**

Bahan artifak yang tidak dipamerkan akan disimpan di stor Muzium Kota Tinggi. Bahan artifak yang disimpan di stor adalah mengikut kategori nilai bahan dan disusun di dalam rak, kabinet, almari bercermin dan sebagainya.

**e) Promosi**

Yayasan merancang beberapa promosi bagi memperkenalkan Muzium Kota Tinggi kepada pengunjung dan pelancong di dalam dan luar negara seperti berikut:

**i) Laman Web Rasmi Yayasan Warisan Johor**

Pada tahun 2005, Yayasan telah mempunyai laman webnya iaitu [www.ywj.gov.my](http://www.ywj.gov.my) bagi memberi maklumat mengenai kebudayaan, kesenian dan warisan Negeri Johor termasuk latar belakang, bahagian dan ruang pameran di Muzium Kota Tinggi.

**ii) Pengiklanan Di Media Cetak Dan Elektronik**

Yayasan merancang promosi melalui pengiklanan di media cetak dan elektronik serta edaran risalah sebagaimana berikut:

- Majalah pelancongan seperti *Expatriate Lifestyle*, Majalah Impiana, *Malaysian and Singapore Guide*.
- Dokumentari sejarah dan tempat pelancongan menarik di Johor yang disiarkan melalui RTM dan TV9.
- Akhbar-akhbar tempatan bagi mempromosikan setiap projek yang akan dilaksanakan.
- Edaran risalah kepada agensi pelancongan, sekolah dan jabatan-jabatan kerajaan.

**iii) Pameran Sempena Hari Muzium Antarabangsa**

Yayasan merancang untuk mengambil bahagian dalam Pameran Sempena Hari Muzium Antarabangsa yang akan diadakan pada setiap tahun. Ini merupakan sebahagian daripada usaha Yayasan bagi mempromosikan bahan-bahan artifak yang terdapat di Muzium Kota Tinggi. Hari Muzium Antarabangsa disambut pada 18 Mei setiap tahun oleh 102 buah negara di seluruh dunia. Sambutan ini telah diperkenalkan oleh *International Council of Museum* (ICOM) sejak tahun 1977. Di Malaysia, perayaan ini disambut dan dianjurkan oleh Persatuan Muzium Malaysia (PMM) dengan kerjasama muzium-muzium di seluruh negara. Lokasi dan tema pameran akan berbeza pada tiap-tiap tahun. Biasanya bahan yang dipamerkan akan mengikut tema berdasarkan kehendak pengajur.

**iv) Pameran Khas**

Yayasan akan mengadakan pameran khas di tempat-tempat tertentu atas permintaan daripada Jabatan atau Agensi Kerajaan, Sekolah dan Agensi Bukan Kerajaan (NGO). Bahan artifak yang dipamerkan adalah mengikut keperluan pihak pengajur bagi tujuan tertentu.

**f) Penyelenggaraan Rekod**

Bahan artifak yang diperoleh sama ada secara pembelian, derma, sumbangan, jumpaan dan gali cari akan didaftarkan terlebih dahulu dalam Daftar Bahan Artifak di Yayasan sebelum dihantar ke Muzium Kota Tinggi. Seorang Penolong Kurator dan seorang Pembantu Muzium ditugaskan untuk menyelenggarakan Daftar Bahan Artifak dan merekodkan pergerakan serta lokasi koleksi. Daftar Bahan Artifak disediakan sebagai rekod kawalan dengan mencatatkan kesemua maklumat bahan artifak yang dimiliki, manakala kad pendaftaran bahan artifak mengandungi maklumat dan gambar bagi setiap item. Yayasan merancang untuk menggunakan Sistem Pengkaluan Data Artifak bagi menggantikan cara manual dalam merekodkan bahan artifak supaya memudahkan pelawat mencari maklumat berkenaan bahan artifak.

**24.1.5 Keperluan Peralatan Dan Kemudahan**

Yayasan akan membeli peralatan berdasarkan keperluan semasa bagi tujuan penyelidikan dan pameran. Yayasan juga menyediakan kemudahan bagi kegunaan orang awam di Muzium Kota Tinggi seperti berikut:

**a) Kiosk**

Kiosk ini disediakan bagi memudahkan pengunjung membuat rujukan untuk mengetahui susun atur dan maklumat pameran yang terdapat di Muzium Kota Tinggi. Kiosk mula digunakan di Muzium Kota Tinggi pada tahun 2002 di mana ia diletakkan berhampiran dengan kaunter pertanyaan yang dikawal oleh Pembantu Muzium. Pengunjung perlu menekan butang yang diperlukan di skrin jika hendak mengetahui maklumat yang dikehendaki.

**b) Bilik Audio Video**

Bilik Audio Video disediakan di tingkat atas Muzium bagi membolehkan pengunjung menyaksikan cerita-cerita berkaitan dengan sejarah sepanjang persisiran Sungai Johor, dokumentasi tentang bangunan-bangunan bersejarah di Negeri Johor serta dokumentasi kesenian. Bilik audio video ini telah disiapkan pada bulan Januari tahun 2007. Tayangan akan menggunakan projektor dengan memainkan cakera padat yang diperoleh dari Yayasan. Bilik ini boleh menampung sehingga 50 orang pengunjung bagi setiap tayangan.

c) **Sistem Audio Segmen**

Sistem audio segmen disediakan bagi membolehkan pengunjung mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan sejarah setiap segmen yang dikunjunginya. Pengunjung hanya perlu menekan butang merah yang terdapat pada dinding setiap segmen untuk mendengar penerangan yang berkaitan dengan segmen tersebut. Penerangan yang dibuat adalah menggunakan Bahasa Malaysia.

d) **Kemudahan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)**

Muzium Kota Tinggi juga menyediakan laluan khas untuk ke tempat pameran tingkat bawah bagi kemudahan pengunjung kurang upaya.


#### 24.1.6 Keperluan Modal Insan

Struktur organisasi yang baik, kakitangan yang mencukupi dan berkemahiran untuk melaksanakan tugas perlu dimiliki bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesan pengurusan bahan artifak. Oleh itu, Yayasan membuat perancangan seperti berikut:

a) **Struktur Organisasi**

Yayasan diketuai oleh seorang Pengarah Gred VU7, dibantu oleh seorang Pengarah IKLAS Gred N54, 3 orang Timbalan Pengarah Gred N48/S48 serta 11 orang kakitangan profesional dan 202 orang kakitangan sokongan. Muzium Kota Tinggi ditadbir oleh Timbalan Pengarah I Gred S48 di bawah Bahagian Pemuuziman. Struktur organisasi Yayasan terbahagi kepada 9 Bahagian utama sebagaimana di **Carta 19**.

**Carta 19**  
Carta Organisasi Yayasan Warisan Negeri Johor



Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor

Bahagian yang dipertanggungjawabkan oleh Yayasan bagi pengurusan bahan artifak adalah Bahagian Pemuziuman. Bagi memenuhi tanggungjawab Bahagian Pemuziuman, Yayasan mewujudkan 6 jawatan Kurator Gred S41, 5 Penolong Kurator Gred S27, 13 Pembantu Muzium Gred S17 dan 10 Penjaga Muzium Gred KP11. Daripada jumlah ini, seramai 11 kakitangan ditugaskan untuk menguruskan penyimpanan, pemuliharaan dan pameran bahan artifak di Muzium Kota Tinggi.

#### b) Keperluan Latihan

Yayasan akan menghantar pegawai yang bersesuaian menghadiri kursus dan latihan berdasarkan keperluan atau jemputan daripada Jabatan Muzium Dan Antikuiti Malaysia, Agensi kerajaan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta serta kursus dalaman yang dianjurkan oleh Yayasan kepada kakitangan Bahagian Pemuziuman.

#### 24.1.7 Keperluan Kewangan

Yayasan mempunyai 2 sumber peruntukan kewangan bagi pengurusan bahan artifak. Sumber kewangannya terdiri dari peruntukan Kerajaan Negeri dan sumbangan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa). Yayasan memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM40.4 juta bagi tahun 2005 hingga 2007. Pecahan peruntukan yang dimohon adalah sejumlah RM12.4 juta bagi tahun 2005, RM13.7 juta bagi tahun 2006 dan RM14.3 juta bagi tahun 2007. Sumbangan daripada KeKKWa disalurkan kepada Yayasan bagi tujuan pengurusan Bahagian Pemuziuman berdasarkan perkiraan seperti di **Jadual 63**.

**Jadual 63**

**Peruntukan KeKKWa Yang Sepatutnya Diterima Oleh Yayasan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Butiran	Tahun			Jumlah (RM Juta)
	2005 (RM Juta )	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan Tahun Sebelumnya (a)	3.03	3.01	10.5	16.54
Jumlah Hasil Tahun Sebelumnya ( tidak termasuk pemberian kerajaan negeri) (b)	0.05	0.07	0.13	0.25
Perbezaan (a – b = c)	2.98	2.94	10.37	16.29
Jumlah Peruntukan Sepatutnya Diterima Tahun Semasa (RM juta) = d (50% x c)	1.49	1.47	5.19	8.15

Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor

#### 24.1.8 Kaedah Pemantauan

Pemantauan adalah satu aspek penting untuk memastikan pengurusan bahan artifak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sehubungan itu, Yayasan merancang pemantauan bahan artifak melalui perkara seperti berikut:

**a) Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Pemantauan terhadap pengurusan bahan artifak di Yayasan adalah melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah. Lembaga akan membincang perkara-perkara berkaitan pengurusan Yayasan termasuk Bahagian Pemuziuman. Berdasarkan Enakmen Penubuhan Yayasan, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

**b) Kawalan Keselamatan Bangunan Dan Bahan Artifik**

Kawalan keselamatan bangunan dan bahan artifak ada disediakan terdiri daripada pengawal keselamatan, kamera litar tertutup, alat pencegah kebakaran dan *smart card*. Penggunaan *smart card* ini bertindak sebagai kad akses untuk memasuki bilik stor penyimpanan bahan artifak di Muzium Kota Tinggi.

**Pada pandangan Audit, Yayasan mempunyai perancangan yang baik bagi pengurusan bahan artifak.**

## **24.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan aktiviti pengurusan bahan artifak adalah berdasarkan perancangan yang melibatkan undang-undang, peraturan dan garis panduan, sasaran pengurusan bahan artifak, kaedah pelaksanaan, keperluan peralatan dan kemudahan, keperluan modal insan, keperluan kewangan dan pemantauan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan pengurusan bahan artifak mendapat perkara berikut:

### **24.2.1 Undang-undang**

Yayasan melaksanakan pengurusan bahan artifak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988. Semakan Audit terhadap keseluruhan proses pengurusan bahan artifak berkaitan dengan pemakaian Akta Warisan Kebangsaan dan Enakmen Yayasan Warisan Negeri mendapati Yayasan telah menggunakan Seksyen 86 Akta Warisan Kebangsaan iaitu bagi tujuan memasuki tapak dan menjalankan aktiviti gali cari di Sungai Pemandi, Kota Tinggi. Manakala aktiviti pengumpulan bahan artifak telah dilaksanakan berdasarkan Seksyen 8 Enakmen Yayasan Warisan Negeri 1988 iaitu berkaitan dengan kuasa-kuasa Yayasan bagi pengumpulan bahan artifak.

**Pada pendapat Audit, akta dan enakmen yang digunakan bagi pengurusan bahan artifak di Negeri Johor adalah mencukupi.**

### **24.2.2 Peraturan Dan Garis Panduan**

**a) Peraturan Pembelian**

Pembelian bahan artifak yang melibatkan peruntukan tahunan adalah berdasarkan ketetapan yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah Yayasan. Pembelian

atau perolehan di bawah harga RM10,000 untuk setiap item adalah diberi kuasa kepada Pengarah Yayasan Warisan Johor dan pembelian atau perolehan melebihi harga RM10,000 untuk setiap item hendaklah mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa Perolehan Artifak. Semakan Audit terhadap proses perolehan Yayasan mendapati sepanjang tempoh 2005 hingga 2007 tiada pembelian bahan artifak bernilai melebihi RM10,000 setiap item telah dibeli. Semua pembelian yang dibuat sepanjang tempoh tersebut adalah di bawah nilai RM10,000 bagi setiap item dan telah mematuhi proses perolehan yang ditetapkan serta mendapat kelulusan dari Pengarah Yayasan.

**b) Garis Panduan Proses Gali Cari**

Garis Panduan Permohonan Lesen Penggalian Benda Purba yang dikeluarkan oleh Jabatan Muzium Negara telah diguna pakai sepenuhnya oleh Yayasan. Semakan Audit mendapati aktiviti gali cari yang dikendalikan oleh Yayasan adalah berpandukan garis panduan ini iaitu mematuhi peraturan mendapatkan lesen daripada Jabatan Muzium Negara bagi tujuan penggalian. Bagi aktiviti penggalian yang telah dijalankan di Sungai Pemandi Kota Tinggi, Yayasan telah mendapatkan kebenaran daripada Pejabat Daerah, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengairan Dan Saliran.

**c) Manual Prosedur Kerja**

Yayasan telah menerima pakai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam 1991 yang berkaitan dengan penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK). Semakan Audit terhadap dokumen MPK Yayasan mendapati ianya telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini di mana proses kerja mengikut bahagian telah dinyatakan dengan jelas.

**Pada pendapat Audit, peraturan yang telah ditetapkan dan garis panduan yang diguna pakai adalah mencukupi dan telah dipatuhi sepenuhnya.**

**24.2.3 Sasaran Pengurusan Bahan Artifak**

**a) Pembelian Bahan Artifak**

Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM659,435 atau 82.4% daripada peruntukan berjumlah RM800,000 bagi pembelian 280 jenis bahan artifak sepanjang tahun 2005 hingga 2007. Pembelian bahan artifak bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 64**.

**Jadual 64**  
**Pembelian Bahan Artifak Bagi Tahun 2005 hingga 2007**

Tahun	Bahan Artifak (Unit)	Peruntukan (RM)	Kos Pembelian (RM)
2005	9	100,000	28,800
2006	136	100,000	277,940
2007	135	600,000	352,695
<b>Jumlah</b>	<b>280</b>	<b>800,000</b>	<b>659,435</b>

Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor

Semakan Audit terhadap baucar pembelian bahan artifak mendapat pada tahun 2005, Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM28,800 bagi pembelian 9 bahan artifak. Manakala pada tahun 2006, Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM277,940 atau 278% daripada peruntukan berjumlah RM100,000 untuk pembelian 136 bahan artifak. Lebihan perbelanjaan yang berlaku pada tahun 2006 telah ditampung daripada sumbangan yang diterima daripada KeKKWa. Bagi tahun 2007, Yayasan hanya membelanjakan sejumlah RM352,695 bagi pembelian 135 bahan artifak. Semakan Audit selanjutnya mendapat Yayasan tidak dapat membelanjakan sebagaimana yang telah diperuntukkan bagi pembelian bahan artifak pada tahun 2005 dan 2007 disebabkan kurangnya penawaran bekalan bahan artifak yang sesuai.

**Pada pendapat Audit, pembelian bahan artifak oleh Yayasan adalah memuaskan walaupun Yayasan tidak dapat melaksanakan pembelian berdasarkan perancangan yang ditetapkan pada tahun 2005 dan 2007.**

**b) Penyelidikan Arkeologi**

Bagi tempoh 2005 hingga 2007, Yayasan telah menetapkan untuk mengadakan 9 penyelidikan arkeologi. Penyelidikan arkeologi ini melibatkan pengesanan tempat-tempat yang dijangka mempunyai kesan-kesan peninggalan sejarah. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program penyelidikan arkeologi mendapat Yayasan hanya melaksanakan satu penyelidikan arkeologi daripada 9 yang dirancang iaitu bagi mengesan lokasi sebenar tapak Istana Mahmud Shah Mangkat Dijulang dan rumah pembesar-pembesar sebagaimana catatan dalam sejarah. Gali cari dijalankan di Sungai Pemandi, Kota Tinggi yang dipercayai menjadi lokasi istana yang dimaksudkan. Kerja gali cari ini telah dijalankan pada tahun 2007 dengan perbelanjaan berjumlah RM5,444 berbanding peruntukan sebenar berjumlah RM10,000. Perbelanjaan ini melibatkan bayaran elauan bagi 14 kakitangan, manakala bagi tujuan aktiviti gali cari Yayasan menggunakan peralatan dan kelengkapan yang sedia ada. Kajian arkeologi ini telah dijalankan selama 7 hari bermula pada 18 Jun hingga 24 Jun 2007. Pihak Audit telah menemu buah pegawai-pegawai yang terlibat dalam usaha gali cari dan dimaklumkan bahawa tiada bahan artifak yang sempurna ditemui. Semakan Audit seterusnya terhadap 8 aktiviti yang tidak dilaksanakan mendapat Yayasan tidak mempunyai kakitangan

yang mencukupi dan khusus bagi melaksanakan aktiviti gali cari walaupun setiap aktiviti mempunyai peruntukan tersendiri. Bagaimanapun, Yayasan telah membantu Jabatan Muzium Malaysia dalam melaksanakan penyelidikan arkeologi bagi mengesan Kota Gelanggi (Kota Purba Linggi) di Kota Tinggi pada tahun 2005. Penyelidikan ini dibuat secara *ad-hoc* atas permintaan daripada KeKKWa dan Kerajaan Negeri Johor.

**Pada pendapat Audit, penyelidikan arkeologi adalah tidak memuaskan kerana Yayasan gagal melaksanakan 8 aktiviti gali cari seperti yang dirancang.**

### c) Pengunjung Di Muzium Kota Tinggi

Yayasan melaksanakan aktiviti-aktiviti tertentu bagi menarik pengunjung untuk melawat Muzium Kota Tinggi. Muzium mempunyai rekod pengunjung bagi merekodkan kedatangan setiap pengunjung mengikut kategori orang awam, pelajar dan pelancong asing. Semakan Audit terhadap rekod pengunjung mendapati jumlah pengunjung dikenal pasti mengikut 3 kategori iaitu orang awam, pelajar dan pelancong asing. Orang awam merupakan kategori pengunjung yang paling ramai manakala pelancong asing merupakan kategori pengunjung yang paling kurang. Bilangan keseluruhan orang awam yang mengunjungi Muzium adalah seramai 21,791 orang iaitu 67.7% daripada jumlah keseluruhan pelawat. Jumlah pengunjung asing pula adalah seramai 4,212 orang atau 13.1%. Jumlah pengunjung mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 65**.

**Jadual 65**  
**Jumlah Pengunjung Mengikut Kategori Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Kategori Pengunjung	Bilangan Pengunjung			Jumlah Pengunjung	Peratus (%)
	2005	2006	2007		
Orang Awam	7,642	6,455	7,694	<b>21,791</b>	<b>67.7</b>
Pelajar	2,613	1,607	1,950	<b>6,170</b>	<b>19.2</b>
Pelancong Asing	791	2,055	1,366	<b>4,212</b>	<b>13.1</b>
<b>Jumlah</b>	<b>11,046</b>	<b>10,117</b>	<b>11,010</b>	<b>32,173</b>	<b>100</b>

Sumber: Rekod Muzium Kota Tinggi

Semakan Audit terhadap data pengunjung mendapati Yayasan tidak menetapkan sasaran bilangan pengunjung bagi setiap kategori.

**Pada pendapat Audit, Yayasan tidak mempunyai hala tuju yang jelas bagi menarik dan menambah bilangan kedatangan pengunjung kerana tiada sasaran pengunjung.**

#### 24.2.4 Kaedah Pelaksanaan

##### a) Pengumpulan Bahan Artifak

Yayasan telah melaksanakan pengumpulan bahan artifak sebagaimana berikut:

### i) Pembelian

Yayasan telah membeli 280 unit bahan artifak bernilai RM659,435 bagi tempoh 2005 hingga 2007. Proses pembelian bahan artifak dinilai dari segi harga, keaslian dan kesesuaian pembelian. Penilaian bahan artifak dilakukan oleh Kurator dan Penolong Kurator di peringkat ibu pejabat sebelum diluluskan oleh Pengarah. Semakan Audit terhadap 126 baucar bayaran bagi pembelian bahan artifak tahun 2005 hingga 2007 mendapat sebanyak 140 unit daripada 280 unit bahan artifak yang dibeli telah mendapat pengurangan harga berbanding harga tawaran asal. Daripada 140 unit ini 10 unit bahan artifak mempunyai harga tawaran asal melebihi RM10,000 seunit. Yayasan telah melaksanakan pembelian 10 unit bahan artifak tersebut melalui kelulusan Pengarah. Ini bertentangan dengan peraturan pembelian yang menetapkan bahawa bahan artifak yang bernilai melebihi RM10,000 untuk setiap item hendaklah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Jawatankuasa Perolehan Artifak. Maklumat berkaitan pembelian bahan artifak tersebut adalah seperti di **Jadual 66**.

**Jadual 66**  
**Tawaran Harga Asal Bahan Artifak Yang Melebihi RM10,000**

Bil.	Bahan Artifak	Harga Tawaran Asal (RM)
1.	Tepak Sirih (Muar, Johor)	12,500
2.	Tepak Sirih (Muar, Johor)	13,000
3.	Tepak Sirih (Johor Bahru)	15,000
4.	Tepak Sirih (Kucing, Sarawak)	15,000
5.	Tepak Sirih (Johor Bahru)	15,000
6.	Kain Songket Teluk Berantai	19,950
7.	Meriam (Melayu Riau)	13,000
8.	Meriam (Melayu Riau)	15,000
9.	Meriam (Melayu Riau)	22,000
10.	Meriam (Melayu Riau)	24,000
<b>Jumlah</b>		<b>164,450</b>

Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor

### ii) Derma Atau Sumbangan

Sehingga akhir tahun 2007, Muzium Kota Tinggi menyimpan sebanyak 27 unit bahan artifak yang diperoleh melalui kaedah derma atau sumbangan secara percuma. Bahan artifak yang diterima melalui derma atau sumbangan telah didaftarkan di Daftar Bahan Artifak. Semakan Audit terhadap Daftar Bahan Artifak mendapat bagi tempoh 2005 hingga 2007, Yayasan tidak menerima apa-apa bahan artifak melalui kaedah derma atau sumbangan. Semakan Audit selanjutnya terhadap bahan artifak yang diterima melalui sumbangan kesemua 27 unit bahan artifak yang ada telah diterima sebelum tahun 2005. Semakan Audit seterusnya terhadap bahan artifak yang diterima secara sumbangan dipamerkan bersama dengan nama penyumbang dan berada dalam keadaan

baik, dijaga dengan rapi serta direkodkan dengan sempurna. Sijil penghargaan juga telah dikeluarkan kepada penderma berkenaan.

**iii) Pinjaman**

Pengumpulan bahan artifak melalui kaedah pinjaman sementara hanya dilakukan jika terdapat pameran khas atau penyelidikan tertentu dibuat. Pihak Muzium mempunyai maklumat berkaitan dengan pemilik bahan artifak mengikut jenis bahan artifak. Pihak Muzium akan bertindak menghubungi pemilik-pemilik bagi proses pinjaman bahan artifak jika perlu. Semakan Audit terhadap rekod bahan artifak yang dipinjam mendapati tiada sebarang pinjaman dilakukan oleh Yayasan sepanjang tahun 2005 hingga 2007. Ini adalah disebabkan pameran khas atau penyelidikan tertentu yang dibuat sepanjang tempoh tersebut menggunakan bahan artifak yang sedia ada di Muzium.

**iv) Gali Cari Dan Jumpaan**

Aktiviti gali cari bertujuan mengesan lokasi sebenar tapak sesuatu sejarah, melindungi dan memulihara tapak sejarah dan menambahkan koleksi bahan artifak. Semakan Audit terhadap rekod gali cari mendapati hanya satu usaha gali cari telah dijalankan oleh Yayasan dalam tahun 2007. Bagaimanapun pengumpulan bahan artifak dari usaha ini tidak dapat dibuat kerana bahan-bahan artifak yang ditemui adalah tidak sempurna dan dalam keadaan pecah, serpihan dan tercerai. Ianya hanya disimpan di stor Muzium. Usaha sama dengan pihak luar juga tidak dilaksanakan sepanjang tahun 2005 hingga 2007.

**Pada pendapat Audit, pengumpulan oleh Yayasan adalah baik untuk menambah koleksi dan bahan pameran.**

**b) Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Bahan Artifak**

Yayasan melaksanakan pemeliharaan dan pemuliharaan bahan artifak bergantung kepada keadaan fizikal dari segi kebersihan dan ketahanan bahan tersebut. Muzium memperuntukkan pada setiap hari Jumaat untuk mengadakan pemeriksaan menyeluruh setiap bahan artifak bagi mengenal pasti keadaan setiap item bahan tersebut. Tindakan membersihkan akan dibuat pada hari yang sama. Semakan Audit mendapati tiada jadual khusus bagi tujuan pemuliharaan sama ada secara tradisional atau moden disediakan mengikut item. Tiada bukti pemeliharaan atau pemuliharaan dilaksanakan secara berkala bagi bahan artifak yang memerlukan penjagaan berterusan walaupun pemeriksaan dibuat pada setiap hari Jumaat. Pemeriksaan fizikal terhadap bahan artifak yang dipamerkan mendapati kesemua bahan artifak dalam keadaan baik. Semakan terhadap beberapa item yang diterima sejak tahun 1993 mendapati ianya dijaga dengan baik seperti Pencedok Air dan Harmonium sebagaimana di **Foto 89** dan **Foto 90**.

**Foto 89**  
**Bahan Artifak Pencedok Air**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 9 Disember 2007  
Lokasi: Muzium Kota Tinggi

**Foto 90**  
**Bahan Artifak Harmonium**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 9 Disember 2007  
Lokasi: Muzium Kota Tinggi

Pada pendapat Audit, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan artifak telah dilaksanakan dengan baik berdasarkan keadaan fizikal bahan artifak yang dipamerkan walaupun tiada jadual khusus dan bukti pemeliharaan dan pemuliharaan dilakukan.

**c) Pameran Bahan Artifak**

Muzium telah mempamerkan bahan artifak di 2 galeri mengikut kesesuaian ruang dan konsep pameran seperti berikut:

**i) Galeri Pameran Tetap**

Bahan artifak yang dipamerkan meliputi lukisan-lukisan, diorama dan ilustrasi peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku pada zaman pemerintahan Kesultanan Johor di Kota Tinggi. Semakan Audit mendapati sejumlah 5 diorama dan 45 buah lukisan, pelbagai jenis artifak dan senjata, manuskrip, busana, tembikar porselein, peralatan tembaga dan lain-lain yang berkaitan pada zaman tersebut dipamerkan untuk tatapan para pengunjung ke Muzium ini. Selain itu, terdapat juga bahan artifak yang dipamerkan mengikut kesesuaian suasana diorama seperti tembaga yang diperoleh dari luar Negeri Johor iaitu Negeri Terengganu. Ianya bertujuan untuk melengkapkan ruangan adat istiadat sebagaimana yang dipamerkan di segmen Balai Rong Seri. Pameran bahan artifak adalah menarik, mempunyai susun atur yang kemas, berdasarkan konsep mengikut segmen, kronologi sejarah yang tersusun dan mempunyai laluan awam yang lancar. Sebahagian pameran bahan artifak di Galeri Pameran Tetap adalah seperti di **Foto 91**.

**Foto 91**  
**Pameran Bahan Artifak Di Galeri Pameran Tetap**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 9 Disember 2007

Lokasi: Muzium Kota Tinggi

**ii) Galeri Pameran Sementara**

Galeri Pameran Sementara menempatkan bahan berkaitan tokoh-tokoh pentadbir Negeri Johor, kesenian dan kebudayaan Johor, maritim dan rumah tradisional. Lawatan Audit ke galeri pameran sementara mendapati pameran

bahan artifak dalam keadaan sempurna, bersih dan teratur. Temu bual yang telah dibuat dengan Kurator menerangkan bahawa pameran bahan artifak di galeri sementara ini mempunyai tempoh tertentu dan akan diganti dengan konsep yang lain secara bergilir-gilir. Bahan artifak berbentuk alat muzik tradisional yang dipamerkan di Galeri Pameran Sementara adalah seperti di

#### **Foto 92.**

**Foto 92**  
**Pameran Alat Muzik Tradisional**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 9 Disember 2007

Lokasi: Muzium Kota Tinggi

#### **iii) Tahap Kepuasan Pengunjung**

Pihak Audit telah mengedarkan 100 borang soal selidik kepada pengunjung ke Muzium untuk mendapatkan pandangan umum tentang kecekapan dan keberkesanan Muzium dalam mengurus bahan artifak, susun atur, ruang pameran dan kemudahan yang disediakan. Analisis terhadap borang soal selidik mendapati tahap kepuasan pengunjung di Muzium Kota Tinggi adalah seperti di **Jadual 67**.

**Jadual 67**  
**Analisis Terhadap Kepuasan Pengunjung Di Muzium Kota Tinggi**

Bil.	Butiran	Tahap Pencapaian (Bilangan Orang)		
		Baik	Memuaskan	Tidak Memuaskan
1.	Bilangan Bahan Artifak Di Pamerkan	92	0	8
2.	Susun Atur Dan Ruang Pameran Bahan Artifak	90	10	0
3.	Kebersihan Bahan Artifak	93	7	0
4.	Perkaitan Bahan Artifak Yang Dipamerkan Dengan Sejarah	83	16	1
5.	Kemudahan Awam	85	12	3

*Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara*

Berdasarkan analisis Audit terhadap kepuasan pengunjung mendapati secara keseluruhannya pengunjung berpuas hati dengan pameran bahan artifak di Muzium Kota Tinggi dari segi bilangan bahan artifak dipamerkan, susun atur dan ruang pameran, kebersihan bahan artifak, perkaitan bahan artifak dengan sejarah dan kemudahan awam yang disediakan. Namun beberapa cadangan telah diberikan oleh pengunjung bagi meningkatkan mutu pameran bahan artifak di Muzium terutamanya berkaitan penambahan koleksi senjata seperti keris, kerambit dan meriam.

**Pada pendapat Audit, bahan artifak yang dipamerkan di Muzium Kota Tinggi adalah menarik. Manakala tahap kepuasan pengunjung terhadap pengurusan bahan artifak di Muzium adalah baik.**

**d) Penyimpanan Bahan Artifak**

Lawatan Audit ke stor Muzium Kota Tinggi mendapati bahan artifak yang tidak dipamerkan disimpan di sini. Susun atur bahan artifak yang disimpan di stor ini adalah dalam keadaan tersusun dan kemas. Keadaan simpanan bahan artifak dalam bilik stor Muzium Kota Tinggi adalah seperti di **Foto 93**.

**Foto 93**  
**Koleksi Bahan Artifak Dalam Stor Muzium Kota Tinggi**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 9 Disember 2007  
Lokasi: Muzium Kota Tinggi

**Pada pendapat Audit, penyimpanan bahan artifak di stor Muzium adalah baik.**

**e) Promosi**

Yayasan telah mengambil beberapa inisiatif bagi melaksanakan promosi untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Muzium Kota Tinggi. Antara promosi yang telah dijalankan oleh Yayasan bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti berikut:

**i) Laman Web Rasmi Yayasan Warisan Johor**

Sehingga bulan Disember 2007, sebanyak 8,101 pengguna internet telah melayari laman web Yayasan. Melalui laman web ini, pengunjung dan pelancong dapat memperoleh maklumat berkaitan ruang pameran bahan artifak yang ada di Muzium Kota Tinggi. Pelan lokasi kedudukan Muzium Kota Tinggi ada disediakan bagi memudahkan pengunjung mengetahui lokasi sebenar Muzium. Pihak Audit telah melayari laman web yang telah disediakan oleh Yayasan mendapati laman web yang disediakan adalah menarik, mesra pengguna, mempunyai maklumat yang mencukupi dan lengkap.

**ii) Pengiklanan Di Media Cetak dan Elektronik**

Yayasan telah mengiklankan serta mempromosikan Muzium Kota Tinggi di dalam majalah pelancongan, media elektronik dan risalah seperti berikut:

- **Majalah Pelancongan**

Semakan Audit mendapati Yayasan telah mengiklankan maklumat berkaitan Muzium dalam majalah *Expatriate Lifestyle* dan *Visitors Guide To Singapore*. Dalam *Expatriate Lifestyle* keluaran bulan Julai 2007, Yayasan telah mengiklankan di muka surat 69 berkaitan dengan Muzium Kota Tinggi. Pengiklanan melalui majalah tersebut melibatkan kos sejumlah RM3,969 dengan menggunakan peruntukan yang diterima daripada KeKKWa. Pengunjung atau pencinta sejarah boleh membeli majalah ini di mana-mana kedai majalah dengan harga RM10 senaskhah.

Yayasan juga mempromosikan di majalah *Visitors Guide To Singapore* pada keluaran 2004/2005. Iklan yang terbaru diterbitkan dalam majalah ini adalah keluaran 2006/2007 di mana iklannya terdapat di muka surat 167. Dalam majalah ini, Yayasan diberi satu ruangan untuk mempromosikan berkaitan keseluruhan aktiviti Yayasan Warisan Negeri Johor termasuklah Muzium Kota Tinggi. Secara tidak langsung ia dapat menarik perhatian pelancong sama ada dari dalam atau luar negeri untuk berkunjung ke Muzium Kota Tinggi khasnya dan mengetahui berkenaan Yayasan secara amnya.

- **Media Elektronik**

Yayasan tidak membuat promosi secara langsung dengan media elektronik tetapi ia hanya sekadar pelawaan dari saluran TV9 bagi program realiti TV iaitu Mencari Menantu yang telah membuat rakaman berkisarkan sejarah di Muzium Kota Tinggi. Secara tidak langsung dapat membantu memperkenalkan Muzium Kota Tinggi kepada orang ramai tentang wujudnya muzium di Negeri Johor yang mempunyai keunikan dan daya tarikan tersendiri.

- **Risalah Muzium Kota Tinggi**

Pada tahun 2007, Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM8,700 daripada peruntukan KeKKWa untuk mencetak sebanyak 6,000 keping risalah berkaitan Muzium Kota Tinggi. Bagi menjadikan promosi ini lebih berkesan, Yayasan telah mengedarkan risalah ke agensi-agensi pelancongan seperti Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Johor dan Majlis Tindakan Pelancongan. Selain itu, Yayasan juga meletakkan risalah ini di kaunter Muzium Kota Tinggi, kaunter informasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan juga di pameran-pameran yang disertai oleh Yayasan.

### iii) Pameran Sempena Hari Muzium Antarabangsa

Sepanjang tahun 2005 hingga 2007, Yayasan telah terlibat dalam Pameran Sempena Hari Muzium Antarabangsa. Melalui pameran ini, Yayasan dapat

memperkenalkan dan mempromosikan warisan sejarah Negeri Johor termasuk koleksi bahan artifak yang dimiliki. Yayasan juga dapat berkongsi maklumat berkaitan cara pengurusan Muzium dan koleksi yang lebih baik dan berkesan dengan pengurusan Muzium Negeri lain. Bahan artifak yang dipamerkan adalah mengikut tema yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Semakan Audit mendapati Yayasan telah menyertai Pameran Sempena Hari Muzium Antarabangsa seperti di **Jadual 68**.

**Jadual 68**  
**Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Butiran	Tahun		
	2005	2006	2007
Tarikh	26 Mei hingga 3 Jun	14 hingga 21 Mei	13 hingga 19 Mei
Tempat	Johor Bahru, Johor	Langkawi, Kedah	Melaka
Tema	Muzium Titian Budaya	Muzium dan Remaja	Muzium dan Warisan Sejagat
Bahan Yang dipamerkan	Alat muzik ghazal dan zapin	Alat muzik zapin dan kuda kepang	Alat muzik jawa dan lukisan-lukisan

Sumber: Fail Hari Muzium Antarabangsa

#### iv) Pameran Khas

Pameran khas dibuat hasil permintaan dari pihak sekolah, agensi bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta. Bahan artifak yang dipamerkan adalah mengikut permintaan dari pihak sekolah, agensi bukan kerajaan dan pihak swasta. Yayasan telah mengadakan 16 pameran bagi tahun 2005 hingga 2007 walaupun tiada perancangan awal dibuat mengenai program pameran tahunan. Pameran khas yang dilakukan sepanjang tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 69**.

**Jadual 69**  
**Pameran Khas Yang Dilakukan Sepanjang Tahun 2005 Hingga 2007**

Bil.	Anjuran	Tema Pameran	Tempoh Pameran
1.	Sek. Men. Keb. Kempas Johor Baru	Sempena Hari Ko-kurikulum	25 Jun 2005
2.	Panitia Sejarah Sek. Men.Keb. Sultanah Engku Tun Aminah	Sejarah Sempena Bulan Patriotisme	15-18 Ogos 2005
3.	Universiti Putra Malaysia – Bukit Ekspo UPM	Sempena Pesta Konvokesyen UPM ke-38	24-27 Sept. 2005
4.	Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai	Pameran Yayasan Warisan	7 Sept. 2005 hingga kini
5.	Pejabat Daerah Kota Tinggi	Sejarah Warisan Kota Tinggi	25-26 Jun 2005
6.	Kelab Kebudayaan Kolej Universiti Kejuruteraan Dan Teknologi Malaysia (KUKTEM)	Minggu Peradaban Budaya dan Perpaduan 2006	9-10 Mac 2006
7.	Pejabat Daerah Mersing	Kebudayaan Yayasan Warisan Johor	22 April - 7 Mei 2006
8.	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu UMNO Bahagian Pasir Gudang	Memperingati Ulang tahun UMNO ke-60	21-23 Mei 2006
9.	Pejabat Pelajaran Daerah Kota Tinggi	Dato' Onn Pembina Sebuah Negara Bangsa	6-7 Julai 2006
10.	Jabatan Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan Negeri Johor	Sempena Program Merakyatkan Seni Budaya 2006	22-23 Julai 2006
11.	Sek. Men. Keb. Sultanah Engku Tun Aminah	Sejarah perkembangan Negeri Johor	2-4 Ogos 2006
12.	Maktab Rendah Sains MARA, Muar	Sempena Kembara Mahkota Johor 2006	16 Sept. 2006
13.	Politeknik Johor Baru	<i>Hospitality Carnival and Exhibition 2006</i>	13-14 Nov. 2006
14.	Persada Johor	Artifak dan bahan yang mencerminkan budaya tempatan serta Sejarah Negeri Johor	17 Okt. - 30 Nov. 2006
15.	Persada Johor	Salasilah Kesultanan Melayu Johor	3 Mei 2007
16.	Atrium Plaza Kota Raya	Lukisan Terbuka Johor	27-30 April 2007

Sumber: Fail Pameran Yayasan Warisan Negeri Johor

Antara pameran yang sedang dijalankan oleh Yayasan adalah Pameran Senjata di Persada Johor. Sebanyak 122 jenis senjata dipamerkan bermula pada 3 Mei 2007 sehingga kini. Pameran Senjata yang dipamerkan di Persada Johor adalah seperti di **Foto 94**.

**Foto 94**  
**Pameran Senjata Di Dewan Konvensyen Persada Johor**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 27 September 2007

Lokasi: Persada Johor

Melalui pameran-pameran yang telah dijalankan, Yayasan berharap dapat menarik lebih ramai pelawat mengunjungi Muzium dan mencintai warisan sejarah. Pemeriksaan Audit terhadap fail dan rekod pameran mendapati laporan prestasi meliputi pencapaian pameran, sambutan pelawat, kos sebenar, bilangan koleksi dipamerkan dan penyumbang koleksi tidak disediakan bagi setiap pameran yang telah dijalankan.

**Pada pendapat Audit, Yayasan telah menjalankan promosi yang baik bagi memberikan maklumat berkaitan aktiviti yang dijalankan di Muzium Kota Tinggi.**

**f) Penyelenggaraan Rekod**

Sehingga tahun 2007, Yayasan telah merekodkan sebanyak 1,459 unit bahan artifak yang dimiliki ke Daftar Bahan Artifik secara manual. Pemeriksaan Audit terhadap Daftar Bahan Artifik di Muzium Kota Tinggi mendapati ianya tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pihak Audit tidak dapat menentukan kos keseluruhan bahan artifik disebabkan terdapat sebanyak 411 unit bahan artifik yang direkodkan tidak mencatatkan kos pembelian dari tahun 1993 hingga 1997. Semakan juga mendapati sebanyak 49 helai kain yang ditempatkan di stor Muzium Kota Tinggi tidak didaftarkan kerana tiada maklumat berkaitan punca perolehan bahan artifik tersebut. Senarai kain yang tidak didaftarkan adalah seperti di **Jadual 70** dan gambarnya ditunjukkan seperti di **Foto 95**.

**Jadual 70**  
**Senarai Kain Yang Tidak Didaftarkan**

Bil.	Jenis Kain	Jumlah (helai)
1.	Songket	18
2.	Pelikat	15
3.	Selendang	9
4.	Lain-lain	3
5.	Limar	2
6.	Batik Lepas	1
7.	Telepuk	1
<b>Jumlah</b>		<b>49</b>

*Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor*

**Foto 95**  
**Pelbagai Kain Yang Tidak Didaftarkan**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh: 12 September 2007*

*Lokasi: Muzium Kota Tinggi*

Yayasan juga dalam usaha membangunkan Sistem Pengkalan Data Berkomputer bagi merekodkan maklumat bahan artifak yang dimiliki. Sistem Pengkalan Data Berkomputer akan digunakan di peringkat ibu pejabat dan di Muzium Kota Tinggi yang sedang dalam peringkat pembekalan oleh vendor. Maklumat bahan artifak serta lokasi penempatan adalah antara butiran yang akan dimasukkan dalam Sistem Pengkalan Data Berkomputer. Kos pembinaan Sistem Pengkalan Data Berkomputer adalah berjumlah RM80,000 di mana sejumlah RM50,000 adalah bagi membangunkan pengkalan data di peringkat ibu pejabat dan sejumlah RM30,000 adalah bagi pembangunan pengkalan data di peringkat Muzium Kota Tinggi. Sistem Pengkalan Data Berkomputer ini dijangka siap untuk digunakan pada pertengahan tahun 2008.

**Pada pendapat Audit penyelenggaraan rekod bahan artifak oleh Yayasan adalah tidak memuaskan kerana daftar tidak lengkap dan terdapat bahan artifak berharga yang tidak didaftarkan.**

#### **24.2.5 Keperluan Peralatan Dan Kemudahan**

Yayasan membeli peralatan berdasarkan keperluan semasa bagi tujuan penyelidikan dan pameran. Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM77,001 dan RM57,125 untuk pembelian peralatan bagi tujuan penyelidikan dan pameran bagi tahun 2006 dan 2007. Lawatan ke Muzium bagi menjalankan semakan fizikal terhadap kemudahan yang disediakan mendapati perkara seperti berikut:

##### **a) Kiosk**

Pihak Audit cuba menggunakan *kiosk* yang disediakan dan mendapati *kiosk* ini tidak berfungsi. Daripada temu bual yang dibuat dengan Kurator adalah dimaklumkan *kiosk* ini tidak berfungsi sejak dari tahun 2004 lagi iaitu selepas 2 tahun digunakan. Pihak Muzium Kota Tinggi juga memaklumkan bahawa laporan kerosakan telah dibuat kepada Bahagian Pemuziuman tetapi sehingga tarikh pengauditan tiada sebarang pembaikan dilakukan atas sebab syarikat yang membekalkan sudah tidak beroperasi lagi.

Yayasan memaklumkan *kiosk* ini telah dibaiki setelah menerima teguran daripada pihak Audit dan mula digunakan pada bulan April 2008.

##### **b) Bilik Audio Video**

Lawatan Audit mendapati, Bilik Audio Video masih belum diguna pakai lagi kepada pengunjung walaupun ia telah siap dengan pengisian peralatan serta bahan tayangan kepada pengunjung. Yayasan tidak mengambil peluang ini untuk memberikan kemudahan yang telah disediakan dalam menarik minat pengunjung serta pelancong asing untuk mendalami tentang sejarah serta kebudayaan Negeri Johor.

Yayasan memaklumkan bahawa Bilik Audio Video telah mula digunakan untuk pengunjung di Muzium Kota Tinggi setelah menerima teguran daripada pihak Audit.

##### **c) Sistem Audio**

Pemeriksaan yang dibuat terhadap Sistem Audio di segmen-segmen yang terdapat di lokasi pameran mendapati ia tidak berfungsi sepenuhnya sebagaimana yang dimaklumkan oleh pihak Muzium Kota Tinggi. Namun tiada sebarang laporan kerosakan disediakan oleh pihak Muzium Kota Tinggi ke pentadbiran Yayasan untuk pembaikan.

Yayasan memaklumkan bahawa Sistem Audio telah dibaiki dan berfungsi sepenuhnya setelah menerima teguran daripada pihak Audit.

**d) Kemudahan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)**

Kemudahan dari segi laluan ke ruang pameran untuk pengunjung OKU telah disediakan di tingkat bawah. Namun untuk ke tingkat atas, pengunjung OKU terpaksa menggunakan tangga sebagaimana orang awam lain. Keadaan ini menyebabkan kakitangan di Muzium Kota Tinggi terpaksa mendukung pengunjung OKU yang ingin menyaksikan ruang pameran di tingkat atas. Yayasan perlu menyediakan kemudahan lif atau tangga bergerak bagi mengatasi masalah tersebut. Secara tidak langsung ia juga dapat memudahkan warga tua dan wanita-wanita mengandung menyaksikan pameran di tingkat atas.

**Pada pendapat Audit, Yayasan telah melaksanakan pembelian peralatan mengikut keperluan semasa. Manakala kemudahan yang disediakan di Muzium Kota Tinggi adalah memuaskan namun kemudahan OKU masih tidak mencukupi.**

**24.2.6 Keperluan Modal Insan**

**a) Struktur Organisasi**

Bahagian Pemuziuman telah diluluskan dengan 34 jawatan pelbagai gred bagi mengurus dan mengendalikan bahan artifak. Bilangan perjawatan dan pengisian bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 71**.

**Jadual 71**  
**Perjawatan Dan Pengisian Guna Tenaga Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Perjawatan	Tahun								
	2005			2006			2007		
	Diluluskan	Diisi	Kosong	Diluluskan	Diisi	Kosong	Diluluskan	Diisi	Kosong
1. Kurator Gred S41	6	3	3	6	3	3	6	3	3
2. Pen. Kurator Gred S27	5	5	-	5	4	1	5	5	-
3. Pemb. Muzium Gred S17	13	12	*1	13	12	*1	13	12	*1
4. Penjaga Muzium Gred KP11	10	8	2	10	10	-	10	9	1
<b>Jumlah</b>	<b>34</b>	<b>28</b>	<b>6</b>	<b>34</b>	<b>29</b>	<b>5</b>	<b>34</b>	<b>29</b>	<b>5</b>

Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor

Nota: \* - Pegawai Dipinjamkan Ke Bahagian Persuratan Dan Sejarah

Berdasarkan kepada **Jadual 71**, 3 kekosongan bagi jawatan penting iaitu Kurator Gred S41 tidak diisi lagi. Semakan Audit terhadap rekod perjawatan Yayasan mendapati 3 jawatan Kurator ini tidak diisi sejak tahun 2000. Bagi satu kekosongan jawatan Pembantu Muzium Gred S17 ia tidak diisi kerana penjawatnya Encik Jafri Bin Jais telah dipinjamkan untuk berkhidmat di Bahagian Persuratan dan Sejarah semenjak tahun 1997. Manakala bagi jawatan Penjaga Muzium Gred KP11 terdapat satu kekosongan yang belum diisi pada tahun 2007.

**Pada pendapat Audit, pengisian perjawatan penting seperti Kurator bagi Bahagian Pemuziuman Yayasan adalah tidak memuaskan kerana 3 daripada 6 jawatan yang diluluskan tidak diisi.**

**b) Latihan Kepada Kakitangan**

Yayasan telah menghantar pegawai-pegawaiannya berkursus berdasarkan tawaran dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Perbadanan Muzium Negara/ Negeri dan agensi/ persatuan lain. Semakan Audit terhadap fail berkaitan kursus kakitangan mendapati bagi tahun 2005 seramai 12 pegawai telah dihantar berkursus, 2006 seramai 11 pegawai dan 2007 seramai 21 pegawai. Manakala seramai 8 pegawai tidak menghadiri kursus bagi tempoh 2005 hingga 2007. Kursus yang dihadiri pegawai Bahagian Pemuziuman bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 72**.

**Jadual 72**  
**Kursus Yang Dihadiri Sepanjang Tempoh 2005 hingga 2007**

Agenzi Penganguran	Tahun					
	2005		2006		2007	
	Bil. Kursus	Pegawai	Bil. Kursus	Pegawai	Bil. Kursus	Pegawai
1. Pejabat SUKJ	2	3	3	4	6	6
2. Muzium Negara/Negeri	2	5	1	3	1	3
3. Yayasan Warisan Johor	1	2	1	2	2	8
4. YPK, ATMA, Puspanita	-	-	1	2	2	4
5. Kerajaan Dan Persatuan Negeri Pahang	1	2	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>11</b>	<b>11</b>	<b>21</b>

Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor

Yayasan terpaksa mengagihkan kursus yang ada mengikut keutamaan dan keperluan tugas yang bersesuaian oleh sebab kursus yang ada agak terhad.

**Pada pendapat Audit, latihan kepada kakitangan adalah memuaskan sungguhpun Yayasan menghantar pegawai berdasarkan tawaran daripada pihak lain.**

**24.2.7 Prestasi Kewangan**

Yayasan telah menerima sejumlah RM30.6 juta daripada Kerajaan Negeri Johor bagi tempoh 2005 hingga 2007. Pecahan peruntukan yang diterima adalah sejumlah RM9.2 juta iaitu 74.2% bagi tahun 2005, RM9.7 juta iaitu 71% bagi tahun 2006 dan RM11.7 juta iaitu 82% bagi tahun 2007 daripada peruntukan yang dimohon. Yayasan juga menerima sumbangan terus daripada Kerajaan Persekutuan melalui KeKKWa mulai tahun 2005. Sumbangan daripada KeKKWa daripada tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 73**.

**Jadual 73**  
**Sumbangan Daripada KeKKWa Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Peringkat Sumbangan	Tahun			Jumlah (RM)
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	
Pertama	126,687	128,700	539,021	794,408
Kedua	128,713	949,341	2,430,958	3,509,012
<b>Jumlah Diterima</b>	<b>255,400</b>	<b>1,078,041</b>	<b>2,969,979</b>	<b>4,303,420</b>
<b>Jumlah Yang Sepatutnya Diterima</b>	<b>1,490,698</b>	<b>1,471,480</b>	<b>5,186,956</b>	<b>8,149,134</b>
<b>Jumlah Yang Kurang Diterima</b>	<b>(1,235,298)</b>	<b>(393,439)</b>	<b>(2,216,977)</b>	<b>(3,845,714)</b>

*Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor*

Berdasarkan kepada **Jadual 73**, didapati Yayasan telah menerima pemberian sumbangan sejumlah RM4.30 juta berbanding sumbangan yang sepatutnya diterima adalah berjumlah RM8.15 juta daripada KeKKWa. Ini bermakna Yayasan telah terkurang menerima pemberian sumbangan sejumlah RM3.85 juta iaitu 47.2% daripada jumlah yang dianggarkan. Oleh kerana pemberian ini berbentuk sumbangan bukan geran Yayasan menerima sahaja jumlah sumbangan yang diberi walaupun jumlahnya tidak menepati formula yang diguna pakai oleh KeKKWa. Keadaan ini telah menyukarkan Yayasan dalam merancang dan mengawal perbelanjaannya. Semakan Audit terhadap buku vot yang mengawal sumbangan KeKKWa mendapati tiada maklumat berkaitan peruntukan, tanggungan dan perbelanjaan direkodkan pada tahun 2005. Ini disebabkan sumbangan yang diterima pada tahun tersebut telah dimasukkan sebagai hasil Yayasan dan direkodkan bersama dengan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2006, Yayasan telah menyelenggarakan buku vot bagi merekodkan peruntukan, tanggungan dan perbelanjaan yang dibuat menggunakan peruntukan KeKKWa. Sejumlah RM471,255 iaitu 43.7% daripada jumlah yang diterima telah dibelanjakan untuk pengurusan Bahagian Pemuziuman meliputi pembelian bahan artifak, ubah suai bangunan muzium dan pembelian peralatan pejabat. Manakala pada tahun 2007, Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM1.44 juta iaitu 48.5% daripada jumlah yang diterima untuk pengurusan Bahagian Pemuziuman. Semakan Audit selanjutnya mendapati laporan perbelanjaan tahunan telah dihantar kepada KeKKWa bagi tujuan pemberian sumbangan tahun seterusnya.

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan daripada sumber kewangan KeKKWa adalah memuaskan.**

**Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat pelaksanaan pengurusan bahan artifak Yayasan Di Muzium Kota Tinggi adalah baik.**

#### **24.2.8 Pemantauan**

##### **a) Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Pemantauan terhadap pengurusan bahan artifak di Yayasan telah dilakukan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat bagi

tahun 2005 hingga 2007 mendapati Yayasan telah mematuhi Enakmen Penubuhan Yayasan dengan mengadakan mesyuarat setahun sekali. Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat pada bulan Mac 2005, Ogos 2006 dan November 2007. Semakan Audit seterusnya terhadap minit mesyuarat mendapati laporan kewangan Yayasan dan projek-projek yang dilaksanakan ada dibincangkan. Namun kelulusan pelantikan Encik Kamarudin bin Abd. Razak sebagai Kurator Kanan Gred S44 yang telah dibuat semasa mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2005 belum dilaksanakan. Yayasan perlu segera melaksanakan keputusan yang telah dibuat bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pentadbiran bahagian Pemuziuman.

**Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilakukan oleh Yayasan melalui mesyuarat adalah baik.**

**b) Kawalan Keselamatan Bangunan Dan Bahan Artifak**

Yayasan telah menggunakan khidmat 2 orang pengawal keselamatan bagi mengawal keselamatan bangunan Muzium Kota Tinggi. Jadual bertugas pengawal keselamatan adalah seperti di **Jadual 74**.

**Jadual 74**  
**Jadual Bertugas Pengawal Keselamatan**

Pengawal	Hari	Masa
Pertama	Isnin hingga Jumaat Sabtu dan Ahad	4.00 petang hingga 12.00 malam 8.00 pagi hingga 8.00 malam
Kedua	Isnin hingga Jumaat Sabtu dan Ahad	12.00 malam hingga 8.00 pagi 8.00 malam hingga 8.00 pagi

*Sumber: Rekod Yayasan Warisan Negeri Johor*

Tiada khidmat pengawal keselamatan dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang disediakan bagi mengawal keselamatan bangunan. Yayasan bergantung kepada kakitangan Bahagian Pemuziuman yang bertugas untuk mengawal keselamatan bangunan dan bahan artifak yang ditempatkan di sana. Kad akses telah digunakan sejak tahun 2002 sebagai kawalan ke bilik stor Muzium. Sebanyak 6 kad telah diberikan kepada Kurator, Penolong Kurator, 3 orang Pembantu Muzium dan Penjaga Muzium.

Pemeriksaan Audit terhadap kad akses tersebut mendapati hanya 2 daripada 6 kad akses masih boleh digunakan. Kad akses yang boleh digunakan adalah pada Kurator dan seorang Pembantu Kurator. Kini kakitangan Muzium Kota Tinggi yang ingin memasuki stor perlu meminjam daripada salah seorang sama ada daripada Kurator atau Pembantu Kurator tanpa sebarang rekod. Keadaan ini menyebabkan kad akses tersebut tidak dijaga dengan baik dan mudah rosak. Yayasan juga tidak menyediakan rekod berkaitan kakitangan yang masuk dan keluar ke stor.

Pemeriksaan Audit ke sekeliling bangunan Muzium Kota Tinggi mendapati keadaan pagar bahagian belakang bangunan telah rosak dan perlu dibaiki. Malah terdapat ruang yang boleh dibolosi melalui longkang di belakang bangunan. Keadaan tersebut adalah seperti di **Foto 96** dan **Foto 97**.

**Foto 96**  
**Pagar Bahagian Belakang Yang Telah Rosak**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 September 2007  
Lokasi: Muzium Kota Tinggi

**Foto 97**  
**Ruang Yang Boleh Dibolosi Melalui Longkang**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 September 2007  
Lokasi: Muzium Kota Tinggi

Pihak Audit dimaklumkan keadaan pagar rosak adalah disebabkan banjir besar yang berlaku pada bulan Disember 2006. Yayasan perlu segera membaik pulih pagar tersebut dan memastikan ruang untuk memasuki bangunan melalui longkang ditutup. Ini disebabkan kawasan belakang bangunan adalah berdekatan dengan kawasan perumahan yang mudah terdedah kepada pencerobohan.

**Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan bangunan dan bahan artifak oleh Yayasan adalah tidak memuaskan kerana kerosakan pagar belum dibaiki.**

## **25. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan bahan artifak oleh Yayasan adalah baik kecuali Yayasan tidak dapat melaksanakan 8 aktiviti gali cari dan Daftar Bahan Artifak yang disediakan tidak lengkap serta terdapat bahan artifak yang tidak didaftarkan. Bagi memantapkan dan mengekalkan prestasi pengurusan bahan artifak di Muzium Kota Tinggi, adalah disyorkan Yayasan mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Merancang pembelian bahan artifak dengan teliti dan membuat pembelian berdasarkan perancangan yang ditetapkan.
- b) Menubuhkan unit khas bagi menjalankan aktiviti gali cari bagi memastikan tidak berlaku beban kerja dan pertindihan tugas bagi kakitangan di Bahagian Pemuziuman.
- c) Menetapkan sasaran bilangan pengunjung bagi setiap kategori. Yayasan perlu menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti punca pelawat boleh berkurangan. Promosi melawat ke Muzium Kota Tinggi hendaklah dilakukan bagi memastikan pelawat sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.
- d) Menubuhkan jawatankuasa kecil bagi proses penilaian bahan artifak yang melibatkan kesemua Kurator iaitu 3 orang dan Penolong Kurator iaitu seramai 5 orang sebelum dibawa kepada Pengarah (bagi bahan artifak yang bernilai kurang RM10,000) atau Jawatankuasa Perolehan Artifak (bagi bahan artifak yang bernilai lebih RM10,000) untuk tujuan kelulusan. Penubuhan Jawatankuasa ini akan dapat menghasilkan keputusan yang lebih kolektif, memberikan pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada semua Kurator dan Penolong Kurator dalam proses penilaian bahan artifak.
- e) Daftar Bahan Artifak sewajarnya mempunyai maklumat lengkap kos pembelian kerana maklumat ini akan dimasukkan dalam Sistem Pengkalan Data Berkomputer yang akan diguna pakai oleh Yayasan. Tindakan segera perlu dilakukan bagi mendaftarkan aset bahan artifak yang belum didaftarkan dalam Daftar bagi mengelakkan kehilangan, memudahkan membuat penilaian stok dan pemeriksaan.
- f) Mengisi kekosongan jawatan penting seperti Kurator dan memastikan kakitangan yang dipinjamkan bertugas semula di bahagian yang sepatutnya.
- g) Kerosakan pagar perlu diperbaiki dengan segera dan ruang yang boleh dibolosi perlu ditutup dengan segera.

## **MAJLIS PERBANDARAN KULAI**


### **PENGURUSAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN BAGI PREMIS PERNIAGAAN**

#### **26. LATAR BELAKANG**

**26.1** Majlis Perbandaran Kulai (Majlis) telah dinaikkan taraf daripada status majlis daerah menjadi majlis perbandaran pada akhir bulan Mei 2004. Majlis mentadbir kawasan perkadaran seluas 747 km persegi yang meliputi kawasan Kulai, Senai, Seelong, Saleng, Kelapa Sawit, Sedenak, Ayer Bemban, Bukit Batu dan Sengkang. Majlis mempunyai penduduk yang dianggarkan seramai 210,000 orang. Sehingga bulan Disember 2007 terdapat 7,337 pegangan harta persendirian jenis perdagangan dan industri. Salah satu fungsi utama Majlis adalah untuk mengurus tadbir pelesenan dan penguatkuasaan bagi setiap jenis premis perniagaan yang dijalankan di seluruh kawasan pentadbiran Majlis. Majlis perlu menguruskan pelesenan dan penguatkuasaan berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan undang-undang kecil yang diwujudkan. Mengikut undang-undang kecil yang berkuat kuasa, setiap premis perniagaan hendaklah mempunyai lesen perniagaan dan lesen papan iklan di mana perlu. Majlis telah mengeluarkan 321 jenis lesen perniagaan kepada 6,086 pelesen sehingga akhir tahun 2007. Hasil pungutan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah berjumlah RM1.13 juta, RM1.31 juta dan RM1.56 juta.

**26.2** Matlamat pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan adalah untuk memastikan peniaga mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Aktiviti utama penguatkuasaan adalah mengawal selia semua premis perniagaan dan memastikan peniaga mempunyai lesen yang sah serta mematuhi syarat yang ditetapkan terutama dari segi kebersihan, ketenteraman dan keselamatan. Peniaga akan di kompaun atau didakwa jika melanggar undang-undang kecil Majlis. Liputan kawasan pentadbiran Majlis adalah seperti di **Peta 1**.

**Peta 1**  
**Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai**



Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

## 27. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan bagi premis perniagaan telah dibuat dengan cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 28. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis adalah bagi tempoh 2005 hingga 2007. Pemeriksaan Audit dijalankan di Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan dan di Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Kulai.

## 29. KAEADAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah melalui penyemakan, pemeriksaan dan analisis terhadap data, fail pelesen, laporan kewangan, daftar lesen perniagaan dan lesen papan iklan serta laporan mengenai aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Majlis. Lawatan ke tapak premis perniagaan dan temu bual dengan pemilik premis dan pegawai Majlis juga diadakan untuk mendapatkan maklumat lengkap.

## **30. PENEMUAN AUDIT**

### **30.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan aspek penting yang perlu diberikan perhatian bagi menjayakan sesuatu aktiviti. Perancangan yang rapi dan teliti dapat membantu Majlis melaksanakan aktiviti dengan teratur dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Aspek perancangan yang dinilai adalah meliputi perkara berikut:

#### **30.1.1 Dasar Majlis**

Dasar Majlis menetapkan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan pentadbirannya yang digunakan untuk menjalankan aktiviti perniagaan, perdagangan, perindustrian dan memberi perkhidmatan hendaklah membuat permohonan lesen perniagaan. Manakala bagi premis perniagaan yang memasang papan iklan hendaklah memohon lesen papan iklan. Majlis juga menetapkan beberapa perniagaan atau aktiviti tertentu tidak dikeluarkan lesen perniagaan bagi tujuan mengatasi masalah sosial setempat, keselamatan dan gangguan persekitaran.

#### **30.1.2 Undang-undang**

##### **a) Akta Kerajaan Tempatan 1976**

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang diterima pakai oleh Majlis mempunyai peruntukan khusus berkaitan dengan pelesenan premis perniagaan di dalam satu-satu kawasan pentadbiran Majlis. Akta ini memberi kuasa kepada setiap Majlis mengadakan undang-undang kecil pelesenan.

##### **b) Undang-undang Kecil**

Seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan 1976 memberi kuasa kepada Majlis untuk mengeluarkan undang-undang kecil bagi mengurus tadbir pelesenan dan penguatkuasaan premis perniagaan melalui lesen perniagaan dan lesen papan iklan. Undang-undang kecil yang meliputi kedua-dua lesen ini menetapkan kadar bayaran yang diwartakan. Undang-undang kecil yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

###### **i) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan, Perindustrian dan Pekerjaan (Majlis Daerah Kulai) 1982**

Di bawah undang-undang kecil ini tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan pentadbiran Majlis bagi apa-apa tred, perniagaan dan perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua. Kadar bayaran lesen yang ditetapkan adalah antara RM100 hingga RM3,000 mengikut jenis perniagaan.

**ii) Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kulai) 1982**

Undang-undang kecil iklan ini menyatakan peniaga tidak boleh mempamerkan papan iklan tanpa lesen yang diberi atau diperbaharui oleh Yang Dipertua. Undang-undang kecil ini memberi kuasa kepada Majlis mengambil tindakan ke atas peniaga yang mempamerkan papan iklan tanpa lesen dan juga yang melanggar mana-mana undang-undang kecil tersebut. Bayaran minima lesen papan iklan tidak berlampa berjumlah RM40 dan lesen papan iklan yang berlampa berjumlah RM50.

**iii) Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Daerah Kulai) 1982**

Undang-undang kecil ini memberi kuasa kepada Yang Dipertua untuk mengeluarkan kompaun terhadap kesalahan melakukan kekotoran di tempat awam, jalan, lorong belakang dan bangunan. Kompaun yang dikeluarkan terhadap kesalahan itu hendaklah tidak melebihi RM250.

**iv) Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Kulai) Kerajaan Tempatan 1987**

Undang-undang kecil ini memberi kuasa kepada Yang Dipertua untuk mengeluarkan kompaun terhadap premis perniagaan yang tidak mematuhi notis yang telah dikeluarkan di bawah Seksyen 74, 82(5) dan 109 Akta 171 serta undang-undang kecil yang lain. Kompaun bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta 171 tidak melebihi RM500 manakala kesalahan di bawah undang-undang kecil tidak melebihi RM250.

**v) Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Kulai) 1987**

Undang-undang kecil ini menetapkan setiap orang yang menjual atau menyediakan makanan untuk jualan menjaga kebersihan diri dan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan.

### **30.1.3 Peraturan Dan Garis Panduan**

**a) Peraturan Premis Perniagaan**

Peraturan yang diterima pakai oleh Majlis adalah melibatkan peraturan yang dinyatakan secara terperinci di dalam akta dan undang-undang kecil yang berkuat kuasa. Di antara peraturan yang khusus bagi tujuan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan pelesenan adalah seperti berikut:

**i) Kebersihan**

Majlis berpandukan kepada Seksyen 73 (1)(a)(i) dan (ii), Seksyen 74, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan kehendak Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Daerah Kulai) 1982 untuk mengeluarkan peraturan berkaitan kebersihan. Peraturan lain menghendaki setiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan menjual makanan pada setiap masa

menyelenggarakan tempat, pakaian dan badan dalam keadaan bersih selaras dengan Seksyen 4(1),(2) dan 7(1) hingga (4) Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Kulai) 1987.

**ii) Alam Sekitar**

Majlis menerima pakai peraturan yang berkaitan perlindungan dan penjagaan alam sekitar berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa mengikut seksyen 70 dan 81(j) Akta Kerajaan Tempatan 1976 serta undang-undang di bawah penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan *Effluen-Effluen*) 1979, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

**iii) Larangan Kacau Ganggu**

Peraturan ini menetapkan pihak berkuasa tempatan boleh mengambil langkah-langkah untuk melarang, memberhentikan, menghapuskan dan mencegah berlakunya kacau ganggu mengikut seksyen 81(a) hingga (k) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**iv) Larangan Premis Perniagaan**

Majlis mengadakan peraturan yang boleh mencegah salah guna premis dari perbuatan maksiat seperti di pusat hiburan keluarga, perniagaan *internet cafe*, pusat urutan tradisional dan pusat kecantikan berdasarkan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 di bawah penguatkuasaan Pejabat Daerah dan Polis Diraja Malaysia.

**b) Garis Panduan**

Senarai garis panduan yang diguna pakai oleh Majlis bagi tujuan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan adalah seperti berikut:

**i) Garis Panduan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan**

**• Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan**

Garis panduan papan iklan premis perniagaan ini adalah bertujuan untuk menyeragamkan pemasangan papan iklan premis perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis.

**• Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga**

Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga menetapkan syarat yang perlu diambil oleh pengusaha sebelum permohonan lesen boleh diluluskan.

- **Garis Panduan Permohonan Lesen Premis Perusahaan Sarang Burung Walit**

Garis panduan permohonan lesen premis perusahaan sarang burung walit menetapkan syarat-syarat dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengusaha sebelum sesebuah premis boleh diluluskan untuk perusahaan sarang burung walit.

- ii) **Garis Panduan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor**

Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang dikeluarkan untuk Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:

- Tatacara Pengawalan Anggota Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Tindakan Penguatkuasaan Untuk Membanteras Cetak Rompak.
- Larangan Mengeluarkan Lesen Premis Perniagaan Menjual CD, VCD dan CD-ROM Di premis Bukan Kekal.
- Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Pengeluaran, Pengedaran dan Penggunaan Video, VCD dan DVD Lucah.
- Mesyuarat Jawatankuasa Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan.

- iii) **Manual Prosedur Kerja**

Majlis menyediakan Manual Prosedur Kerja sebagai garis panduan dalam melaksanakan aktivitinya. Manual yang disediakan mengandungi latar belakang, objektif, carta organisasi, fungsi utama, aktiviti, proses dan carta aliran kerja. Antara kandungan Manual Prosedur Kerja yang berkaitan dengan pengeluaran lesen perniagaan adalah seperti berikut:

- **Panduan Kelulusan Lesen**

Majlis membuat ketetapan dua jenis lesen perniagaan yang dimohon iaitu perniagaan yang sensitif dan perniagaan tidak sensitif. Permohonan lesen perniagaan yang sensitif perlu mendapat ulasan dari jabatan teknikal manakala permohonan lesen perniagaan yang tidak sensitif tidak melibatkan ulasan dari jabatan teknikal. Permohonan lesen perniagaan yang sensitif akan diputuskan dalam tempoh 90 hari dari tarikh permohonan diterima manakala lesen perniagaan yang tidak sensitif akan diputuskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima.

- **Panduan Pengeluaran Lesen Sementara**

Majlis menyediakan garis panduan pengeluaran lesen sementara bagi pengusaha yang menjalankan perniagaan sebelum permohonan lesen diluluskan. Bayaran lesen sementara yang ditetapkan adalah berjumlah RM270 untuk tempoh 3 bulan.

#### 30.1.4 Sasaran Aktiviti Pelesenan

##### a) Sasaran Pengeluaran Lesen

Penetapan sasaran merupakan aspek penting yang perlu dirancang supaya pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan dapat dilakukan dengan teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Sasaran pengeluaran lesen baru yang ditetapkan oleh Majlis untuk tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 75**.

**Jadual 75**  
**Bilangan Sasaran Pengeluaran Lesen Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Bil.	Sasaran	Bilangan Sasaran		
		2005 (Lesen)	2006 (Lesen)	2007 (Lesen)
1.	Memproses Permohonan Baru Lesen Perniagaan	500	560	200
2.	Memproses Permohonan Baru Lesen Papan Iklan	500	560	200

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

##### b) Sasaran Penguatkuasaan

Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan merancang untuk menjalankan pemeriksaan lesen perniagaan dengan bilangan sasaran sebanyak 2,000 premis bagi tahun 2005, sebanyak 2,500 premis bagi tahun 2006 dan 3,000 premis bagi tahun 2007.

##### c) Sasaran Hasil Aktiviti Pelesenan

Pada setiap tahun Majlis menyediakan anggaran hasil yang dikutip daripada sumber pelesenan. Anggaran hasil aktiviti pelesenan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 76**.

**Jadual 76**  
**Anggaran Hasil Lesen Majlis Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Tahun	Jenis Lesen		Jumlah (RM)
	Perniagaan (RM)	Papan Iklan (RM)	
2005	1,018,564	152,000	1,170,564
2006	998,755	157,000	1,155,755
2007	806,544	153,060	959,604

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

#### 30.1.5 Perancangan Strategik

Bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengurusan lesen dan penguatkuasaan premis perniagaan dengan lebih cekap, Majlis mempunyai perancangan strategik yang menggariskan strategi jangka panjang dan jangka pendek seperti berikut:

**a) Strategi Jangka Panjang**

Bagi strategi jangka panjang, pihak Majlis akan melaksanakan permohonan lesen secara *on-line* yang berkonsepkan *E-Dagang*. Strategi ini disediakan dalam tempoh melebihi 5 tahun.

**b) Strategi Jangka Pendek**

Antara strategi jangka pendek tidak melebihi 5 tahun yang disasarkan oleh pihak Majlis adalah seperti berikut:

- i) Melaksanakan satu sistem pengurusan berkomputer secara berperingkat.
- ii) Sentiasa menjalankan pemantauan berterusan terhadap pelanggaran undang-undang.
- iii) Kekerapan membawa kes ke Mahkamah.
- iv) Menambah kakitangan dan perjawatan.

**30.1.6 Kaedah Pelaksanaan**

Majlis memproses permohonan lesen perniagaan dan lesen papan iklan secara manual. Setiap permohonan lesen akan diproses oleh Unit Pelesenan. Unit ini akan menyediakan perkhidmatan untuk permohonan lesen baru, permohonan lesen papan iklan, permohonan membaharui lesen yang telah tamat tempoh dan permohonan lesen sementara. Perancangan Majlis terhadap kaedah pelaksanaan pengurusan pelesenan adalah seperti berikut:


**a) Memproses Permohonan Lesen Baru**

- i) Setiap permohonan baru untuk lesen perniagaan dan papan iklan perlu menggunakan borang yang telah ditetapkan. Borang tersebut boleh dibeli dari kaunter Unit Pelesenan. Kerani kaunter akan menyemak borang permohonan yang dikemukakan untuk memastikan ia lengkap diisi dan disertakan dengan semua dokumen yang dikehendaki. Semua permohonan yang lengkap akan direkodkan ke dalam Daftar Permohonan Lesen dan dimasukkan ke dalam fail individu. Manakala permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan. Pembantu Tadbir Unit Pelesenan akan merujukkan fail individu untuk tujuan pemeriksaan premis dan laporan. Pengawas Kesihatan Awam atau Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Pemeriksaan Majlis pula akan menjalankan pemeriksaan ke tapak premis perniagaan dan memberi ulasan. Jika permohonan lesen telah lengkap dan mematuhi syarat yang ditetapkan, permohonan ini akan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Kesihatan untuk pertimbangan. Kelulusan permohonan lesen akan diputuskan semasa Mesyuarat Penuh Majlis.
- ii) Bagi permohonan lesen perniagaan yang sensitif, akan dirujuk kepada jabatan teknikal untuk mendapatkan ulasan dan sokongan. Jabatan-jabatan teknikal yang dirujuk adalah Jabatan Alam Sekitar, Bahagian Farmasi Kementerian

Kesihatan, Jabatan Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Daerah Johor Bahru, Pejabat Pelesenan Pelancongan, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan Jabatan-jabatan lain yang bersesuaian dengan jenis permohonan lesen.


- iii) Butiran maklumat pemohon lesen perniagaan yang telah diluluskan akan dimasukkan ke pengkalan data di Unit Pelesenan dan surat pemberitahuan dihantar kepada pemohon. Bil bayaran lesen kemudiannya akan dicetak dan dikemukakan kepada pemohon untuk membuat pembayaran.
- iv) Carta aliran proses pengeluaran lesen perniagaan baru dan lesen papan iklan adalah seperti di **Carta 20** dan **Carta 21**.

**Carta 20**  
**Carta Aliran Proses Permohonan Lesen Perniagaan Baru**



Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

**Carta 21**  
**Carta Aliran Proses Permohonan Lesen Papan Iklan**



Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

**b) Permohonan Membaharui Lesen**

Pembaharuan lesen hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh sah lesen. Bagi membaharui lesen yang sedia ada pemohon dikehendaki mengemukakan lesen tersebut atau menyatakan nombor akaun lesen.

c) **Permohonan Lesen Sementara**

Setiap permohonan lesen sementara perlu menggunakan borang yang telah ditetapkan. Borang tersebut boleh didapati dari kaunter Unit Pelesenan. Borang permohonan yang dikemukakan akan disemak bagi memastikan borang diisi dengan lengkap dan disokong dengan dokumen yang dikehendaki. Unit Pelesenan akan merujuk fail permohonan kepada Setiausaha Majlis untuk kelulusan. Selepas permohonan mendapat kelulusan surat akan dikeluarkan oleh Majlis kepada pemohon untuk pengeluaran lesen dan mengutip bayaran.

**30.1.7 Keperluan Peralatan Dan Kenderaan**

Setiap jabatan perlu dilengkappkan dengan peralatan dan kenderaan yang sesuai bagi memantapkan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan. Majlis merancang keperluan peralatan dan kenderaan untuk Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan dan Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan seperti berikut:

a) **Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan**

Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan memohon keperluan peralatan dan kenderaan bagi tahun 2005 hingga 2007 seperti di **Jadual 77**.

**Jadual 77**  
**Peralatan Yang Diperlukan Untuk Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan**

Tahun	Peralatan dan Kenderaan	Kuantiti (Unit)	Anggaran Kos (RM)
2005	i. Komputer dan mesin pencetak	2	9,000
	ii. <i>Note book</i>	1	5,000
	iii. Mesin taip elektrik	1	3,500
	iv. Kamera digital/manual	2	10,000
	v. Lori pick-up	1	100,000
2006	Tiada Permohonan	-	-
2007	i. Komputer dan mesin pencetak	2	9,000
	ii. <i>Note book</i>	3	10,000
	iii. Kamera digital/manual	1	4,500
	iv. Lori 5 tan	1	150,000
	v. Lori Tipper 5 tan	1	120,000
	vi. Motosikal	4	22,000

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

b) **Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan**

Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan memohon keperluan peralatan pejabat dan kenderaan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 78**.

**Jadual 78**  
**Peralatan Yang Diperlukan Untuk Menjalankan Penguatkuasaan**

Tahun	Peralatan/Kelengkapan Pejabat	Kuantiti (Unit)	Anggaran Kos (RM)
2005	i. Komputer dan mesin pencetak	3	13,000
	ii. Kelengkapan kayu dan besi	-	20,000
	iii. Kamera digital/manual	1	2,000
	iv. Pembelian van penumpang	1	100,000
	v. Pembelian alat komunikasi	-	20,000
2006	Tiada Permohonan	-	-
2007	i. Komputer dan mesin pencetak	2	9,000
	ii. Pembelian <i>note book</i>	1	5,000
	iii. Kamera digital/manual	2	5,000

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai


### 30.1.8 Keperluan Modal Insan

Perancangan keperluan modal insan adalah penting untuk memastikan aktiviti pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Keperluan modal insan adalah meliputi keperluan guna tenaga dan latihan seperti berikut:

#### a) Guna Tenaga

Struktur organisasi Majlis terdiri daripada 8 Jabatan iaitu Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Kejuruteraan, Landskap Dan Perancang Bandar, Bangunan, Pentadbiran, Kewangan, Pelesenan Dan Kesihatan dan Undang-undang Dan penguatkuasaan. Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan bertanggungjawab terhadap pengurusan pelesenan manakala Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan. Sehingga akhir tahun 2007, bilangan jawatan yang diluluskan di Jabatan Pelesenan dan Kesihatan adalah sebanyak 106 jawatan manakala Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan sebanyak 32 jawatan untuk mencapai fungsi-fungsi Jabatan tersebut. Struktur pentadbiran Majlis adalah seperti di **Carta 22**.

**Carta 22**  
**Carta Organisasi Majlis Perbandaran Kulai**



Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

### b) Keperluan Latihan

Perancangan mengadakan latihan kepada kakitangan akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kecekapan semasa menjalankan tugas harian. Ketua Jabatan akan menimbang dan meluluskan permohonan daripada pegawai dan kakitangan untuk menghadiri kursus anjuran agensi kerajaan dan swasta.

#### 30.1.9 Keperluan Kewangan

Majlis menyediakan peruntukan kewangan bagi Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan berjumlah RM32.88 juta dan bagi Jabatan Undang-undang Dan Kesihatan berjumlah RM2.45 juta bagi tempoh 2005 hingga 2007. Peruntukan kewangan yang disediakan adalah untuk perbelanjaan emolumen, keperluan bekalan dan perkhidmatan. Keperluan kewangan mengikut tahun dan Jabatan yang terbabit adalah seperti di **Jadual 79**.

**Jadual 79**  
**Peruntukan Kewangan Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Bil.	Jabatan	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Pelesenan Dan Kesihatan	9.90	10.50	12.48	<b>32.88</b>
2.	Undang-undang Dan Penguatkuasaan	0.90	1.02	0.53	<b>2.45</b>
	<b>Jumlah</b>	<b>10.80</b>	<b>11.52</b>	<b>13.01</b>	<b>35.33</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

### **30.1.10 Kaedah Pemantauan dan Penguatkuasaan**

Pemantauan dan penguatkuasaan adalah satu aspek penting untuk memastikan pengurusan pelesenan premis dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sehubungan itu, perancangan yang disediakan adalah seperti berikut:

#### **a) Kawalan Pihak Berkuasa Negeri**

##### **i) Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Kesihatan**

Di peringkat Negeri, terdapat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Kesihatan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan premis perniagaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri. Sehubungan dengan itu, Pihak Berkuasa Negeri mengeluarkan arahan seperti berikut:

- Pihak Berkuasa Negeri tidak membenarkan lesen premis perniagaan yang menjual CD, VCD, DVD, CD-ROM dikeluarkan kepada peniaga yang menjalankan perniagaan di pasar malam, kios, kaki lima kedai dan ruang perniagaan sementara di kompleks perniagaan kecuali di premis kekal seperti kedai, ruang niaga kompleks perniagaan dan *hypermarket*.
- Pihak Berkuasa Negeri bersetuju memberhentikan pengeluaran lesen bagi premis perusahaan sarang burung walit.
- Pihak Berkuasa Negeri bersetuju bahawa Penguatkuasaan pemasangan alat perangkap sisa minyak (*grease trap*) adalah diwajibkan dengan serta merta bagi semua premis makanan di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Majlis sama ada permohonan lesen baru atau membaharui lesen sedia ada.

##### **ii) Pasukan Petugas Gerakan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan**

Pada tahun 2002, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Pasukan Petugas Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan di setiap Pejabat Daerah yang dianggotai oleh Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan pihak Polis. Bidang tugas Pasukan ini ialah mengatur tindakan Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan supaya dapat dijalankan secara berjadual dan berterusan.

**b) Kawalan Di Peringkat Majlis**

**i) Pembatalan Kelulusan Lesen**

Majlis melalui Unit Pelesenan akan membatalkan kelulusan lesen perniagaan jika Majlis menerima permohonan dari peniaga, hasil laporan pemeriksaan rutin dan atas aduan awam. Pembatalan kelulusan lesen juga akan dibuat jika premis perniagaan tidak menjalankan perniagaan dan perniagaan berpindah tempat.

**ii) Pengurusan Aduan Awam**

Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan serta Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan mengalu-alukan dan sentiasa menerima aduan dan laporan daripada orang ramai terhadap pelanggaran syarat dari pemegang-pemegang lesen. Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan akan mendaftar setiap aduan yang diterima sama ada daripada orang ramai atau Pegawai Majlis sendiri.

**iii) Mesyuarat Jawatankuasa**

**• Mesyuarat Penuh Majlis**

Majlis merancang mengadakan Mesyuarat Penuh pada tiap-tiap bulan. Kelulusan permohonan lesen perniagaan akan diputuskan semasa Mesyuarat Penuh Majlis.

**• Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Dan Kesihatan**

Ahli-ahli Majlis yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Pelesenan Dan Kesihatan akan mengadakan mesyuarat pada setiap bulan. Perkara yang dibincangkan meliputi amalan mengenai pengurusan dan pengeluaran lesen perniagaan Majlis.

**c) Penguatkuasaan Undang-undang**

Perancangan untuk menjalankan aktiviti Penguatkuasaan Undang-undang adalah penting supaya premis perniagaan sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis. Penguatkuasaan yang dirancang oleh Majlis adalah seperti berikut:

- i) Menjalankan rondaan dan pemeriksaan premis perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis.
- ii) Mengeluarkan notis kompaun bagi aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- iii) Menjalankan penguatkuasaan dan memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi.

Pada pandangan Audit, perancangan yang disediakan oleh Majlis untuk pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan premis perniagaan adalah baik. Majlis telah menetapkan perancangan aktiviti pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan dengan jelas dan tersusun.

## **30.2 PELAKSANAAN**

### **30.2.1 Dasar Majlis**

Pelaksanaan aktiviti pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan premis perniagaan Majlis adalah selari dengan dasar yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati Majlis telah mewajibkan semua peniaga yang bermiaga di premis perniagaan memohon lesen sebelum perniagaan dimulakan. Semakan juga mendapati ketetapan Majlis untuk tidak membenarkan perniagaan atau aktiviti tertentu telah dipatuhi sepenuhnya. Tiada lesen dikeluarkan untuk perusahaan sarang burung walit dan perniagaan runcit arak, lesen *fun fair* dan menjual DVD, VCD dan CD di pasar malam, kios dan kaki lima kedai.

**Pada pendapat Audit, Majlis telah mematuhi dasar yang ditetapkan bagi pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan premis perniagaan di kawasan pentadbirannya.**

### **30.2.2 Undang-undang**

#### **a) Akta Kerajaan Tempatan 1976**

Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) mengandungi peruntukan undang-undang untuk pengeluaran lesen perniagaan, menetapkan kadar bayaran lesen, menentukan syarat lesen dan peruntukan melakukan pemeriksaan atau menyelia tred, pekerjaan atau premis yang dilesenkan. Manakala Seksyen 102, Akta 171, membolehkan Majlis menggubal undang-undang kecil. Semakan Audit terhadap proses penggubalan undang-undang kecil Majlis mendapati seksyen-seksyen yang berkaitan pelesenan telah dirujuk semasa proses menggubal undang-undang kecil dan mengeluarkan lesen perniagaan.

#### **b) Undang-undang Kecil**

Sehingga tarikh pengauditan sebanyak 5 undang-undang kecil yang berkaitan dengan pelesenan telah digubal untuk kegunaan Majlis. Selaras dengan keperluan Akta 171, semua undang-undang kecil ini telah dikuatkuasakan setelah diwartakan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang kecil yang telah dikeluarkan mendapati perkara-perkara seperti berikut:

##### **i) Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan, Perindustrian dan Pekerjaan (Majlis Daerah Kulai) 1982**

Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan, Perindustrian dan Pekerjaan (Majlis Daerah Kulai) 1982 berkuat kuasa mulai awal bulan Januari 1983. Semakan Audit mendapati undang-undang kecil ini masih diguna pakai untuk pengeluaran lesen perniagaan tetapi peruntukan belum dikemaskinikan bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa. Bagaimanapun, Majlis telah melakukan semakan semula terhadap senarai bayaran lesen perniagaan mengikut Jadual 3 Undang-undang Kecil ini dan telah meluluskan senarai bayaran lesen yang baru mulai tahun 2007 dengan pertambahan 54 jenis lesen.

**ii) Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kulai) 1982**

Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kulai) 1982 berkuat kuasa mulai awal bulan Januari 1983. Semakan Audit mendapati Majlis telah melakukan semakan semula terhadap kadar bayaran lesen papan iklan mengikut Jadual 3 undang-undang kecil ini dan telah meluluskan senarai bayaran lesen yang baru mulai tahun 2007. Mengikut semakan yang dilakukan kadar bayaran lesen papan iklan tidak berlampa keluasan kurang daripada 10 meter persegi telah dinaikkan dari RM32.50 kepada RM40. Manakala kadar bayaran papan iklan yang berlampa keluasan yang melebihi 10 meter persegi telah diturunkan daripada RM65 kepada RM50. Kadar baru yang diluluskan bertujuan memberi galakan supaya premis perniagaan memasang papan iklan yang berlampa.

**iii) Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Daerah Kulai) 1982**

Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Daerah Kulai) 1982 berkuat kuasa mulai awal bulan Januari 1983. Semakan Audit terhadap daftar kompaun mendapati undang-undang kecil ini masih diguna pakai untuk pengeluaran kompaun kepada pemilik premis yang didapati bersalah menyebabkan atau melakukan kekotoran. Sebanyak 400 kompaun telah dikeluarkan mengikut undang-undang kecil ini bagi tahun 2007.

**iv) Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Majlis Daerah Kulai) Kerajaan Tempatan 1987**

Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Majlis Daerah Kulai) Kerajaan Tempatan 1987 berkuat kuasa mulai pertengahan bulan Februari 1989. Semakan Audit terhadap daftar kompaun mendapati undang-undang kecil ini masih diguna pakai untuk pengeluaran kompaun kepada pemilik premis yang didapati bersalah mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan, Perindustrian dan Pekerjaan (Majlis Daerah Kulai) 1982 dan Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kulai) 1982. Sebanyak 348 kompaun telah dikeluarkan mengikut undang-undang kecil ini bagi tahun 2007.

**v) Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Kulai) 1987**

Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Kulai) 1987 berkuat kuasa mulai pertengahan bulan Mei 1989. Mengikut undang-undang kecil ini, Majlis boleh membuat penggredan premis makanan berdasarkan tahap kebersihan iaitu gred A, B dan C. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Majlis mendapati tiada laporan Jabatan Pelesenan dan Kesihatan yang menunjukkan program penggredan premis makanan telah dilakukan. Maklum balas yang dikemukakan oleh pegawai Majlis menunjukkan penggredan premis makanan tidak dibuat untuk tempoh 2005 hingga 2007 kerana pemeriksaan premis tidak pernah dijalankan.

**Pada pendapat Audit, undang-undang kecil yang digubal oleh Majlis untuk menjalankan pengurusan pelesenan premis perniagaan adalah mencukupi kecuali undang-undang kecil yang perlu dikaji semula.**

### **30.2.3 Peraturan Dan Garis Panduan**

#### **a) Peraturan Premis Perniagaan**

Peraturan premis perniagaan yang berkaitan dengan kebersihan, penjagaan alam sekitar, larangan kacau ganggu dan larangan salah guna premis telah disyaratkan bagi premis perniagaan. Peraturan tersebut telah dikeluarkan untuk syarat lesen berdasarkan jenis perniagaan yang dijalankan. Semakan Audit terhadap 50 fail individu permohonan lesen pada tahun 2005 hingga 2007 mendapati perkara seperti berikut:

##### **i) Kebersihan Premis**

Mengikut peraturan, pengusaha perlu menjaga premis dan persekitaran supaya sentiasa bersih setiap masa. Syarat tambahan untuk lesen kedai makan dan minuman atau restoran pula menghendaki peniaga menjaga kebersihan pengendalian makanan. Antara Peraturan kebersihan yang dikeluarkan bagi lesen premis yang terlibat adalah seperti berikut:

- Kebersihan premis hendaklah dijaga dengan sempurna.
- Menyediakan tempat membuang sampah dengan sempurna.
- Tandas lelaki dan wanita hendaklah dibina berasingan.
- Semua pekerja dikehendaki memakai *apron*.
- Perlu mematuhi arahan dari Jabatan Kesihatan.
- Telah menjalani kursus pengendalian makanan.

Lawatan Audit ke 7 buah kedai makanan dan restoran serta 7 premis perniagaan lain bagi meninjau aspek pematuhan peraturan kebersihan mendapati perkara seperti berikut:

##### **➤ Premis Kedai Makan Dan Restoran**

Lawatan Audit terhadap premis kedai makanan dan restoran mendapati semua premis tidak mematuhi sepenuhnya syarat kebersihan yang ditetapkan. Empat pelanggaran syarat kebersihan iaitu tidak memasang notis dilarang meludah, notis menjaga kebersihan, notis melarang membuang sampah dan pekerja tidak memakai kasut telah dilakukan oleh semua premis yang dilawati. Enam syarat yang lain pula hanya dipatuhi oleh 2 hingga 5 premis tersebut. Butiran lengkap bilangan kes pelanggaran syarat adalah seperti di **Jadual 80**.

**Jadual 80**  
**Bilangan Kes Perlanggaran Syarat Di Premis Kedai Makan/Restoran**

Bil.	Syarat Kebersihan	Bilangan Kes	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
1.	Tandas/Bilik Air Bersih	4	3
2.	Menyediakan Tong Sampah	3	4
3.	Lantai Bersih	3	4
4.	Memasang Notis Dilarang Meludah	0	7
5.	Memasang Notis Jaga Kebersihan	0	7
6.	Memasang Notis Buang Sampah	0	7
7.	Meletakan Bahan Makanan Di Atas Lantai	5	2
8.	Pekerja Memakai Apron	2	5
9.	Pekerja Menutup Kepala	2	5
10.	Pekerja Memakai Kasut	0	7

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara


Contoh premis yang tidak menjaga kebersihan seperti di **Foto 98** dan **Foto 99.**

**Foto 98**  
**Lantai Restoran Tidak Bersih**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
 Tarikh: 5 Disember 2007  
 Lokasi: Lantai Dapur Sebuah Restoran Di Senai

**Foto 99**  
**Bahan Makanan Diletakkan Di Atas Lantai**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 5 Disember 2007

Lokasi: Stor Sebuah Restoran Di Senai

➤ **Premis Perniagaan Lain**

Premis perniagaan lain yang dilawati adalah sebuah kedai gunting rambut, 3 premis di kompleks perniagaan, sebuah premis mencuci kereta, sebuah premis menjual nombor ramalan dan sebuah premis jahit pakaian. Lawatan Audit mendapati sampah dan kertas di premis menjual nombor ramalan tidak dibersihkan, manakala 6 premis telah menjaga kebersihan dengan memuaskan.

**ii) Pengawalan Alam Sekitar**

Majlis menggariskan peraturan yang berkaitan perlindungan dan penjagaan alam sekitar kepada pelesen kilang pemprosesan, pembuatan dan perusahaan. Antara peraturan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- Memastikan minyak kotor dan cecair buangan tidak dibuang di dalam longkang.
- Memenuhi kehendak Jabatan Alam Sekitar.
- Tidak dibenarkan melakukan pembakaran terbuka.
- Setiap premis makanan dikehendaki memasang alat perangkap sisa minyak (*grease trap*) bagi menapis minyak supaya tidak mengalir ke longkang.

Semakan Audit terhadap 28 surat kelulusan dan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan mendapati peraturan berkaitan pengawalan alam sekitar telah dinyatakan dalam lesen perniagaan yang dikeluarkan. Bagaimanapun lawatan Audit ke premis perniagaan mendapati perkara seperti berikut:

- Pemilik 4 pusat servis kenderaan dan 2 bengkel kimpalan dan mengecat kenderaan telah melakukan kesalahan pencemaran alam sekitar seperti membuang sisa minyak kenderaan ke longkang dan bahan kerja telah mencemarkan jalan. Contoh bengkel yang menyebabkan pencemaran alam sekitar adalah seperti di **Foto 100** dan **Foto 101**.

**Foto 100**  
**Sisa Bahan Kerja Mencemarkan Jalan**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 4 Disember 2007  
Lokasi: Bengkel Kimpalan Dan Mengecat Kereta Di Saleng, Kulai*

**Foto 101**  
**Sisa Minyak Kenderaan Mencemarkan Longkang**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 5 Disember 12.2007  
Lokasi: Longkang Hadapan Pusat Servis Motosikal Di Senai, Kulai*

- Lawatan Audit telah dijalankan terhadap sebuah kilang perabot, 2 kilang acuan besi, sebuah kilang membuat cat dan 2 kilang kotak. Pemeriksaan Audit mendapati 2 kilang acuan besi dan 2 kilang kotak telah mematuhi peraturan pengawalan alam sekitar di kawasan premis. Bagaimanapun, sebuah kilang perabot dan sebuah kilang membuat cat tidak mematuhi pengawalan alam sekitar kerana mengeluarkan habuk kayu ke udara dan pencemaran dari tong dan bekas bahan-bahan kimia berbahaya.
- Lawatan Audit ke 7 premis kedai makanan/restoran mendapati 6 pemilik premis tidak mematuhi syarat memasang *grease trap* dan 2 pemilik premis iaitu Restoran di Jalan Belimbing Senai dan Restoran di Taman Senai Jaya membiarkan longkangnya tersumbat dan berbau busuk. Contoh longkang tersumbat yang menyebabkan pencemaran alam sekitar adalah seperti di **Foto 102.**

**Foto 102**  
**Longkang Tersumbat Dan Berbau Busuk**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 5 Disember 2007  
Lokasi: Longkang Di Hadapan Sebuah Restoran Di Senai, Kulai*

### iii) Pengawalan Premis Perniagaan

Majlis mengadakan peraturan yang boleh mencegah salah guna premis dari menjadikan tempat perjudian, kegiatan maksiat, tidak bermoral dan lain-lain. Peraturan yang dikeluarkan bagi lesen perniagaan yang terlibat adalah seperti berikut:

- Dilarang menggunakan cermin gelap di kawasan hadapan dan tepi premis.
- Tidak dibenarkan menjalankan sebarang bentuk aktiviti-aktiviti perjudian.
- Komputer permainan tidak dibenarkan sama sekali.

- Kanak-kanak sekolah yang berpakaian seragam tidak dibenarkan masuk di dalam premis.
- Dilarang menjual dan menghidangkan minuman keras di dalam premis.
- Waktu operasi yang dibenarkan adalah daripada pukul 10 pagi hingga pukul 12 tengah malam.

Semakan Audit mendapati peraturan berkaitan pengawalan premis perniagaan telah dinyatakan dalam surat kelulusan lesen premis yang dikeluarkan bagi perniagaan pusat hiburan keluarga, perniagaan *internet cafe*, pusat kecantikan dan pusat urut tradisional. Lawatan Audit ke sebuah pusat hiburan keluarga, 3 *Internet cafe*, satu pusat urut tradisional dan satu pusat rawatan kecantikan mendapati kesemua perniagaan tersebut tidak mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Pusat Urutan Tradisional dan *internet cafe* telah membuat sekat bilik dalam premis, memasang cermin gelap di bahagian hadapan, kurang pencahayaan, notis bagi pelajar berpakaian sekolah tidak disediakan dan membenarkan permainan video. Kes kesalahan yang dilakukan adalah seperti di **Jadual 81**.


**Jadual 81**  
**Kes Perniagaan Salah Guna Premis**

Bil.	Premis Perniagaan	Bilangan Premis Yang Dilawat	Jenis Kesalahan	Bilangan Kes
1.	Pusat Urutan Tradisional, SPA dan <i>Reflexology</i>	2	i. Ruang premis ada sekat bilik ii. Kurang pencahayaan	2 2
2.	<i>Internet Cafe</i>	3	i. Cermin gelap di hadapan ii. Kurang pencahayaan iii. Menyediakan permainan video iv. Tiada notis pakaian sekolah	3 3 3 1
3.	Pusat Hiburan Keluarga	1	i. Tiada notis pakaian sekolah	1
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>		<b>15</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

Penggunaan cermin gelap di bahagian hadapan premis dapat dilihat seperti di **Foto 103**.

**Foto 103**  
Cermin Gelap Di Pasang Hadapan Premis



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 3 Disember 2007  
Lokasi: Bahagian Hadapan Sebuah Internet Cafe Di Kulai

Semasa lawatan Audit ke sebuah *internet cafe* di Taman Puteri Kulai kelihatan remaja bawah umur sedang menggunakan komputer untuk permainan video seperti di **Foto 104**.

**Foto 104**  
Komputer Sedang Diguna Untuk Permainan Video



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 3 Disember 2007  
Lokasi: Bahagian Dalam Internet Cafe Di Kulai

#### iv) Larangan Kacau Ganggu

Peraturan larangan kacau ganggu memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan mengambil langkah-langkah untuk melarang, memberhentikan, menghapuskan dan mencegah berlakunya kacau ganggu. Peraturan yang dikeluarkan bagi lesen perniagaan yang dibenarkan menetapkan syarat tertentu supaya dapat mengawal kacau ganggu. Kesalahan yang berkaitan mengikut kategori adalah seperti berikut:

- **Premis Perniagaan Barang Lusuh**

Perniagaan barang lusuh terdiri daripada aktiviti perniagaan membeli, menyimpan dan menjual barang seperti besi buruk, plastik dan kertas. Lawatan Audit telah dibuat ke 6 premis perniagaan barang lusuh di sekitar kawasan pentadbiran Majlis. Lawatan Audit mendapati 2 buah premis beroperasi di kawasan perindustrian dan 4 premis lagi beroperasi di luar kawasan perindustrian. Kedudukan premis yang berada di luar kawasan perindustrian sangat hampir dengan jalan raya, terletak di kawasan taman perumahan dan kedai, malah ada juga yang beroperasi di tepi sungai. Kawasan premis perniagaan mereka yang sempit menyebabkan longgokan besi buruk bersepah dan terdedah. Keadaan premis barang lusuh adalah seperti di **Foto 105** dan **Foto 106**.

**Foto 105**  
**Longgokan Besi Buruk Dan Barang Lusuh**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 4 Disember 2007  
Lokasi: Lot 3222, Batu 24, Jln Ayer Hitam, Kulai*

**Foto 106**  
**Premis Barang Lusuh, Kertas Dan Plastik Terpakai**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 4 Disember 2007  
Lokasi: PTD 9597, Kelapa Sawit, Kulai

- **Premis Menjual Kenderaan Baru Dan Terpakai**

Lawatan ke 3 premis menjual kenderaan baru dan terpakai mendapati semua peniaga telah melanggar undang-undang berkaitan lebuh awam. Peniaga telah menyalahgunakan lebuh awam dengan meletakkan kenderaan jualan mereka tanpa kebenaran Majlis. Contoh lebuh awam yang disalah gunakan adalah seperti di **Foto 107**.

**Foto 107**  
**Lebuh Awam Disalahgunakan Meletak Kenderaan Jualan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 4 Disember 2007  
Lokasi: Kedai Menjual Motosikal Di Kelapa Sawit, Kulai

- **Premis Perusahaan Kilang**

Lawatan Audit telah dilakukan terhadap 6 premis yang menjalankan perusahaan kilang perabot, kilang acuan besi, kilang membuat cat dan kilang kotak. Pemeriksaan Audit mendapati operasi kilang kotak telah mematuhi peraturan tetapi tidak melakukan kacau ganggu di kawasan premis. Bagaimanapun sebuah kilang acuan besi pula telah menggunakan lebuh awam tanpa kebenaran Majlis. Contoh lebuh awam yang disalahgunakan dengan meletak bahan kerja seperti besi adalah seperti di **Foto 108.**

**Foto 108**  
**Lebuh Awam Disalahgunakan Meletak Bahan Keluaran Kilang**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 4 Disember 2007

Lokasi: Kilang Membuat Ayan, Kawasan Perindustrian Kulai, Kulai

- **Premis Perusahaan Sarang Burung Walit**

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan telah menjalankan siasatan dan mendapati terdapat 66 buah premis di kawasan pentadbiran Majlis telah diguna untuk menjalankan perusahaan sarang burung walit. Lawatan Audit ke 3 premis yang menjalankan perusahaan tersebut mendapati masih aktif di mana panggilan burung menggunakan corong pembesar suara masih kedengaran. Mengikut peraturan Majlis, pengusaha sarang burung ini boleh diambil tindakan undang-undang kerana melakukan kacau ganggu, menjalankan perusahaan tanpa lesen dan melakukan ubahsuai bangunan tanpa kelulusan. Pegawai Majlis, menyatakan Majlis sering mendapat aduan dari penduduk berhampiran kerana bunyi bising rakaman memanggil burung walit. Bagaimanapun, Majlis telah memutuskan supaya perusahaan itu boleh diteruskan dan menasihatkan pengusaha supaya memperlahangkan bunyi rakaman dari corong pembesar suara. Premis yang

digunakan untuk menjalankan perusahaan sarang burung walit adalah seperti di **Foto 109** dan **Foto 110**.

**Foto 109**  
Premis Kedai Diguna Bagi Perusahaan Sarang Burung Walit



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 4 Disember 2007  
Lokasi: Taman Putri Kulai, Kulai

**Foto 110**  
Premis Kedai Diguna Bagi Perusahaan Sarang Burung Walit



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 4 Disember 2007  
Lokasi: Taman Puteri Kulai, Kulai

Pada pendapat Audit pematuhan peraturan oleh pemilik premis perniagaan adalah tidak memuaskan kerana bilangan peniaga yang melanggar peraturan masih tinggi. Bagaimanapun Majlis telah mengambil tindakan terhadap premis yang melanggar peraturan selepas teguran Audit.

**b) Garis Panduan**

**i) Garis Panduan Dikeluarkan Oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan**

Majlis telah menggunakan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan seperti berikut:

**• Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan**

Garis panduan papan iklan premis perniagaan yang dikeluarkan oleh Kementerian pada bulan Februari 2005 digunakan oleh pihak Majlis untuk menetapkan keseragaman kandungan papan iklan yang dipamerkan seperti menyatakan nama syarikat atau jenama, bahasa yang digunakan, saiz tulisan dan penggunaan *trade mark*, logo dan *tag line* yang sesuai.

Semasa lawatan Audit ke 45 premis perniagaan yang memasang 49 papan iklan mendapati sebanyak 33 papan iklan atau 67.3% tidak mempunyai lesen papan iklan. Selain itu, 16 lesen papan iklan yang dikemukakan tidak dapat disahkan kerana nombor rujukan akaun lesen yang dipamer tidak dapat dipadankan atau nombor rujukan tidak dipamer di papan iklan tersebut. Bagaimanapun, kandungan papan iklan adalah selaras dengan garis panduan yang ditetapkan.

**• Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga**

Garis panduan Pusat Hiburan Keluarga yang dikeluarkan pada bulan Mac 2005 menetapkan syarat yang perlu diambil oleh pengusaha sebelum permohonan lesen diluluskan. Garis panduan ini menetapkan jenis hiburan yang boleh beroperasi, lokasi dan tahap keselamatan premis, jenis mesin permainan yang dibenarkan dan peraturan di dalam premis. Lawatan Audit ke premis pusat hiburan keluarga mendapati garis panduan yang ditetapkan telah dipatuhi dan mempunyai lesen perniagaan yang sah.

**ii) Garis Panduan Dikeluarkan Oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Johor**

Empat garis panduan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Johor melalui Pekeliling Am Kerajaan Negeri Johor untuk diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah berkaitan dengan Tatacara Pengawalan Anggota Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan, Tindakan Penguatkuasaan Untuk Membanteras Cetak Rompak dan Larangan Mengeluarkan Lesen Premis Perniagaan Menjual CD, VCD dan CD-ROM Di premis Bukan Kekal, Tindakan

Penguatkuasaan Terhadap Pengeluaran, Pengedaran dan Penggunaan Video, VCD dan DVD Luah dan Mesyuarat Jawatankuasa Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan. Semakan Audit mendapati Majlis telah menggunakan pakai sepenuhnya garis panduan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

### iii) Manual Prosedur Kerja

- **Pengeluaran Lesen Perniagaan Sensitif**

Mengikut Manual Prosedur Kerja permohonan lesen perniagaan yang sensitif akan diproses untuk kelulusan dalam tempoh 90 hari dari tarikh permohonan diterima. Semakan Audit terhadap 50 permohonan lesen baru mendapati 43 permohonan lesen baru telah diproses untuk kelulusan antara tempoh 91 hari hingga 361 hari dan terdapat satu kes mencapai tempoh sehingga 645 hari. Mengikut maklum balas yang diterima daripada pegawai Majlis, kelewatan tersebut disebabkan oleh proses pentadbiran dan menunggu ulasan daripada Jabatan Teknikal. Tempoh kelulusan lesen perniagaan adalah seperti di **Jadual 82**.

**Jadual 82**  
**Tempoh Kelulusan Lesen Perniagaan**

Bil.	Tempoh Kelulusan (Hari)	Bilangan Pemohon
1.	0 hingga 90	7
2.	91 hingga 180	22
3.	181 hingga 270	5
4.	271 hingga 360	11
5.	361 ke atas	5
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kulai

Kelewatan untuk mengeluarkan lesen sehingga melebihi tempoh 90 hari boleh menyebabkan kerugian hasil Majlis dan terdedah kepada berlaku perniagaan tanpa lesen.

- **Perniagaan Yang Tidak Sensitif**

Mengikut Manual Prosedur Kerja permohonan lesen perniagaan yang tidak sensitif akan diproses untuk kelulusan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima. Permohonan lesen perniagaan yang tidak sensitif tidak memerlukan ulasan dari Jabatan Teknikal. Lesen perniagaan yang tidak sensitif boleh dikeluarkan oleh Yang Dipertua atau Ketua Jabatan Pelesenan dan Kesihatan. Semakan Audit mendapati kesemua lesen yang dikeluarkan bagi tempoh 2005 hingga 2007 telah diluluskan oleh YDP atau Ketua Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan dalam tempoh 14 hari.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mengguna pakai garis panduan yang dikeluarkan untuk pengurusan pelesenan dengan memuaskan.

#### 30.2.4 Pencapaian Sasaran Pelesenan

##### a) Prestasi Pengeluaran Lesen Baru

Jabatan Audit telah melakukan perbandingan antara bilangan sasaran yang ditetapkan oleh Majlis dengan bilangan pencapaian yang sebenar oleh Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan bagi tempoh 2005 hingga 2007. Bilangan sasaran dan pencapaian sebenar pengeluaran lesen baru bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 83**.

**Jadual 83**  
**Perbandingan Antara Sasaran Dan Pencapaian Sebenar Pengurusan Lesen**  
**Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Bil.	Sasaran	2005		Peratus (%)	2006		Peratus (%)	2007		Peratus (%)			
		Bilangan Lesen			Bilangan Lesen			Bilangan Lesen					
		Sasaran	Sebenar		Sasaran	Sebenar		Sasaran	Sebenar				
1.	Memproses Permohonan Lesen Perniagaan	500	588	117.6	560	561	100.2	200	797	398.5			
2.	Memproses permohonan Lesen Papan Iklan	500	379	75.8	560	384	68.6	200	614	307.0			

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

Analisis perbandingan mendapati Majlis telah memproses permohonan lesen perniagaan melebihi sasaran bagi ketiga-tiga tahun berkenaan. Bagaimanapun Majlis tidak dapat mencapai sasaran memproses permohonan lesen papan iklan bagi tahun 2005 dan 2006 di mana Majlis hanya mencapai 75.8% untuk tahun 2005 dan 68.6% untuk tahun 2006. Bagaimanapun, bilangan sasaran bagi tahun 2007 adalah tidak munasabah berbanding dengan sasaran tahun sebelumnya. Ini terbukti apabila bilangan pencapaian sebenar melebihi sasaran sebenar iaitu 307.0% pada tahun 2007.

##### b) Prestasi Pemeriksaan Lesen Perniagaan

Mengikut perancangan Majlis sasaran pemeriksaan lesen perniagaan bagi tahun 2005 sebanyak 2,000, tahun 2006 sebanyak 2,500 dan tahun 2007 sebanyak 3,000. Semakan Audit mendapati pemeriksaan lesen perniagaan bagi tahun 2005 telah mencapai sasaran iaitu 2,557 atau 127.8%. Bagaimanapun pemeriksaan lesen perniagaan bagi tahun 2006 dan 2007 yang dibuat tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Bilangan pencapaian pada tahun 2006 sebanyak 739 atau 29.6% manakala bilangan pemeriksaan bagi tahun 2007 sebanyak 2,341 atau 78%.

c) **Prestasi Kutipan Hasil Lesen**

Pihak Audit telah membuat perbandingan antara anggaran hasil lesen dan kutipan sebenar bagi tahun 2005 hingga 2007 seperti di **Jadual 84**.

**Jadual 84**  
**Kutipan Hasil Lesen Perniagaan Dan Papan Iklan Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Tahun	Lesen Perniagaan			Lesen Papan Iklan		
	Anggaran Kutipan (RM)	Kutipan Sebenar (RM)	Peratus (%)	Anggaran Kutipan (RM)	Kutipan Sebenar (RM)	Peratus (%)
2005	1,018,564	988,820	97.1	152,000	140,048	92.1
2006	998,755	1,129,826	113.1	157,000	185,753	118.3
2007	806,544	1,324,649	164.2	153,060	240,774	157.3

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

**Jadual 84** menunjukkan prestasi kutipan hasil lesen perniagaan dan lesen papan iklan bagi tahun 2006 telah melebihi anggaran dengan RM131,071 (13.1%) dan RM28,753 (18.3%). Manakala bagi tahun 2007 prestasi kutipan hasil lesen perniagaan dan lesen papan iklan melebihi anggaran dengan RM518,105 (64.2%) dan RM87,714 (57.3%).

**Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran lesen baru dan kutipan hasil adalah memuaskan manakala prestasi pemeriksaan lesen perniagaan adalah tidak memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.**

#### 30.2.5 Perancangan Strategik

Perancangan Strategik yang disediakan oleh Majlis merangkumi strategi jangka panjang dan jangka pendek. Semakan Audit mendapati perancangan jangka panjang untuk melaksanakan permohonan lesen secara *on-line* yang dirancang bagi tahun 2005 belum dilaksanakan sehingga tarikh pengauditan pada akhir bulan Disember 2007. Manakala perancangan strategik jangka pendek merangkumi perkara seperti berikut:

a) **Melaksanakan Sistem Pengurusan Berkomputer**

Pada tahun 2005, Majlis telah membuat perolehan sistem berkomputer (SPEKHA) untuk melaksanakan pengurusan lesen, kutipan cukai dan penguatkuasaan. Semakan Audit dan temu bual dengan pegawai Majlis mendapati perkara seperti berikut:

- i) Sistem komputer bernilai RM0.61 juta yang telah dibekalkan oleh syarikat Perniagaan Fajar tidak dibuat melalui tender terbuka seperti mana kehendak peraturan kewangan. Perolehan yang dilaksanakan tanpa tender hanya boleh dibuat setelah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun, kelulusan dari Pegawai Kewangan Negeri tidak diperoleh.

- ii) Majlis tidak menetapkan sebarang kriteria bagi pelantikan syarikat berkenaan. Kriteria yang sepatutnya digunakan sebagai asas pertimbangan pelantikan syarikat sekiranya pelantikan tanpa tender terbuka ialah berdasarkan kepada keperluan yang mendesak, tiada syarikat lain yang dapat membekal barang atau perkhidmatan tersebut dan pembelian yang dibuat perlu untuk penyeragaman.
- iii) Mengikut perjanjian yang ditandatangani pada akhir bulan Disember 2005 antara Majlis dan Syarikat, kos projek adalah bernilai RM0.61 juta seperti di **Jadual 85**.

**Jadual 85**  
**Perkakasan dan Perisian Yang Dibekalkan**

Bil.	Perbelanjaan	Harga (RM)
1.	Perkakasan	123,729
2.	Perisian	443,940
3.	Pengurusan Latihan dan Implementasi	39,000
<b>Jumlah</b>		<b>606,669</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

- iv) Majlis telah membuat pembayaran kepada Syarikat berjumlah RM0.37 juta iaitu 60.7% daripada harga kontrak sehingga akhir tahun 2007. Semakan Audit mendapati Majlis tidak meneruskan penggunaan sistem SPEKHA kerana sistem yang dibekalkan tidak berkesan untuk membantu meningkatkan keupayaan Majlis bagi memproses pengeluaran dan pengawasan lesen. Peralatan dan perkakasan yang telah dipasang tidak digunakan dan penempatan kakitangan syarikat di Majlis ditarik balik. Projek ini merupakan satu pembaziran dan merugikan pihak Majlis. Peralatan dan perkakasan sistem SPEKHA yang tidak digunakan yang masih dalam kotak adalah seperti di **Foto 111**.

**Foto 111**  
**Peralatan Dan Perkakasan SPEKHA Yang Tidak Digunakan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 5 Disember 2007

Lokasi: Jabatan Kewangan Majlis Perbandaran Kulai

**b) Tindakan Undang-undang**

Kes-kes pelanggaran undang-undang boleh diteruskan dengan mengambil tindakan Mahkamah. Temu bual Audit dengan Penolong Pegawai Penguatkuasaan Majlis mendapati strategi jangka pendek Majlis untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik premis yang melanggar undang-undang tidak dapat dilaksanakan kerana Unit Pendakwaan tidak pernah menyediakan kertas pertuduhan.

**c) Menambah Kakitangan Dan Perjawatan**

Strategi jangka pendek Majlis untuk menambah bilangan kakitangan dan perjawatan telah diluluskan mengikut penstrukturkan semula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Ogos 2007 dan diikuti Pihak Berkuasa Negeri pada bulan Mac 2008. Semakan Audit mendapati Bahagian Pelesenan diketuai oleh Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41 dan 6 jawatan sokongan baru telah diwujudkan iaitu seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, 3 Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, seorang Penghantar Notis Gred N3 dan seorang Pembantu Am Pejabat Gred N1. Bahagian Penguatkuasaan pula telah diletakkan di bawah Program 1, Jabatan Khidmat Pengurusan Dan Penguatkuasaan dan diketuai oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N32. Selain itu, Bahagian Penguatkuasaan mendapat seorang Pembantu Penguatkuasa Gred N22 dan pertambahan 5 Pembantu Penguatkuasa Gred N17. Majlis sedang mengambil tindakan mengisi perjawatan yang diluluskan itu. Tambahan kakitangan dan penggredan semula untuk Jabatan Pelesenan dan Kesihatan serta Bahagian Penguatkuasaan akan dapat memberi perkhidmatan yang efisien. Perbandingan perjawatan sebelum dan selepas penstrukturran diluluskan adalah seperti di **Jadual 86**.

**Jadual 86**  
**Perbandingan Perjawatan Sebelum Dan Selepas Penstrukturkan Semula**

Jawatan	Sebelum Penstrukturkan	Penstrukturkan Diluluskan
<b>Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan</b>		
Pegawai Kesihatan Persekutuan (U41)	0	1
<b>Bahagian Pelesenan</b>		
Pen. Peg. Kesihatan Persekutuan (U29)	1	1
Pe. Pegawai Tadbir (N27)	0	1
Pembantu Kesihatan Awam (U17)	0	3
Pembantu Tadbir (P/O) N17	4	4
Pembantu Tadbir Rendah (N11)	2	1
Penghantar Notis (N3)	0	1
Pemandu Kenderaan (R3)	11	6
Pembantu Am Pejabat (N1)	0	1
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>	<b>19</b>
<b>Jabatan Khidmat Pengurusan Dan Penguatkuasaan</b>		
<b>Bahagian Penguatkuasaan</b>		
Penolong Pegawai Penguatkuasa (N32)	0	1
Penolong Pegawai Penguatkuasa (N27)	1	1
Pembantu Penguatkuasa (N22)	0	1
Pembantu Penguatkuasa (N17)	25	30
Pembantu Tadbir (N17)	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>27</b>	<b>34</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

Pada pendapat Audit, perancangan strategik Majlis adalah tidak memuaskan kerana pelaksanaan sistem *on-line* pendaftaran komputer dan sistem SPEKHA gagal dilaksanakan. Kes pelanggaran undang-undang juga tidak diambil tindakan.

### 30.2.5 Kaedah Pelaksanaan

Majlis telah melaksanakan perkhidmatan memproses permohonan lesen baru, permohonan membaharui lesen dan permohonan lesen sementara seperti berikut:

#### a) Memproses Permohonan Lesen Baru

- i) Semakan Audit terhadap 50 fail individu permohonan lesen mendapati semua permohonan tersebut disertakan dengan dokumen yang berkaitan dan menggunakan borang yang dibeli dari kaunter Unit Pelesenan. Seterusnya permohonan yang lengkap telah diproses dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelesenan Dan Kesihatan dan dikemukakan untuk keputusan Mesyuarat Penuh Majlis. Permohonan yang tidak lengkap telah dikembalikan dan permohonan bagi lesen yang sensitif akan dirujuk kepada jabatan teknikal untuk mendapatkan ulasan dan sokongan.
- ii) Semakan seterusnya mendapati surat-surat pemberitahu telah dihantar kepada pemohon tetapi kadar dan tempoh masa bayaran lesen tidak dinyatakan dalam surat yang dikeluarkan. Kelonggaran seperti ini boleh menyebabkan pelesen mengambil kesempatan untuk mengelak dari membuat pembayaran.

- iii) Unit Pelesenan bertanggung jawab memasukkan butiran maklumat pemohon lesen perniagaan yang telah diluluskan ke pengkalan data. Semakan Audit mendapati maklumat pemohon lesen perniagaan yang telah diluluskan pada tahun 2005 hingga 2007 telah dimasukkan ke pengkalan data lesen. Maklumat pelesen yang dimasukkan ialah nama pelesen, nombor kad pengenalan, alamat premis, nombor fail, nombor akaun, nama syarikat, jenis perniagaan dan kadar bayaran lesen yang dikenakan serta tarikh kelulusan. Unit Pelesenan tidak menyerahkan tuntutan bil bayaran lesen kepada pemohon sebaliknya bil dicetak jika pemohon ingin membuat pembayaran lesen. Bilangan pelesen baru yang telah dimasukkan adalah sebanyak 1,691 seperti di **Jadual 87**.

**Jadual 87**  
**Bilangan Lesen Yang Dikunci Masuk Dalam Komputer**

Tahun	Bilangan Lesen Yang Diakaunkan
2005	488
2006	542
2007	661
<b>Jumlah</b>	<b>1,691</b>

*Sumber: Majlis Perbandaran Kulai*

**b) Membaharui Lesen Yang Tamat Tempoh**

Mengikut Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan, Perindustrian dan Pekerjaan, Majlis Daerah Kulai, sesuatu lesen perniagaan akan tamat tempoh kuat kuasanya pada 31 Disember setiap tahun. Semakan Audit mendapati Majlis tidak mengeluarkan notis kepada pelesen yang telah tamat tempoh. Temu bual pihak Audit dengan pegawai Unit Pelesenan menyatakan permohonan membaharui lesen hanya diproses jika pemohon datang ke pejabat dan setelah menunjukkan lesen yang telah tamat tempoh atau memberi nombor akaun lesen, bil lesen yang baru akan dicetak untuk dibuat pembayaran. Semakan Audit seterusnya mendapati bilangan peniaga yang tidak membaharui lesen perniagaan telah meningkat dari 2,574 pelesen bagi tahun 2005 kepada 3,067 pelesen pada tahun 2007. Tindakan peniaga yang tidak membaharui lesen perniagaan boleh menyebabkan kekurangan hasil Majlis. Hasil lesen perniagaan dan hasil lesen papan iklan yang tidak dikutip kerana lesen tidak dibaharui bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah berjumlah RM2.67 juta seperti di **Jadual 88**.

**Jadual 88**

**Jumlah Hasil Lesen Perniagaan Yang Tidak Dikutip Kerana Lesen Tidak Dibaharui Mengikut Kawasan Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007**

Bil.	Kawasan	Tahun						Jumlah (RM)	
		2005		2006		2007			
		Lesen Perniagaan (RM)	Lesen Iklan (RM)	Lesen Perniagaan (RM)	Lesen Iklan (RM)	Lesen Perniagaan (RM)	Lesen Iklan (RM)		
1.	Senai	157,265	27,583	145,355	31,351	207,059	40,563	609,176	
2.	Seelong	4,190	685	3,420	969	3,895	3,059	16,218	
3.	Saleng	43,825	12,391	43,620	14,271	59,490	16,819	190,416	
4.	Kulai Besar	34,605	16,532	43,490	17,890	44,290	23,751	180,558	
5.	Kulai	222,170	54,025	214,730	56,985	291,381	82,502	921,793	
6.	Kota Kulai	70,025	14,871	65,805	16,149	102,585	16,600	286,035	
7.	Sengkang	4,440	123	3,140	151	3,660	220	11,734	
8.	Kelapa Sawit	44,720	10,438	40,395	8,469	64,707	13,423	182,152	
9.	Sedenak	1,640	540	1,205	541	1,910	590	6,426	
10.	Ayer Bemban	3,105	809	3,360	743	5,545	4,743	18,305	
11.	Bukit Batu	11,710	1,510	11,100	1,625	14,025	1,800	41,770	
12.	40 Rantai	310	3,611	0.00	3,827	1,125	5,463	14,336	
13.	Bandar Putra	17,575	11,813	11,785	4,691	33,755	11,909	91,528	
14.	Indah pura	13,005	33,331	8,730	2,476	25,495	13,586	96,623	
<b>Jumlah</b>		<b>628,585</b>	<b>188,262</b>	<b>596,135</b>	<b>160,138</b>	<b>858,922</b>	<b>235,028</b>	<b>2,667,070</b>	

*Sumber: Majlis Perbandaran Kulai*

### c) Memproses Permohonan Lesen Sementara

Tiap-tiap permohonan lesen sementara perlu menggunakan borang yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap 30 borang permohonan lesen sementara mendapati permohonan tersebut telah dibuat mengikut borang yang dikeluarkan oleh Unit Pelesenan dan disertakan dengan dokumen yang berkaitan. Permohonan telah dipertimbang dan diluluskan oleh Setiausaha Majlis. Bagaimanapun Majlis tidak memaklumkan kepada pemohon yang telah lulus kecuali pemohon ingin mengetahui status permohonan mereka. Selain itu, pihak Audit juga mendapati kelemahan seperti berikut:

- i) Pihak Majlis tidak menyelenggarakan daftar premis perniagaan baru, yang perlu dikeluarkan lesen sementara. Daftar premis adalah perlu untuk tujuan pengeluaran lesen sementara dan sambungan selepas tamat tempoh tiga bulan. Oleh itu Majlis tidak dapat menentukan bilangan sebenar peniaga yang boleh dikenakan lesen sementara.

- ii) Kadar bayaran lesen sementara telah ditetapkan sejumlah RM270. Setelah dibuat perbandingan dengan kadar lain-lain lesen perniagaan pihak Audit mendapatkan kadar ini terlalu tinggi untuk sesetengah perniagaan yang kecil dan baru memulakan perniagaan memandangkan tempoh kuat kuasanya selama tiga bulan sahaja.

**Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan adalah tidak memuaskan kerana berlaku peningkatan pelesen tidak membaharui lesen tamat tempoh dan Majlis tidak menyediakan daftar lesen sementara bagi premis perniagaan.**

#### **30.2.6 Keperluan Peralatan Dan Kenderaan**

Temu bual dengan pegawai Majlis mendapatkan peralatan dan kenderaan yang telah dibekalkan kepada Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan serta Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan telah diterima untuk kegunaan Jabatan. Semakan Audit mendapatkan jabatan yang menerima peralatan dan kenderaan tidak menyediakan daftar aset atau senarai inventori untuk menunjukkan penerimaannya telah dilakukan dengan sempurna. Jabatan telah dinasihatkan untuk menyediakan daftar aset atau senarai inventori mengikut peraturan. Antara kenderaan Majlis yang digunakan oleh Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan adalah seperti di **Foto 112**.

**Foto 112**  
**Kenderaan Majlis Yang Digunakan Oleh Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 5 Disember 2007

Lokasi: Majlis Perbandaran Kulai

**Pada pendapat Audit, pembekalan peralatan dan kenderaan kepada Jabatan Pelesenan dan Kesihatan dan Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan tidak memuaskan kerana tiada kawalan.**


### 30.2.7 Keperluan Modal Insan

Keperluan modal insan adalah perlu dilaksanakan bagi memastikan semua aktiviti yang terlibat dengan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Keperluan modal insan adalah meliputi keperluan guna tenaga dan latihan.

#### a) Guna Tenaga


Unit Pelesenan bertanggungjawab untuk menguruskan pengeluaran lesen perniagaan dan lesen papan iklan manakala Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan bertanggungjawab untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap semua aktiviti yang dijalankan oleh Majlis. Semakan Audit melalui perbandingan antara jawatan yang diluluskan dan pengisian jawatan di Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan dan Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan mendapati tiada berlaku kekosongan guna tenaga. **Carta 23** dan **Carta 24** menunjukkan carta organisasi Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan dan Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan.

**Carta 23**  
**Carta Organisasi Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan**



Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

**Carta 24**  
**Carta Organisasi Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan**



Sumber: Majlis Perbandaran Kulai

**b) Latihan**

Latihan berterusan perlu diberikan kepada semua kakitangan Majlis yang terlibat dengan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan untuk menambah tahap kecekapan dan pengetahuan. Semakan Audit mendapati dari tahun 2005 hingga 2007, Majlis tidak menyediakan rancangan latihan terutamanya berkaitan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan. Bagaimanapun, seramai 12 orang pegawai dan kakitangan Unit Pelesenan Majlis telah menghadiri kursus yang berkaitan pengurusan pelesenan bagi tempoh 2005 hingga 2007. Antaranya kursus yang melibatkan kebersihan, alam sekitar, pengendalian makanan dan integriti diri

serta komunikasi. Manakala pegawai dan kakitangan di Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan telah menghadiri kursus berkaitan dengan penguatkuasaan dan undang-undang, perundangan, pendakwaan dan integriti diri. Kursus yang dihadiri oleh kakitangan di unit berkenaan adalah anjuran Setiausaha Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) dan Firma Guaman Swasta. Semua kursus yang dihadiri oleh pegawai diluluskan oleh Ketua Jabatan.

**Pada pendapat Audit, keperluan guna tenaga dan latihan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah memuaskan kerana semua jawatan yang melibatkan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan telah diisi dan mereka telah diberi peluang menghadiri kursus.**

#### **30.2.8 Prestasi Kewangan**

Peruntukan kewangan untuk Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan berjumlah RM32.88 juta dan Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan berjumlah RM2.45 juta bagi tahun 2005 hingga 2007 telah diluluskan oleh Majlis dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati peruntukan kewangan telah diterima dan dibelanjakan mengikut butiran peruntukan yang diluluskan. Daripada jumlah yang diterima, sejumlah RM31.30 juta (95.2%) telah dibelanjakan oleh Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan dan sejumlah RM2.15 juta (87.8%) telah dibelanjakan oleh Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan. Prestasi perbelanjaan jabatan yang terlibat bagi tempoh 2005 hingga 2007 seperti di **Jadual 89**.

**Jadual 89  
Prestasi Kewangan Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Tahun	Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan			Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan		
	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
2005	9.90	9.78	98.8	0.90	0.70	77.8
2006	10.50	10.48	99.8	1.02	1.01	99.0
2007	12.48	11.04	88.5	0.53	0.44	83.0
<b>Jumlah</b>	<b>32.88</b>	<b>31.30</b>	<b>95.2</b>	<b>2.45</b>	<b>2.15</b>	<b>87.8</b>

*Sumber: Majlis Perbandaran Kulai*

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Majlis adalah baik.**

**Pada pendapat Audit secara keseluruhannya, pelaksanaan pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan adalah tidak memuaskan kerana peraturan premis perniagaan yang tidak dipatuhi, kelemahan melaksanakan perancangan strategik, berlaku kelewatan dalam memproses lesen baru dan peningkatan peniaga yang tidak**

membaharui lesen. Selain itu, keperluan peralatan tidak direkodkan dan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan tidak mencukupi.

### **30.2.9 Pemantauan dan Penguatkuasaan**

Pemantauan ialah satu aspek penting untuk memastikan pengurusan lesen premis dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sehubungan itu, pemantauan yang dirancang boleh dijalankan seperti berikut:

#### **a) Kawalan Pihak Berkuasa Negeri**

##### **i) Keputusan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Kesihatan**

Semakan Audit mendapati Majlis telah mematuhi arahan keputusan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Kesihatan dengan tidak mengeluarkan lesen premis perniagaan yang menjual CD, VCD, DVD, CD-ROM kepada peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan di pasar malam, kios, kaki lima kedai dan ruang perniagaan sementara di kompleks perniagaan kecuali di premis kekal seperti kedai, ruang niaga kompleks perniagaan dan *hypermarket*.

##### **ii) Operasi Bersepadu Penguatkuasaan**

Operasi Bersepadu Penguatkuasaan dilaksanakan oleh anggota Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan pihak Polis bertujuan bangunan haram, pencemaran alam sekitar dan kegiatan maksiat serta perjudian dapat dibanteras serta dihapuskan kepada sasaran sifar. Semakan Audit mendapati operasi bersepadu penguatkuasaan bersama Pasukan Petugas pernah dijalankan sebanyak dua kali dalam tempoh tahun 2005 hingga 2007. Operasi bersepadu yang dilaksanakan iaitu operasi merobohkan kilang *fiberglass* yang beroperasi di atas tanah Kerajaan bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar, kegiatan maksiat dan aktiviti perjudian yang diketuai oleh Penolong Tadbir Tanah Negeri. Selain itu, operasi membanteras murid ponteng sekolah di kawasan pusat membeli belah dan *internet cafe* dijalankan. Operasi ini diketuai oleh Pejabat Pendidikan Kulai dan dibantu oleh pihak Polis serta anggota penguatkuasaan Majlis.

#### **b) Kawalan Di Peringkat Majlis**

##### **i) Pembatalan Kelulusan Lesen**

Pada tahun 2005 hingga 2007, Majlis telah membuat keputusan membatalkan kelulusan lesen premis perniagaan kerana setiap perniagaan yang diberi lesen tetapi tidak menjalankan perniagaan akan dibatalkan jika ada aduan atau permohonan dibuat. Semakan Audit mendapati sebanyak 691 lesen telah dibatalkan kerana pelesen tidak menjalankan perniagaan dan berpindah ke premis lain. Senarai tersebut juga menunjukkan pelesen masih lagi berhutang dengan Majlis akibat bayaran lesen tidak dipungut semasa perniagaan masih dijalankan. Kerugian hasil lesen perniagaan yang tidak

dipungut mengikut senarai pembatalan adalah berjumlah RM0.35 juta dan bagi lesen papan iklan pula berjumlah RM0.03 juta.

**ii) Menyiasat Aduan Awam**

Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan telah menyediakan daftar aduan awam. Semakan Audit mendapati Jabatan ini telah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan awam sepanjang tahun 2005 hingga 2007. Siasatan melibatkan aduan salah laku premis perniagaan dan lain-lain masalah. Bagi tempoh tersebut Jabatan Undang-undang Dan Penguatkuasaan berjaya menyelesaikan aduan sebanyak 257 kes.

**iii) Kawalan Jawatankuasa**

**• Mesyuarat Penuh**

Kelulusan permohonan lesen hendaklah diputuskan dalam Mesyuarat Penuh Majlis. Pada tahun 2005 hingga 2007 Majlis telah mengadakan 36 kali Mesyuarat Penuh bagi mempertimbangkan permohonan lesen. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua.

**• Jawatankuasa Pelesenan Dan Kesihatan**

Semakan Audit terhadap keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Kesihatan mendapati pada tahun 2006 Majlis telah mengambil keputusan tidak mempertimbangkan pengeluaran lesen premis perniagaan arak runcit dan lesen *fun fair* bagi seluruh kawasan pentadbiran Majlis. Pengeluaran lesen tersebut tidak dipertimbangkan kerana pihak berkuasa Majlis telah memberi perhatian kepada masalah sosial yang berpunca dari minum arak dan perjudian di premis *fun fair*. Keadaan ini perlu dikawal untuk mengurangkan masalah sosial di kawasan pentadbiran Majlis.

**c) Penguatkuasaan Undang-undang**

**i) Rondaan Dan Pemeriksaan Premis**

Aktiviti rondaan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan perniagaan dapat beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati tugas rondaan dan pemeriksaan premis tidak dijalankan sendiri oleh Jabatan Pelesenan dan Kesihatan kerana tiada kakitangan yang khusus untuk melaksanakannya. Keperluan untuk menjalankan tugas penguatkuasaan lesen dan premis perniagaan telah dilaksanakan oleh anggota-anggota dari Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan. Mengikut manual Jabatan kakitangan yang sama dikehendaki juga menjalankan semua penguatkuasaan bagi semua Undang-undang Majlis yang tidak terhad kepada undang-undang dan peraturan pelesenan sahaja. Rekod penguatkuasaan pula menunjukkan kakitangan melaksanakan tugas harian

yang rutin iaitu menjalankan rondaan dan pemeriksaan premis jika ada aduan diterima.

**ii) Pengeluaran Notis Kompaun**

Notis tawaran kompaun telah dikeluarkan oleh Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan. Semakan Audit terhadap daftar notis kompaun mendapati daftar tidak diselenggarakan bagi merekodkan notis tawaran kompaun yang dikeluarkan bagi tahun 2005 dan 2006. Seterusnya, notis tawaran kompaun yang telah dikeluarkan pada tahun 2007 sebanyak 798 notis yang bernilai RM0.22 juta masih belum dijelaskan kerana susulan tidak dibuat dalam tempoh dua minggu selepas notis dikeluarkan. Kelewatan mengambil tindakan susulan menyebabkan bayaran kompaun tidak dapat dipungut.

**iii) Penguatkuasaan Undang-undang Dan Peraturan**

Aktiviti penguatkuasaan perlu dilaksanakan dengan teliti dari semasa ke semasa bagi memastikan perniagaan beroperasi secara sah tanpa melanggar peraturan atau undang-undang yang ditetapkan. Lawatan Audit bersama pegawai pelesenan ke 45 premis perniagaan mendapati 20 pemilik atau wakil tidak dapat mengemukakan lesen perniagaan yang sedang dijalankan di premis masing-masing. Pihak Majlis mengakui lesen tidak dapat dikeluarkan kerana kebanyakan premis tidak mematuhi syarat Majlis. Daripada jumlah premis yang tidak berlesen terdapat sebuah premis telah menjalankan perniagaan melebihi 8 tahun. Mengikut perkiraan Audit jumlah bayaran lesen perniagaan tersebut untuk tahun 2007 yang tidak dikutip sejumlah RM9,030. Premis perniagaan yang tidak mempunyai lesen adalah seperti di **Foto 113** dan **Foto 114**.

**Foto 113**  
**Perniagaan Makanan Tanpa Lesen**




Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 5 Disember 2007

Lokasi: Premis Makanan Di Kompleks Perniagaan Kulai

**Foto 114**  
**Perniagaan Urut Tradisional Tanpa Lesen**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 4 Disember 2007

Lokasi: Taman Sri Kulai, Kulai

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan Majlis adalah tidak memuaskan kerana Majlis kurang mengadakan operasi bersepadu, terdapat kerugian hasil melalui pembatalan kelulusan lesen, tiada tindakan susulan bagi mengutip kompaun terhadap notis kompaun yang dikeluarkan dan peniaga menjalankan perniagaan tanpa lesen.

### 31. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan bagi premis perniagaan di Majlis Perbandaran Kulai adalah tidak memuaskan kerana permohonan lesen perniagaan baru yang sensitif telah diproses melebihi tempoh masa yang ditetapkan serta Majlis kurang memberi perhatian terhadap lesen yang telah tamat tempoh supaya diperbaharui. Bilangan premis yang tidak membaharui lesen dalam tempoh tiga tahun menunjukkan peningkatan, manakala sasaran yang ditetapkan untuk pemeriksaan lesen perniagaan dan pengeluaran notis di bawah undang-undang masih belum tercapai sepenuhnya. Kelemahan penguatkuasaan pula menyebabkan terdapat banyak premis perniagaan melanggar undang-undang dan peraturan termasuk bermiaga tanpa lesen. Bagi memperbaiki keadaan ini adalah disyorkan supaya Majlis mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- a) Undang-undang Pelesenan perlu dikaji semula dan dipinda di mana perlu bagi menyesuaikannya dengan keadaan semasa.
- b) Peniaga perlu diberi bimbingan dan khidmat nasihat mengenai pematuhan syarat-syarat pelesenan dengan lebih kerap.

- c) Premis perniagaan barang Iusuh yang berada di petempatan yang tidak sesuai perlu diarah berpindah ke kawasan perindustrian.
- d) Mewajibkan pengguna-pengguna lebuh awam yang memenuhi syarat mengambil Permit Sementara Lebuh Awam.
- e) Majlis perlu mengkaji sama ada lesen perniagaan boleh diluluskan kepada setiap pengusaha menjalankan perusahaan burung walit sebagai langkah kawalan.
- f) Majlis perlu mengkaji sama ada OSC boleh ditubuhkan untuk pengurusan pelesenan supaya piagam pelanggan Majlis dapat dicapai.
- g) Majlis perlu menjalankan pemeriksaan lesen perniagaan mengikut sasaran yang telah ditetapkan bagi meningkatkan prestasi pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan dengan lebih kerap.
- h) Majlis perlu melaksanakan sistem pengurusan berkomputer seperti yang dirancang supaya pengurusan pelesenan dapat beroperasi dengan lebih efisien.
- i) Sesuatu perancangan perlu dibuat dengan lebih teliti dan mengikut prosedur kewangan bagi mengelak pembaziran.
- j) Majlis hendaklah menyediakan daftar lesen sementara sebagai kawalan.
- k) Majlis perlu menyediakan daftar aset untuk mengawal pergerakan aset tersebut.
- l) Dari semasa ke semasa Majlis perlu menggerakkan Pasukan Petugas yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri mengikut Pelan Tindakan Gerakan Bersepadu.
- m) Jabatan Pelesenan dan Kesihatan hendaklah melantik anggota dan kakitangan yang khusus untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan.
- n) Rondaan ke premis perniagaan hendaklah dijalankan dengan lebih kerap bagi memantau peniaga dari menjalankan perniagaan tanpa lesen dan mematuhi syarat yang ditetapkan.
- o) Notis hendaklah dicetak dan disampaikan kepada pelesen supaya dapat membaharui lesen pada masa yang dibenarkan.
- p) Pihak pengurusan Majlis perlu sentiasa tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan dengan mengambil tindakan mengikut undang-undang atau peraturan berkaitan pelesenan supaya peniaga lebih bertanggung jawab untuk mematuhi semua peraturan pelesenan yang ditetapkan.

**BAHAGIAN II**  
**PERKARA AM**

**32. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan pada awal bulan April 2008. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini.

**33. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006**

**33.1 PEJABAT TANAH MUAR DAN PEJABAT TANAH KOTA TINGGI - Pengurusan Pengambilan Tanah Dan Penggunaannya**

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
5.2.2(a)(ii)	<b>Tempoh Memproses Permohonan</b> Akta Pengambilan Tanah 1960 tidak menetapkan tempoh untuk proses pengambilan tanah. Semakan Audit terhadap 17 permohonan di Pejabat Tanah Muar mendapati proses pengambilan tanah hingga pemilikan rasmi mengambil masa antara 12 hingga 61 bulan. Proses ini termasuk proses sebelum pewartaan yang mengambil masa antara 4 hingga 50 bulan.	Pejabat Tanah Muar telah menetapkan tempoh untuk setiap proses pengambilan tanah di dalam Piagam Pelanggan Pengambilan Balik Tanah.	Usaha Pejabat Tanah menetapkan tempoh bagi setiap proses adalah baik kerana tempoh proses permohonan dapat dipendekkan.

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
5.2.2(b)	<p><b>Bayaran Pampasan Melebihi Harga Nilaian</b>            Bayaran pampasan terhadap 8 pengambilan tanah di Pejabat Tanah Muar adalah melebihi harga nilaiyan yang diberi oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) antara 5% hingga 74% iaitu daripada sejumlah RM11,680 hingga RM651,140. Selain itu, nota siasatan terlalu ringkas.</p> <p>Di Pejabat Tanah Kota Tinggi, bayaran pampasan terhadap tanah di Mukim Sedili iaitu PTD 924 dengan keluasan 0.601 hektar telah melebih nilaiyan dengan sejumlah RM122,941. Selain itu, nota siasatan adalah terlalu ringkas.</p>	<p>Isu bayaran pampasan bagi satu kes pengambilan tanah untuk tujuan Tapak Sistem Dan Perkhidmatan Pembetungan Jalan Sialang, Tangkak telah selesai kerana penilaian oleh JPPH tidak mengambil kira nilai satu lot yang telah diambil. Manakala bagi 7 lagi pengambilan tanah, Pejabat Tanah Muar tidak memberi maklum balas mengenai isu bayaran pampasan tanah yang telah dibuat.</p> <p>Bayaran pampasan yang lebih tinggi ini masih dalam siasatan pihak Badan Pencegah Rasuah. Manakala bagi kes pengambilan tanah yang baru, nota siasatan yang digunakan adalah lebih sistematik dan terperinci.</p>	<p>Pejabat Tanah tidak memberi maklum balas terhadap 7 pengambilan tanah yang lebih tinggi dari harga nilaiyan kerana tiada catatan dalam nota siasatan. Pejabat Tanah perlu memastikan nota siasatan dilengkapkan dengan maklumat yang dikehendaki untuk pengambilan tanah masa depan. Tujuh kes ini akan disusuli dalam Laporan Audit Tahun 2008.</p> <p>Nota siasatan bagi pengambilan tanah yang baru adalah lebih terperinci dan sistematik seperti syor Audit.</p>
5.2.2(b)(iii)	<p><b>Caj Bayaran Lewat Belum Dibayar</b>            Seramai 1,013 pemilik tanah Projek Muar By Pass belum dibayar caj bayaran lewat yang dianggarkan berjumlah RM1.85 juta. Manakala kesemua pemilik tanah projek Lenga By Pass belum dibayar caj bayaran lewat yang dianggarkan berjumlah RM33,387.</p> <p>Di Pejabat Tanah Kota Tinggi, caj bayaran lewat tidak dijelaskan kepada 7 pemilik tanah berjumlah RM8989.</p>	<p>Caj bayaran lewat telah dijelaskan.</p> <p>Caj bayaran lewat telah dijelaskan.</p>	<p>Kes-kes ini selesai. Tindakan segera diambil oleh Pejabat Tanah untuk membayar caj bayaran lewat perlu diteruskan. Bagaimanapun, Pejabat perlu mengambil tindakan untuk memastikan pengambilan tanah dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan untuk mengelakkan pembayaran caj bayaran lewat.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
5.2.4	<p><b>Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah Dan Daftar Bayaran Pampasan</b></p> <p>Pejabat Tanah Muar tidak menyelenggarakan Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah dan Daftar Bayaran Pampasan. Manakala Daftar berkaitan yang diselenggarakan oleh Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah tidak lengkap dan kemas kini.</p>	<p>Kedua-dua Daftar ini telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini oleh Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi.</p>	<p>Kes ini selesai. Penyelenggaraan daftar adalah baik kerana memudahkan rujukan mengenai kemajuan pengambilan tanah pada bila-bila masa.</p>

### 33.2 JABATAN PERTANIAN NEGERI Johor - Program Pembangunan Industri Makanan

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
10.2.2	<p><b>Pengurusan Perladangan Berkelompok</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 70 daripada 84 Perladangan Berkelompok tidak mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Berkelompok .</p>	<p>Jawatankuasa berkenaan telah ditubuhkan.</p>	<p>Pengurusan Perladangan Berkelompok akan dapat dipertingkatkan lagi dengan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Berkelompok yang beroperasi sebagaimana dikehendaki.</p>
10.2.3	<p><b>Pencapaian Sasaran Program</b></p> <p>Pencapaian sasaran program adalah tidak memuaskan kerana Jabatan gagal mencapai sasaran kuantiti pengeluaran bagi semua jenis tanaman. Ini menyebabkan sasaran pendapatan juga tidak dapat dicapai.</p>	<p>Jabatan telah memaklumkan antara sebab utama sasaran program tidak dapat dicapai adalah disebabkan faktor luaran seperti bencana alam, harga pertanian dan serangan penyakit serta saiz tanah yang tidak ekonomik. Jabatan akan mengukuhkan sistem penyampaian melalui khidmat pengembangan yang lebih mantap agar dapat mengubah sikap petani ke arah pertanian komersial. Sementara itu, Jabatan telah memohon tambahan peruntukan dan pada tahun 2008 Jabatan telah memperoleh tambahan peruntukan berjumlah RM100,000</p>	<p>Dengan tambahan peruntukan yang diperoleh, Jabatan perlu mempertingkatkan sistem penyampaian khususnya mengenai aktiviti pengembangan yang lebih mantap bagi memastikan sasaran program dapat dicapai.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
		untuk tujuan aktiviti pengembangan.	
10.2.4(b)(i)	<b>Masalah Tapak Projek</b> Lawatan Audit mendapati 5 Perladangan Berkelompok bagi projek buah-buahan tidak dapat meneruskan projek kerana masalah tapak seperti status tanah, penyewaan tanah, tanah tidak subur dan kawasan rendah serta sering dilanda banjir.	Jabatan telah melaksanakan penapisan permohonan projek dengan lebih ketat. Kelulusan akan diberi oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat peringkat negeri dan bukannya di peringkat daerah.	Pelaksanaan aktiviti penanaman buah-buahan dijangka akan lebih berkesan kerana Jabatan telah melaksanakan penapisan permohonan projek dengan lebih ketat di peringkat Ibu Pejabat.
10.2.4(c)(i)	<b>Sistem Pengairan Yang Dibekalkan Rosak</b> Sistem pengairan yang dibekalkan untuk projek sayuran di Perladangan Berkelompok Kampung Parit Sialang, Muar tidak berfungsi kerana telah rosak dan pecah. Ini menjelaskan pembekalan air ke kawasan tersebut.	Sistem bekalan ini telah diperbaiki dan dapat digunakan sepenuhnya.	Isu ini selesai. Aktiviti tanaman sayur-sayuran telah dapat dilaksanakan dengan baik kerana sistem pengairan telah dibaiki.
10.2.5	<b>Pemilihan Kawasan Dan Pengusaha</b> Pemilihan kawasan dan pengusaha adalah tidak memuaskan kerana maklumat siasatan terhadap kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan tidak dikemukakan untuk pengesahan Audit.	Jabatan telah mengambil tindakan untuk memastikan sebelum satu-satu projek diluluskan, Ibu Pejabat akan membuat siasatan ke atas cadangan projek yang dikemukakan oleh pihak daerah. Laporan siasatan akan dibentangkan oleh pemeriksa projek semasa mesyuarat Jawatankuasa di peringkat Ibu Pejabat untuk kelulusan.	Pemilihan kawasan adalah memuaskan kerana Ibu Pejabat akan membuat siasatan ke atas cadangan projek yang dikemukakan oleh pihak daerah dan akan dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa di peringkat Ibu Pejabat untuk kelulusan.
10.2.6(a)(i)	<b>Kelewatan Bekalan Benih Tisu Didik Pisang</b> Kelewatan bekalan benih tisu didik pisang telah menyebabkan Jabatan terpaksa mengambil tindakan menggantikannya dengan benih pisang sulur. Tindakan yang diambil ini seperti menggalakkan petani mengulangi tanaman cara lama dan tidak mengikut teknologi terkini.	Jabatan telah menambah pembekalan di mana Kerajaan Negeri telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan sebuah syarikat untuk membekal benih tisu didik pisang.	Jabatan perlulah memastikan bekalan tisu benih pisang sentiasa mencukupi kepada petani.

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
10.2.6(a)(ii)	<p><b>Kelewatan Bekalan Benih Kelapa MATAG</b>            Semakan Audit mendapati kesemua benih kelapa yang diperlukan untuk tahun 2005 dan 2006 belum dibekalkan oleh pembekal tunggal dari negeri Perak.</p>	Jabatan telah mendapat bekalan tambahan daripada sebuah syarikat pembekal lain tetapi masih belum mencukupi sepenuhnya kerana pembekal ini juga turut membuat pembekalan ke seluruh negara.	Bekalan benih kelapa Matag masih belum memuaskan kerana bekalan masih belum mencukupi sepenuhnya. Jabatan perlu memastikan masalah ini dapat diatasi supaya tidak menjaskan pencapaian sasaran yang ditetapkan.
10.3.3	<p><b>Sistem Pemantauan Berkomputer Projek</b>            Semakan Audit mendapati ada Perladangan Berkelompok yang tidak mempunyai Borang Sistem Pemantauan Berkomputer Projek atau Borang berkenaan tidak dapat disemak atau tidak lengkap.</p>	Sistem Pemantauan Berkomputer projek telah beroperasi dengan baik dan kemas kini di mana Perladangan Berkelompok telah mengisi borang berkaitan.	Isu ini selesai kerana Sistem Pemantauan Berkomputer Projek telah beroperasi dengan baik dan teliti.

### 33.3 YAYASAN PELAJARAN JOHOR - Pengurusan Pinjaman Pelajaran

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
15.2.3(b)	<p><b>Syarat Permohonan</b>            Yayasan telah menetapkan taraf pengajian tertinggi pemohon yang layak mendapat pinjaman pelajaran yayasan ialah ijazah. Bagaimanapun semakan Audit mendapati Yayasan telah meluluskan permohonan pinjaman untuk pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah lanjutan/sarjana dan juga ijazah doktor falsafah. Yayasan perlu mewujudkan satu dasar baru mengenai kelulusan pemberian pinjaman pelajaran bagi peringkat pengajian tersebut.</p>	Lembaga Pengarah Yayasan telah meluluskan dasar pemberian bantuan pinjaman di peringkat ijazah lanjutan/sarjana dan doktor falsafah semasa mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2007.	Isu ini selesai.
15.2.3(c)	<p><b>Kadar Pinjaman Pelajaran</b>            Pihak Audit tidak dapat menentukan kadar pinjaman terhadap 4 pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah lanjutan kerana tiada dasar Yayasan mengenainya.</p>	Lembaga Pengarah Yayasan telah meluluskan kadar pemberian bantuan pinjaman di peringkat ijazah lanjutan/sarjana dan doktor falsafah semasa mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2007.	Isu ini selesai. Tindakan Yayasan meluluskan kadar pemberian bantuan pinjaman di peringkat ijazah lanjutan/sarjana dan doktor falsafah akan dapat membantu Yayasan dalam merancang dan menguruskan pemberian pinjaman pelajaran dengan lebih cekap dan

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
15.2.3(d)(i) v)	<p><b>Kelulusan Pemberian Pinjaman Tanpa Dasar</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Yayasan telah meluluskan pinjaman kepada 14 orang pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara bagi tempoh 2004 hingga 2006 walaupun dasar untuk menghantar pelajar ke luar negara telah dibekukan pada tahun 1998.</p>	Lembaga Pengarah Yayasan telah meluluskan dasar untuk menghantar pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara semasa mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2007.	Isu ini selesai. Yayasan telah melaksanakan semula dasar untuk menghantar pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara selaras dengan keperluan dan permintaan daripada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara.
15.2.10(b)	<p><b>Sumber Kewangan</b></p> <p>Kegagalan Syarikat YPJ Holdings Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari Yayasan, menjelaskan bayaran faedah atas pinjaman daripada Yayasan secara konsisten kepada Yayasan menjelaskan kedudukan kewangan Tabung Kebajikan dan Pelajaran yang merupakan dana pemberi pinjaman pelajaran. Ini disebabkan Yayasan gagal menyediakan jadual bayaran balik pinjaman dan faedah kepada syarikat subsidiari tersebut.</p> <p>Semakan Audit juga mendapati Yayasan mempunyai tanggungan untuk menjelaskan bayaran ansuran pendahuluan yang diberi oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1983 hingga 1987 berjumlah RM5.52 juta. Sehingga akhir tahun 2006, baki pendahuluan yang masih belum dibayar berjumlah RM3.31 juta.</p>	<p>Yayasan telah memaklumkan bahawa surat mengandungi jadual bayaran balik pinjaman dan faedah yang dikenakan telah dihantar kepada Syarikat subsidiari berkenaan. Bagaimanapun, surat berkenaan masih tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan Audit semasa pemeriksaan susulan dijalankan.</p> <p>Pemeriksaan susulan pada awal bulan April 2008 mendapati Yayasan masih belum membayar sepenuhnya tunggakan pendahuluan kepada Kerajaan Negeri tetapi baki telah berkurangan menjadi RM2.7 juta pada 1 April 2008.</p>	<p>Yayasan telah mengambil langkah yang sewajarnya sebagaimana teguran Audit bagi memastikan syarikat subsidiari Yayasan menjelaskan bayaran faedah atas pinjaman daripada Yayasan secara konsisten.</p> <p>Bayaran ansuran yang perlu dijelaskan kepada Kerajaan Negeri juga telah berkurangan sejumlah RM0.61 juta daripada RM3.31 juta kepada RM2.7juta.</p>
15.3.1	<p><b>Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah</b></p> <p>Semakan Audit mendapati ahli Lembaga Pengarah tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan dalam enakmen penubuhannya iaitu 2 kali setahun.</p>	Pemeriksaan susulan mendapati Yayasan hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2007 iaitu pada bulan Mei 2007.	Yayasan masih tidak dapat melaksanakan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah mengikut seperti yang ditetapkan dalam Enakmen penubuhannya iaitu 2 kali setahun. Yayasan perlu merancang dan memastikan pematuhan terhadap kehendak Enakmen.

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
15.3.2	<p><b>Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun</b>            Semakan Audit mendapati Yayasan masih belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun sehingga bulan Disember 2006 walaupun telah ditegur semasa pengauditan pengurusan kewangan pada tahun 2004.</p>	<p>Yayasan telah memaklumkan bahawa mesyuarat ahli Lembaga Pengarah yang diadakan pada bulan Mac 2005 telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun. Pemeriksaan susulan masih mendapati tiada mesyuarat diadakan sehingga awal bulan April 2008 kerana tiada minit mesyuarat dapat dikemukakan untuk pengesahan Audit. Pihak Yayasan tidak dapat memberi sebarang penjelasan berhubung dengan perkara ini.</p>	<p>Yayasan perlu memastikan Jawatankuasa yang ditubuhkan berfungsi sepenuhnya mengikut tujuan penubuhannya.</p>

### 33.4 MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT - Kemudahan Riadah Dan Taman

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
20.2.1	<p><b>Undang-undang, Peraturan Dan Garis Panduan</b>            Semakan Audit mendapati hanya 4 daripada 231 lot tanah yang dirizabkan untuk membangunkan taman-taman permainan diwartakan.</p>	<p>Majlis masih dalam tindakan dan berurusan dengan Pejabat Tanah Daerah untuk mewartakan 227 lot tanah berkaitan.</p>	<p>Tindakan ini perlulah disegerakan kerana melibatkan isu perundangan.</p>
20.2.2	<p><b>Pelan Induk Lanskap</b>            Majlis telah melaksanakan pembangunan kemudahan riadah dan taman di kawasan pentadbirannya tanpa menyediakan pelan induk yang tersusun dan terperinci.</p>	<p>Draf Pelan Induk Lanskap Majlis dijangka siap tempoh 18 bulan (Julai 2007 hingga Disember 2008). Draf tersebut sedang diteliti dan dikaji oleh Jawatankuasa Teknikal.</p>	<p>Kajian ini adalah baik dan menepati Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat bagi tempoh 2002 hingga 2020.</p>

No. Perenggan	Isu Berbangkit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 April 2008	Ulasan Audit
20.2.8	<b>Tempat Penyimpanan</b> Semakan Audit mendapati tempat penyimpanan adalah tidak memuaskan kerana Majlis Perbandaran Batu Pahat tidak menyediakan Daftar Inventori untuk mengawal penerimaan dan pengeluaran keperluan landskap, tiada tindakan pelupusan, tempat penyimpanan tidak selamat serta susunan barang-barang tidak kemas dan teratur.	Majlis telah mengambil tindakan untuk menyediakan Daftar Inventori bagi mengawal peralatan landskap. Segala penerimaan dan pengeluaran peralatan baru landskap yang dibeli telah didaftarkan. Tindakan masih dijalankan secara berterusan untuk merekodkan peralatan landskap lama dan menyusun tempat penyimpanan supaya kemas dan teratur.	Isu ini selesai. Daftar yang diselenggarakan adalah baik dan perlu diteruskan.
20.2.9	<b>Program Penyenggaraan</b> Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan satu jadual lawatan dan penyenggaraan terhadap alat permainan yang terdapat di taman-taman secara berkala.  Lawatan Audit ke Taman Tasik Y, Taman Industri Sri Sulung, Taman Maju dan Laman Tepian Sungai Senggarang mendapati beberapa kemudahan yang disediakan telah rosak.	Jadual penyenggaraan telah disediakan oleh pihak kontraktor yang dilantik seperti mana yang dinyatakan dalam syarat kontrak.  Pemeriksaan susulan pada awal bulan April 2008 mendapati kerosakan berkaitan telah dibaiki atau diganti.	Langkah menyediakan Jadual Penyelenggaraan perlu diteruskan bagi memastikan peralatan yang disediakan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
20.3.5	<b>Aduan Awam</b> Semakan Audit mendapati rekod aduan sebenar tidak dapat dipastikan kerana aduan yang belum diambil tindakan tidak direkodkan dalam daftar aduan.	Daftar Aduan Awam telah dilengkapkan dan dikemaskinikan.	Isu ini selesai dan tindakan ini perlu diteruskan.

#### 34. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI JOHOR

Mengikut Seksyen 16 (2) Akta Prosedur Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2005 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 15 November 2007. Manakala Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2006 dibentangkan pada 19 Jun 2008.

### 35. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI JOHOR

**35.1** Sehingga akhir tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor (Jawatankuasa) masih lagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 hingga 2005. Sebanyak 3 kali mesyuarat telah diadakan pada tahun 2007. Pada tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor tidak turut membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 yang telah ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 23 Julai 2007 kerana laporan berkenaan hanya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada bulan Jun 2008. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2007 mengenai isu-isu pelaksanaan aktiviti dan program Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 90**.

**Jadual 90**

**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor Pada Tahun 2007**

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
8.2.2007	i) Pejabat Daerah Batu Pahat dan Pejabat Daerah Segamat ii) Pejabat Perhutanan Negeri Johor iii) Majlis Perbandaran Muar iv) Yayasan pelajaran Johor v) Pejabat Daerah Johor Baru vi) Setiausaha Kerajaan Cawangan Pentadbiran vii) Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	i) Pembinaan dan Pengurusan Kemudahan Awam di Mukim-mukim ii) Pengurusan Pembalakan di Negeri Johor iii) Pembinaan dan Pengurusan Gerai iv) Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan dan Penggunaan dan Pengurusan Tanah Kurnia v) Pengurusan Lesen dan Permit Hiburan vi) Pengurusan Rumah Kerajaan vii) Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Johor
1.3.2007	-	Membincangkan Penyata Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 dan 2004 untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri
11.12.2007	-	Membincangkan Laporan Audit Tahun 2005 untuk memilih Jabatan/Agensi tertentu dipanggil untuk pemeriksaan

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor

**35.2** Penyata Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kerajaan Negeri Johor Tahun 2003 Dan 2004 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor pada 19 Mac 2007. Penyata berkenaan mengandungi syor, cadangan dan keputusan Jawatankuasa berhubung dengan pemeriksaan Laporan Ketua Audit Negara berkaitan.

## **PENUTUP**

Pada prinsipnya, Kerajaan Negeri telah mewujudkan dasar, undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk memastikan pelaksanaan aktiviti dan program dibuat dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Sungguhpun demikian, secara keseluruhannya pengauditan terhadap aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri masih wujud kelemahan dari segi pelaksanaan dan pemantauan. Tahap pencapaian aktiviti dan program masih belum tercapai kerana masih terdapat kelemahan yang ketara jika dibandingkan dengan teguran yang terkandung dalam Laporan-laporan Ketua Audit Negara. Laporan ini telah membangkitkan isu-isu pelaksanaan perolehan, pengurusan projek, kerja tidak mengikut spesifikasi dan pencapaian matlamat program/aktiviti. Kelemahan ini wujud adalah disebabkan kelemahan pemantauan yang tidak konsisten, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, kekurangan guna tenaga dan latihan serta tiada budaya penyenggaraan telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam.

Sungguhpun pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap teguran pihak Audit namun masih ada sebahagian daripadanya yang masih belum ditangani. Pegawai pengawal adalah disyorkan menjalankan siasatan dan pemeriksaan menyeluruh bagi menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di tempat lain atau bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**20 Jun 2008**

